



Memperkasa Perniagaan


Laporan Tahunan 2012

Ekuiti Nasional Berhad (868265-U)

Aras 13, Surian Tower
No. 1, Jalan PJU 7/3
Mutiara Damansara
47810 Petaling Jaya
Selangor

T: +603 7710 7171
F: +603 7710 7173

www.ekuinas.com.my



Memperkasa Perniagaan

Dalam arena perniagaan yang kompetitif, wawasan, strategi dan pelaksanaan merupakan komponen penting bagi mana-mana organisasi yang bertekad untuk mencapai kejayaan. Dengan berpaksikan prinsip ini, Ekuinas telah ditubuhkan sebagai instrumen dasar yang mesra-pasaran untuk mentransformasi entiti-entiti Malaysia bersaiz sederhana yang berpotensi tinggi menjadi syarikat-syarikat terkemuka. Tema tahun ini digambarkan melalui ikon-ikon bagi pelbagai sektor perniagaan yang kini sedang menjalani proses transformasi tersebut.

Visi

Syarikat

Untuk menjadi syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian bertaraf dunia

Misi

Syarikat

Untuk melahirkan generasi syarikat peneraju Malaysia yang seterusnya, di samping menggalakkan penglibatan Bumiputera dalam ekonomi yang saksama, efektif dan mampan.

Nilai-Nilai

Syarikat

Didorong Secara Komersial

Kami mengamalkan disiplin komersial yang tinggi untuk mewujudkan nilai

Prestasi Tinggi

Kami sentiasa berusaha untuk mencapai lebih daripada sasaran

Berdasarkan Merit

Kami mengiktiraf dan memberi ganjaran hanya berdasarkan prestasi

Bersemangat

Kami bersemangat dalam menjalankan tugas kami untuk mencapai lebih daripada yang diharapkan

Fokus

Kami sentiasa fokus dalam usaha untuk mencapai objektif kami

Rendah Diri

Kami berpegang teguh kepada asal usul kami

KANDUNGAN

TINJAUAN

- 2** Profil Korporat
- 15** Struktur Korporat
- 16** Maklumat Korporat
- 17** Peristiwa Penting Korporat
- 18** Sorotan Peristiwa 2012 Di Ekuinas
- 20** Maklumat Penting Kewangan
- 24** Sorotan Kewangan 3 Tahun
- 28** Perutusan Pengerusi
- 32** Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

TADBIR URUS KORPORAT

- 100** Penyata Tadbir Urus Korporat
- 116** Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
- 124** Laporan Jawatankuasa Audit
- 130** Dasar Pendedahan
- 132** Tanggungjawab Sosial Korporat

ORGANISASI

- 46** Struktur Organisasi
- 48** Lembaga Pengarah
- 56** Pengurusan Kanan
- 59** Pengurusan Lain
- 60** Kumpulan Pelaburan

PENYATA KEWANGAN

- 140** Laporan Portfolio
- 151** Ekuiti Nasional Berhad
- 178** E-Cap (Internal) One Sdn Bhd
- 212** E-Cap (Internal) Two Sdn Bhd
- 240** E-Cap (External) One Sdn Bhd

OPERASI & PRESTASI

- 64** Ulasan Prestasi Pelaburan
- 82** Syarikat-Syarikat Portfolio

MAKLUMAT-MAKLUMAT LAIN

- 269** Apa itu Ekuiti Persendirian?
- 270** Glosari Terma Lazim dalam Ekuiti Persendirian
- 271** Direktori Kumpulan
- 272** Senarai Semakan Serahan Cadangan Perniagaan

PROFIL KORPORAT

LATARBELAKANG

Ekuiti Nasional Berhad, atau Ekuinas, adalah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada 1 September 2009 dengan matlamat untuk menubuhkan syarikat-syarikat peneraju generasi baru di Malaysia serta menggalakkan pegangan ekuiti dan penglibatan Bumiputera di dalam sektor ekonomi.

Bagi Ekuinas, Kerajaan Malaysia telah menyediakan dana permulaan sebanyak RM500 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan sebanyak RM4.5 bilion lagi di bawah Rancangan Malaysia ke-10. Dana yang berbentuk geran disimpan di dalam tabung amanah Yayasan Ekuiti Nasional (YEN) yang diwujudkan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam ekonomi Malaysia secara saksama.

Dana yang diperuntukkan di bawah YEN disalurkan kepada Ekuinas Capital Sdn Bhd, atau Ekuinas Capital, yang berperanan sebagai syarikat permodalan yang dilantik. Ekuinas pula berfungsi sebagai firma ekuiti

persendirian yang bertanggungjawab mengurus dana yang diperuntukkan dan entiti di mana pihak pengurusan ditempatkan (Lihat Rajah 1).

Kedua-dua syarikat Ekuinas dan Ekuinas Capital adalah anak syarikat milik penuh YEN dan dengan itu, Ekuinas sentiasa berusaha untuk mencapai misi menggalakkan penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama, berkesan dan berkekal dengan memenuhi objektif-objektif kewangan dan sosial.



Ekuinas menjalankan dua operasi pelaburan serentak iaitu:

- Pelaburan Langsung – di mana Ekuinas memperoleh saham secara langsung di dalam syarikat-syarikat berpotensi tinggi; dan
- Program Penyumberan Luar – di mana Ekuinas melantik pengurus dana ekuiti pihak ketiga untuk mengurus dana yang diperuntukkan dan membuat pelaburan bagi pihak Syarikat.

Rajah 1: Struktur Ekuinas



YAYASAN EKUITI NASIONAL: LEMBAGA PEMEGANG AMANAH



Ahli Lembaga Amanah YEN terdiri daripada:-

1. **YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak**
Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
2. **YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin**
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran;
3. **YB Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop**
Menteri di Jabatan Perdana Menteri;
4. **YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed**
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
5. **YB Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah**
Menteri Kewangan (II);
6. **YBhg Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan/Kementerian Kewangan; dan
7. **YBhg Datuk Dr Rahamat Bivi binti Yusoff**
Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

PROFIL KORPORAT

OBJEKTIF

EkuiNAS adalah sebuah syarikat yang didorong secara komersial dengan objektif utamanya untuk meningkatkan pulangan kewangan bagi aktiviti pelaburannya. Syarikat telah menetapkan sasaran Kadar Pulangan Dalam (IRR) minima sebanyak 12% setahun di dalam portfolio pelaburannya dan berazam untuk menjana secara purata 20% IRR di dalam keseluruhan portfolio pelaburan.

EkuiNAS percaya bahawa agenda sosial hanya boleh dicapai melalui disiplin kewangan yang tinggi.

Sebagai sebuah syarikat ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, EkuiNAS juga mempunyai objektif sosial iaitu untuk meningkatkan pegangan ekuiti Bumiputera di dalam

ekonomi Malaysia. Bagi memastikan kesan yang berkekalan, EkuiNAS komited dalam usaha mencapai matlamatnya secara mesra-pasaran, berdasarkan merit dan telus.

Menerusi aktiviti pelaburannya, EkuiNAS berhasrat menggalak dan meningkatkan pegangan ekuiti Bumiputera di dalam ekonomi Malaysia menerusi empat dimensi utama:-

- Meningkatkan pemilikan ekuiti korporat;
- Meningkatkan penyertaan pengurusan dan keusahawanan;
- Meningkatkan peluang pekerjaan yang bermakna; dan
- Memperbaiki rantaian bekalan.

Rajah 2: Objektif Pelaburan yang Jelas – Objektif Kewangan dan Sosial yang Seimbang

OBJEKTIF KEWANGAN	OBJEKTIF SOSIAL
<p>Mewujudkan nilai secara berkekalan menerusi keuntungan komersial</p> <ul style="list-style-type: none"> – Kriteria pelaburan yang paling utama ialah sasaran kewangan – Sasaran kewangan minima – IRR 12% setahun dan sasaran aspirasi IRR 20% – Sasaran pulangan sejajar dengan penanda aras ekuiti persendirian global – Yakin bahawa agenda sosial hanya boleh dicapai melalui disiplin kewangan yang tinggi 	<p>Menggalakkan penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama menerusi empat cara:</p> <ul style="list-style-type: none"> – Meningkatkan pemilikan ekuiti korporat yang bermakna – Meningkatkan bilangan pengurus yang bertauliah dan berpengalaman – Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di dalam sektor dan syarikat sasaran – Mewujudkan nilai di seluruh rantaian bekalan <p>Fokus terhadap kualiti dan bukan kuantiti</p>

TADBIR URUS

Di Ekuinas, kami mematuhi piawaian tadbir urus yang paling tinggi dan menggunakan amalan-amalan global yang terbaik dalam semua operasi kami.

Kami juga mematuhi amalan-amalan terbaik firma ekuiti persendirian antarabangsa dari segi pendedahan maklumat yang memadai dan terkini berhubung semua pelaburan yang dibuat. Maklumat lanjut mengenai tadbir urus dan rangka kerja pendedahan maklumat Syarikat dibentangkan di bahagian-bahagian berkaitan di dalam Laporan Tahunan ini.

MODEL OPERASI EKUINAS

Model operasi Ekuinas mencakupi semua fungsi penting yang membentuk asas perniagaan. Dasar-dasar utama diperkenalkan dan digunakan bagi memastikan Ekuinas berupaya menjalankan operasi pelaburan ekuiti persendirian yang setanding dengan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa. Dasar-dasar tersebut merangkumi dasar bagi bahagian pelaburan langsung dan penyumberan luar Syarikat beserta rangka kerja dan garis panduannya, dan juga bahagian-bahagian lain termasuk tadbir urus, pendedahan maklumat, perbendaharaan, sumber manusia, pengurusan pihak berkepentingan dan komunikasi.

Jumlah RM5 bilion yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia Ke-10 akan dilaburkan menerusi tiga dana dalam tempoh lima tahun bagi kedua-dua Pelaburan Langsung dan Program Penyumberan Luar Ekuinas.

Rajah 3: Model Operasi Ekuinas



PROFIL KORPORAT

TUMPUAN PELABURAN

Di Malaysia, Kerajaan telah menubuhkan pelbagai agensi, institusi dan program yang tertumpu kepada dana Modal Teroka atau *Venture Capital* (VC) dengan matlamat menyokong pembangunan dan pertumbuhan perniagaan serta syarikat baru di dalam negara. VC menyediakan dana untuk syarikat yang memulakan perniagaan baru dan membangunkan teknologi baru, manakala PE pula bertumpu kepada syarikat yang telah sekian lama beroperasi dan ingin berkembang ke peringkat seterusnya. Walaupun industri PE di Malaysia dianggap masih lagi berada di peringkat awal, Kerajaan menjangkakan industri ini akan menjadi satu sektor yang memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia, seiring dengan usaha negara menyesuaikan diri dengan realiti baru dalam pasaran.

Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Ekuinas, sebuah institusi yang menggunakan pendekatan ekuiti persendirian, sebagai salah satu instrumen baru inovatif yang diperkenalkan di bawah Model Baru Ekonomi (MBE). Pelaburan dana ekuiti persendirian Ekuinas dilaksanakan dengan prinsip mesra-pasaran dan berdasarkan merit serta telus khusus untuk mencapai ekonomi yang lebih terangkum dengan penyertaan saksama oleh semua rakyat Malaysia.


Untuk mengelak pertindihan dari segi peranan antara agensi-agensi Kerajaan, Ekuinas tidak dimandatkan untuk membantu syarikat di peringkat permulaan atau masih di peringkat awal, yang lebih sesuai bagi pelaburan *Venture Capital* (VC). Justeru, Ekuinas lebih tertumpu kepada pelaburan di dalam syarikat pertumbuhan yang telah beroperasi selama beberapa tahun.

Rajah 4: Pendekatan Ekuiti Persendirian Ekuinas

Ekuiti Persendirian (PE)	Berdasarkan prinsip-prinsip berikut:
<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pelaburan di dalam syarikat berpotensi tinggi ➤ Membangunkan syarikat secara agresif untuk meningkatkan nilai ➤ Melupakan pelaburan setelah syarikat menjadi peneraju pasaran 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesra-pasaran ➤ Berdasarkan merit ➤ Telus ➤ Amalan-amalan terbaik

Rajah 5: Tumpuan Pelaburan

Ekuinas dimandatkan untuk menyokong syarikat Malaysia bersaiz sederhana hingga besar yang berada di peringkat PERTUMBUHAN – lazimnya syarikat sedemikian mempunyai rekod prestasi operasi dan berupaya mengenalpasti peluang untuk berkembang ke peringkat seterusnya.

Kitaran Hayat Perniagaan	Syarikat Baru & Perusahaan Mikro	Peringkat Pembangunan	Peringkat Pertumbuhan	Peringkat Matang
Ciri-ciri Syarikat Sasaran	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat baru Masih di peringkat idea 	<ul style="list-style-type: none"> Operasi komersial secara kecil-kecilan Keuntungan sedikit/negatif Saiz pelaburan <RM30 juta, purata RM10 juta 	<ul style="list-style-type: none"> Prestasi operasi/ rekod keuntungan yang baik Merancang untuk berkembang ke peringkat seterusnya Saiz pelaburan ~RM50 juta Tempoh pelaburan 3-5 tahun 	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat besar berkedudukan kukuh dalam pasaran, dengan beberapa subsidiari/ perniagaan utama Saiz pelaburan ~RM500 juta
Institusi/ Program Sedia Ada	<p>Contoh institusi dan program sedia ada termasuk:</p> <p>Geran contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> Program Pelaburan 'Cradle' SME Corp CRDF BiotechCorp <p>Ekuiti & Pinjaman:</p> <ul style="list-style-type: none"> PUNB MARA 			<p>Contoh institusi termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> Khazanah 1MDB PNB LTAT KWSP Unit Amanah lain <p>Pegangan jangka panjang</p>

Sumber: Laman sesawang syarikat, analisis dalaman

**PROFIL
KORPORAT****SEKTOR TUMPUAN**

Ekuinas boleh membuat pelaburan di dalam mana-mana sektor tetapi enam sektor tumpuan telah dikenalpasti iaitu Minyak & Gas, Pendidikan, Barangan Pengguna Laris (FMCG), Peruncitan & Percutian termasuk Makanan & Minuman (F&B), Medikal dan Perkhidmatan.

Rajah 6: Sektor Tumpuan Ekuinas

Pendidikan	Minyak & Gas	Perkhidmatan
Barangan Pengguna Laris (FMCG)	Medikal	Peruncitan & Percutian

Ekuinas dilarang membuat pelaburan di dalam sektor perjudian, arak atau mana-mana aktiviti yang melanggar undang-undang/tidak beretika; dana lindung nilai; derivatif atau komoditi; hartanah dan pembinaan; dan syarikat-syarikat dengan tumpuan Malaysia yang rendah.

☒ Senarai Sektor Terlarang

- ▶ **Perjudian, Arak** atau aktiviti lain yang haram/tidak beretika
- ▶ **Dana Lindung Nilai, Derivatif, Matawang, Komoditi**
- ▶ **Hartanah dan Pembinaan**
- ▶ Bisnes yang terdedah kepada **risiko tinggi** seperti yang mempunyai **satu sumber** perolehan/pelanggan sahaja
- ▶ Syarikat yang tidak menyumbang kepada **ekonomi Malaysia**

JENIS PELABURAN

Ekuinas mempertimbangkan syarikat Malaysia bersaiz sederhana hingga besar di dalam kategori-kategori berikut:

KATEGORI 1 – pelaburan modal pertumbuhan di dalam syarikat Malaysia bagi mempercepatkan pertumbuhan;

KATEGORI 2 – pelaburan majoriti di dalam syarikat Malaysia yang kukuh dan berpotensi tinggi untuk menjadi peneraju pasaran; dan

KATEGORI 3 – pemerolehan buy-out aset bukan teras milik syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat awam tersenarai (PLC), syarikat multinasional (MNC) atau Yayasan.

Rajah 7: Jenis Pelaburan


Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
<p>Pelaburan modal pertumbuhan di dalam syarikat Malaysia bagi mempercepatkan pertumbuhan</p>  <p>Ekuinas membantu syarikat berjaya sedia ada dengan tujuan mempercepatkan pertumbuhan syarikat melalui pendekatan inorganik</p>	<p>Pelaburan Majoriti di dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p>  <p>Ekuinas membuat 'buy-out' Syarikat dan bekerjasama dengan profesional/usahawan terpilih untuk menguruskan syarikat</p>	<p>Pemerolehan buy-out aset bukan teras milik GLC/PLC/MNC/Yayasan</p>  <p>Ekuinas membantu profesional/usahawan terpilih untuk memperoleh perniagaan di mana mereka menjadi pemilik pengusaha</p>

PROFIL KORPORAT

STRATEGI PELABURAN

Strategi pelaburan Ekuinas adalah dengan mengenalpasti peluang-peluang pelaburan di dalam syarikat-syarikat Malaysia yang bersaiz sederhana untuk mentransformasi dan membantu syarikat-syarikat tersebut berkembang menjadi peneraju pasaran dan berjaya menjana keuntungan yang tinggi. Setelah matlamat dicapai, Ekuinas akan melupuskan pelaburannya di dalam syarikat tersebut. Rajah di bawah memaparkan unsur-unsur utama di dalam proses pelaburan kami.

Rajah 8: Tesis Pelaburan



RANGKA KERJA PELABURAN

Ekuinas melaksanakan pelaburannya melalui dua model operasi:

1. **Pelaburan Langsung** – pelaburan dilaksanakan secara langsung oleh Ekuinas dan tertumpu kepada saiz urusan besar yang melibatkan perolehan kepentingan majoriti atau kepentingan ketara untuk membolehkan penyertaan Ekuinas secara aktif di dalam syarikat bagi melaksanakan pelan penciptaan nilai untuk kepentingan syarikat dan semua pihak berkepentingan.
2. **Program Penyumberan Luar** – Ekuinas melaksanakan pelaburan menerusi firma ekuiti persendirian pihak ketiga yang dilantik sebagai pengurus dana yang dipertanggungjawabkan untuk mengumpul modal luar tambahan dan mengurus pelaburan-pelaburan yang dilaksanakan.

Untuk mengelakkan pertindihan, setiap model operasi Ekuinas mempunyai tumpuan pelaburan yang berbeza sepertimana yang telah digariskan.

Rajah 9: Tumpuan Pelaburan Bagi Setiap Model Operasi



PROFIL KORPORAT

PELABURAN LANGSUNG

Aktiviti Pelaburan Langsung Ekuinas meliputi beberapa proses penting yang bermula dari **peringkat awal** iaitu mengenalpasti pelaburan yang berpotensi, kepada peringkat penilaian dan kelulusan oleh Jawatankuasa Pelaburan dan Lembaga Pengarah, sehingga perolehan dimuktamadkan.

Pasca perolehan, Ekuinas akan bekerjasama dengan syarikat penerima pelaburan untuk menyediakan dan melaksanakan Pelan Penciptaan Nilai atau *Value Creation Plan* (VCP) dengan matlamat untuk membantu syarikat berkembang ke peringkat seterusnya.

Rajah 10: Tujuh Proses Pelaburan Penting bagi Pelaburan Langsung

1	Penilaian		Pelaksanaan		Pasca-perolehan	
Mencari dan menapis urusniaga	2	3	4	5	6	7
	Ketekunan Wajar Strategik Luar-ke-Dalam	Ketekunan Wajar Lengkap	Rundingan dan Penstrukturan	Pelan 100-hari	Mengurus & Memantau	Pelupusan
<p>Mencari perniagaan berpotensi dan mengenalpasti peluang urusniaga</p> <p>Penapisan awal menggunakan Borang 1 dan Borang 2</p>	<p>Analisis Luar-ke-Dalam tentang:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Daya tarikan pasaran - Daya tarikan syarikat - Daya tarikan kewangan & bukan kewangan <p>Penilaian risiko permulaan</p> <p>Kelulusan Lembaga Pengarah secara amnya</p>	<p>Ketekunan wajar lengkap menggunakan penasihat luar mengenai:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Strategi - Kewangan - Perundangan 	<p>Menstruktur dan menderaf perjanjian pemegang saham dan perjanjian jual beli</p> <p>Rundingan dan memuktamadkan lembaran terma</p> <p>Kelulusan akhir untuk pemindahan dana</p>	<p>Penghasilan pelan peningkatan nilai 100-hari bagi syarikat sasaran</p>	<p>Pelaksanaan pelan 100-hari</p> <p>Semakan prestasi secara berterusan</p> <p>Hala tuju dan sokongan strategik terhadap inisiatif utama</p>	<p>Peluang melupuskan pelaburan/ mengenalpasti saluran</p> <p>Pelaksanaan pelupusan pelaburan</p>

PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

Untuk melengkapkan aktiviti Pelaburan Langsung, Ekuinas juga mengendalikan program Penyumberan Luar dengan matlamat membangun dan menguruskan program yang melibatkan Pengurus Dana Penyumberan Luar, atau *Outsourced Fund Managers (OFM)* pihak ketiga yang berkebolehan. Operasi pelaburan ini dijalankan menurut rangka kerja dan garis panduan program yang jelas.

Rajah 11: Program Penyumberan Luar Ekuinas – Rangka Kerja dan Garis Panduan



GARIS PANDUAN PELABURAN PENYUMBERAN LUAR PENTING YANG LAIN						
SAIZ DANA	SAIZ PELABURAN	MODAL LUARAN	TEMPOH PELABURAN	PERINGKAT PERTUMBUHAN SYARIKAT	GANJARAN	PELUPUSAN
<ul style="list-style-type: none"> • Antara RM120 juta hingga RM250 juta untuk memastikan saiz urusniaga yang mencukupi 	<ul style="list-style-type: none"> • Antara RM15 juta hingga RM50 juta • Tidak boleh kurang daripada RM15 juta • Tidak boleh melebihi 20%-25% daripada Saiz Dana 	<ul style="list-style-type: none"> • OFM perlu mengumpul sekurang-kurangnya 20% daripada Dana dari pelabur pihak ketiga 	<ul style="list-style-type: none"> • 3 hingga 6 tahun untuk membantu penciptaan nilai • Tiada pelaburan kurang daripada 1 tahun atau melebihi 7 tahun 	<ul style="list-style-type: none"> • Tumpuan kepada syarikat pertumbuhan • Tiada syarikat baru atau syarikat di peringkat pembangunan 	<ul style="list-style-type: none"> • Ekuinas bertekad membayar fi pengurusan dan bahagian keuntungan mengikut kadar pasaran industri untuk memastikan prestasi yang tinggi 	<ul style="list-style-type: none"> • Melupuskan pelaburan menerusi pelbagai cara termasuk penyenaian dan penjualan syarikat

PROFIL KORPORAT

Lima dimensi penilaian utama yang digunakan di dalam proses tersebut dipaparkan di bawah.

Rajah 12: Dimensi Utama yang Digunakan di dalam Proses Pemilihan OFM


1	Rekod prestasi yang mantap	<ul style="list-style-type: none"> • Reputasi yang baik di dalam industri ekuiti persendirian Malaysia • Prestasi kewangan yang kukuh • Berjaya mencipta nilai di dalam syarikat portfolio
2	Pengalaman pasukan pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> • Pasukan pengurusan kanan yang berkebolehan dan berkeupayaan menjana aliran urusanniaga yang kukuh • Pengalaman pelupusan dan perolehan serta rekod prestasi yang relevan (contohnya pelaksanaan dan pengurusan portfolio) • Kepakaran di dalam jenis urusanniaga, sektor dan geografi yang relevan
3	Proses pelaburan yang kukuh	<ul style="list-style-type: none"> • Proses pengurusan pelaburan didokumenkan dan rekod prestasi pematuhan yang baik • Proses membuat keputusan, rangka kerja tadbir urus dan pengurusan risiko yang kukuh • Pasukan sokongan yang berkeupayaan
4	Keupayaan mengumpul dana	<ul style="list-style-type: none"> • Rekod prestasi di dalam mengumpul dana • Potensi untuk mengumpul sekurang-kurangnya 20% modal daripada pihak ketiga seperti yang dikehendaki • Mewujudkan rancangan bagi mengumpul dana dari pihak ketiga luaran
5	Mematuhi keperluan dan garis panduan RFP	<ul style="list-style-type: none"> • Memenuhi kriteria yang terkandung di dalam strategi pelaburan, struktur dana dan tadbir urus Ekuinas

RINGKASAN

Secara ringkasnya, Ekuinas ialah sebuah syarikat ekuiti persendirian yang berusaha untuk mencapai objektifnya secara mesra pasaran, berdasarkan merit dan telus bagi memastikan impak yang mampan untuk jangka masa panjang.

<p>Ekuinas:</p> <ul style="list-style-type: none"> • syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan • bermatlamat menggalakkan peningkatan pegangan ekuiti dan penglibatan Bumiputera di dalam ekonomi negara • menerusi pembentukan syarikat-syarikat peneraju generasi baru di Malaysia <p>Model operasi Ekuinas?</p> <p>Berdasarkan model <i>'Private Equity'</i>:</p> <ul style="list-style-type: none"> • pelaburan di dalam perniagaan yang berpotensi tinggi • mengembangkan syarikat secara agresif • menjual kembali ekuiti setelah syarikat menjadi besar dan meneraju pasaran 	<p>memenuhi dua objektif utama...</p> <p>Objektif Kewangan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sasaran pulangan: Min IRR 12%, Sasaran aspirasi IRR 20% setahun <p>Objektif Sosial</p> <p>Menggalakkan penglibatan ekonomi Bumiputera:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemilikan ekuiti • Pengurusan • Peluang pekerjaan • Mewujudkan nilai di seluruh rantaian bekalan 	<p>... melalui dua kaedah penting...</p> <p>Pelaburan Langsung</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelaburan secara langsung • Pelaburan <i>'buy-outs'</i> dan <i>'controlling stake'</i> <p>Dana Penyumberan Luar</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurus PE Penyumberan Luar membuat pelaburan • Menarik modal luaran • Fokus kepada pelaburan modal pertumbuhan 	<p>... mensasarkan dua kumpulan utama...</p> <p>Usahawan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membantu modal risiko usahawan • Meningkatkan keupayaan dengan penyeliaan profesional <p>Pengurusan Profesional</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peluang kepada pengurus berkualiti untuk mendapatkan Skim Insentif Ekuiti berdasarkan prestasi
-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

STRUKTUR KORPORAT



**MAKLUMAT
KORPORAT****LEMBAGA PENGARAH**

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
(Pengerusi)

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

Tan Sri Mohamed Azman Yahya

Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff

Datuk Noriyah Ahmad

Dato' Abdul Rahman Ahmad

(Ketua Pegawai Eksekutif)

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH**Jawatankuasa Audit**

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
(Pengerusi)

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

Datuk Noriyah Ahmad

Jawatankuasa Pelantikan & Ganjaran

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
(Pengerusi)

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Tan Sri Mohamed Azman Yahya

Jawatankuasa Pelaburan

Tan Sri Mohamed Azman Yahya
(Pengerusi)

Dato' Abdul Rahman Ahmad

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir

Mazhairul Jamaludin

Nik Johaan Nik Hashim

Amil Izham Hamzah

SETIAUSAHA SYARIKAT

Shamsiah A Rahman (MAICSA 7008380)
Norsham Abdul Ghani (LS 01203)

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers
Akauntan Bertauliah

BANK UTAMA

Malayan Banking Berhad
CIMB Bank Berhad
AmBank (M) Berhad

ALAMAT BERDAFTAR

Prokhas Sdn Bhd

Tingkat 12, Bangunan Setia 1

15 Lorong Dungun

Bukit Damansara

50490 Kuala Lumpur

ALAMAT PEJABAT

Ekuiti Nasional Berhad (868265 U)

Aras 13, Surian Tower

No. 1, Jalan PJU 7/3

Mutiara Damansara

47810 Petaling Jaya, Selangor

JAWATANKUASA PENGURUSAN

Dato' Abdul Rahman Ahmad

Ketua Pegawai Eksekutif

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir

Pengarah Urusan Pelaburan

Mazhairul Jamaludin

Ketua Pegawai Kewangan/Pengarah Kanan,

Penyumberan Luar/Pelaburan

Nik Johaan Nik Hashim

Pengarah Kanan,

Pelaburan/Pengurusan Pihak Berkepentingan

Amil Izham Hamzah

Pengarah Kanan, Pelaburan

Suridah Jalaluddin

Pengarah Kanan,

Pelaburan/Perkhidmatan Bersama

PENGURUSAN LAIN

Roselinda Hashim

Ketua Pegawai Perundangan/Pengarah, Pelaburan

Zaleha Abdul Hamid

Pengarah, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio, Kewangan

Sharifah Noralina Syed Yassin

Pengarah, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio,

Sumber Manusia

Norhafizah Md Shariff

Pengawal Kewangan/Pengarah Bersekutu, Penyumberan Luar

Noramly Bachok

Ketua, Tadbir Urus Korporat & Pengurusan Risiko

PERISTIWA PENTING KORPORAT

2009

Jun

YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak mengumumkan penubuhan Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), sebuah institusi pelaburan yang baru.

September

Pelantikan Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas.

Disember

Ekuinas menerima RM100 juta daripada jumlah RM500 juta yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia ke-9.

2010

Januari

Pemulaan Fasa Pertama bagi operasi Pelaburan Langsung dengan peruntukan dana sebanyak RM1 bilion.

Februari

Baki RM400 juta daripada RM500 juta yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia ke-9 diterima daripada Kerajaan.

Pelaburan pertama: Alliance Cosmetics Group.

Jun

Pelaburan kedua: Tanjung Offshore Berhad.

Julai

Pelantikan Pengurus Dana Penyumberan Luar bagi Fasa I, Program Penyumberan Luar.

Oktober

Pelaburan ketiga: Konsortium Logistik Berhad.

November

Pelaburan keempat: Kumpulan Pendidikan APIIT.

2011

Februari

Dana pertama untuk tahun 2011 sebanyak RM300 juta diterima daripada Kerajaan.

Mac

Pemulaan Fasa I, Program Penyumberan Luar dengan dana berjumlah RM543 juta.

Navis Capital Partners, salah satu daripada Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) telah melaksanakan pelaburan pertama melalui Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. (MGO Fund) di dalam Atelier Asia Sdn Bhd, sebuah kumpulan syarikat pengedar dan pembekal pelbagai barangan berjenama popular di dalam segmen pakaian gaya hidup dan penjagaan bayi yang pantas berkembang.

April

YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak mengumumkan pencapaian tahun pertama Ekuinas

- Pulangan Kasar Portfolio: RM54.5 juta
- Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR): 53.1%, IRR Bersih Tahunan (IRR): 24.3%
- Nilai Ekuiti Bumiputera meningkat sebanyak RM483.2 juta atau 1.3 kali ganda modal dilabur Ekuinas bernilai RM380.6 juta; dan Nilai Keseluruhan Pemegang Saham meningkat sebanyak RM582.1 atau 1.5 kali ganda modal dilabur Ekuinas

Ogos

Dana tambahan RM300 juta lagi diterima daripada Kerajaan, menggenapkan dana diperuntukkan bagi tahun 2011 sebanyak RM600 juta.

September

Pelaburan kelima dan keenam: BURGER KING® dan San Francisco Coffee.

Disember

Pelaburan ketujuh: Kumpulan Revenue Valley, yang terdiri daripada Manhattan Fish Market, Popeyes dan Tony Roma's.

Pelaburan kelapan: Kumpulan Cosmopoint, yang terdiri daripada Kuala Lumpur Metropolitan University College dan Cosmopoint International College of Technology.

SOROTAN PERISTIWA 2012 DI EKUINAS

Januari

Ekuinas memulakan proses pemilihan pengurus dana pihak ketiga bagi Fasa II, Program Penyumberan Luar.

Mac

Ekuinas menerima peruntukan dana sebanyak RM300 juta daripada Kerajaan.

April

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Tan Sri Nor Mohamed Yacop mengumumkan pencapaian tahun kedua Ekuinas

- Pulangan Kasar Portfolio: RM174.1 juta
- Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR): 35.1%, IRR Bersih Tahunan (IRR): 23.2%
- Nilai Ekuiti Bumiputera meningkat sebanyak RM806.5 juta atau 1.4 kali ganda modal dilabur Ekuinas bernilai RM577.7 juta; dan Nilai Keseluruhan Pemegang Saham meningkat sebanyak RM986.2 atau 1.7 kali ganda modal dilabur Ekuinas

Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. (MGO Fund), yang diuruskan oleh Navis Capital Partners di bawah Program Penyumberan Luar Ekuinas, melaksanakan dua pelaburan minoriti bersama di dalam MCAT Box Office Sdn. Bhd. (MBO), pengendali rangkaian pawagam ketiga terbesar di Malaysia dan SEG International Bhd. (SEGi), salah satu kumpulan pendidikan swasta terbesar dengan pelaburan masing-masing sebanyak RM21.0 juta dan RM61.6 juta.



Mei

Pelaburan kesembilan: Ekuinas membuat pelaburan bersama bagi 90% kepentingan efektif di dalam Unitar Capital Sdn Bhd, pemilik dan pengendali University of Management and Technology (UMTECH) sebanyak RM58.5 juta. UMTECH kini dikenali sebagai UNITAR International University.

Jun

Ekuinas menerima dana peruntukan tambahan sebanyak RM400 juta untuk tahun 2012 daripada Kerajaan.

Julai

Pelaburan kesepuluh: Ekuinas menyempurnakan pengambilalihan 100% kepentingan ekuiti perniagaan marin milik Tanjung Offshore Berhad (TOB) iaitu Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS) bernilai RM250 juta bagi memudahkan proses pemisahan perniagaan marin dan bukan marin Kumpulan tersebut. Ini adalah sebahagian daripada proses penstrukturan semula komprehensif Kumpulan TOB yang bermatlamat untuk memperkukuh operasi dan menetapkan fokus perniagaan di samping mencipta nilai pemegang saham yang mampan.





September

Pelaburan kesebelas: Ekuinas mengembangkan portfolio minyak & gas (O&G) dengan membuat pelaburan sebanyak RM220.9 juta untuk 82.5% kepentingan ekuiti di dalam OMNI Petromaritime Sdn Bhd (OMNI), syarikat pembekal perkhidmatan kapal sokongan luar pesisir (OSV) Malaysia yang pesat berkembang.

Pelaburan kedua belas: Ekuinas membuat pelaburan tambahan sebanyak RM78.2 juta di dalam syarikat portfolio makanan & minuman (F&B) sedia ada iaitu Rancak Selera Sdn Bhd untuk membeli dan mengembangkan Burger King Singapore Pte Ltd, yang merupakan salah satu peneraju restoran khidmat cepat (QSR) di negara tersebut. Rancak Selera turut diberikan hak eksklusif dari BK AsiaPac Pte Ltd (BKAP) untuk memiliki, membangun dan memfrancis restoran BURGER KING® di Malaysia dan Singapura untuk tempoh 20 tahun akan datang.

Oktober

Pengurusan Kanan Ekuinas mengadakan perbincangan tertutup dengan Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Ekuiti Nasional (YEN), yaysan yang memiliki Ekuinas Capital, bagi membentangkan laporan kemajuan setengah tahun Syarikat.

Ekuinas melancarkan fasa kedua bagi operasi Pelaburan Langsung dengan dana peruntukan berjumlah RM1 bilion.



November

Ekuinas melaksanakan penstrukturan semula strategik portfolio minyak & gas (O&G) untuk menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pasaran kapal sokongan luar pesisir (OSV). Ia melibatkan pelupusan pelaburan kepentingan minoriti di dalam Tanjung Offshore Berhad (TOB) yang mana hasilnya dilabur semula menerusi perolehan ekuiti tambahan di dalam Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS).

Ekuinas mengumumkan penggabungan strategik dua syarikat OSVnya iaitu TKS dan OMNI untuk membentuk salah satu Kumpulan OSV terbesar di Malaysia. Di bawah penggabungan ini, kedua-dua syarikat menjadi anak syarikat milik penuh syarikat pegangan pelaburan OSV iaitu Icon Offshore Berhad, di mana Ekuinas memiliki 88.1% kepentingan efektif bernilai RM384.0 juta. Upacara pelancaran Icon Offshore Berhad telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

MAKLUMAT PENTING KEWANGAN

ULASAN DANA

1. Dana diterima daripada Yayasan Ekuiti Nasional (YEN)

	2012 RM juta	2011 RM juta
Dana diterima daripada Yayasan Ekuiti Nasional (YEN)	1,800.0	1,100.0

2. Dana Ditubuhkan

Nama dana	Tahun ditubuhkan	Saiz dana RM juta	Tumpuan pelaburan	Tempoh	Status Kedudukan
EkuiNAS Direct (Tranche I) Fund	2010	1,000.0	Buy-out & modal pertumbuhan	5 + 2 tahun	Diagihkan sepenuhnya
EkuiNAS Direct (Tranche II) Fund	2012	1,000.0	Buy-out & modal pertumbuhan	5 + 2 tahun	Dilaburkan
EkuiNAS Outsourced (Tranche I) Fund	2011	400.0	Modal Pertumbuhan	6 + 1 tahun	Dilaburkan

3. Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)

	2012 RM juta	2011 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM):		
Langsung	2,000.0	1,000.0
Sumber Luar	400.0	400.0
	2,400.0	1,400.0
Jumlah dana sedia ada untuk pelaburan termasuk modal persendirian	2,516.9	1,543.6

4. Ringkasan prestasi dana

a. Ringkasan aktiviti pelaburan

	Bilangan Pelaburan	Pelaburan Komited RM juta	Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia RM juta
2012			
EkuiNAS Direct (Tranche I) Fund	10	1,258.1	1,380.2
EkuiNAS Direct (Tranche II) Fund	2	154.1	154.1
Jumlah	12	1,412.2	1,534.3
EkuiNAS Outsourced (Tranche I) Fund	3	74.1	434.8
Jumlah	15	1,486.3	1,969.1

4. Ringkasan prestasi dana (sambungan)

a. Ringkasan aktiviti pelaburan (sambungan)

	Bilangan pelaburan	Pelaburan Komited RM juta	Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia RM juta
2011			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund	8	891.5	1,011.1
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	–	–	–
Jumlah	8	891.5	1,011.1
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	1	11.8	17.0
Jumlah	9	903.3	1,028.1

b. Ringkasan aktiviti pelupusan

	Jumlah bilangan dilupuskan	Jumlah terealisasi dari pelupusan RM juta
2012		
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund	1	62.0
Jumlah	1	62.0

c. Ringkasan prestasi kewangan

	Pulangan portfolio kasar RM juta	IRR Kasar (IRR)	IRR Bersih
2012			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund	368.6	27.5%	20.6%
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	27.0	95.8%	83.1%
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	(18.3)	-35.2%	-38.4%
2011			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund	174.1	35.1%	23.2%
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	–	–	–
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	(8.4)	NA ¹	NA ¹

¹ Prestasi kewangan untuk Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund tidak dibentangkan pada tahun 2011 kerana dana tersebut berada di peringkat awal pelaburan. Oleh kerana jumlah pelaburan adalah terhad, prestasi 2012 juga dipengaruhi oleh fi pengurusan dan perbelanjaan yang dibuat.

MAKLUMAT PENTING KEWANGAN

4. Ringkasan prestasi dana (sambungan)

d. Prestasi objektif sosial – gabungan pelaburan langsung dan penyumberan luar

	Ekuiti Bumiputera yang dicipta		Jumlah Ekuiti dicipta	
	Nilai RM juta	Gandaan Modal dilaburkan	Nilai RM juta	Gandaan Modal dilaburkan
2012	1,944.1	1.4x	2,394.1	1.7x
2011	806.5	1.4x	986.2	1.7x

5. Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat pengurusan dana)

	2012 RM juta	2011 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	2,400.0	1,400.0
Perbelanjaan operasi (OPEX)	24.8	20.5
Keuntungan selepas cukai (PAT)	6.1	4.3
Nisbah OPEX kepada FuM	1.0%	1.5%

PRESTASI DANA INDIVIDU

	2012 RM juta	2011 RM juta
1. <u>Ekuias Direct (Tranche I) Fund</u>		
Saiz dana	1,000.0	1,000.0
Jumlah pelaburan	10	8
<u>Aktiviti pelaburan</u>		
Pelaburan komited yang dilaksanakan	1,258.1	891.5
Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia	1,380.2	1,011.1
<u>Aktiviti pelupusan</u>		
Bilangan pelupusan	1	–
Jumlah terealisasi	62.0	–
<u>Prestasi kewangan</u>		
(i) <u>Pulangan</u>		
Pulangan Portfolio Kasar	368.6	174.1
Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) (tahunan)	27.5%	35.1%
IRR Bersih (Tahunan)	20.6%	23.2%
(ii) <u>Lembaran Imbangan</u>		
Nilai portfolio	1,436.5	648.8
Nilai Aset Bersih	1,467.4	672.3

PRESTASI DANA INDIVIDU (SAMBUNGAN)


	2012 RM juta	2011 RM juta
2. <u>Ekuias Direct (Tranche II) Fund¹</u>		
Saiz dana	1,000.0	–
Jumlah pelaburan	2	–
<u>Aktiviti pelaburan</u>		
Pelaburan komited yang dilaksanakan	154.1	–
Jumlah modal dilabur di dalam Ekonomi Malaysia	154.1	–
<u>Prestasi kewangan</u>		
(i) <u>Pulangan</u>		
Pulangan Portfolio Kasar	27.0	–
IRR Kasar (Tahunan)	95.8%	–
IRR Bersih (Tahunan)	83.1%	–
(ii) <u>Lembaran Imbangan</u>		
Nilai portfolio	110.9	–
Nilai Aset Bersih	106.8	–
3. <u>Ekuias Outsourced (Tranche I) Fund²</u>		
Saiz dana	400.0	400.0
Jumlah pelaburan	3	1
<u>Aktiviti pelaburan</u>		
Pelaburan komited yang dilaksanakan	74.1	11.8
Jumlah modal dilabur di dalam Ekonomi Malaysia	434.8	17.0
<u>Prestasi kewangan</u>		
(i) <u>Pulangan</u>		
Pulangan Portfolio Kasar	(18.3)	(8.4)
IRR Kasar (Tahunan)	-35.2%	N/A
IRR Bersih (Tahunan)	-38.4%	N/A
(ii) <u>Lembaran Imbangan</u>		
Nilai portfolio	71.4	13.9
Nilai Aset Bersih	71.4	13.9

¹ Tiada perbandingan kerana dana ditubuhkan pada 2012.


² Prestasi kewangan untuk Ekuias Outsourced (Tranche 1) Fund tidak dibentangkan di dalam tahun 2011 kerana dana tersebut berada di peringkat awal pelaburan. Oleh kerana jumlah pelaburan adalah terhad, prestasi 2012 juga dipengaruhi oleh fi pengurusan dan perbelanjaan yang dibuat.

SOROTAN KEWANGAN 3 TAHUN


JUMLAH BILANGAN DAN NILAI PELABURAN KOMITED




JUMLAH KEMASUKAN MODAL KE DALAM EKONOMI NEGARA




PRESTASI DANA – EKUINAS DIRECT (TRANCHE 1) FUND



JUMLAH NILAI EKUITI BUMIPUTERA DAN PEMEGANG SAHAM LAIN YANG TERCIPTA



JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN (FUM) DAN NISBAH FUM KEPADA PERBELANJAAN OPERASI





**Meningkatkan
ekuiti**



PERUTUSAN PENGERUSI

Ekuias memulakan tahun kewangan 2012 dengan peningkatan aktiviti terancang dan misi yang jelas: untuk melipatgandakan usaha mengenalpasti syarikat-syarikat yang berpotensi tinggi secara aktif dan teliti, di samping menumpukan perhatian kepada strategi membina keupayaan serta meningkatkan nilai dalam syarikat-syarikat portfolio sedia ada.



PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHORMATI,

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 merupakan tahun yang dipenuhi dengan pelbagai peristiwa menarik buat Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) dan bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan laporan lengkap Syarikat untuk tahun kewangan ini.

2012 – MEMBINA MOMENTUM

Tahun kewangan 2011 iaitu tahun sebelum ini merupakan tahun yang mencabar, dengan kemasukan aliran cadangan pelaburan yang agak perlahan. Oleh itu, Ekuinas memulakan tahun kewangan 2012 dengan peningkatan aktiviti terancang dan misi yang jelas: untuk melipatgandakan usaha mengenalpasti syarikat-syarikat yang berpotensi tinggi secara aktif dan teliti, di samping menumpukan perhatian kepada strategi membina keupayaan serta meningkatkan nilai dalam syarikat-syarikat portfolio sedia ada.

Meskipun ekonomi dunia tidak menentu, tahun 2012 masih terus berkembang. Tinjauan yang diterbitkan oleh *International Monetary Fund* (IMF) pada bulan Oktober 2012 bertajuk "*IMF World Economic Outlook (The IMF Outlook)*" meramalkan pertumbuhan global sebanyak 3.3% untuk 2012 tetapi turut mengingatkan bahawa ekonomi dunia terutamanya di negara-negara Barat masih kekal lemah.

Di Malaysia, kita terus bersyukur dengan ekonomi negara yang terus berkembang pada kadar 5.6% pada tahun 2012 hasil dari permintaan penggunaan domestik yang kukuh, peningkatan pelaburan dan kesan positif dari aktiviti-aktiviti transformasi ekonomi Kerajaan.

Walau bagaimanapun, aktiviti penggabungan dan pengambilalihan (M&A) di Malaysia terus berkurang kepada USD12.2 bilion (2011:USD16.1 bilion), di mana aktiviti ini didominasi oleh transaksi mega seperti pengambilalihan aset oleh IMDB dan tawaran awal awam (IPO) seperti IHH, FGVH dan Astro. Seterusnya, aktiviti ekuiti persendirian di ASEAN dan Malaysia hanya mewakili sebahagian kecil daripada aktiviti M&A, dan ini menggambarkan wujudnya pelbagai cabaran dalam melaksanakan pelaburan ekuiti persendirian di rantau ini.

Berlatarbelakangkan ketidakpastian ekonomi yang juga mudah berubah ini, saya dan ahli Lembaga Pengarah yang lain amat berpuas hati dengan pencapaian Ekuinas yang lebih baik daripada yang dijangkakan serta kejayaan Syarikat dalam mempamerkan prestasi yang kukuh pada tahun ini.

Pada tahun 2012, Ekuinas menerima peruntukan tambahan sebanyak RM700 juta yang telah meningkatkan jumlah dana diterima daripada Kerajaan kepada RM1.8 bilion. Dari peruntukan ini, Ekuinas telah berjaya memuktamadkan empat (4) pelaburan langsung dan dua (2) pelaburan di bawah Program Penyumbangan Luar dengan jumlah komitmen pelaburan sebanyak RM583.0 juta. Sehingga kini, jumlah kemasukan modal ekonomi bersama-sama dengan pihak pelabur swasta telah mencecah hampir RM2.0 bilion dan ianya jelas memberi impak positif kepada ekonomi Malaysia.

Seterusnya, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan bahawa dana Ekuinas Direct (Tranche I) Fund telah mencapai Pulangan Kasar Portfolio sebanyak RM368.6 juta untuk tahun kewangan 2012 (2011: RM174.1 juta) pada Kadar Pulangan Dalam Kasar (*gross IRR*) sebanyak 27.5% dan Kadar Pulangan Dalam Bersih (*net IRR*) sebanyak 20.6%. Pencapaian ini amat membanggakan selepas tiga tahun Ekuinas beroperasi dan ia juga sekali lagi melepasi sasaran pulangan jangka panjang minimum sebanyak 12% dan sasaran aspirasi sebanyak 20%.

Peranan Ekuinas sebagai pemegang saham aktif dan tumpuan kepada penciptaan nilai dalam syarikat portfolio kami ternyata merupakan formula efektif bagi Ekuinas dalam menghasilkan nilai kewangan dan meningkatkan impak sosio ekonomi seperti yang disasarkan.

TAHUN YANG LEBIH BAIK BAGI PELABURAN LANGSUNG

Berbanding tahun 2011 yang lebih mencabar, tahun 2012 telah menyaksikan beberapa pencapaian dalam evolusi syarikat ekuiti persendirian ini yang sentiasa memastikan operasi Syarikat dilaksanakan berdasarkan penanda aras amalan-amalan terbaik dunia.

Dengan semangat kerja yang tinggi serta memanfaatkan senarai syarikat-syarikat bersaiz sederhana terpilih yang berjaya memenuhi kriteria pelaburan Ekuinas yang ketat, Ekuinas telah berjaya mencapai kadar pelaburan yang disasarkan pada tahun ini.

Pelaburan yang dilaksanakan tertumpu kepada pengembangan sektor-sektor utama dalam portfolio kami seperti Pendidikan, Minyak & Gas (O&G), serta Peruncitan – Makanan dan Minuman (F&B). UNITAR International University, sebuah universiti swasta yang memfokuskan kepada bidang kajian pendidikan dan sains sosial; Tanjung Kapal Services Sdn Bhd dan OMNI Petromarine Sdn Bhd iaitu dua syarikat penyedia perkhidmatan kapal sokongan luar pesisir dan Burger King Singapore Pte Ltd, pemilik francais dan pengurus rangkaian restoran BURGER KING® di Singapura, kini adalah sebahagian dari portfolio Ekuinas.

Ekuinas Direct (Tranche I) Fund telah mencapai Pulangan Kasar Portfolio sebanyak RM368.6 juta untuk tahun kewangan 2012 pada Kadar Pulangan Dalam Kasar (*gross IRR*) sebanyak 27.5% dan Kadar Pulangan Dalam Bersih (*net IRR*) sebanyak 20.6%.

**PERUTUSAN
PENGERUSI**

Pada tahun 2012, Ekuinas telah melaksanakan pelupusan pelaburan yang pertama dengan menjual kepentingan minoritinya di dalam Tanjung Offshore Berhad. Walaupun Ekuinas mencatatkan kerugian dalam pelaburan ini, kami berpuas hati dapat membantu menstruktur semula dan memudahkan proses pemisahan perniagaan Kumpulan ini menerusi pengasingan Tanjung Kapal Services dan seterusnya memastikan Tanjung Offshore Berhad mempunyai operasi yang lebih terancang, kunci kira-kira yang lebih kukuh serta sumber modal yang mencukupi untuk melaksanakan pelan pengembangan di masa akan datang.

Mentransformasi Syarikat-Syarikat Portfolio Menjadi Peneraju Industri

Sebagai sebuah syarikat ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Ekuinas sangat komited dalam usaha membuat pelaburan, membimbing dan mentransformasi syarikat-syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi untuk menjadi peneraju pasaran masa akan datang. Tahun 2012 tertumpu kepada pelaksanaan Pelan Penciptaan Nilai yang dihasilkan bersama syarikat-syarikat portfolio kami dengan tujuan mencipta nilai operasi dan kewangan syarikat.

Apa yang lebih penting, strategi utama kami untuk mencipta Pelaburan Transformatif melalui penggabungan syarikat-syarikat berkaitan menjadi entiti yang lebih besar dan kukuh kini semakin menunjukkan hasil yang lebih signifikan.

Penggabungan dua syarikat kapal sokongan luar pesisir (OSV) dalam portfolio kami telah membentuk Icon Offshore Berhad. Dengan kombinasi portfolio kapal melebihi 30 buah berserta nilai aset melebihi RM1 bilion, ia merupakan pemulaan yang baik di bawah strategi ini.

Inisiatif yang sama juga sedang dilaksanakan bagi Kumpulan Pendidikan dan Kumpulan F&B Ekuinas. Kumpulan Pendidikan Ekuinas kini mempunyai lima buah institusi pendidikan Malaysia yang terkemuka dengan bilangan pelajar berdaftar seramai lebih kurang 28,000 orang.

Walaupun masih di peringkat awal pembangunan, Kumpulan F&B Ekuinas yang dikenali sebagai Integrated Food Group Sdn Bhd juga telah menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan. Dengan lima jenama berpotensi tinggi, kumpulan ini kini mempunyai 150 buah restoran di Malaysia, Singapura dan Thailand dan gabungan hasil perolehan melebihi RM350 juta.

Menariknya, ketiga-tiga kumpulan ini berada di landasan yang kukuh untuk mencapai tempat ketiga teratas dalam pasaran industri masing-masing.

Kami yakin bahawa strategi transformasi sebegini, yang dikenali sebagai strategi "Beli dan Bina" dalam istilah ekuiti persendirian, bukan sahaja dapat mencipta nilai kewangan yang signifikan kepada Ekuinas tetapi juga berupaya membina perniagaan mampan yang akan memberi impak positif kepada ekonomi dan masyarakat.

Strategi utama kami untuk mencipta Pelaburan Transformatif melalui penggabungan syarikat-syarikat berkaitan menjadi entiti yang lebih besar dan kukuh kini semakin menunjukkan hasil yang lebih signifikan.

MEMBANGUNKAN INDUSTRI EKUITI PERSENDIRIAN MALAYSIA

Selain dari membuat pelaburan langsung, model operasi Ekuinas juga meliputi **Program Penyumberan Luar** di mana pengurus dana pihak ketiga dilantik untuk membuat pelaburan bagi pihak Ekuinas.

Di bawah program ini, sebanyak RM400 juta telah diperuntukkan kepada dana Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund Penyumberan Luar Ekuinas Tranche I sejak tahun 2010. Kemajuan program ini masih perlahan lantaran persekitaran pelaburan yang mencabar bagi aktiviti transaksi modal pertumbuhan.

Walau bagaimanapun, proses pemilihan telah bermula untuk mengenalpasti syarikat-syarikat ekuiti persendirian yang layak untuk dilantik bagi Fasa Kedua dalam Program Penyumberan Luar yang berjumlah RM300 juta. Kami menjangkakan program ini akan dilancarkan pada separuh kedua tahun 2013.

Memandangkan industri ekuiti persendirian masih baru di Malaysia, kami akur dengan perkembangan Program Penyumberan Luar yang lebih mencabar. Walau bagaimanapun, Ekuinas komited untuk menyediakan peluang dan menyokong syarikat-syarikat ekuiti persendirian Malaysia sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan industri dan mengharapkan keputusan yang lebih baik dari Program Penyumberan Luar ini.

MENJANA IMPAK SOSIAL MELALUI MODEL BARU EKONOMI

Ditubuhkan sebagai salah satu instrumen yang mesra pasaran di bawah Model Baru Ekonomi, Ekuinas komited untuk menjana pulangan pasaran komersial serta membawa perubahan positif dalam keadaan sosio-ekonomi negara.

Dalam konteks ini, Ekuinas terus mempamerkan keputusan kewangan yang memberangsangkan. Sepanjang 2012, Ekuinas

telah berjaya meningkatkan jumlah nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM1.9 bilion iaitu 1.4 kali ganda jumlah modal bernilai RM1.4 bilion yang dilaburkan oleh Ekuinas. Pada masa yang sama, jumlah nilai ekuiti yang dihasilkan untuk para pemegang saham syarikat-syarikat portfolio kami mencecah RM2.4 bilion atau 1.7 kali ganda jumlah modal yang dilaburkan. Ini seterusnya membuktikan bahawa matlamat sebagaimana yang dicitakan oleh NEM iaitu untuk menambah nilai ekuiti ekonomi Bumiputera dan pada masa yang sama memberikan pulangan kepada rakyat Malaysia, sememangnya boleh dicapai.

Syarikat-syarikat portfolio Ekuinas secara kolektifnya kini menyediakan peluang pekerjaan kepada sejumlah 144 pengurus dan 7,749 pekerja, di mana peratusan masing-masing sebanyak 46.5% dan 62.8% adalah Bumiputera.

Kehadiran Ekuinas kini menampakkan impak yang ketara serta boleh diukur dan kami berazam untuk mempertingkatkan di masa akan datang.

SASARAN YANG LEBIH TINGGI DI TAHUN AKAN DATANG

Bagi pihak Lembaga Pengarah Ekuinas, kami merasakan Ekuinas telah mempamerkan pencapaian yang memberangsangkan pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, tiada ruang bagi kami untuk hanya kekal di tahap ini dan kami sentiasa mengingatkan diri kami bahawa mandat yang diberikan oleh Kerajaan masih belum dicapai sepenuhnya.

Masih banyak lagi syarikat-syarikat Malaysia yang memerlukan sokongan kami dan kami harus terus berusaha mencapai matlamat kami untuk mengenalpasti, memilih dan membimbing mereka dalam proses transformasi menjadi peneraju industri masa hadapan yang akan menyumbang kepada pembangunan negara.

Bagi tahun akan datang dan berdasarkan kepada peruntukan Kerajaan, kami menasaskan untuk membuat pelaburan sekurang-kurangnya RM600 juta di dalam kedua-dua dana Pelaburan Langsung dan Program Penyumbangan Luar. Dengan dana Ekuinas Direct (Tranche I) Fund yang telah dilaburkan sepenuhnya pada bulan Oktober 2012, dana Ekuinas Direct (Tranche II) Fund telah mula beroperasi sejurus selepas itu dan dijangka akan dimanfaatkan sepenuhnya pada tahun 2013.

Sementara itu, bagi dana Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund pula, kami menjangkakan sebahagiannya akan dilaburkan menjelang akhir 2013, dan seterusnya ia memberi laluan kepada dana Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund yang akan mengambil alih tanggungjawab memacu pelaburan modal pertumbuhan.

Objektif kewangan dan sosial kami terus menjadi panduan kami dan kami berharap momentum tahun 2012 akan memberikan dorongan kepada Ekuinas untuk terus maju ke hadapan dan mempamerkan prestasi pencapaian yang setanding pada tahun 2013.

Kini, Ekuinas melangkah ke tahun ke-empat operasinya dan lanskap perniagaan akan terus memberikan cabaran kepada Ekuinas, lebih-lebih lagi dengan keperluan untuk mendapatkan lebih banyak cadangan perniagaan dan mengurus prestasi pencapaian syarikat-syarikat portfolio sedia ada. Di Ekuinas, kami berilham dan ingin terus menyumbang kepada penyediaan ekonomi yang terangkum di Malaysia, dengan fokus khusus terhadap penyertaan ekonomi Bumiputera secara saksama.

PENGHARGAAN

Akhir kata, tahun kewangan berakhir 2012 sememangnya merupakan satu tahun yang memuaskan. Saya dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Ekuinas yang lain ingin mengucapkan jutaan terima kasih terutama sekali kepada ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Ekuiti Nasional di atas kepercayaan dan sokongan mereka selama ini. Tanpa sokongan mereka, Ekuinas tidak akan wujud, jauh sekali dapat membantu membangunkan syarikat-syarikat Malaysia.


Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan ahli Lembaga Pengarah kerana sudi berkongsi kebijaksanaan dan juga memberi nasihat strategik dengan tujuan untuk membawa Syarikat ke arah mencapai kejayaan.

Saya turut ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak berkepentingan dan juga rakan-rakan niaga di atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan kepada Ekuinas sepanjang tahun ini. Secara khususnya, saya juga ingin berterima kasih kepada kumpulan pengurusan syarikat-syarikat portfolio kami kerana telah sama-sama berusaha dan memberikan sumbangan masing-masing. Tanpa mereka, Ekuinas tidak mungkin dapat melaksanakan rancangan-rancangan penciptaan nilai dalam portfolio pelaburan sedia ada.

Saya juga ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan kumpulan Pengurusan Kanan Ekuinas di atas kejayaan mempamerkan hasil yang memberangsangkan pada tahun kewangan ini dan juga kepimpinan mereka yang berwibawa. Akhir sekali, saya ingin memuji warga kerja Ekuinas yang telah memberikan komitmen tinggi mereka bagi mencapai objektif Syarikat untuk manfaat semua rakyat Malaysia. Saya berharap semoga semangat dan komitmen ini terus kekal pada tahun akan datang untuk Ekuinas meneruskan perjalanan yang cukup bermakna ini.

RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD RAJA TUN UDA
Pengerusi

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

A man with glasses, wearing a dark suit, white shirt, and a red tie, stands behind a glass table. He is looking towards the camera with a slight smile. The background is a bright, modern office interior with large windows.

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, kami menumpukan usaha melaksanakan pelan penciptaan nilai yang dicipta bersama syarikat-syarikat portfolio kami ke arah mewujudkan *Pelaburan Transformatif*. Pada masa yang sama, komitmen Ekuinas untuk mencari syarikat Malaysia yang berpotensi tetap utuh bagi tujuan pelaburan dan membentuk menjadi peneraju industri masa hadapan.

2012 – TAHUN DI DALAM TINJAUAN

Peluang menerajui sebuah syarikat pelopor ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan dalam suasana ekonomi yang tidak menentu serta pasaran ekuiti persendirian yang masih di peringkat permulaan, merupakan satu pengalaman yang menarik dan penuh cabaran. Ekuinas kini telah beroperasi selama tiga tahun dan perjalanan yang dilalui setakat ini dipenuhi dengan bermacam-macam peristiwa menarik. Sehubungan itu, saya dengan sukacitanya ingin melaporkan bahawa kami kini kian hampir ke arah mencapai objektif kewangan dan sosial Syarikat.

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 tertumpu kepada pelaksanaan Pelan Penciptaan Nilai yang telah dirangka bersama dengan syarikat-syarikat portfolio kami dengan tujuan untuk mencipta Pelaburan-Pelaburan Transformatif. Seiring dengan itu, Ekuinas masih kekal komited untuk mengenalpasti syarikat-syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang layak menerima pelaburan Ekuinas dan seterusnya membimbing mereka menjadi peneraju industri di masa hadapan.

Sukacita dilaporkan walaupun terpaksa berhadapan dengan keadaan ekonomi global yang tidak menentu dan bilangan cadangan pelaburan yang agak terhad ekoran tumpuan pelaburan yang terbatas kepada syarikat-syarikat dalam negara, Ekuinas tetap mencapai prestasi yang baik. Ekuinas telah berjaya mencatatkan prestasi dana yang kukuh, menepati sasaran kadar pelaburan dan mencapai kemajuan yang memberangsangkan dalam penciptaan nilai di dalam syarikat-syarikat portfolio kami.

PERUNTUKAN DANA BERTERUSAN DARIPADA KERAJAAN MEMBOLEHKAN PENGEMBANGAN PORTFOLIO

Sebagaimana tahun-tahun sebelumnya, aktiviti-aktiviti pelaburan Ekuinas sepanjang tahun 2012 dapat dilaksanakan dengan penyaluran dana yang berterusan daripada Kerajaan. Sejumlah RM700 juta telah diterima pada tahun 2012 yang menjadikan jumlah dana diterima oleh Ekuinas setakat ini sebanyak RM1.8 bilion.

Sebahagian daripada peruntukan yang diterima telah digunakan untuk dana sulung Ekuinas iaitu Ekuinas Direct (Tranche I) Fund sebanyak RM1 bilion. Dana ini telah dilaburkan sepenuhnya pada suku ketiga 2012, setelah hanya dua tahun setengah Ekuinas beroperasi. Meskipun terpaksa berhadapan dengan pelbagai rintangan, kadar pelaburan ini merupakan satu kadar yang membanggakan dan ianya setanding dengan syarikat-syarikat ekuiti persendirian terkemuka.

Seterusnya, baki peruntukan dana daripada jumlah yang diterima telah pun disalurkan ke dalam dana baru iaitu Ekuinas Direct (Tranche II) Fund, yang telah memulakan operasinya pada 1 Oktober 2012. Dana yang berjumlah RM1 bilion ini ditubuhkan dengan rangka kerja yang sama dengan dana pelaburan terdahulu, di mana ia tertumpu kepada pelaburan buy-out dan modal pertumbuhan untuk syarikat-syarikat Malaysia bersaiz sederhana yang berpotensi tinggi. Kami sangat teruja dengan prestasi Ekuinas Direct (Tranche II) Fund ini yang telah melabur sebanyak 15.4% daripada jumlah dana setakat hujung tahun 2012 dan mengharapkan prestasi yang sama pada tahun-tahun akan datang.

Dengan penubuhan dana pelaburan langsung yang baru ini, jumlah Dana di bawah Pengurusan Ekuinas telah meningkat daripada RM1.4 bilion kepada RM2.4 bilion menjelang akhir tahun 2012. Dana ini akan terus meningkat kepada RM2.7 bilion pada tahun 2013 dengan pelancaran Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund dengan jumlah modal komited sebanyak RM300 juta yang dijangka akan dilaksanakan pada separuh kedua tahun 2013.

PELABURAN LANGSUNG – PENINGKATAN PELABURAN DALAM SEKTOR-SEKTOR TERAS

Kami amat berpuas hati apabila usaha gigih kami menyaring pasaran dan mengenalpasti peluang pelaburan yang sesuai secara agresif telah mendatangkan hasil dari segi peningkatan aliran cadangan pelaburan bagi tahun 2012.

Empat pelaburan langsung telah dimuktamadkan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM520.7 juta pada tahun 2012, iaitu peningkatan sebanyak 27% berbanding jumlah pelaburan pada tahun sebelumnya.

Pelaburan yang dilaksanakan pada tahun 2012 tertumpu kepada usaha pengembangan portfolio dalam sektor-sektor teras kami iaitu Minyak & Gas (O&G), Pendidikan dan Peruncitan – Makanan dan Minuman (F&B), sejajar dengan pendekatan kami untuk membina pelaburan transformatif melalui istilah yang digunapakai dalam ekuiti persendirian iaitu strategi “Beli dan Bina”. Ia membabitkan pelaburan dalam industri yang sama untuk mendorong penggabungan dan mempercepatkan peningkatan skala syarikat-syarikat portfolio sedia ada. Kami yakin strategi penggabungan ini bukan sahaja sesuai untuk memacu pengembangan perniagaan syarikat-syarikat Malaysia bersaiz sederhana yang berhadapan dengan pertumbuhan organik yang terhad, tetapi juga dapat membantu mentransformasi syarikat-syarikat ini menjadi peneraju pasaran yang berpotensi di masa hadapan.

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Empat pelaburan yang dimuktamadkan adalah Tanjung Kapal Services Sdn Bhd dan OMNI Petromarine Sdn Bhd; dua buah syarikat kapal sokongan luar pesisir milik Bumiputera, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM384.0 juta; UNITAR International University, salah sebuah universiti swasta tertua di Malaysia dan terkenal dengan program sains sosial, dengan pelaburan sebanyak RM58.5 juta dan BURGER KING® Singapore, sebuah jenama restoran perkhidmatan segera terkemuka di negara itu dengan lebih 40 buah restoran pada nilai pelaburan komited sebanyak RM78.2 juta.

Menerusi kesemua pelaburan ini, Ekuinas telah melaksanakan pelaburan secara langsung melebihi RM1.4 bilion di dalam 12 syarikat-syarikat portfolio sejak mula beroperasi. Ini bermakna Ekuinas berada pada landasan yang kukuh untuk mencapai sasaran komitmen pelaburan sebanyak RM5 bilion menjelang tahun 2020.

MEREALISAKAN PELABURAN TRANSFORMATIF

Dengan bilangan syarikat-syarikat portfolio Ekuinas yang semakin meningkat, tahun 2012 telah menuntut tumpuan jitu dan disiplin yang tinggi dari kumpulan kami yang telah

bertungkus lumus menyumbang masa, usaha dan juga sumber untuk membantu melaksanakan pelan penciptaan nilai di dalam setiap syarikat portfolio Ekuinas.

Segala usaha bekerjasama dengan pihak pengurusan syarikat-syarikat portfolio dalam meningkatkan perolehan, mengurangkan kos, meningkatkan kecekapan dan secara amnya mengukuhkan lagi operasi perniagaan secara agresif ternyata telah menghasilkan prestasi yang memberangsangkan untuk Ekuinas pada tahun ini.

Sehubungan itu, kami berpuas hati dengan syarikat-syarikat portfolio kami yang secara kolektifnya telah meningkatkan hasil dan perolehan hasil sebelum cukai, susut nilai dan faedah (EBITDA) masing-masing sebanyak 7% kepada RM1.4 bilion dan 18% kepada RM354.0 juta. Kami mengakui masih banyak lagi yang boleh dilakukan di masa hadapan. Walau bagaimanapun, kami percaya prestasi yang ditunjukkan ini merupakan satu platform yang kukuh bagi Ekuinas untuk membantu memacu lebih banyak penciptaan nilai untuk syarikat-syarikat portfolio kami.

Apa yang lebih penting adalah tahun 2012 telah mempamerkan kemajuan yang signifikan dalam perancangan Ekuinas untuk menjadi pemangkin dalam mengubah syarikat-syarikat portfolio

sedia ada untuk menjadi entiti yang lebih besar dan kukuh. Dengan tumpuan terhadap strategi “Beli dan Bina” untuk mencipta pelaburan transformatif, Ekuinas telah berjaya mewujudkan tiga kumpulan peneraju pasaran yang berpotensi dalam segmen Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV) dalam sektor O&G, begitu juga di dalam sektor Pendidikan dan Peruncitan – F&B.

KUMPULAN OSV EKUINAS

Salah satu daripada usaha utama pada tahun 2012 tertumpu kepada aktiviti penstrukturan semula portfolio O&G Ekuinas dengan matlamat untuk memberi fokus kepada sektor OSV.

Pada bulan Julai 2012, Ekuinas telah membantu Tanjung Offshore Berhad (TOB) menyempurnakan proses pemisahan perniagaan marin dan bukan marinnnya di mana Ekuinas telah membeli perniagaan marin TOB, yang diuruskan oleh anak syarikatnya Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS). Ekuinas kemudian menggabungkan TKS dengan sebuah lagi perolehan baru OSV iaitu OMNI Petromaritime Sdn Bhd untuk mewujudkan satu entiti baru yang dikenali sebagai Icon Offshore Berhad (Icon Offshore).

Penggabungan ini telah menghasilkan syarikat OSV ketiga terbesar di Malaysia dengan portfolio kapal melebihi 30 buah serta nilai aset melebihi RM1 bilion dan hasil perolehan melebihi RM250.0 juta. Icon Offshore kini menyediakan perkhidmatan kepada syarikat-syarikat minyak utama dunia dan kini beroperasi di Malaysia, Qatar dan Vietnam.

Kami berharap dengan memanfaatkan platform ini serta peluang yang meningkat ekoran pertumbuhan aktiviti eksplorasi dan pengeluaran minyak dan gas di Malaysia dan serantau menjelang lima tahun akan datang, kami dapat membangunkan perniagaan Icon Offshore Sdn Bhd secara agresif. Ini akan dilaksanakan menerusi peningkatan bilangan kapal secara strategik, pengembangan operasi antarabangsa sedia ada dan juga usaha meneroka lebih banyak peluang penggabungan dan pengambilalihan.

Untuk memuktamadkan proses penstrukturan semula tersebut, pada bulan November 2012, Ekuinas telah menjual keseluruhan 24% kepentingan di dalam TOB pada nilai RM62.0 juta dengan keuntungannya dilabur semula sebagai pelaburan tambahan ke dalam Icon Offshore. Ini merupakan pelupusan pelaburan pertama bagi Ekuinas. Meskipun pelupusan ini mencatatkan kerugian, ia telah membolehkan Ekuinas menumpukan sepenuh perhatian kepada pelaburan-pelaburan OSVnya. Pada masa yang sama, Ekuinas berpuas hati meninggalkan TOB setelah berjaya membantu syarikat tersebut memperkemas operasinya dan memastikan ia mempunyai

dana serta sumber yang diperlukan untuk merebut peluang di dalam sektor O&G yang semakin berkembang.

Dengan jumlah pelaburan sebanyak RM483.8 juta (bersamaan dengan 34.3% daripada keseluruhan portfolio Ekuinas), portfolio O&G kini mewakili sektor pelaburan terbesar bagi Ekuinas.



Jumlah pelaburan dalam sektor O&G

RM483.8 juta



ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



KUMPULAN PENDIDIKAN EKUINAS

Menjelang penghujung tahun 2011, sektor Pendidikan telah menjadi sektor pelaburan teras bagi Ekuinas dengan dua pelaburan majoriti yang signifikan di dalam Kumpulan Pendidikan APIIT dan Kumpulan Cosmopoint.

Sepanjang tahun dalam tinjauan, Ekuinas telah mengembangkan platform pendidikannya dengan memperoleh UNITAR International University (UNITAR) bersama dengan Shoraka Capital, sebuah syarikat ekuiti persendirian Bumiputera. Dengan legasi uniknya sebagai salah sebuah universiti swasta tertua di Malaysia, UNITAR mempunyai reputasi yang kukuh terutama sekali bagi kursus-kursus berkaitan pendidikan dan sains sosial dan kini mempunyai pelajar berdaftar lebih dari 8,000 orang.

Dengan pelaburan ini, portfolio pendidikan Ekuinas telah meningkat kepada lebih dari 28,000 pelajar dengan hasil bergabung melebihi RM300.0 juta, menjadikannya salah satu daripada kumpulan pendidikan swasta terbesar dalam negara. Sehingga kini, sejumlah RM406.5 juta telah dilaburkan di dalam sektor pendidikan, yang mewakili 28.8% daripada keseluruhan portfolio Ekuinas.



Jumlah pelaburan dalam sektor Pendidikan

RM406.5 juta

KUMPULAN F&B EKUINAS

Untuk mengukuhkan lagi portfolio F&B Ekuinas di seluruh rantau, kami telah membantu syarikat pegangan pelaburan F&B kami iaitu Rancak Selera Sdn Bhd untuk melaksanakan perolehan serantaunya yang pertama menerusi pembelian 100% pemilikan Burger King Singapore Pte Ltd daripada Burger King Asiapac Pte Ltd.

Pelaburan ini bukan sahaja mengembangkan francais BURGER KING® kami di Singapura, malah ia juga meliputi Perjanjian Francaisor Utama dan Pembangunan, yang memberikan hak eksklusif kepada Rancak Selera untuk memiliki, membangun dan memfrancis restoran-restoran BURGER KING® di Malaysia dan Singapura bagi tempoh 20 tahun akan datang.

Dengan pelaburan ini, Ekuinas seterusnya menggabungkan kesemua pelaburan F&B kami di bawah syarikat pegangan pelaburan yang telah dijenamakan semula sebagai Integrated Food Group Sdn Bhd (IFG). Sehingga 31 Disember 2012, IFG mempunyai 150 buah restoran di bawah lima jenama popular iaitu BURGER KING®, San Francisco Coffee, Manhattan Fish Market, Popeyes dan Tony Roma's di Malaysia, Singapura dan Thailand.

Walaupun tempoh gestasi bagi pelaburan dalam sektor F&B adalah agak lama, hasil bergabung bagi semua syarikat di bawah IFG kini melebihi RM350 juta, menjadikannya kumpulan F&B ketiga terbesar di Malaysia. Di masa akan datang, IFG berhasrat untuk menjadi peneraju dalam kumpulan F&B bersepadu dengan memiliki beberapa jenama antarabangsa serta milik sendiri yang popular dan merentasi segmen peruncitan makanan & minuman yang berbeza, selain mempunyai pejabat pentadbiran yang sama untuk meraih faedah ekonomi bidangan.

Sehingga kini, sejumlah RM241.0 juta telah dikhususkan untuk sektor F&B dan ia mewakili 17.1% daripada jumlah pelaburan yang dilaksanakan oleh Ekuinas.



Jumlah pelaburan dalam sektor Peruncitan – F&B

RM241.0 juta

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Secara keseluruhannya, kami amat gembira dengan kemajuan yang dicapai oleh pelaburan-pelaburan teras dan syarikat-syarikat portfolio kami yang lain. Segala usaha kumpulan pelaburan kami mengenalpasti peluang pelaburan yang bersesuaian, meneliti secara terperinci dan merancang urusan pelaburan dengan baik supaya pelan penciptaan nilai syarikat-syarikat portfolio dapat dilaksanakan pasca pelaburan, telah membuahkan hasil yang positif untuk Ekuinas.

Ekuinas Direct (Tranche I) Fund telah mencatatkan pulangan kasar portfolio sebanyak RM368.6 juta, di mana RM123.6 juta atau 33.5% telah pun direalisasikan. Ini bersamaan dengan prestasi Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) sebanyak 27.5% dan IRR Bersih sebanyak 20.6% yang melepasi sasaran IRR minimum dan sasaran IRR aspirasi masing-masing sebanyak 12% dan 20% setahun.

Apa yang lebih memuaskan lagi adalah prestasi kewangan yang setanding dengan pulangan yang dicapai oleh syarikat ekuiti persendirian serantau terkemuka. Ianya masih dapat dicapai walaupun Ekuinas terpaksa berhadapan dengan halangan dari segi tumpuan pelaburan yang terhad kepada syarikat-syarikat di dalam negara sahaja.

PROGRAM PENYUMBERAN LUAR – KEMAJUAN PROGRAM

Berbanding portfolio pelaburan langsung yang terus giat berkembang, Program Penyumberan Luar sekali lagi menghadapi tahun yang penuh cabaran dengan hanya dua pelaburan tambahan kepada portfolio di bawah Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. yang diuruskan oleh Navis Capital Partners (Navis).

Dua pelaburan yang berjaya dimuktamadkan oleh Navis merupakan perolehan kepentingan minoriti di dalam SEG International Berhad (SEGi), sebuah kumpulan pendidikan swasta yang terkenal di Malaysia dan pelaburan majoriti di dalam MCAT Box Office Sdn Bhd (MBO), kumpulan rangkaian pawagam ketiga terbesar dalam negara. Bersama dengan pelaburan lanjutan di dalam MBO bagi membolehkan pembelian *buy-out* syarikat Reliance Mediaworks Big Cinemas Sdn Bhd (Big Cinemas), Ekuinas telah membuat pelaburan tambahan sebanyak RM62.3 juta untuk program penyumberan luarnya pada tahun 2012.

OFM kedua, CIMB Private Equity, telah menjalani proses penstrukturan semula pada tahun di dalam tinjauan dan dananya, CIMB National Equity Fund Ltd dijangka akan membuat pelaburan pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, dana MK-One Fund (Labuan) Limited di bawah pengurusan KFH Asset Management telah ditamatkan pada bulan April 2012 berikutan penstrukturan semula dalaman di Kumpulan KFH.



Dana asal yang telah diperuntukkan kepada KFH telah digunakan untuk menambah dana Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. dan bakinya telah dikenalpasti untuk diuruskan oleh pengurus dana ekuiti persendirian baru yang dijangka akan dilantik pada tahun 2013.

Ini bermakna portfolio pelaburan Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund hanya berkembang pada hujung tahun kepada tiga buah syarikat dengan jumlah pelaburan komited Ekuinas sebanyak RM74.1 juta (2011: 1 syarikat dengan jumlah RM11.8 juta). Program Penyumberan Luar ini telah mencatatkan pulangan negatif pada tahun ini berikutan bilangan pelaburan yang terhad yang kebanyakannya masih berada di peringkat awal dan yuran pengurusan yang perlu diambil kira.

Prestasi peringkat awal Program Penyumberan Luar yang mencabar tidak menghalang Ekuinas untuk terus memainkan peranan dalam membantu membangunkan industri ekuiti persendirian tempatan. Dengan persetujuan pihak Kerajaan, Ekuinas akan melanjutkan Program Penyumberan Luarnya ke fasa kedua dengan komitmen modal sebanyak RM300 juta bagi terus membantu menyediakan modal yang diperlukan untuk syarikat-syarikat Malaysia dan juga para usahawan, mengembangkan perniagaan mereka.

Dengan itu, Ekuinas telah memulakan proses pemilihan bagi Fasa Kedua Program Penyumberan Luar Tranche II di mana 30 buah syarikat ekuiti persendirian tempatan telah menyatakan minat dan 16 daripadanya telah menghantar kertas cadangan mereka. Dengan bantuan dari kumpulan perunding pelaburan global, Towers Watson, tujuh syarikat telah disenaraipendek untuk melalui proses ketekunan wajar (due diligence). Kami menjangkakan pemilihan dan pelantikan akan dibuat pada pertengahan tahun 2013.

Dalam suasana industri ekuiti persendirian di Malaysia yang masih baru, kami sedar bahawa Program Penyumberan Luar adalah satu cabaran besar buat Ekuinas. Meskipun begitu, kami kekal komited dalam misi kami untuk membimbing syarikat-syarikat ekuiti persendirian yang berpotensi tinggi dan bertindak sebagai pemangkin pembangunan dalam industri ekuiti persendirian tempatan. Kami percaya sektor ekuiti persendirian tempatan berupaya untuk terus tumbuh menjadi industri besar yang dapat membantu memacu pertumbuhan ekonomi, sekiranya diberi masa dan sokongan yang diperlukan, sejajar dengan aspirasi Kerajaan untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.



ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

MATLAMAT SOSIAL – MEMBERIKAN IMPAK BERMAKNA

Sebagai sebuah syarikat ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Ekuinas melaksanakan objektif sosialnya menerusi operasi pelaburan merentasi empat dimensi – meningkatkan pemilikan ekuiti, menambah jumlah pengurus dan usahawan yang berkebolehan, meningkatkan peluang pekerjaan dan memperbaiki rantaian bekalan supaya lebih banyak syarikat boleh mendapat manfaat daripada pertumbuhan syarikat-syarikat portfolio Ekuinas.

Di dalam tahun tinjauan ini, kami dengan sukacitanya memaklumkan bahawa jumlah pelaburan kami telah membolehkan peningkatan nilai sebanyak RM1.9 bilion di dalam ekuiti Bumiputera; mewakili 1.4 kali ganda modal yang dilaburkan iaitu RM1.4 bilion. Pada masa yang sama, pelaburan kami juga telah menghasilkan jumlah nilai ekonomi yang tercipta berjumlah RM2.4 bilion atau 1.7 kali ganda pelaburan Ekuinas untuk semua pemegang saham dalam syarikat-syarikat portfolio kami.

Ini mencerminkan satu impak yang signifikan, bukan sahaja dalam meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera tetapi juga bagi memperlihatkan impak positif pelaburan Ekuinas yang bermanfaat untuk semua rakyat Malaysia.

Syarikat-syarikat portfolio Ekuinas kini menyediakan pekerjaan dan melatih 144 pengurus, yang mana 46.5% daripada jumlah tersebut adalah Bumiputera. Kebanyakan pengurus-pengurus ini diberikan skim ekuiti berdasarkan prestasi. Kami mengharapkan insentif ini akan memacu prestasi mereka dan membolehkan mereka berkongsi nilai yang dicipta bersama-sama di dalam syarikat masing-masing.

Ekuinas juga telah berjaya meningkatkan jumlah pekerja dalam syarikat-syarikat portfolio kami sebanyak 11.5% kepada 7,749 orang, di mana 63% daripada jumlah tersebut adalah Bumiputera.

Kami menyedari walaupun terdapat kemajuan yang baik, masih banyak lagi yang perlu dilakukan bagi mencapai objektif sosial kami bagi tempoh jangka masa panjang. Kami juga sedar bahawa sebarang usaha dalam mencapai objektif sosial di dalam syarikat-syarikat portfolio kami harus dilaksanakan secara adil dan berdasarkan merit untuk memastikan segalanya terangkum dan dapat dimanfaatkan bersama oleh semua rakyat Malaysia. Ekuinas berpegang teguh kepada prinsip bahawa segala usaha untuk membuahkan hasil jangka panjang yang mampan akan hanya dapat dicapai melalui pendekatan ini.



Peningkatan di dalam Nilai Ekuiti
Bumiputera

RM1.9 bilion
1.4x modal dilaburkan

Jumlah Nilai tercipta bagi semua Pemegang Saham

>RM2.4 bilion
1.7x modal dilaburkan

MENERUSKAN PEMBINAAN KAPASITI ORGANISASI

Ekuinas bertekad untuk menjalankan operasi setanding dengan amalan-amalan terbaik syarikat ekuiti persendirian dunia dan dengan komitmen sedemikian, Syarikat sentiasa memastikan perniagaan diurus sebaik mungkin dengan cekap dan berkesan.

Sebagai sebuah syarikat pengurusan dana, Ekuinas mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM6.1 juta untuk tahun kewangan 2012 (2011: RM4.3 juta). Dengan Dana di bawah Pengurusan (FuM) meningkat kepada RM2.4 juta, kami berjaya mengekalkan nisbah perbelanjaan operasi (OPEX) yang rendah pada kadar 1%, sejajar dengan arah aliran nisbah rendah yang dicatatkan pada tahun-tahun sebelumnya iaitu 1.5% untuk tahun kewangan 2011 dan 1.3% dalam tahun kewangan 2010. Ini merupakan satu tanda aras yang baik berbanding dengan agensi Kerajaan yang lain serta syarikat ekuiti persendirian terkemuka dunia.

Pembangunan modal insan yang berterusan adalah kritikal di dalam perjalanan untuk menjadikan Ekuinas sebagai sebuah syarikat ekuiti persendirian dengan para profesional yang berpengetahuan luas dan berbakat besar. Untuk tujuan ini, kami telah membuat pelaburan yang signifikan dalam Latihan dan Pembangunan warga kerja kami termasuk menghantar warga kerja tertentu ke institut perniagaan ternama di luar negara untuk mendapatkan pengalaman yang diperlukan serta meningkatkan kemahiran kepimpinan serta kebolehan pengurusan mereka.



Syarikat juga turut menganjurkan sesi *off-site* tahunan untuk membolehkan kumpulan mendapat pengetahuan dari tokoh-tokoh syarikat terkemuka dunia selain berbincang dan mengatur strategi untuk pelan tindakan syarikat yang seterusnya. Semua sesi berkenaan memberikan peluang kepada warga kerja Ekuinas untuk berkongsi pengetahuan dan pandangan serta memberi input bagi memperbaiki proses-proses pelaburan dan bahagian-bahagian lain yang berkaitan.

Menyedari bahawa kejayaan kami terletak pada usaha membantu kumpulan pengurusan syarikat-syarikat portfolio untuk mencipta nilai di dalam syarikat, tahun 2012 telah menyaksikan penubuhan Unit Pengurusan dan Pemantauan Portfolio (PMM) yang baru. Dengan kemahiran khusus mereka, Unit PMM bekerjasama dengan kumpulan pelaburan dan barisan pengurusan syarikat-syarikat portfolio untuk memacu inisiatif nilai tambah merentasi semua organisasi. Dua bidang utama yang telah ditubuhkan adalah PMM Kewangan dan PMM Sumber Manusia dan kami berharap untuk mengembangkannya lagi untuk merangkumi bahagian proses dan sistem maklumat pada tahun akan datang.

Ini seterusnya meluaskan lagi sokongan yang dihulurkan oleh jabatan-jabatan lain Ekuinas kepada syarikat-syarikat portfolio seperti Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko, Perundangan dan Kesetiausahaan Syarikat, Pengurusan Sistem Maklumat (MIS) dan Komunikasi.



Jumlah Pekerja

7,749

Jumlah Pengurus

144

Jumlah Pengurus
Bumiputera

67

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



BERINTERAKSI DENGAN SEMUA PIHAK BERKEPENTINGAN

Sebagai syarikat ekuiti persendirian yang diamanahkan untuk melaburkan dana awam secara efektif dan saksama, Ekuinas sentiasa mengekalkan dialog secara aktif dengan semua pihak berkepentingan untuk memastikan ketelusan dan pendedahan penuh. Sehubungan itu, Ekuinas menghantar laporan secara berkala kepada pihak Kerajaan dan kerap berbincang dengan agensi-agensi pembiayaan lain yang berkongsi matlamat yang sama untuk membangunkan keusahawanan di Malaysia serta dengan agensi-agensi bukan Kerajaan yang mempromosi usaha niaga, juga kepada orang awam melalui organisasi media.

Semua ini adalah sejajar dengan Dasar Pendedahan Ekuinas dan seterusnya dirangkumkan di dalam pengumuman Laporan Tahunan Ekuinas, yang mana bagi tahun kewangan 2011, telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Nor Mohamed Yacop pada 26 April 2012.

Sebagai Ahli Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) dan juga sekretariatnya, Jawatankuasa Kerja TERAJU, Ekuinas kerap bertemu dengan wakil-wakil kementerian yang berkaitan serta agensi-agensi terpilih untuk berbincang mengenai usaha meningkatkan penglibatan golongan Bumiputera dalam ekonomi secara saksama dan mampan. Kesedaran awam terhadap peranan yang dimainkan oleh Ekuinas semakin meningkat melalui penglibatan Ekuinas di dalam pelbagai inisiatif dan program yang memberi peluang kepada kumpulan pengurusan untuk berjumpa dan berinteraksi dengan rakan sejawatan dari jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi pembiayaan yang lain.

MELABUR DI DALAM MASYARAKAT

Sebagai salah satu pemain utama dalam industri ekuiti persendirian tempatan, Ekuinas terus menghulurkan bantuan kepada persatuan industri iaitu Persatuan Modal Teroka dan Ekuiti Persendirian Malaysia (MVCA). MVCA berhasrat untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai peranan yang dimainkan oleh syarikat-syarikat ekuiti persendirian dan modal teroka dalam membantu komuniti usahawan.

Ekuinas juga terus menghulurkan bantuan kepada pelbagai agensi bukan Kerajaan yang mempromosikan keusahawanan di samping meningkatkan kebolehan dan kemahiran di kalangan pemilik perniagaan Malaysia. Selain daripada sumbangan yang dibuat kepada Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera yang bertujuan untuk memberikan bantuan kewangan kepada pelajar Bumiputera berpotensi tinggi yang layak, sumbangan turut disalurkan kepada golongan yang kurang bernasib baik seperti ibu tunggal dan anak-anak yatim serta golongan lain yang layak sepanjang tahun dalam tinjauan.

Selain itu, Ekuinas turut berbangga dengan fasa pertama Program Pelatih Graduan Syarikat Portfolio (Graduate Trainee Programme), program selama setahun khas bagi graduan universiti tempatan. Para graduan yang mengambil bahagian dalam program ini berpeluang mendapat pengalaman bekerja yang berharga dari kalangan profesional di syarikat-syarikat portfolio Ekuinas. Para pelatih yang menunjukkan prestasi baik ditawarkan jawatan tetap manakala yang lain diberi sokongan untuk mencari pekerjaan di tempat lain.

Pada tahun 2012, Lembaga Pengarah Ekuinas juga telah meluluskan Rangka Kerja Tanggungjawab Korporat Sosial (CSR) yang telah mengenal pasti inisiatif utama CSR Ekuinas untuk jangka masa lima tahun akan datang yang distruktur melalui proses tadbir urus yang baik. Kami berharap untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif CSR ini pada tahun 2013 dan melaporkan kemajuannya dalam laporan-laporan tahunan akan datang.

MEMBINA KEKUATAN DI TAHUN 2013

Secara keseluruhannya, tahun tinjauan ini merupakan tahun yang amat memuaskan bagi Ekuinas. Segala usaha dan peningkatan prestasi dapat dilihat dengan jelas dari prestasi kewangan yang tertera dalam laporan tahunan ini. Dengan ketabahan dan sedikit keyakinan, kami berharap untuk mengekalkan prestasi ini untuk tahun akan datang bagi membolehkan Ekuinas mencapai objektif kewangan dan sosialnya.

Dengan peruntukan dana yang berterusan dari Kerajaan, kami beriltizam untuk membuat pelaburan sebanyak RM600 juta di dalam syarikat-syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi pada tahun 2013.

Tekad untuk merealisasikan nilai transformatif dalam syarikat-syarikat portfolio kekal menjadi pemacu utama strategi kami untuk membantu pertumbuhan perniagaan, meningkatkan keberkesanan operasi syarikat dan membawa mereka ke tahap selanjutnya. Tiga sektor pelaburan kami iaitu Pendidikan, O&G dan F&B akan kekal menjadi asas portfolio kami. Namun, kami berharap untuk meningkatkan kehadiran kami dan mengulangi strategi transformatif ini di dalam sektor-sektor lain dalam ekonomi Malaysia sejajar dengan mandat kami untuk mewujudkan peneraju pasaran di masa hadapan.

Kami amat berterima kasih kepada pihak Kerajaan dan Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Ekuiti Nasional atas sokongan padu mereka, serta Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di atas nasihat dan panduan yang amat berharga. Tanpa mereka, prestasi ini tidak mungkin dapat dicapai.

Kami juga amat bertuah dengan kehadiran Pengerusi kami, YM Raja Tan Sri Arshad dan juga ahli-ahli Lembaga Pengarah Ekuinas yang lain, yang telah memimpin kami selama ini. Kebijaksanaan dan wawasan mereka menjadi inspirasi dan pedoman kami.

Kepada semua rakan niaga dan rakan pelaburan kami, kepada organisasi-organisasi bukan Kerajaan dan pihak media yang telah memberikan kerjasama dan sokongan berterusan pada tahun ini, kami ucapkan ribuan terima kasih dan kami mengharap sokongan berterusan anda di masa akan datang.

Dan saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada warga Ekuinas dan kumpulan pengurusan di syarikat-syarikat portfolio kami kerana azam dan tekad mereka telah mendorong kami berusaha menjadikan Ekuinas sebuah firma yang setanding dengan syarikat-syarikat ekuiti persendirian terulung dalam industri. Saya sangat teruja dengan prospek dan peluang-peluang baru yang akan kita cipta bersama pada tahun 2013 tatkala kita semakin hampir dalam pencapaian objektif yang telah ditetapkan.


ABDUL RAHMAN AHMAD
Ketua Pegawai Eksekutif



Merangsang keusahawanan



STRUKTUR ORGANISASI



STAND OUT WITH HYPNOTIC EYES

NEW Lash Curler
Waterproof Film Mascara

+20° curlier **+75% longer**

Super Curl Polymer
"Holds your lashes 27" out" up to 10 hours

Flexi-Soft Frames
"Stretch your lashes up to 75% longer"

Intelligent Fibre Strips
"For that forward-out effect"

Film-Forming Polymer
"Resistant to smudges, flaking, and water"

SILKY GIRL
Unleash your confidence

UP TO BEST BOB IN TOWN VOTED BY THE PEOPLE



BURGER KING

Have it your way™

In line with our new look and feel, Burger King® Malaysia is proud to announce our new Brand Ambassador – Izara Aishah, the petite young actress who has spiced up local drama series such as *Vanilla Cakes* and *Sofiya*.

Born in Johor and brought up in Kuala Lumpur, Izara exudes charm and elegance in a youthful personality which aptly reflects Burger King's passion for embracing life in totality – from the simplest pleasures to the indulgent luxuries that make up our lives.

Catch Izara in our latest TV commercial – hanging out in style at a Burger King® outlet and enjoying our signature flame-grilled burgers... with inspiration as an added ingredient!

IZARA AISHAH
BK BRAND AMBASSADOR



**LEMBAGA
PENGARAH**

Duduk:

- **Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda**
Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif

Berdiri dari kiri ke kanan:

- **Dato' Abdul Rahman Ahmad**
Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif
- **Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan**
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
- **Datuk Dr Rahamat Bivi Yusoff**
Pengarah Bukan Eksekutif
- **Tan Sri Mohamed Azman Yahya**
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
- **Datuk Noriyah Ahmad**
Pengarah Bukan Eksekutif





**LEMBAGA
PENGARAH****Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda**

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda adalah Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran.

Raja Tan Sri Arshad merupakan Fellow di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) serta Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) di mana beliau merupakan anggota Majlis MICPA selama 24 tahun dan pernah menyandang jawatan Presiden selama tiga tahun di dalam tempoh tersebut.

Pada masa ini, Raja Tan Sri Arshad turut memegang jawatan-jawatan berikut: Pengerusi Maxis Berhad dan Pengarah di Khazanah Nasional Berhad serta ACR Capital Holdings. Beliau juga merupakan Pengerusi Yayasan Raja Muda Selangor dan Pengerusi Yayasan Amir, selain menjadi ahli Lembaga Pemegang Amanah bagi Yayasan DayaDiri. Raja Tan Sri Arshad juga adalah Canselor Universiti Industri Selangor.

Raja Tan Sri Arshad adalah mantan Pengerusi Eksekutif dan Rakan Kongsi Kanan di PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia. Beliau juga adalah mantan Pengerusi, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan Pengerusi Danamodal Nasional Berhad. Jawatan dan peranan beliau di peringkat antarabangsa termasuk menganggotai Lembaga PwC Global IFRS dan Majlis Standards Advisory Council di International Accounting Standards Board.



Dato' Abdul Rahman Ahmad

Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif

Dato' Abdul Rahman Ahmad ialah salah seorang Pengarah yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau mengetuai Jawatankuasa Pengurusan dan merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan. Beliau juga adalah Pengarah Nomini bagi Ekuinas di Konsortium Logistik Berhad.

Sebelum menyertai Ekuinas, Dato' Abdul Rahman menyandang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif di Media Prima Berhad (MPB), kumpulan pelaburan media berintegrasi yang ulung di Malaysia. Beliau juga adalah mantan Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif di Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), sebuah syarikat konglomerat yang terlibat di dalam perniagaan hartanah, pembinaan dan infrastruktur.

Dato' Abdul Rahman memulakan kariernya di Arthur Andersen, London, dan kemudian berkhidmat sebagai Pegawai Khas kepada Pengerusi Eksekutif di Trenergy (M) Berhad/Turnaround Managers Inc Sdn Bhd. Beliau kemudiannya menyertai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, sebuah syarikat pengurusan aset negara sebagai Ketua Unit dan seterusnya menjadi Pengarah Eksekutif di SSR Associates Sdn Bhd.

Dato' Abdul Rahman memiliki ijazah Sarjana di dalam bidang Ekonomi dari Cambridge University, United Kingdom dan merupakan ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW). Dato' Abdul Rahman kini juga merupakan Pengarah Bebas di MRCB, Axiata Group Berhad (Axiata), dan M+S Pte Ltd, sebuah syarikat usahasama hartanah antara Khazanah Nasional Berhad dan Temasek Holdings (Private) Limited.



**LEMBAGA
PENGARAH****Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan***Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan ahli Jawatankuasa Audit.

Pada masa ini, beliau merupakan Pengerusi Bukan Eksekutif di New Straits Times Press Berhad dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Media Prima Berhad. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah Affin Bank Berhad dan ahli Suruhanjaya di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar adalah Pengerusi, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia. Beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dalam pelbagai kapasiti sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah ISIS Malaysia pada tahun 1990 dan kemudiannya sebagai Ketua Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi.

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar merupakan ahli Kumpulan Kerja Majlis Ekonomi dan ahli Panel Penasihat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Beliau juga adalah Pengerusi, Jawatankuasa Nasional Malaysia bagi Majlis Kerjasama Keselamatan di Asia Pasifik dan seorang *Expert and Eminent Person* bagi Forum Serantau ASEAN (ARF).

Tan Sri Mohamed Azman Yahya*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

Tan Sri Mohamed Azman Yahya ialah salah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran.

Beliau merupakan pengasas dan Ketua Eksekutif Kumpulan Symphony House Berhad, sebuah kumpulan perkhidmatan penyumberan luar tersenarai dan Pengerusi Eksekutif, Bolton Berhad, sebuah kumpulan hartanah tersenarai. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad dan beberapa syarikat pelaburannya. Tan Sri Azman juga adalah ahli Yayasan Laporan Kewangan Malaysia (FRF), Pengarah Sepang International Circuit dan Pengerusi Motorsports Association of Malaysia.

Sebelum menceburi bidang perniagaan, Tan Sri Azman pernah dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menubuhkan dan mengetuai Danaharta Nasional Berhad, syarikat pengurusan aset negara dan dilantik sebagai Pengerusi syarikat sehingga tahun 2003. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu menyelesaikan dan menstrukturkan semula hutang bagi syarikat-syarikat berdaya maju sehingga pembubarannya pada tahun 2002.

Kerjaya beliau sebelum ini merangkumi pengalaman bekerja di bidang audit dengan KPMG di London, bidang kewangan dengan Kumpulan Island & Peninsular dan bidang perbankan pelaburan dengan Bumiputra Merchant Bankers dan Amanah Merchant Bank.

Tan Sri Azman memiliki Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) kelas satu di bidang Ekonomi dari London School of Economics and Political Science, dan merupakan ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) selain menjadi Fellow di Institut Bank-Bank Malaysia.



**LEMBAGA
PENGARAH**



Datuk Dr Rahamat Bivi Yusoff

Pengarah Bukan Eksekutif

Datuk Dr Rahamat Bivi Yusoff menyertai Lembaga Pengarah Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) sebagai Pengarah Bukan Eksekutif pada 19 Oktober 2011 ketika beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia (UPE, JPM).

Datuk Dr Rahamat telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Malaysia selama lebih 30 tahun, di mana jawatan pertama beliau adalah sebagai Penolong Setiausaha (Bahagian Cukai) di Kementerian Kewangan (MOF) dan seterusnya beliau telah memegang pelbagai jawatan di MOF, antaranya Pengarah Bahagian Belanjawan, Timbalan Pengarah Seksyen Ekonomi Makro di UPE, JPM, Pegawai Projek di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Pengarah di Suruhanjaya Tenaga. Sebelum dilantik menjadi Ketua Pengarah UPE, JPM, Datuk Dr Rahamat merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, MOF menerajui Bahagian Sistem dan Kawalan.

Datuk Dr Rahamat juga merupakan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), ahli Lembaga Pengarah bagi Pihak Berkuasa Bersama Malaysia Thailand (MTJA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Johor Corporation dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Beliau juga ialah ahli Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) dan ahli Majlis di Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MTPN).

Datuk Dr Rahamat memiliki ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Ekonomi) (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia, ijazah Sarjana Ekonomi dari University of Western Michigan, Amerika Syarikat dan beliau juga telah menerima ijazah Kedoktoran dari Australian National University.

Datuk Noriyah Ahmad

Pengarah Bukan Eksekutif

Datuk Noriyah Ahmad ialah salah seorang daripada Pengarah Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) dan juga ahli Jawatankuasa Audit.

Datuk Noriyah merupakan mantan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri Malaysia (UPE, JPM), iaitu jawatan terakhir yang disandang setelah lebih 30 tahun berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Beliau memulakan karier dengan Kerajaan sebagai Penolong Pengarah, Seksyen Perkhidmatan Sosial, UPE, JPM, dan kemudian memegang pelbagai jawatan di Kementerian Wilayah Persekutuan, Unit Perancang Lembah Klang, INTAN, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan dan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Pada tahun 2003, beliau menyandang jawatan sebagai Pengarah Seksyen Pengagihan di UPE dan dinaikkan pangkat kepada Timbalan Ketua Pengarah I pada tahun 2005. Datuk Noriyah dilantik menjadi Ketua Pengarah EPU pada tahun 2009, sebelum bersara pada bulan Oktober 2011.

Datuk Noriyah memiliki ijazah Sarjana Muda Ekonomi Gunaan (Kepujian) dari Universiti Malaya dan ijazah Sarjana Ekonomi Pembangunan dari University of Kent, United Kingdom.

Terkini, beliau adalah Pengerusi Bersama, Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand dan juga ahli Lembaga Pengarah di Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

PENGURUSAN KANAN

Duduk:

- **Dato' Abdul Rahman Ahmad**
Ketua Pegawai Eksekutif

Berdiri dari kiri ke kanan:

- **Nik Johaan Nik Hashim**
Pengarah Kanan, Pelaburan/Pengurusan Pihak Berkepentingan
- **Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir**
Pengarah Urusan, Pelaburan
- **Suridah Jalaluddin**
Pengarah Kanan, Pelaburan/Perkhidmatan Bersama
- **Mazhairul Jamaludin**
Ketua Pegawai Kewangan dan Pengarah Kanan, Pelaburan/Penyumberan Luar
- **Amil Izham Hamzah**
Pengarah Kanan, Pelaburan



SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR

Pengarah Urusan, Pelaburan

Syed Yasir Arafat ialah Pengarah Urusan, Pelaburan di Ekuinas dan beliau adalah ahli Jawatankuasa Pelaburan dan juga Jawatankuasa Pengurusan. Syed Yasir Arafat kini menyelia Pasukan Pelaburan Ekuinas dan menerajui portfolio pelaburan Syarikat dalam sektor minyak dan gas (O&G) dan juga sektor perkhidmatan. Beliau juga adalah Pengarah Nomini mewakili Ekuinas di CIMB National Equity Fund Ltd.

Sebelum menyertai Ekuinas, beliau merupakan Pengurus Negara (Perbankan Borong ING) di ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd di mana beliau mengendalikan operasi penggabungan dan pengambilalihan (M&A), penubuhan dana ekuiti dan dana berkaitan ekuiti, penubuhan dana pinjaman dan menjadi penasihat kewangan kepada beberapa syarikat peneraju Malaysia yang terlibat dalam bidang perbankan, perladangan, automotif, telekomunikasi dan hartanah.

Sebelum itu, Syed Yasir Arafat pernah berkhidmat di United Overseas Bank (Malaysia) Berhad, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, Commerce International Merchant Bankers Berhad dan Aseambankers Malaysia Berhad.

Syed Yasir Arafat memiliki ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Perakaunan dan Pengurusan Kewangan dari University of Essex, United Kingdom.

MAZHAIKUL JAMALUDIN

*Ketua Pegawai Kewangan dan Pengarah Kanan, Pelaburan/
Penyumberan Luar*

Mazhairul Jamaludin ialah Ketua Pegawai Kewangan dan Pengarah Kanan, Pelaburan/Penyumberan Luar serta ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan. Beliau menerajui Program Penyumberan Luar Ekuinas dan merupakan Pengarah Kanan yang bertanggungjawab membina portfolio pendidikan Ekuinas. Mazhairul juga bertanggungjawab menyelia hal-hal berkaitan pengurusan kewangan, portfolio laporan dan perbendaharaan. Beliau juga adalah Pengarah Nomini mewakili Ekuinas di CIMB National Equity Fund Ltd.

Sebelum ini, beliau menyandang jawatan Pengawal Kewangan dan Timbalan Presiden Kanan, Perkhidmatan Komersial, MultiChannel TV di ASTRO, sebuah kumpulan media terkemuka di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan televisyen bersatelit DTH (Direct-To-Home), radio komersial dan program televisyen.

Beliau juga pernah bertugas sebagai Timbalan Presiden Pelaporan Perakaunan dan Pengurusan Kewangan di Celcom, salah sebuah syarikat telekomunikasi mudah alih terulung negara serta pernah berkhidmat di Arthur Andersen dan Ernst & Young.

Mazhairul memiliki ijazah Sarjana Muda Kepujian di dalam bidang Perakaunan & Kewangan dari University of Lancaster, United Kingdom dan adalah Fellow di Persatuan Akauntan Bertauliah Berpiagam (ACCA) dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

PENGURUSAN KANAN

NIK JOHAAN NIK HASHIM

Pengarah Kanan, Pelaburan/Pengurusan Pihak Berkepentingan

Nik Johaan Nik Hashim ialah Pengarah Kanan, Pelaburan/Pengurusan Pihak Berkepentingan dan merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan serta Jawatankuasa Pengurusan. Nik Johaan merupakan salah seorang Pengarah Kanan yang bertanggungjawab ke atas pelaburan Ekuinas dalam sektor makanan & minuman (F&B) serta sektor perkhidmatan. Beliau juga menerajui fungsi Pengurusan Pihak Berkepentingan di Ekuinas. Nik Johaan adalah Pengarah Nomini mewakili Ekuinas di Konsortium Logistik Berhad, sebuah syarikat perkhidmatan logistik bersepadu yang terkenal dan merupakan syarikat portfolio Ekuinas.

Sebelum menyertai Ekuinas, Nik Johaan bertugas di CIMB Investment Bank dan mempunyai pengalaman perbankan lebih 18 tahun terutamanya di dalam bidang perbankan pelaburan di mana beliau mengetuai dan mengendalikan urusan niaga pasaran modal pinjaman, pensindiketan pinjaman, tawaran awam awal (IPO), penasihat projek dan pelaksanaan penstrukturan semula hutang.

Ketika berkhidmat di bank tersebut, beliau juga telah bertugas selama tiga tahun di CIMB Bank sebagai Pengarah Kawasan bagi bahagian perbankan pengguna dan perbankan perniagaan. Jawatan terakhir yang disandang oleh beliau di CIMB ialah Pengarah dan Ketua, Perhubungan Perbadanan Multinasional dan Kerajaan.

Nik Johaan menamatkan pengajian di University of Leicester, United Kingdom dengan ijazah Sarjana Muda Sastera di bidang Ekonomi dan mempunyai ijazah Sarjana di dalam bidang Perbankan Antarabangsa & Perkhidmatan Kewangan dari University of Reading, United Kingdom.

AMIL IZHAM HAMZAH

Pengarah Kanan, Pelaburan

Amil Izham Hamzah ialah Pengarah Kanan Pelaburan dan merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan. Beliau adalah salah seorang Pengarah Kanan yang bertanggungjawab ke atas portfolio Ekuinas dalam sektor pendidikan dan sektor makanan & minuman (F&B). Beliau juga adalah Pengarah Nomini mewakili Ekuinas di CIMB National Equity Fund Ltd.

Sebelum ini, Amil Izham menyandang jawatan Ketua Pegawai Kewangan di Kumpulan Media Prima Berhad (MPB) di mana beliau bertanggungjawab menguruskan laporan kewangan, perbendaharaan, penstrukturan semula hutang, penggabungan dan pengambilalihan, dan perhubungan pelabur. Beliau juga pernah bertugas di PricewaterhouseCoopers Kuala Lumpur, Petronas dan juga Deloitte Touche Tohmatsu di Perth, Australia.

Amil Izham ialah ahli Institut Akauntan Berpiagam Australia (ICAA) dan memiliki ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) dari University of New South Wales, Sydney, Australia dan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan di bidang Pemasaran Antarabangsa dari Berne University of Applied Sciences, Switzerland.

SURIDAH JALALUDDIN

Pengarah Kanan, Pelaburan/Perkhidmatan Bersama

Suridah Jalaluddin ialah Pengarah Kanan, Pelaburan/Perkhidmatan Bersama dan merupakan pengarah gantian kepada Dato' Abdul Rahman Ahmad dalam Lembaga Pengarah syarikat portfolio Ekuinas iaitu Alliance Cosmetics Group. Suridah menyelia semua fungsi perkhidmatan bersama yang meliputi modal insan, pentadbiran, pengurusan sistem maklumat, komunikasi dan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Suridah merupakan mantan Ketua Pegawai Eksekutif di ntv7, sebuah stesen televisyen popular milik Media Prima Berhad (MPB), berikutan penjualan syarikat medianya sendiri iaitu Big Tree Outdoor Sdn Bhd (Big Tree) kepada MPB. Beliau menubuhkan Big Tree pada tahun 1994 untuk memberi tumpuan kepada pengiklanan papan tanda di lebuh raya, pusat transit dan gedung membeli-belah. Kegigihan Suridah telah membolehkan beliau mengembangkan syarikat menjadi salah sebuah syarikat pengiklanan luar terbesar di Malaysia.

Beliau memiliki pengalaman yang luas di dalam bidang media, pengiklanan dan komunikasi, di Malaysia dan juga United Kingdom.

PENGURUSAN LAIN

Duduk dari kiri ke kanan:

- **Roselinda Hashim**
Ketua Pegawai Perundangan & Pengarah, Pelaburan
- **Zaleha Abdul Hamid**
*Pengarah, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio
– Kewangan*

Berdiri dari kiri ke kanan:

- **Norhafizah Md Shariff**
*Pengawal Kewangan/Pengarah Bersekutu,
Penyumberan Luar*
- **Sharifah Noralina Syed Yassin**
*Pengarah, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio
– Sumber Manusia*
- **Noramly Bachok**
*Ketua,
Tadbir Urus Korporat dan Risiko Pengurusan*



KUMPULAN PELABURAN

Duduk dari kiri ke kanan:

Pengarah Bersekutu, Pelaburan Langsung

- Mohd Zarihi Mohd Hashim

Pengawal Kewangan/Pengarah Bersekutu, Penyumberan Luar

- Norhafizah Md Shariff

Berdiri dari kiri ke kanan:

Warga Profesional Pelaburan Lain

- Wafiy Abdul Aziz
- Salahuddin Khairuddin
- Wong Pai Sent
- Azril Rashid Abdul Rashid
- Mohd Afiq Mohd Fozi
- Haslina Ali



Duduk dari kiri ke kanan:

Pengarah Bersekutu, Pelaburan Langsung

- Rizal Mohd Zin
- Mohd Irwan Ahmad Mustafa @ Mustafa

Berdiri dari kiri ke kanan:

Warga Profesional Pelaburan Lain

- Mohamed Omar Fateh Mohamed
- Tengku Mohamed Hafiz Safiyuddeen
- Ziad Hafiz Abd Razak
- Nadia Madyna Abdul Hamidy
- Teo Wei Min





**Mencipta
nilai**



ULASAN PRESTASI PELABURAN

A. PELABURAN LANGSUNG – ULASAN KESELURUHAN

1. Tinjauan Dana

Selaras dengan agihan penuh Ekuinas Direct Fund (Tranche 1), Ekuinas Direct Fund (Tranche 2) telah dilancarkan pada bulan Oktober 2012 dengan jumlah modal komited sebanyak RM1 bilion

Nama Dana	Ekuinas Direct Fund (Tranche I)	Ekuinas Direct Fund (Tranche II)
Tahun penubuhan	2010	2012
Status	Diagihkan sepenuhnya	Dilaburkan
Modal Komited	RM1.0 bilion	RM1.0 bilion
Tempoh	5 + 2 tahun	
Jangkamasa pelaburan	3 hingga 5 tahun	
Bentuk dan struktur rasmi	Satu pengurus dana dan satu pelabur	
Tumpuan pelaburan	Malaysia	
Tumpuan pelaburan mengikut peringkat	<i>Buy-Out</i> dan Dana Modal Pertumbuhan	
Tumpuan pelaburan mengikut industri	Pendidikan, Minyak & Gas, Barangan Pengguna Laris (FMCG), Peruncitan dan Percutian, Medikal dan Perkhidmatan	

2. Aktiviti Pelaburan

Empat pelaburan langsung berjumlah RM520.7 juta telah dilaksanakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, membawa jumlah pelaburan komited Ekuinas kepada RM1.4 bilion. Ia melibatkan pelaburan dalam UNITAR International University (UNITAR), salah satu universiti persendirian terawal di Malaysia dan dua syarikat perkhidmatan kapal sokongan luar pesisir (OSV), Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS) dan OMNI Petromarine Sdn Bhd (OMNI) yang digabungkan menjadi ICON Offshore Berhad dan Burger King® Singapore Pte Ltd, pemilik francais Burger King® di Singapura.

Melalui pelaburan-pelaburan ini, Dana Pelaburan Langsung sehingga kini telah membantu kemasukan modal sebanyak RM1.5 bilion ke dalam ekonomi yang memberikan impak positif kepada ekonomi Malaysia.

Rajah 1: Aktiviti pelaburan langsung bagi 2012

Nama	Sektor	Pegangan %	Pelaburan Komited RM juta	Pelaburan Komited oleh Pihak lain RM juta	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi RM juta
Ekuias Direct Fund (Tranche I)					
1	Alliance Cosmetics Group (ACG)	FMCG	20.0%	39.9	119.6
2	Tanjung Offshore Berhad (TOB)	Minyak dan Gas	24.0%	99.8	–
3	Konsortium Logistik Berhad (KLB)	Perkhidmatan	61.6%	241.0	–
4	Kumpulan Pendidikan APIIT (APIIT)	Pendidikan	51.0%	102.0	–
5	Cosmo Restaurants Sdn Bhd (BKM)	Peruncitan – F&B	74.1%	68.2	–
6	Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (SF)	Peruncitan – F&B	90.0%	30.0	–
7	Kumpulan Revenue Valley (RV)	Peruncitan – F&B	85.8%	64.6	–
8	Kumpulan Cosmopoint (Cosmopoint)	Pendidikan	90.0%	246.0	–
Portfolio Terkumpul Dibawa Ke hadapan (A)			891.5	119.6	1,011.1
Pelaburan tahun 2012					
Ekuias Direct Fund (Tranche II)					
9	UNITAR International University (UNITAR)	Pendidikan	90.0%	58.5	2.5
10	Icon Offshore Berhad (Icon Offshore)	Minyak & Gas	88.1%*	308.1	–
Jumlah Pelaburan yang dibuat untuk Tranche I (B)			366.6	2.5	369.1
Ekuias Direct Fund (Tranche II)					
1	Burger King Singapore (BKS)	FMCG	100.0%	78.2	–
2	Icon Offshore Berhad (Icon Offshore)	Minyak & Gas	88.1%*	75.9	–
Jumlah Pelaburan yang dibuat untuk Tranche II (C)			154.1	–	154.1
Jumlah untuk Tahun (D) = (B) + (C)			520.7	2.5	523.2
Jumlah Kumulatif (E) = (A) + (D)			1,412.2	122.1	1,534.3


*Pegangan Ekuias secara kolektif

Pelaburan komited yang dilaksanakan sehingga penghujung tahun kewangan 2012 memiliki ciri-ciri berikut:


- Secara keseluruhannya, Ekuias sehingga kini telah melabur dalam lima (5) daripada enam (6) sektor teras yang dikenalpasti iaitu Barangan Pengguna Laris (FMCG), Pendidikan, Minyak & Gas, Perkhidmatan dan Peruncitan & Percutian.
- Sebahagian besar pelaburan dilaksanakan di dalam industri minyak dan gas terutamanya dalam sektor Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV) melalui ICON Offshore Berhad; sektor Pendidikan melalui pelaburan di dalam tiga kumpulan terkemuka iaitu Kumpulan Pendidikan APIIT, Kumpulan Cosmopoint dan UNITAR International University; dan sektor Peruncitan dan Percutian iaitu Makanan dan Minuman (F&B) melalui pelaburan di dalam jenama terkemuka iaitu Burger King®, San Francisco Coffee, Manhattan Fish Market, Tony Roma's dan Popeyes Singapore.

ULASAN PRESTASI PELABURAN

- Tiga sektor teras ini mewakili lebih dari 80% (2011: 68%) daripada jumlah pelaburan yang dilaksanakan




Mengikut Sektor
2012




Mengikut Sektor
2011

- Pelaburan-pelaburan yang dilaksanakan di dalam ketiga-tiga kategori pelaburan yang dikenalpasti oleh Ekuinas, iaitu pelaburan modal pertumbuhan di dalam syarikat Bumiputera/Malaysia berpotensi tinggi untuk mempercepatkan pertumbuhan, pelaburan *buy-out* di dalam syarikat Malaysia dan perolehan aset bukan teras dari GLC, PLC, MNC dan Yayasan.





Mengikut Kategori
2012





Mengikut Kategori
2011

- Semua pelaburan yang dilaksanakan sehingga kini lebih menjurus kepada pelaburan *buy-out* di mana Ekuinas memperoleh kepentingan utama dalam syarikat dan menyokong usahawan berkebolehan dan berpengalaman dan pengurus-pengurus profesional untuk mentransformasi perniagaan mereka. Ini juga dapat membantu dalam strategi Ekuinas untuk mencipta pelaburan-pelaburan yang transformatif melalui penggabungan syarikat-syarikat portfolio yang pelbagai dan saling melengkapi.




- Keempat-empat pelaburan pada tahun ini adalah di dalam syarikat persendirian. Ini telah meningkatkan nisbah pelaburan dalam syarikat persendirian kepada 76% daripada jumlah keseluruhan portfolio, dengan selebihnya adalah pelaburan di dalam syarikat-syarikat tersenarai.



ULASAN PRESTASI PELABURAN

- Pelaburan komited yang dilaksanakan sehingga kini lebih tertumpu kepada strategi “Beli dan Bina”, istilah yang digunakan oleh syarikat ekuiti persendirian di mana Ekuinas mengenal pasti syarikat-syarikat yang sesuai untuk digabungkan di bawah satu kumpulan besar yang berpotensi untuk menjadi syarikat peneraju masa hadapan.

Sehingga kini, lebih 73% (2011:57%) daripada jumlah portfolio Ekuinas adalah pelaburan yang dilaksanakan di bawah strategi ini.



3. Aktiviti Pelupusan

Sebagai sebahagian daripada strategi untuk menstruktur semula portfolio Minyak & Gas, Ekuinas telah melaksanakan pelupusan pelaburan pertamanya melalui penjualan kepentingan minoriti dalam Tanjung Offshore Berhad melalui penempatan pasaran saham yang dilakukan oleh bank pelaburan terkemuka yang dimandatkan oleh Syarikat.

Berikutan penempatan ini dan dividen yang telah diterima dari TOB, Ekuinas telah menjana keuntungan kumulatif sebanyak RM62 juta daripada pelaburannya dalam TOB, di mana RM42.5 juta kemudiannya digunapakai sebagai pelaburan tambahan di dalam Tanjung Kapal Services Bhd, sebuah syarikat kapal sokongan luar pesisir yang dipisahkan dari TOB sebagai sebahagian daripada penstruktur semula komprehensif kumpulan untuk memperkemas operasi, meningkatkan tumpuan dan membantu mencipta nilai pemegang saham yang mampan.

Pelaburan semula ini telah membolehkan peningkatan kepentingan Ekuinas dalam TKS yang kemudiannya digabungkan dengan sebuah lagi syarikat portfolio kapal sokongan luar pesisir, OMNI Petromaritime Sdn. Bhd. untuk membentuk ICON Offshore Bhd, syarikat kapal sokongan luar pesisir ketiga terbesar di Malaysia.

Walaupun Ekuinas mencatatkan kerugian dalam pelaburan TOB, pelupusan ini telah membolehkan Ekuinas menumpukan sepenuhnya kepada pasaran kapal sokongan luar pesisir yang dijangka akan berkembang pesat di masa akan datang, berikutan pertambahan aktiviti penerokaan dalam negeri dan serantau.

Seterusnya, Ekuinas dengan sukacitanya melupuskan kepentingan dalam TOB setelah membantu menyempurnakan proses penstruktur semula syarikat dan meninggalkannya dengan modal serta sumber yang mencukupi untuk memperkukuhkan perniagaannya di dalam sektor Minyak & Gas.

Rajah 2: Aktiviti pelupusan untuk tahun 2012

Syarikat	Tahun pelaburan	Kepentingan	Pelaburan Komited RM juta	Jumlah Terealisasi RM juta	IRR Kasar %
Tanjung Offshore Berhad (TOB)	2010	24.0%	99.8	62.0	-19.2%

4. Prestasi Syarikat-syarikat Portfolio


Berdasarkan gabungan portfolio, syarikat-syarikat portfolio Ekuinas merekodkan pertumbuhan hasil terkumpul 7% mencecah RM1.4 bilion dengan perolehan hasil sebelum cukai, susut nilai dan faedah (EBITDA) kukuh sebanyak 18% kepada RM354.0 juta. Ini dipacu oleh pertumbuhan jualan yang kukuh yang direkodkan oleh syarikat-syarikat portfolio F&B dan Minyak & Gas.

Rajah 3: Prestasi syarikat portfolio – Pendapatan dan EBITDA Bergabung

	Pendapatan Digabungkan			EBITDA Digabungkan ¹		
	2012 RM juta	2011 RM juta	Pertumbuhan %	2012 RM juta	2011 RM juta	Pertumbuhan %
Jumlah syarikat portfolio	1,359.6	1,275.4	6.6%	354.0	299.4	18.2%

¹ EBITDA tidak termasuk sebarang butiran tidak berulang dan luar biasa

Rajah 4: Prestasi portfolio syarikat – Pendapatan dan EBITDA Bergabung



ULASAN PRESTASI PELABURAN

B. EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) FUND

Nilai Aset Bersih (NAV) Dana pada 31 Disember 2012

	2011 RM juta	Perubahan dalam tahun 2012 RM juta	2012 RM juta
Modal Dilabur²	571.1	659.1	1,230.2
Termasuk pertambahan kepada Nilai Aset Bersih			
Pendapatan Dividen	96.6	27.0	123.6
Keuntungan belum direalisasi atas Nilai Saksama pelaburan	82.9	210.3	293.2
Kerugian terealisasi atas pelupusan	–	(37.8)	(37.8)
Perbelanjaan Faedah	(5.4)	(5.0)	(10.4)
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	174.1	194.5	368.6
Jumlah Perbelanjaan Operasi	(72.9)	(58.5)	(131.4)
Peningkatan Bersih dalam Nilai Aset Bersih	101.2	136.0	237.2
Nilai Aset Bersih	672.3	795.1	1,467.4
Nilai aset bersih terdiri daripada:			
Pelaburan – Pada Kos	565.9	577.4	1,143.3
Keuntungan belum direalisasi atas Nilai Saksama pelaburan	82.9	210.3	293.2
Pelaburan dibawa pada Nilai Saksama	648.8	787.7	1,436.5
Termasuk: Modal Kerja	23.5	7.4	30.9
Bersamaan Nilai Aset Bersih	672.3	795.1	1,467.4
IRR Kasar	35.1%		27.5%
IRR bersih (sebelum pembahagian keuntungan)	23.2%		20.6%

² Jumlah penggunaan pinjaman untuk pelaburan yang dimuktamadkan, fi pengurusan dan lain-lain perbelanjaan operasi

Semasa tahun kewangan dalam tinjauan, jumlah modal sebanyak RM659.1 juta adalah untuk pelaburan dalam UNITAR International University, Tanjung Kapal Services Sdn Bhd dan OMNI Petromaritime Sdn Bhd serta perbelanjaan mengurus membawa kepada jumlah modal kumulatif kepada RM1.2 bilion pada akhir tahun kewangan. Dana juga telah membuat pelupusan pertama dengan penjualan TOB sebagai sebahagian daripada strategi penstrukturan semula portfolio untuk menumpukan sepenuhnya kepada sektor OSV. Walaupun mencatatkan kerugian, dana terus memberikan pulangan yang kukuh sepanjang tahun dengan pulangan kasar portfolio berjumlah RM368.6 juta, di mana RM123.6 juta atau 33.5% telah pun terealisasi melalui pendapatan dividen.

Ini menunjukkan Kadar Pulangan Dalaman atau *Internal Rate of Return* (IRR) kasar tahunan yang baik sebanyak 27.5% dan IRR bersih 20.6% selepas ditolak fi pengurusan yang dibayar kepada Ekuinas.

Nilai aset bersih dana pada akhir tahun meningkat dua kali ganda dari RM672.3 juta yang direkodkan pada 2011 kepada RM1.5 bilion. Ini termasuklah jumlah pelaburan yang dimuktamadkan dengan kos asal berjumlah RM1.1 bilion yang dibawa kepada nilai saksama kolektif berjumlah RM1.4 bilion, mencerminkan peningkatan nilai pelaburan yang dibuat selepas mengambilkira anggaran nilai pasaran semasa aset-aset ini.

Rajah 5: Prestasi Portfolio Ekuinas Direct (Tranche II) Fund pada 31 Disember 2012

Syarikat	Tarikh pelaburan	Kepentingan %	Kos pelaburan ³ RM juta	Pulangan Kasar Portfolio RM juta	Jumlah Nilai Portfolio RM juta	IRR %
Pelaburan:				Pendapatan direalisasi	1,511.9	IRR Kasar 27.5%
ACG	04-Jan-10	20.0	39.9	123.6		
KLB	18-Okt-10	61.6	241.0	Pertambahan dalam Nilai saksama		
APIIT	18-Feb-11	51.0	102.0			
SF	12-Sep-11	90.0	15.0	Kerugian dalam pelupusan		
BKM	15-Sep-11	74.1	68.2			(37.8)
RV	15-Mac-12	85.8	64.6			IRR Bersih 20.6%
Cosmopoint	02-Apr-12	90.0	246.0	Perbelanjaan		
UNITAR	21-Mei-12	90.0	58.5			
Icon Offshore	19-Nov-12	70.7	308.1	368.6		
			<u>1,143.3</u>			
Pelupusan:						
TOB	26-Jul-10	24.0	99.8			


³ Kos pelaburan mewakili jumlah pelaburan komited yang digunakan selepas ditolak pelupusan

Berdasarkan jumlah kumulatif, dana telah merekodkan peningkatan nilai berjumlah RM368.6 juta sejak penubuhannya. Ini dipacu oleh peningkatan pelaburan dalam nilai saksama tidak direalisasi berjumlah RM293.2 juta, pendapatan direalisasi dari dividen berjumlah RM123.6 juta selepas ditolak kerugian direalisasi atas pelupusan dan perbelanjaan dana.

Peningkatan ketara dalam nilai saksama portfolio pelaburan adalah disebabkan oleh pengembangan pasaran dan peningkatan dalam keuntungan operasi yang dijana oleh syarikat portfolio sejak pengambilalihan, dipacu oleh kejayaan pelan penciptaan nilai yang dilaksanakan.

ULASAN PRESTASI PELABURAN

Rajah 6: Peningkatan Nilai⁴ Portfolio Terkumpul Ekuinas Direct (Tranche II) Fund




^A Jumlah digabung membentuk Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM368.6 juta pada tahun 2012

Dari segi komposisi profil untuk tahun kewangan 2012, pertumbuhan nilai portfolio untuk tahun kewangan 2012 adalah RM771.9 juta kepada RM1.5 bilion yang dipacu terutamanya oleh pelaburan baru sebanyak RM577.4 juta dan pulangan kasar portfolio adalah RM194.5 juta.

Peningkatan nilai yang dicapai adalah disebabkan peningkatan dalam nilai saksama tidak direalisasikan dari pelaburan RM210.3 juta dan pendapatan direalisasikan RM27.0 juta dari dividen yang sebahagiannya diimbangi oleh kerugian yang direkodkan atas pelupusan dan perbelanjaan dana.

Rajah 7: Perubahan nilai Ekuinas Direct (Tranche I) Fund pada 31 Disember 2012



^A Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2011 bernilai RM174.1 juta

^B Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2012 bernilai RM368.6 juta

^C Jumlah digabung membawa kepada peningkatan nilai setahun bernilai RM194.5 juta

⁴ Nilai portfolio adalah daripada pelaburan yang dimuktamadkan pada harga kos termasuk Pulangan Kasar Portfolio

C. EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND

Nilai Aset Bersih (NAV) Dana pada 31 Disember 2012

	2012 RM juta
Modal Dilabur⁵	90.0
Termasuk pertambahan kepada Nilai Aset Bersih	
Keuntungan belum direalisasi atas Nilai Saksama pelaburan	22.5
Pendapatan faedah	4.5
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	27.0
Jumlah Perbelanjaan Operasi	(10.2)
Peningkatan Bersih dalam Nilai Aset Bersih	16.8
Nilai Aset Bersih	106.8
Nilai Aset Bersih terdiri dari:	
Pelaburan – Pada kos	88.4
Keuntungan belum direalisasi atas Nilai Saksama pelaburan	22.5
Pelaburan dibawa pada nilai saksama	110.9
Termasuk: Modal Kerja	(4.1)
Bersamaan Nilai Aset Bersih	106.8
IRR kasar	95.8%
IRR bersih (sebelum pembahagian keuntungan)	83.1%

⁵ Jumlah penggunaan pinjaman untuk pelaburan yang dimuktamadkan, fi pengurusan dan lain-lain perbelanjaan operasi

Dana menunjukkan permulaan yang baik berikutan pelancarannya pada tahun 2012 dengan dua (2) pelaburan yang dilaksanakan berjumlah RM88.4 juta di dalam Burger King® Singapore Pte Ltd dan ICON Offshore Berhad. Untuk tahun berakhir 2012, dana telah berjaya mencapai pulangan kasar portfolio bernilai RM27.0 juta yang bersamaan IRR tahunan 95.8%. Selepas ditolak fi pengurusan yang dibayar kepada Ekuinas, dana telah memberikan IRR bersih yang boleh dibanggakan iaitu 83.1%.

Walau bagaimanapun, dana ini masih di peringkat awal dan pulangan tahun pertama dipengaruhi oleh jangka masa pelaburan yang singkat.

ULASAN PRESTASI PELABURAN

Rajah 8: Prestasi Portfolio Direct (Tranche II) Fund pada 31 Disember 2012

Syarikat	Tarikh pelaburan	Kepentingan %	Kos pelaburan ⁶ RM juta	Pulangan Kasar Portfolio RM juta	Jumlah Nilai Portfolio RM juta	IRR %
Pelaburan:				Peningkatan dalam nilai saksama 22.5	115.4	IRR Kasar 95.8%
BKS	12-Sep-12	100.0	12.5	Pendapatan faedah 4.5		
Icon Offshore	19-Nov-12	17.4	75.9	27.0		IRR Bersih 83.1%
Jumlah			<u>88.4</u>			

⁶ Kos pelaburan jumlah penggunaan pelaburan komited selepas ditolak pelupusan

D. PROGRAM SUMBER LUAR

1. Tinjauan Dana

Fasa 1 Program Penyumberan Luar adalah mencabar dalam tahun 2012 di mana satu dana, MK-One Fund (Labuan) Limited ditamatkan berikutan penstrukturan semula dalaman pengurus dana sumber luar, Kuwait Finance House (Labuan) Berhad. Sebahagian daripada jumlah yang pada asalnya diperuntukkan kepada KFH telah diperuntukkan semula kepada Navis Malaysia Growth Opportunity Fund I, L.P. dengan bakinya diperuntukkan kepada pengurus dana ekuiti persendirian yang baru yang akan dilantik pada tahun 2013.

Nama Dana	Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund		
Tahun Penubuhan	2011		
Status	Dilaburkan		
Tempoh	6 + 1 tahun		
Modal Komited	RM400 juta		
Jangkamasa pelaburan	3 hingga 6 tahun		
OFM, Bentuk dan struktur rasmi	OFM: Navis Capital Partners Dana: Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. Pengurus Dana: Navis MGO 1 GP Ltd Saiz Dana: RM301.9 juta Domisil Dana: Kepulauan Cayman	OFM: CIMB Private Equity Dana: CIMB National Equity Fund Ltd. P. Pengurus Dana: CIMB General Partner Ltd Saiz Dana: RM125.0 juta Domisil Dana: Labuan	OFM: KFH Asset Management Dana: MK-One Fund (Labuan) Limited Pengurus Dana: Kuwait Finance House (Labuan) Berhad Saiz Dana: Tiada Domisil Dana: Labuan
Status	Dilaburkan	Dilaburkan	Dilaburkan
Tumpuan Pelaburan	Malaysia		
Tumpuan Pelaburan mengikut Peringkat	Dana Modal Pertumbuhan Kepentingan Minoriti		
Tumpuan Pelaburan mengikut Industri	Am kecuali senarai pelaburan yang dilarang oleh Ekuinas		

2. Profil OFM Yang Dilantik

Profil ringkas OFM yang dilantik bagi Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund adalah seperti berikut.

The logo for NAVIS, consisting of the word "NAVIS" in a bold, blue, sans-serif font, enclosed within a blue rectangular border.

Navis Capital Partners

Navis ditubuhkan pada tahun 1998 untuk membuat pelaburan ekuiti persendirian menerusi *buy-out* yang berorientasikan pertumbuhan di Asia Selatan dan Asia Tenggara. Firma ini menyumbangkan modal dan kepakaran pengurusan kepada beberapa syarikat yang mantap dengan tujuan untuk memperbaiki kedudukan kewangan, operasi dan strategik syarikat. Firma ini menumpukan secara eksklusif kepada syarikat yang beroperasi di Asia terutamanya di selatan dan Asia Tenggara di mana prinsipal-prinsipal Navis telah lama berada di sini. Firma ini menguruskan modal terikat sejumlah kira-kira USD 3 bilion.

The logo for CIMB GROUP, featuring a red square icon with a white stylized 'C' shape inside, followed by the words "CIMB GROUP" in a bold, dark red, sans-serif font, all enclosed within a blue rectangular border.

CIMB Private Equity

CIMB Group adalah sebuah kumpulan perbankan yang terkemuka di Malaysia. Di dalam CIMB Group, kumpulan pelaburan GSSI (Group Strategy and Strategic Investment) melabur dan mengurus sebahagian dari dana pemegang saham bank. Sebagai sebahagian dari strategi pelaburan tersebut, CIMB merupakan rakan penting di dalam kebanyakan dana baru di Asia. GSSI kini menyelia dana berjumlah USD1.5 bilion yang dilaburkan di dalam strategi pelaburan utama. Ini termasuk aktiviti pelaburan berkepentingan langsung di mana kumpulan pelaburan utama melabur di dalam perniagaan berkaitan perkhidmatan kewangan; dan strategi ekuiti persendirian di mana bank menaja usaha sama ekuiti persendirian dan juga melabur dalam dana-dana pihak ketiga. CIMB mempunyai dana yang mengkhusus kepada infrastruktur, ekuiti persendirian, dan hartanah di seluruh wilayah Asia Tenggara.

ULASAN PRESTASI PELABURAN

3. Aktiviti pelaburan

Sepanjang tahun ini, dua pelaburan baru telah dilaksanakan melalui Program Penyumberan Luar iaitu MCAT Box Office Sdn Bhd (MBO) dan SEG International Berhad (SEGi) di bawah Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund memperuntukkan RM62.3 juta dan bersama-sama dengan modal persendirian pihak ketiga, telah membolehkan jumlah pelaburan komited bernilai RM417.8 juta ke dalam ekonomi Malaysia.

Rajah 9: Aktiviti Pelaburan Program Penyumberan Luar pada tahun 2012

Nama	Sektor	Pelaburan Komited Ekuinas RM juta	Pelaburan Modal Ekuinas RM juta	Pelaburan komited oleh Pihak Lain RM juta	Jumlah RM juta
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund					
1 Atelier Asia Sdn Bhd (Atelier)	FMCG	11.8	11.8	5.2	17.0
Portfolio terdahulu dibawa ke hadapan (A)		11.8	11.8	5.2	17.0
Pelaburan untuk tahun 2012					
2 MCAT Box Office Sdn Bhd (MBO)	Peruncitan & Percutian	17.4	17.4	123.4	140.8
3 SEG International Berhad (SEGi)	Pendidikan	44.9	44.9	232.1	277.0
Jumlah untuk tahun (B)		62.3	62.3	355.5	417.8
Jumlah kumulatif (C) = (A) + (B)		74.1	74.1	360.7	434.8

E. EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND

Nilai Aset Bersih (NAV) Dana pada 31 Disember 2012

	2011 RM juta	Perubahan dalam 2012 RM juta	2012 RM juta
Modal dilabur⁷	24.4	69.5	93.9
Termasuk Peningkatan kepada Nilai Aset Bersih			
Keuntungan belum direalisasi atas Nilai Saksama pelaburan	(8.4)	(7.8)	(16.2)
Kerugian direalisasi atas pelupusan	–	(2.1)	(2.1)
Jumlah pulangan kasar portfolio	(8.4)	(9.9)	(18.3)
Jumlah perbelanjaan operasi	(2.1)	(2.1)	(4.2)
Peningkatan bersih dalam Nilai Aset Bersih	(10.5)	(12.0)	(22.5)
Nilai Aset Bersih	13.9	57.5	71.4
Nilai Aset Bersih terdiri dari:			
Pelaburan – Pada Kos	22.3	65.3	87.6
Keuntungan belum direalisasi atas Nilai Saksama pelaburan	(8.4)	(7.8)	(16.2)
Pelaburan dibawa pada nilai saksama	13.9	57.5	71.4
Termasuk: Modal Kerja	(0.0)	0.0	(0.0)
Bersamaan Nilai Aset Bersih	13.9	57.5	71.4
IRR Kasar	n/a		-35.2%
IRR bersih (sebelum pembahagian keuntungan)	n/a		-38.4%

⁷ Termasuk jumlah penggunaan pinjaman untuk pelaburan yang dimuktamadkan bernilai RM74.1 juta dan modal yang dilaburkan untuk fi pengurusan dana sumber luar dan lain-lain perbelanjaan operasi.

Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund terus meraih momentum dengan dua pelaburan baru pada tahun 2012. Modal keseluruhan berjumlah RM69.5 juta telah dilaburkan untuk MBO dan SEGi termasuklah untuk fi pengurusan yang membawa kepada jumlah modal terkumpul kepada RM39.9 juta pada penghujung tahun kewangan.

Oleh itu, nilai aset bersih juga merekodkan pertumbuhan kepada RM71.4 juta dalam tahun 2012 dari RM13.9 juta.

Fi pengurusan dan perbelanjaan operasi yang lain masih ketara berbanding pelaburan yang dilaksanakan di mana ia masih di peringkat permulaan dan ini telah menyebabkan dana merekodkan pulangan yang negatif untuk tahun 2012.


ULASAN PRESTASI PELABURAN

F. EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND

Pada bulan Januari 2012, Ekuinas memulakan proses pemilihan pengurus dana penyumberan luar yang berkecualan (OFM) untuk menguruskan Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund yang akan dilancarkan pada tahun 2013.

Pemilihan OFM melibatkan proses penilaian yang teliti dan lengkap mengikut rangka kerja Proses Pemilihan OFM dengan dibantu oleh Towers Watson, syarikat perkhidmatan pelaburan global terkemuka. Proses bermula dengan Permohonan untuk Cadangan (RFP) kepada 30 syarikat terpilih yang menganggotai MVCA dan juga para jemputan yang tidak terpilih dari proses pemilihan Tranche I. Sejumlah 16 syarikat memberikan respon kepada permohonan untuk cadangan dan dari kumpulan ini, tujuh syarikat telah disenarai pendekkan untuk penelitian selanjutnya.

Rajah 10: Garisma proses pemilihan OFM Ekuinas Fasa II




Lima dimensi penilaian utama yang digunakan untuk proses pemilihan tersebut dipaparkan di bawah:

Rajah 11: Dimensi utama yang digunakan dalam proses pemilihan OFM

1	Rekod Prestasi syarikat yang kukuh	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Reputasi yang baik di dalam industri ekuiti persendirian Malaysia ▶ Prestasi kewangan yang kukuh ▶ Berjaya mencipta nilai di dalam syarikat portfolio
2	Pengalaman Kumpulan Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Kumpulan pengurusan kanan yang berkebolehan dan berkeupayaan untuk menjana pengaliran urus niaga yang kukuh ▶ Pengalaman belian sampingan yang relevan dengan rekod prestasi yang baik ▶ Kepakaran dalam jenis urus niaga, sektor dan geografi yang relevan
3	Proses Pelaburan yang Cepak	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Proses dokumentasi pengurusan pelaburan dengan rekod prestasi pematuhan yang baik ▶ Proses membuat keputusan, tadbir urus dan rangka kerja pengurusan risiko yang kukuh ▶ Kumpulan sokongan yang berkeupayaan
4	Kemampuan Mengumpul Dana	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Rekod prestasi yang baik dalam pengumpulan dana ▶ Berpotensi untuk mengumpul sekurang-kurangnya 20% keperluan modal daripada pihak ketiga ▶ Mewujudkan rancangan untuk pengumpulan dana dari pihak ketiga
5	Mematuhi Keperluan dan Garis Panduan RFP	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Sejalan dengan strategi pelaburan, struktur dana dan tadbir urus

Tujuh daripada firma yang telah menyerahkan cadangan telah disenaraipendekkan dan melalui proses ketekunan wajar di mana pendekatan holistik 360° darjah telah digunapakai sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah di bawah. Firma yang berjaya dijangka akan dilantik pada tahun 2013.

Rajah 12: Pendekatan 360° darjah digunakan untuk menilai OFM



ULASAN PRESTASI PELABURAN

PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

Bagi tahun dalam tinjauan, Ekuinas terus menunjukkan kemajuan yang mantap dari segi pencapaian objektif sosial untuk menambah penyertaan Bumiputera secara saksama merentasi empat dimensi utama, iaitu pemilikan ekuiti, peningkatan kumpulan pengurusan, penambahan peluang pekerjaan dan penambahbaikan rantaian bekalan.

Melalui pelaburan yang dilaksanakan secara langsung dan penyumberan luar sehingga tarikh laporan tahunan ini, Ekuinas telah berjaya membantu meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM1.9 bilion, atau 1.4 kali ganda jumlah modal yang dilaburkan oleh Syarikat. Ini mewakili peningkatan kepada RM806.5 juta yang dicatatkan pada tahun 2011 yang mengukuhkan keberkesanan peranan Ekuinas dalam menggunakan model ekuiti persendirian sebagai instrumen untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam ekonomi melalui pengwujudan syarikat peneraju Malaysia untuk generasi akan datang.

Pada masa yang sama, pelaburan Ekuinas telah membantu meningkatkan jumlah nilai ekonomi bagi semua pemegang saham dari RM986.2 juta pada tahun 2011 kepada RM2.4 bilion atau 1.7 kali ganda jumlah modal yang dilaburkan oleh Syarikat. Ini mencerminkan kesan positif ke atas semua rakyat Malaysia hasil pembabitian Ekuinas di dalam syarikat-syarikat portfolio.

Rajah 13: Nilai Ekuiti Bumiputera dan Nilai Ekonomi

Nilai Ekuiti

Jumlah bagi Syarikat Portfolio	Bumiputera				Keseluruhan Syarikat			
	Sebelum Kemasukan RM juta	Pada 31 Dis RM juta	Peningkatan Nilai Bumiputera RM juta	Gandaan bagi Modal Dilabur	Sebelum Kemasukan RM juta	Pada 31 Dis RM million	Nilai Ekonomi yang Dicipta RM million	Gandaan bagi Modal Dilabur
2012	1,278.5	2,106.3	1,944.1	1.4x	2,732.2	3,356.6	2,394.1	1.7x
2011	473.5	1,043.6	806.5	1.4x	1,108.4	1,425.5	986.2	1.7x

Seterusnya, 10 syarikat portfolio dan 3 syarikat di bawah Pengurus Dana Penyumberan Luar Ekuinas setakat 31 Disember 2012 telah secara kolektif menyediakan pekerjaan kepada sejumlah 7,749 kakitangan, di mana 62.8% adalah Bumiputera.

Syarikat Portfolio Ekuinas juga kini menggajikan sekumpulan 144 pengurus di mana 46.5% adalah Bumiputera. Di masa hadapan, Ekuinas berhasrat untuk mengembangkan kumpulan bakat ini dan menyediakan tambahan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia melalui pertumbuhan syarikat portfolio.


Rajah 14: Syarikat Portfolio – Pengurusan dan Kakitangan

	Bilangan Bumiputera	Keseluruhan Kakitangan	% Bumiputera kepada Keseluruhan Kakitangan 2012	Peningkatan % Bumiputera Sebelum Kemasukan
2012				
Pengurusan	67	144	46.5%	8.1%
Kakitangan	4,865	7,749	62.8%	11.5%
2011				
Pengurusan	45	101	44.6%	12.5%
Kakitangan	2,647	3,480	76.1%	12.4%

EKUITI NASIONAL BERHAD – SYARIKAT PENGURUS DANA

Ekuinas telah ditubuhkan sebagai syarikat pengurus dana yang berperanan mengurus dana yang diperuntukkan oleh Yayasan Ekuiti Nasional (YEN) kepada Ekuinas Capital Sdn Bhd (E-Cap) yang berperanan sebagai syarikat modal dana.

Perjanjian pengurusan dana ini tertakluk kepada Perjanjian Pengurusan Dana Global (GFMA) yang ditandatangani oleh Ekuinas, YEN dan E-Cap. Di bawah GFMA, Ekuinas dibayar fi pengurusan sebagai sebahagian daripada keuntungan pelaburan selepas direalisasikan. Fi pengurusan yang diterima digunakan oleh Ekuinas untuk menampung perbelanjaan operasinya (OPEX). Justeru itu, Ekuinas sendiri tidak akan mencatat tahap keuntungan operasi yang tinggi.



Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, Ekuinas dibayar fi pengurusan berjumlah RM27.0 juta kerana menguruskan dana bagi pihak E-Cap iaitu Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund dan Ekuinas Outsourced (Tranche 1) Fund. Ini menghasilkan keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM6.1 juta selepas ditolak perbelanjaan operasi (OPEX) berjumlah RM24.8 juta, berbanding tahun kewangan sebelumnya di mana Syarikat mencatat PAT sebanyak RM4.3 juta selepas OPEX berjumlah RM20.5 juta.

OPEX yang ditanggung sebahagian besarnya digunakan untuk membayar gaji, kos penghunian, kos urus niaga dan pembinaan keupayaan. Ini bermakna nisbah OPEX kepada Dana di bawah Pengurusan (FuM) pada kadar 1.0%, setara dengan, bahkan mungkin lebih baik daripada penanda aras yang ditetapkan oleh agensi pelaburan kerajaan dan firma ekuiti persendirian yang lain.

Rajah 15: Ekuiti Nasional Berhad – Maklumat Kewangan

Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurus Dana)	2012 RM juta	2011 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	2,400.0	1,400.0
Jumlah Perbelanjaan Operasi (OPEX)	24.8	20.5
Keuntungan Selepas Cukai (PAT)	6.1	4.3
Nisbah OPEX kepada FuM	1.0%	1.5%

SYARIKAT-SYARIKAT PORTFOLIO

Ng Chee Eng, Ketua Pegawai Eksekutif Alliance Cosmetics Group (ACG), bangga dengan jenama tempatannya SILKYGIRL dan sedang bergaya di Beauty Shoppe (pusat penyelidikan) di tingkat bawah pejabatnya di Glenmarie, Shah Alam, Selangor.



1. ALLIANCE COSMETICS GROUP (ACG)

Butiran Transaksi

Jenis pelaburan	: Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia
Status	: Syarikat Persendirian
Sektor	: Barangan Pengguna Laris (FMCG)
Tarikh Perolehan	: Januari 2010
Modal Komited	: RM39.9 juta
Pemilikan	: Efektif 20.0%
Pelabur Bersama	: Navis Capital Partners
Jumlah pelaburan bersama	: RM119.6 juta

PERIHAL SYARIKAT

Syarikat kosmetik dan haruman pasaran umum yang terkemuka di Malaysia, Singapura dan Brunei. Syarikat ini memasar, mengedar dan menjual pelbagai jenama kosmetik dan produk kecantikan termasuk Silkygirl, Silky White dan SG Men, Revlon, Pierre Fabre dan Elancyl. Jenama tempatan syarikat, Silkygirl mempunyai pasaran terbesar di Malaysia bagi rangkaian kosmetik pasaran umum.

RASIONAL PELABURAN

- Syarikat berpotensi tinggi dengan operasi di Malaysia, Singapura dan Brunei
- Pasukan pengurusan yang mantap dan terbukti
- Jenama tempatan yang terkemuka
- Peluang yang teguh untuk berkembang ke peringkat serantau terutamanya di Indonesia

MAKLUMAT UTAMA KEWANGAN

	2011 Diaudit (Indeks)	2012 Tidak Diaudit (Indeks)	Pertumbuhan %
Hasil	100.0	100.5	0.5
EBITDA	100.0	105.9	5.9

* Atas sebab-sebab sensitiviti perniagaan dan keperluan kerahsiaan oleh pelabur bersama, keputusan ACG dilaporkan dalam nilai indeks.

- Hasil ACG secara relatifnya adalah mendatar oleh kerana jualan yang rendah di Indonesia manakala EBITDA hanya tumbuh 5.9% disebabkan kerugian permulaan di Indonesia. Kecuali Indonesia, EBITDA keseluruhan meningkat 10%.
- Prestasi ACG adalah baik di pasaran Malaysia dan Singapura, dipacu oleh jualan yang kukuh dalam produk perniagaan am, haruman dan solekan mata.
- Pengembangan operasi di Indonesia adalah mencabar disebabkan perubahan dalam segmen edaran tetapi prestasi penjualan terus kukuh, terutamanya di kedai-kedai seperti Matahari.

SYARIKAT-SYARIKAT
PORTFOLIO

Pemandu Trak KLB, Zarul Hafifi bin Mohd. Adnan, berkhidmat di bahagian Gudang syarikat di mana beliau bertanggungjawab memastikan penghantaran produk pelanggan dengan selamat. Beliau menghargai persekitaran kerja KLB yang positif di mana beliau memperoleh kemahiran dan pengetahuan baru sejak mula berkhidmat dengan syarikat 3 tahun lalu.



1. KONSORTIUM LOGISTIK BERHAD (KLB)

Butiran transaksi

Jenis pelaburan	: Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia
Status	: Syarikat awam tersenarai
Sektor	: Perkhidmatan
Tarikh perolehan	: Oktober 2010
Modal komited	: RM241.0 juta
Pemilikan	: 61.6%

PERIHAL SYARIKAT

Syarikat penyedia perkhidmatan logistik bersepadu dengan perkhidmatan yang meliputi sektor pengangkutan kontena pengangkutan pukal kering, pergudangan dan pengedaran, penghantaran kargo dan pelepasan kastam. Di samping itu, syarikat juga merupakan pakar dalam penyelesaian logistik untuk sektor automotif dan pengangkutan batu arang.

RASIONAL PELABURAN

- Syarikat penyedia perkhidmatan logistik bersepadu yang terkemuka dengan kedudukan pasaran yang kukuh terutamanya dalam automotif, perkapalan batu arang dan pengangkutan
- Peluang untuk meningkatkan nilai syarikat dari lembaranimbangan yang tidak dimaksimumkan
- Keupayaan menjana aliran tunai yang kukuh

MAKLUMAT KEWANGAN

	2011 Diaudit RM juta	2012 Tidak Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	258.7	268.6	3.8
EBITDA sebelum butiran luar biasa (EI)	56.6	33.6	-40.6
Keuntungan selepas cukai (PAT) sebelum butiran luar biasa	25.3	8.7	-65.6
Keuntungan selepas cukai selepas butiran luar biasa	26.0	16.6	-36.2

EI: Butiran luar biasa

- Hasil KLB adalah mendatar untuk sepanjang tahun. Walau bagaimanapun, EBITDA dan PAT berkurangan disebabkan oleh kadar sewa yang rendah dalam logistik projek, sumbangan yang berkurangan dari sektor automotif dan peningkatan kos operasi.
- KLB terus menjana aliran tunai operasi yang kukuh yang membolehkan pembayaran dividen tambahan sebanyak RM25 juta
- Seterusnya, KLB berjaya menceburi segmen industri baru seperti sewaan kapal tangki, FMCG, Minyak & Gas, dan logistik infrastruktur yang dijangka akan menyumbang secara positif di masa akan datang.

**SYARIKAT-SYARIKAT
PORTFOLIO**

Kumpulan Pendidikan Ekuinas kini merangkumi lima institusi pendidikan Malaysia yang terkemuka iaitu Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU) dan Asia Pacific Smart Schools di bawah Kumpulan Pendidikan APIIT Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) dan Cosmopoint College di bawah Kumpulan Cosmopoint; dan UNITAR International University. Ketua-ketua Pegawai Eksekutif yang mengetuai institusi-institusi ini adalah Datuk Dr. Parmjit Singh, Kumpulan Pendidikan APIIT (duduk di kiri), Hizwani Hassan, Cosmopoint Sdn Bhd (berdiri) dan Wan Ahmad Saifuddin Wan Ahmad Radzi, UNITAR Capital Sdn Bhd (duduk di kanan).



3. KUMPULAN PENDIDIKAN

Butiran Transaksi

	Kumpulan Pendidikan APIIT	Kumpulan Cosmopoint	UNITAR International University
Jenis Pelaburan	Pelaburan <i>buy-out</i> aset bukan teras syarikat awam tersenarai	Pelaburan majoriti di dalam syarikat Malaysia	Pelaburan <i>buy-out</i> aset bukan teras yayasan
Status	Syarikat persendirian	Syarikat persendirian	Syarikat persendirian
Tarikh perolehan	Februari 2011	Mac 2012	Mei 2012
Modal komited	RM406.5 juta		
Pemilikan	51.0%	90.0%	90.0%



SYARIKAT-SYARIKAT PORTFOLIO

PERIHAL SYARIKAT

Kumpulan Pendidikan APIIT	Kumpulan Cosmopoint	UNITAR International University
Kumpulan Pendidikan APIIT memiliki Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), sebuah universiti terkemuka dan Asia Pacific Smart Schools, dengan jumlah pelajar hampir 10,000 orang di semua kampus di Lembah Klang.	Kumpulan Cosmopoint memiliki Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) dan Cosmopoint International College of Technology dengan jumlah pelajar seramai 11,000 orang di kampusnya di seluruh negara.	UNITAR International University adalah salah satu daripada institusi pendidikan tinggi swasta pertama di Malaysia dengan jumlah pelajar lebih 8,000 orang di seluruh kampus induk dan pusat serantau.

RASIONAL PELABURAN

- Industri besar dengan potensi pertumbuhan yang kukuh
- Kumpulan pendidikan yang mempunyai rekod prestasi yang tinggi
- Digabungkan untuk membentuk salah sebuah kumpulan pendidikan yang terbesar di Malaysia



MAKLUMAT UTAMA KEWANGAN (PROFORMA HASIL DISATUKAN)

	2011 Diaudit RM juta	2012 Tidak Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Bilangan Pelajar	28,306	28,041	-0.9
Hasil	323.5	306.1	-5.4
EBITDA	105.8	106.4	0.6

- Hasil menurun sebanyak 5.4% ekoran kekurangan bilangan pelajar di Kumpulan Cosmopoint dan UNITAR disebabkan oleh lebih ramai pelajar bergraduat, terutamanya dalam kursus-kursus Sains Kesihatan Bersekutu. Walau bagaimanapun sebahagiannya telah diimbangi oleh pertambahan pelajar di APU.
- Meskipun begitu, EBITDA kekal kukuh pada RM106.4 juta dipacu oleh margin yang lebih tinggi berpunca daripada pelaksanaan inisiatif-inisiatif kecekapan kos.
- Tumpuan masa hadapan Kumpulan kekal kepada menambah bilangan pelajar melalui penambahbaikan pengalaman pelajar. Ini membabitkan pembinaan kampus baru APU dan penempatan semula kampus induk bagi KLMUC dan UNITAR.



**SYARIKAT-SYARIKAT
PORTFOLIO**

Lima jenama tersohor makanan dan minuman kini adalah sebahagian daripada portfolio Ekuinas. George Ang (ketiga dari kiri) adalah usahawan tempatan yang membangunkan jenama Manhattan Fish Market dan berjaya mendapatkan hak francais untuk rangkaian Tony Roma's dan Popeyes, manakala Wong Shyang Jiuu (tengah), Koo Sue San (ketiga dari kanan) dan Ahmad Fariz Hassan (kedua dari kanan) adalah pengurus profesional yang dilantik oleh Ekuinas untuk membangunkan perniagaan masing-masing iaitu BURGER KING® (Singapore), San Francisco Coffee dan BURGER KING® (Malaysia).



4. INTEGRATED FOOD GROUP SDN BHD (IFG)

Butiran Transaksi

	Cosmo Restaurants Sdn Bhd	Lyndarahim Ventures Sdn Bhd	Revenue Valley Sdn Bhd	Burger King Singapore Pte Ltd
Jenis Pelaburan	Pelaburan modal pertumbuhan di dalam syarikat Malaysia	Pelaburan modal pertumbuhan di dalam syarikat Bumiputera	Pelaburan majoriti di dalam syarikat Malaysia	Pelaburan <i>buy-out</i> aset bukan teras dari syarikat multinasional
Status	Syarikat persendirian	Syarikat persendirian	Syarikat persendirian	Syarikat persendirian
Tarikh perolehan	September 2011	September 2011	Mac 2012	September 2012
Modal komited	RM241.0 juta			
Pemilikan	74.1%	90.0%	85.8%	100%



**SYARIKAT-SYARIKAT
PORTFOLIO**

PERIHAL SYARIKAT

Cosmo Restaurants Sdn Bhd	Lyndarahim Ventures Sdn Bhd	Revenue Valley Sdn Bhd	Burger King Singapore Pte Ltd
<p>Cosmo Restaurants Sdn Bhd (Cosmo) ditubuhkan pada tahun 1997 sebagai francais tempatan dengan hak pembangunan jenama Burger King® di Semenanjung Malaysia, tidak termasuk KLIA. Kini syarikat memiliki dan mengurus 38 restoran di Malaysia.</p>	<p>Lyndarahim Ventures Sdn Bhd memiliki dan mengendalikan San Francisco Coffee, jenama yang diasaskan pada tahun 1997. Rangkaian kedai kopi ini mempunyai 19 kafe di Malaysia.</p>	<p>Revenue Valley Sdn Bhd adalah syarikat pemegang pelaburan Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 2002. Ia memiliki dan mengendalikan Manhattan Fish Market, francais Tony Roma's di Malaysia dan francais Popeyes di Singapura dan Malaysia dengan 52 buah restoran.</p>	<p>Burger King Singapore Pte Ltd ditubuhkan pada tahun 1982. Ia adalah francais tempatan dengan hak pembangunan untuk jenama Burger King® di Singapura dan kini mengendalikan 41 buah restoran.</p>



RASIONAL PELABURAN

- Pelaburan di dalam jenama global yang kukuh dan jenama tempatan yang mantap
- Pelaburan di dalam industri makanan dan minuman yang pesat membangun, dipacu oleh peningkatan perbelanjaan pengguna
- Platform untuk membina salah sebuah Kumpulan Makanan dan Minuman Bumiputera yang terbesar di Malaysia
- Mewujudkan kehadiran serantau dengan segera melalui operasi di Malaysia, Thailand dan Singapura
- Kumpulan pengurusan yang berpengalaman dan peluang untuk membentuk dan membangunkan pengurus profesional muda

MAKLUMAT KEWANGAN (PROFORMA HASIL DISATUKAN)

	2011 Diaudit (Indeks)	2012 Tidak Diaudit (Indeks)	Pertumbuhan %
Hasil	100.0	111.7	11.7
EBITDA	100.0	201.9	>100
Bilangan restoran	130	145	11.5

* Atas sebab-sebab sensitiviti perniagaan, prestasi IFG disebut dalam bentuk indeks

- Lima (5) jenama di bawah Kumpulan Makanan dan Minuman merekodkan pertumbuhan hasil yang kukuh sebanyak 11.7% yang dipacu oleh pertumbuhan jualan dan penambahan bilangan restoran
- Sebagai salah satu syarikat utama dalam pasaran makanan dan minuman, kelima-lima jenama ini membolehkan kumpulan mencapai pasaran pengguna yang berbeza seperti makanan segera, makanan kasual, makanan laut dan kopi.
- Pelaburan dalam sektor makanan dan minuman masih lagi di peringkat awal tempoh gestasi dengan pelaburan berterusan untuk jenama dan operasi, dan ini memberikan kesan kepada keuntungan jangka pendek syarikat.
- Walau bagaimanapun, dengan pelan pengembangan restoran dan kumpulan pengurusan yang bermotivasi, IFG berharap untuk mempamerkan peningkatan dalam prestasi kewangan di masa hadapan.



**SYARIKAT-SYARIKAT
PORTFOLIO**

36 buah kapal Icon Offshore, syarikat penyedia perkhidmatan kapal sokongan luar pesisir (OSV) ketiga terbesar di Malaysia, kini beroperasi di perairan Malaysia, Vietnam dan Qatar. Bersama dengan Dr. Jamal Yusof, Ketua Pegawai Eksekutif (duduk); Kapten Hassan Ali, Timbalan Ketua Eksekutif (berdiri kanan) dan Haji Rahman Yusof, Ketua Pegawai Operasi (berdiri kiri), Ekuinas bercita-cita untuk mentransformasi ICON Offshore menjadi peneraju OSV terkemuka di Malaysia dan serantau.



5. ICON OFFSHORE BERHAD (ICON OFFSHORE)

Butiran transaksi

Jenis pelaburan	: Pelaburan Majoriti di dalam syarikat Malaysia
Status	: Syarikat persendirian
Sektor	: Perkhidmatan
Tarikh Perolehan	: 20 November 2012, penggabungan TKS dan OMNI
Modal Komited	: RM384.0 juta
Pemilikan	: 88%

PERIHAL SYARIKAT

Icon Offshore Berhad ditubuhkan berikutan penggabungan Tanjung Kapal Services Sdn. Bhd. (TKS) dan OMNI Petromaritime Sdn. Bhd. (OMNI) yang dimuktamadkan pada 20 November 2012. Entiti besar ini merupakan syarikat OSV ketiga terbesar di Malaysia dengan portfolio kapal lebih 30 kapal dan aset bernilai lebih dari RM1.0 bilion.



RASIONAL PELABURAN

- Pertumbuhan industri yang tinggi dipacu oleh peningkatan perbelanjaan eksplorasi dan pengeluaran
- Rekod prestasi pertumbuhan yang kukuh
- Platform untuk membina salah satu syarikat OSV tempatan terbesar

MAKLUMAT KEWANGAN

	2011 Diaudit RM juta	2012 Tidak Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	209.9	258.9	23.3
EBITDA	136.6	171.2	25.3
PAT tidak termasuk EI	50.5	66.3	31.3

EI: Butiran luar biasa

- Hasil tumbuh kukuh pada 23.3% disebabkan oleh kadar penggunaan yang tinggi termasuk sumbangan dari kapal baru dalam tahun 2012.
- Dengan rancangan pengembangan jumlah kapal secara agresif yang melibatkan pertambahan sehingga 6 buah kapal pada tahun 2013, yang dimanfaatkan dari peningkatan aktiviti minyak dan gas, prestasi kewangan Icon Offshore dijangka akan terus meningkat di masa akan datang.
- EBITDA dan PAT meningkat sebanyak 25.3% dan 31.3% dipacu oleh pertumbuhan hasil yang lebih tinggi dan penjimatan kos dari aktiviti penggabungan.

**SYARIKAT-SYARIKAT
PORTFOLIO**

Program Penyumberan Luar

ATELIER ASIA SDN BHD

Atelier Asia Sdn Bhd adalah pengedar dan peruncit produk barangan jenama mewah iaitu produk barangan bayi Philips Avent, barangan permainan Mattel dan Fisher Price, kasut Crocs dan pakaian jenama Fred Perry. Syarikat juga menjual produk barangan peruncitan bagi ibu dan bayi melalui rangkaian kedainya iaitu Mom's Care.



MCAT BOX OFFICE SDN BHD (MBO)


MBO adalah rangkaian pawagam ketiga terbesar di Malaysia bertempat di 26 buah lokasi dan memiliki 176 skrin di seluruh negara. Ia menawarkan pengalaman menonton wayang yang berkualiti pada harga yang berpatutan. Operasi tertumpu di pusat-pusat membeli-belah di pinggir bandar Lembah Klang dan bandar-bandar kecil di seluruh negara.



SEGi INTERNATIONAL BERHAD (SEGi)

SEGi merupakan salah sebuah kumpulan pendidikan swasta terbesar di Malaysia dengan lebih daripada 27,000 orang pelajar tempatan dan antarabangsa. Kumpulan mempunyai satu universiti dan lima kampus Kolej yang terletak di seluruh Malaysia, termasuk Pulau Pinang dan Sarawak. Ia juga terlibat dengan program latihan dan pendidikan vokasional teknikal.





**Menyerlahkan
bakat**



SILKYGIRL

OUTSTANDING **BIG EYES**

Discover new ways to captivate

New **BIG Eye**
2-in-1 Eyeliner

New
Double Intense
Duo Eye Shadow

Extra Intense & Long-lasting

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

PENDAHULUAN

Oleh kerana Ekuinas bukan sebuah entiti tersenarai, Syarikat tidak perlu mematuhi syarat-syarat pendedahan tadbir urus korporat yang telah digariskan oleh Bursa Malaysia atau Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Walau bagaimanapun, sebagai sebuah syarikat ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Ekuinas memberikan komitmen penuh untuk bersifat telus dan menyediakan laporan berkualiti di dalam Laporan Tahunan Syarikat. Sehubungan dengan itu, pendedahan di dalam bahagian ini telah disediakan berdasarkan amalan tadbir urus korporat terbaik yang digariskan oleh Bursa Malaysia, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Pindaan 2012) serta Dasar Pendedahan Ekuinas dan meliputi Penyata Tadbir Urus Korporat, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam serta Laporan Jawatankuasa Audit.

Penyata-penyata ini, di mana bersesuaian, telah disediakan berdasarkan pematuhan terhadap Keperluan Penyenaraian Bursa dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Pindaan 2012) dan kami berharap dapat menyediakan maklumat penting yang bermakna berkenaan amalan tadbir urus Ekuinas kepada semua pihak berkepentingan.

Sehubungan itu, kami ingin menekankan bahawa semua ahli Lembaga Pengarah Ekuinas telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia sebagai pemegang saham muktamad Syarikat. Walau bagaimanapun, kami telah mengklasifikasikan Pengarah Bebas sebagai pengarah yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan (dan tidak berada di dalam perkhidmatan Kerajaan selama dua tahun), bebas dari pihak pengurusan dan bebas daripada sebarang perniagaan atau hubungan lain yang boleh mempengaruhi sebarang keputusan perniagaan. Pengarah yang bukan di dalam lingkungan takrifan ini dianggap sebagai Pengarah Bukan Bebas.

RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

Lembaga Pengarah Ekuinas percaya bahawa tadbir urus korporat yang mantap adalah asas kepada organisasi yang berjaya. Ia memastikan kepentingan pihak-pihak berkepentingan terpelihara di samping meningkatkan prestasi dan kebertanggungjawaban korporat.

Sebagai syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Ekuinas komited untuk mencapai standard tertinggi dalam tadbir urus korporat dan dengan itu, telah melaksanakan Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Ekuinas di peringkat Syarikat di samping menggalakkan amalan tadbir urus yang mantap dalam Rangka Kerja ini di semua syarikat portfolio kami.

Satu rangka kerja tadbir urus korporat yang pragmatik telah dibangunkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan digunapakai oleh Ekuinas berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- i. Menggalakkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan bertindak responsif;
- ii. Mengukuhkan penciptaan nilai jangka panjang dan mengimbangi antara risiko dan pulangan; dan
- iii. Menggalakkan inovasi dan keusahawanan di dalam syarikat melalui kecekapan pemerhatian dan rangka kerja pengurusan risiko.

Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Ekuinas			
Penyata Tadbir Urus Yang Baik		Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman	
Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah (✓)	Peranan dan Tanggungjawab Pengarah (✓)	Sistem & Kawalan Dalaman (✓)	Rangka Kerja Audit Dalaman (✓)
Pengurusan Pihak-pihak berkepentingan (✓)	Kebertanggungjawaban dan Audit (✓)	Rangka Kerja Pengurusan Risiko (✓)	Rangka Kerja Audit Luaran (✓)
Kod Etika			
Kod Etika Pengarah (✓)	Kod Etika Kakitangan (✓)	Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan (✓)	
Dasar Penipuan dan <i>Whistle Blowing</i> (✓)			
Pendedahan dan Urusniaga Sekuriti (✓)			

Nota:

(✓) Lengkap disediakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah

Penyata ini menghuraikan bagaimana Ekuinas menggunakan keperluan utama dan cadangan amalan terbaik sejajar dengan perkara berikut;

- i. Keperluan Penyelarasan Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR);
- iii. Panduan Tadbir Urus Korporat: Ke Arah Kecemerlangan Pengarah oleh Bursa Malaysia (CG Guide yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia);
- iv. Rangka Tindakan Tadbir Urus Korporat oleh Suruhanjaya Sekuriti; dan
- v. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Pindaan 2012) (Kod)

Lembaga Pengarah memberi kuasa kepada Pengurusan untuk mencapai matlamat perniagaan dalam lingkungan etika perniagaan dan standard tertinggi tadbir urus korporat. Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) melapor terus kepada Jawatankuasa Audit yang menggariskan komitmen syarikat bagi memastikan integriti rangka kerja tadbir urusnya.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Struktur pelaporan CGRM adalah sebagaimana rajah di bawah:



LEMBAGA PENGARAH

1. Tugas dan tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mengiktiraf peranan penting semua ahlinya dan pihak Pengurusan dalam merumus dan menentukan hala tuju serta operasi Ekuinas. Ekuinas diterajui dan diurus oleh ahli Lembaga Pengarah yang berpengalaman luas dan berkemahiran tinggi daripada latar belakang berbeza yang meliputi sektor Kerajaan dan sektor swasta, dan ini amat penting bagi menentukan hala tuju strategik keseluruhan Ekuinas.

Sepanjang tahun ini, Lembaga Pengarah terus memastikan standard tadbir urus yang tertinggi diamalkan demi melindungi dan meningkatkan nilai pihak-pihak berkepentingan.

Sebagai sebahagian daripada amalan terbaik dalam tadbir urus korporat, Lembaga Pengarah telah meluluskan piagam tadbir urus yang menggariskan prinsip-prinsip tadbir urus penting yang perlu digunakan oleh Lembaga Pengarah. Seperti yang termaktub di dalam piagam tersebut, ahli-ahli Lembaga Pengarah dikehendaki melaksanakan kewajipan mereka dengan penuh integriti, kejujuran dan secara profesional, selaras dengan undang-undang dalam memastikan kepentingan pihak berkepentingan sentiasa terpelihara. Piagam ini merangkumi, antara lain, perkara-perkara berikut:-

- Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah;
- Kod Kelakuan;
- Komposisi Lembaga Pengarah;
- Mesyuarat dan Sokongan Lembaga Pengarah;
- Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- Pengasingan Kuasa;
- Perwakilan Kuasa;
- Interaksi dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan; dan
- Kawalan Dalaman dan Proses Audit.

Ekuinas juga telah menerapkan Kod Etika Pengarah bagi semua Pengarah Ekuinas, yang berlandaskan prinsip kejujuran, integriti, bertanggungjawab dan tanggungjawab sosial korporat. Prinsip-prinsip di dalam Kod ini meliputi tanggungjawab individu dan kolektif semua Pengarah demi kepentingan Ekuinas dan pihak berkepentingan Syarikat. Penerapan Kod Etika Pengarah ini di seluruh Syarikat memastikan nilai etika sentiasa dihormati dan dipatuhi.

2. Komposisi dan Keseimbangan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah pada masa ini dianggotai oleh enam (6) ahli, yang terdiri daripada Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, seorang (1) Pengarah Eksekutif yang dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), dua (2) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan dua (2) orang Pengarah Bukan Eksekutif. Lebih 50% daripada komposisi ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Ini melebihi syarat keperluan satu pertiga pengarah bebas yang telah digariskan oleh Kod dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities (Keperluan Penyenaraian Bursa), dan mencerminkan komitmen Lembaga Pengarah untuk mengekalkan perwakilan Pengarah Bebas yang kukuh dalam Lembaga Pengarah bagi memastikan objektiviti dalam semua isu yang dibincangkan.

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif bukan sahaja bersikap adil tetapi turut mendalami dan menimbangkan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah, malah mereka juga memberikan input yang mantap dan bernilai dalam usaha mencapai sesuatu keputusan.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa berdasarkan skala operasi Syarikat sekarang, bilangan Pengarah yang ada adalah saiz yang optimum untuk memastikan Lembaga Pengarah dapat berfungsi dengan berkesan.

Saiz dan komposisi Lembaga Pengarah disemak dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran, demi memastikan saiz tersebut adalah kondusif bagi perbincangan dan proses membuat keputusan yang berkesan, dan bahawa Lembaga Pengarah mempunyai bilangan pengarah bebas yang

sewajarnya. Jawatankuasa tersebut juga berusaha untuk mengekalkan keseimbangan kepakaran, kemahiran dan keupayaan yang berkesan di kalangan para Pengarah, termasuk mengelakkan potensi konflik kepentingan.

3. Mengekalkan Kebebasan, Kemantapan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

Komposisi Lembaga Pengarah mencerminkan kadar yang lebih tinggi berbanding keperluan minimum satu pertiga pengarah bebas yang ditetapkan oleh Kod dan Keperluan Penyenaraian Bursa. Struktur semasa Lembaga Pengarah dan kewibawaan setiap Pengarah memastikan bahawa tiada individu atau kumpulan yang mendominasi proses membuat keputusan.

Lembaga Pengarah diterajui oleh ahli-ahli yang aktif dan berpengalaman, dengan latar belakang profesional yang berbeza meliputi pengalaman industri dan komersial, perakaunan dan kewangan, perniagaan dan pengurusan, serta kawal selia dan perkhidmatan awam. Gabungan kemahiran dan pengalaman ini menambah nilai dalam usaha memantapkan hala tuju strategik dan prestasi Ekuinas dalam mengorak langkah menjadi firma ekuiti persendirian yang terkemuka.

Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, yang merupakan individu-individu berkelayakan tinggi dan terbilang, saling berkongsi pengetahuan yang mendalam tentang bidang masing-masing. Mereka tidak turut serta di dalam operasi harian dan tidak terlibat di dalam sebarang urusan perniagaan atau perhubungan lain dengan Ekuinas. Ini adalah untuk memastikan mereka mampu melakukan pertimbangan secara objektif dan bertindak demi kepentingan Ekuinas.

Profil ahli-ahli Lembaga Pengarah dibentangkan di halaman 50 hingga 55 Laporan Tahunan ini.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

4. Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah menerima pakai piagam rasmi, yang dikenali sebagai Piagam Tadbir Urus, yang menetapkan nilai, prinsip dan etos utama Ekuinas. Dalam hal ini, Piagam Tadbir Urus bukan sahaja berfungsi sebagai peringatan tentang peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, bahkan ia juga merupakan pernyataan am mengenai hasrat dan jangkaan bagaimana Lembaga Pengarah akan menyempurnakan tugas-tugasnya. Ia juga berfungsi sebagai sumber rujukan, yang memberi panduan kepada ahli-ahli lembaga pengarah baru serta kumpulan Pengurusan Kanan.

Lembaga Pengarah menyelia hal ehwal perniagaan Ekuinas dan memikul tanggungjawab bagi perkara-perkara berikut:-

- menyediakan bimbingan strategik kepada Ekuinas dengan menentukan matlamat Ekuinas serta cara untuk mencapainya;
- meningkatkan nilai jangka panjang bagi pihak-pihak berkepentingan Ekuinas dengan memelihara serta melindungi nilai dasar Ekuinas demi kepentingan mereka;
- mengawasi pengurusan Ekuinas dengan berkesan, termasuk sistem kawalan dan akauntabiliti;
- melantik dan melucutkan jawatan CEO;
- mengesahkan pelantikan dan, di mana sesuai, meluluskan pelucutan jawatan Pengurusan Kanan (berdasarkan saranan CEO);
- memastikan kemajuan dan perancangan penggantian bagi Lembaga Pengarah dan juga Pengurusan Kanan;
- memberi input dan meluluskan strategi korporat dan belanjawan tahunan Syarikat;
- meluluskan dan memantau perkembangan perbelanjaan modal utama, pengurusan modal dan pemerolehan/pelupusan pelaburan;
- memantau pematuhan terhadap semua kewajipan undang-undang, cukai dan kawal selia;
- menyemak dan mengesahkan sistem pengurusan risiko dan pematuhan serta kawalan dalaman, kod kelakuan, pendedahan berterusan, pematuhan undang-undang dan dasar korporat penting lain;

- memantau prestasi Pengurusan dan pelaksanaan strategi dan dasar, sambil memastikan ketersediaan sumber yang secukupnya;
- meluluskan dan memantau laporan kewangan dan laporan lain untuk diedarkan kepada pasaran, kakitangan dan pihak berkepentingan lain; dan
- meluluskan pelantikan, pelantikan semula atau penggantian juruaudit luar.

Ekuinas turut menetapkan Had Bidang Kuasa – had pemberian kuasa dan kelulusan bagi keputusan penting, perbelanjaan operasi dan modal, perolehan barangan dan perkhidmatan, dan pemerolehan serta pelupusan pelaburan. Selain daripada hal-hal yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah secara khusus, di mana ia merangkumi urusan niaga yang melebihi had tertentu, Lembaga Pengarah mewakili kuasa kepada pihak pengurusan untuk membuat keputusan tentang hal-hal lain untuk memastikan kecekapan operasi yang optimum.

5. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun untuk menyemak dan meluluskan keputusan kewangan dan membincangkan laporan tentang prestasi, rancangan dan usul Syarikat yang dibuat oleh pihak Pengurusan. Mesyuarat Lembaga Pengarah juga diadakan pada penghujung tahun kewangan untuk mempertimbang dan meluluskan belanjawan Syarikat bagi tahun yang berikutnya. Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah akan diadakan apabila perlu bagi mempertimbangkan hal-hal yang memerlukan keputusan segera Lembaga Pengarah.

Di samping itu, mesyuarat lembaga pengarah juga turut diadakan secara khusus untuk mempertimbangkan dan meluluskan cadangan pelaburan dan isu-isu lain yang berbangkit. Lazimnya, Lembaga Pengarah juga bermesyuarat, sekurang-kurangnya setahun sekali, dengan pihak pengurusan kanan syarikat-syarikat portfolio untuk membincangkan hal-hal strategik, prestasi atau sebarang isu yang berkaitan dengan bidang perniagaan tertentu.

Kehadiran di Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Rekod kehadiran para Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Lembaga Pengarah	NRC	AC	IC
	Bilangan Kehadiran Mesyuarat	Bilangan Kehadiran Mesyuarat	Bilangan Kehadiran Mesyuarat	Bilangan Kehadiran Mesyuarat
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda	9 dari 9	3 dari 3	5 dari 5	–
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	9 dari 9	3 dari 3	5 dari 5	–
Tan Sri Mohamed Azman Yahya	9 dari 9	3 dari 3	–	6 dari 6
Datuk Dr. Rahamat Yusoff	5 dari 9	–	–	–
Datuk Noriyah Ahmad	7 dari 9	–	5 dari 5	–
Dato' Abdul Rahman Ahmad	9 dari 9	–	–	6 dari 6

Nota:

1. NRC – Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran
2. AC – Jawatankuasa Audit
3. IC – Jawatankuasa Pelaburan

6. Pembahagian Tugas dan Tanggungjawab antara Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Bagi memastikan keseimbangan kuasa yang sewajarnya, kedudukan Pengerusi Lembaga Pengarah dan CEO tidak dipegang oleh individu yang sama. Pengasingan yang jelas bagi kedua-dua peranan ini menggalakkan perdebatan dan perbincangan yang membina di peringkat Lembaga Pengarah. Jika kedua-dua jawatan ini digabungkan, kemungkinan timbul sikap berat sebelah yang boleh menjejaskan keupayaan dan kesanggupan para Pengarah Bebas untuk membuat pertimbangan secara bebas. Di Ekuinas, Pengerusi dan CEO tiada kaitan antara satu sama lain.

Pengerusi, yang bersifat bukan eksekutif, menerajui dan memudahkan usaha Lembaga Pengarah semasa bermesyuarat dan bertanggungjawab ke atas kepimpinan, kecekapan serta fungsi Lembaga Pengarah, di samping memastikan prinsip dan proses Lembaga Pengarah sentiasa terpelihara.

CEO bertanggungjawab menyediakan dan melaksanakan strategi, dasar serta pengendalian operasi Ekuinas bagi pihak Lembaga Pengarah.

7. Penyediaan Maklumat

Bagi membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugasnya, pihak Pengurusan menyediakan laporan pelaburan dan kewangan yang menyeluruh secara tetap. Lazimnya, agenda mesyuarat bersama-sama dengan kertas Lembaga Pengarah yang mengandungi maklumat yang berkaitan dengan perkara-perkara yang akan dipertimbangkan semasa mesyuarat akan diedarkan kepada para ahli Lembaga Pengarah oleh pihak pengurusan, sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum mesyuarat diadakan. Ini membolehkan ahli-ahli Lembaga Pengarah mempunyai masa yang secukupnya untuk menyemak, mempertimbangkan dan memahami isu-isu yang berbangkit dengan lebih mendalam sebelum mesyuarat diadakan, agar perbincangan akan lebih tertumpu kepada soalan yang ingin mereka ajukan berhubung dengan mana-mana isu berbangkit.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Kertas Lembaga Pengarah disediakan dalam format yang distrukturkan dengan kemas, konsisten, ringkas dan tepat yang memberikan maklumat kuantitatif dan kualitatif, agar keputusan terbaik dapat dibuat. Kertas Lembaga Pengarah merangkumi antara lainnya:

- i. Minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah terdahulu;
- ii. Minit-minit mesyuarat terdahulu kesemua Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- iii. Laporan hal-hal yang berbangkit;
- iv. Laporan mesyuarat semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah termasuk perkara yang memerlukan pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah;
- v. Laporan prestasi kewangan dan laporan pelaburan suku tahunan Syarikat; dan
- vi. Perkembangan penting lain yang perlu dibincangkan dan diluluskan.

CEO, Pengarah Urusan Pelaburan dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) hadir di pembentangan ini untuk menjawab sebarang pertanyaan daripada ahli Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan tentang perkembangan mutakhir mengenai keperluan statutori dan kawal selia berkaitan tugas dan tanggungjawab mereka. Apabila perlu, para Pengarah turut disediakan dengan laporan *ad hoc*, kertas maklumat dan latihan yang berkaitan, demi memastikan mereka sedia maklum akan hal ehwal penting yang berkaitan dengan perniagaan, operasi, korporat, perundangan dan industri.

8. Akses kepada Sumber dan Khidmat Nasihat Bebas

Lembaga Pengarah mempunyai akses bebas kepada CEO, Pengurusan Kanan, Setiausaha Syarikat, serta juruaudit dalaman dan luar pada bila-bila masa dirasakan perlu. Lembaga Pengarah boleh meminta nasihat profesional bebas mengikut budi bicara, sekiranya perlu, bagi memastikan maklumat dan nasihat yang lengkap sudah tersedia sebelum keputusan penting dibuat.

Setiausaha Syarikat membantu Lembaga Pengarah menyediakan agenda mesyuarat serta mentadbir, menghadiri dan menyediakan minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah, dan memastikan aliran maklumat

yang berkesan antara Lembaga Pengarah dengan jawatankuasanya. Pihak Pengurusan juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan amalan dan proses tadbir urus yang mantap dalam Syarikat.

9. Pelantikan dan Pemilihan Semula Pengarah

Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran Ekuinas menentukan dan menyemak profil yang dikehendaki bagi ahli-ahli Lembaga Pengarah dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, pencalonan semula dan persaraan Pengarah, dengan sokongan daripada Yayasan Ekuiti Nasional.

Apabila Pengarah sedia ada memilih untuk bersara atau dikehendaki bersara daripada jawatannya mengikut giliran, atau Pengarah baru perlu dilantik, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran akan mengkaji semula kepakaran, kemahiran dan ciri-ciri ahli dan komposisi Lembaga Pengarah. Jawatankuasa tersebut akan mengenalpasti keperluan Ekuinas dan menyediakan senarai pendek calon yang mempunyai profil yang bersesuaian untuk dicalonkan atau dicalonkan semula. Sekiranya perlu, Jawatankuasa juga boleh meminta nasihat daripada perunding luar bidang sumber manusia.

10. Latihan Pengarah

Belanjawan yang khusus bagi latihan Pengarah disediakan setiap tahun untuk menggalakkan para Pengarah menghadiri latihan yang berkaitan dan bermanfaat bagi membantu mereka menjalankan tanggungjawab dengan berkesan. Pengarah sentiasa dimaklumkan mengenai perniagaan Syarikat termasuk menerusi taklimat oleh Pengurusan Kanan dan perunding/pakar luar tentang isu-isu strategik yang berkaitan dengan bidang atau industri tertentu. Para pengarah juga menghadiri latihan untuk memastikan mereka mengetahui perkembangan semasa serta keperluan statutori dan kawal selia yang terbaru.

Program latihan dan pembangunan yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah, termasuk penglibatan mereka sebagai pembentang/penceramah dalam konvensyen di dalam dan luar negara mengenai topik yang relevan kepada peranan mereka semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dibentangkan pada halaman 113 hingga 115 laporan tahunan ini.

11. Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap dari segi pemantauan pengurusan syarikat secara bebas, beberapa jawatankuasa lembaga pengarah (Jawatankuasa Lembaga Pengarah) telah ditubuhkan, seperti berikut:-

- Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran;
- Jawatankuasa Audit; dan
- Jawatankuasa Pelaburan.

Fungsi dan Bidang Tugas bertulis bagi semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah ditakrifkan dengan jelas dan mematuhi saranan Kod di mana berkenaan. Kuasa dan bidang tugas akan disemak secara berkala untuk memastikan kandungannya kekal relevan dan dikemaskinikan.

Kepelbagaian pengalaman dan kemahiran yang sesuai dipertimbangkan seiring dengan keperluan untuk mengekalkan keseimbangan di kalangan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah. Saranan dan keputusan yang dibuat oleh setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dicatat dan direkodkan di dalam minit mesyuarat. Ringkasan laporan dan pertimbangan setiap Jawatankuasa ini seterusnya dimasukkan ke dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah.

Huraian ringkas setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:-

a. Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)

Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC) dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, kesemuanya bukan ahli kumpulan Pengurusan dan tiada sebarang hubungan perniagaan atau perhubungan lain yang mampu menjejaskan pertimbangan bebas mereka. Ahli-ahlinya terdiri daripada:-

Pengerusi : Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

Ahli : Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Tan Sri Mohamed Azman Yahya

Tiga (3) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan ini dan rekod kehadiran setiap ahli disediakan di dalam jadual di halaman 105.

Bidang Tugas

Tanggungjawab utama NRC selaras dengan bidang tugasnya adalah untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan fungsi-fungsi berikut:-

a. *Fungsi Utama*

Tanggungjawabnya berhubung dengan pelantikan merangkumi perkara-perkara berikut:

- mencalonkan dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, calon-calon yang akan dilantik sebagai Pengarah Syarikat;
- semasa membuat saranan, mempertimbangkan calon pengarah yang dicadangkan oleh CEO atau oleh mana-mana eksekutif kanan atau pengarah atau pemegang saham;
- mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, calon-calon pengarah untuk menganggotai jawatankuasa lembaga pengarah;
- membantu Lembaga Pengarah membuat semakan tahunannya berhubung dengan gabungan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan dan ciri-ciri lain, termasuk keupayaan teras yang harus dimiliki oleh pengarah bukan eksekutif sebagai anggota Lembaga Pengarah; dan
- membantu Lembaga Pengarah melaksanakan program penilaian tahunan untuk menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, jawatankuasa Lembaga Pengarah dan pengarah individu.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Tanggungjawab NRC berhubung dengan ganjaran merangkumi perkara berikut:

- menentukan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah rangka kerja atau dasar umum bagi pakej ganjaran CEO Syarikat, dan mana-mana ahli Pengurusan lain yang perlu dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah;
- mewujudkan prosedur yang rasmi dan telus untuk merangka dasar tentang jumlah pakej ganjaran individu bagi CEO dan ahli Pengurusan lain yang ditetapkan, termasuk bonus, insentif dan opsyen saham;
- merangka pakej ganjaran untuk CEO dan ahli Pengurusan lain yang ditetapkan, dengan tujuan menarik dan mengekalkan Pengurusan berkaliber tinggi yang berupaya meraih kejayaan untuk pemegang saham dan mendukung standard perkhidmatan yang tinggi untuk pihak berkepentingan, dengan mengambilkira persekitaran perniagaan di mana Syarikat beroperasi. Setelah selesai, cadangan akan dibuat bagi mendapatkan kelulusan daripada Lembaga Pengarah;
- menyemak dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah tentang sebarang penambahbaikan kepada dasar dan pakej ganjaran Pengurusan yang ditetapkan, dan isu-isu lain yang berkaitan dengan ganjaran Pengurusan setiap tahun;
- menyemak sebarang perubahan ketara dalam struktur ganjaran kakitangan di seluruh Syarikat, dan jika dianggap wajar, membuat saranan kepada Lembaga Pengarah untuk menerima perubahan sedemikian; dan
- menyemak dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah tentang rangka kerja bagi skim insentif tahunan Syarikat. Rangka kerja skim insentif tahunan ini merangkumi:-

- Kenaikan gaji berasaskan merit;
- Bonus berasaskan merit; dan
- Insentif pengekalan dan ganjaran.

b. *Bidang Kuasa*

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya berkaitan dengan isu ganjaran:-

- NRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan daripada mana-mana kakitangan Syarikat untuk melaksanakan tugasnya; dan
- NRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan sebarang nasihat undang-undang atau profesional luar termasuk nasihat perunding bebas berhubung ganjaran, dan jika perlu, memastikan penasihat luar ini hadir semasa mesyuaratnya serta mendapatkan maklumat berwibawa yang terkini mengenai ganjaran yang ditawarkan di syarikat-syarikat lain, di mana segala perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat.

NRC mempunyai kuasa penuh untuk mengarahkan supaya sebarang laporan atau tinjauan dibuat untuk membantu memenuhi kewajibannya sekiranya perlu.

c. *Komposisi Ahli*

NRC dianggotai oleh sekurang-kurangnya tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif, yang kesemuanya bukan ahli kumpulan Pengurusan dan tidak mempunyai sebarang hubungan perniagaan atau hubungan lain yang boleh menjejaskan pertimbangan bebas mereka. Salah seorang Pengarah Bebas ini akan dilantik sebagai Pengerusi NRC.

d. *Setiausaha*

Setiausaha Syarikat dan/atau Setiausaha-setiausaha Syarikat dilantik sebagai Setiausaha NRC.

e. *Mesyuarat*

- Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun atau apabila perlu.
- Notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari untuk mengadakan mesyuarat NRC diberikan kepada ahli-ahli NRC yang berada di Malaysia.
- Korum dicapai apabila mana-mana dua ahli hadir.
- Pengerusi mesyuarat mempunyai undi pemutus apabila bilangan undi adalah sama.
- Setiausaha bertanggungjawab untuk menyelaras butir-butir pentadbiran termasuk memanggil mesyuarat, mengundi dan merekodkan minit mesyuarat.
- Resolusi yang ditandatangani oleh semua ahli NRC disifatkan sebagai resolusi yang diluluskan semasa mesyuarat NRC yang bersidang, dan boleh merangkumi beberapa dokumen dalam bentuk yang serupa, yang mana setiap satunya ditandatangani oleh seorang atau lebih daripada seorang ahli NRC.

b. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif iaitu:-

Pengerusi : Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Ahli : Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

Datuk Noriyah Ahmad

Butir-butir lanjut mengenai ringkasan aktiviti Jawatankuasa Audit sepanjang tahun kewangan ini dibentangkan di halaman 127 Laporan Tahunan ini.

c. Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa Pelaburan dianggotai oleh ahli-ahli Pengurusan Kanan Syarikat dan seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Struktur yang diterima pakai merupakan struktur yang lazimnya diamalkan di sebahagian besar firma ekuiti persendirian bagi memastikan keputusan pelaburan dibuat tepat pada masanya dengan pengawasan yang mencukupi, komitmen yang teguh dan kebertanggungjawaban pihak kakitangan professional.

Tanggungjawab dan fungsi utama Jawatankuasa Pelaburan termasuklah:

- Meluluskan cadangan keputusan pelaburan dan pelupusan yang dibuat oleh Ekuinas;
- Meluluskan semua keputusan berkaitan pengurusan semua pelaburan yang dibuat oleh Ekuinas; dan
- Mengkaji kualiti dan kebolehpercayaan semua maklumat kewangan yang berkaitan dengan pelaburan.

d. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), yang dipengerusikan oleh CEO dan terdiri daripada Pengurusan Kanan, telah ditubuhkan pada tahun 2011 untuk membantu Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan risiko Ekuinas. Walaupun risiko yang dilaporkan tidak mewakili semua risiko perniagaan yang dihadapi oleh Ekuinas, objektif laporan risiko adalah untuk mengenalpasti risiko perniagaan yang ketara untuk menggariskan langkah utama untuk mengurangkan risiko yang melibatkan Ekuinas sebagai organisasi dan juga syarikat portfolio.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

12. Ganjaran Para Pengarah

Objektif dasar ganjaran Pengarah Syarikat adalah untuk menarik dan mengekalkan Pengarah berkaliber tinggi yang diperlukan untuk menerajui Syarikat ke arah mencapai kejayaan. Bagi Pengarah Eksekutif, unsur-unsur komponen ganjaran dirangka agar ganjaran berkait rapat dengan prestasi korporat dan juga individu. Bagi Pengarah Bukan Eksekutif pula, tahap imbuhan adalah berdasarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Pengarah Bukan Eksekutif tersebut.

NRC menyarankan rangka kerja bagi pakej ganjaran untuk Pengarah Eksekutif kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab muktamad meluluskan ganjaran Pengarah Eksekutif.

Butir-butir ganjaran Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, secara agregat, dikategorikan ke dalam komponen yang berkenaan, adalah seperti berikut:-

Ganjaran (RM)	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif
Fi	-	RM315,000
Elaun dan imbuhan lain	-	RM123,000
Gaji dan ganjaran lain		
• Gaji dan imbuhan lain	RM936,000	
• Bonus tidak tetap	RM504,000	
• Sumbangan KWSP	RM238,320	

Ganjaran yang dibayar kepada para Pengarah sepanjang tahun ini, dikategorikan dalam julat RM50,000 mematuhi keperluan pendedahan di bawah Keperluan Penyenaian Bursa adalah seperti berikut:-

Julat Ganjaran (RM)	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif
RM50,000 – RM100,000		5
RM1,650,000 – RM1,700,000	1	

13. Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah (BEE)

Penilaian prestasi Lembaga Pengarah memberikan peluang mentaksir secara efektif bukan sahaja prestasi Lembaga Pengarah tetapi juga menyerlahkan ruang-ruang yang memerlukan penambahbaikan dan tindakan pemulihan pentadbiran dan proses Lembaga Pengarah. Penilaian rasmi telah dijalankan ke atas prestasi Lembaga Pengarah semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

Syarikat telah menerapkan metodologi BEE yang menumpukan kepada, antara lainnya:

- Penilaian prestasi Lembaga Pengarah – tanggungjawab, komposisi, pentadbiran dan proses, perilaku, interaksi dan komunikasi, keberkesanan Pengerusi dan CEO;
- Penilaian prestasi Jawatankuasa Lembaga Pengarah – struktur dan proses, kebertanggungjawaban dan tanggungjawab, keberkesanan Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Pengarah; dan
- Menanda aras keputusan penilaian Lembaga Pengarah dengan contoh sepadan bagi mendapatkan pandangan tambahan mengenai kecekapan dan isu-isu berkaitan Lembaga Pengarah.

BEE melibatkan penyempurnaan soalselidik oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah mengenai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, juga Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran, dan Jawatankuasa Pelaburan.

Bagi memastikan integriti dan kebebasan dalam proses penilaian, Syarikat PwC Advisory Services (PwCAS) dilantik sebagai Penasihat Bebas untuk memudahkan proses, menjadual dan melaporkan keputusan penilaian kepada Pengerusi. Penilaian BEE turut merangkumi temubual bersama Pengarah oleh PwCAS untuk analisis mendalam mengenai keputusan. Ringkasan laporan kemudian dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Setiap ahli Lembaga Pengarah diberikan keputusan terperinci BEE. Penilaian BEE Ekuinas adalah amat penting untuk menarik perhatian Lembaga Pengarah kepada perkara-perkara penting yang perlu diambil maklum.

HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Ekuinas perlu berurusan dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam memainkan peranan dan memenuhi matlamatnya sebagai syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan. Dalam perkara ini, Syarikat sedar akan kepentingan memelihara ketelusan dan akauntabiliti bagi memastikan hubungan dengan pihak berkepentingan Syarikat sentiasa baik dan produktif. Komitmen penuh untuk mengekalkan ketelusan dan akauntabiliti ini merupakan sebahagian daripada amalan terbaik tadbir urus korporat Ekuinas, selain daripada memastikan keperluan kawal selia dipenuhi dengan sewajarnya.

Oleh itu, Ekuinas bertekad mengekalkan standard yang tertinggi dalam menyediakan maklumat penting yang relevan mengenai perkembangan Syarikat serta mengurus kepentingan pihak berkepentingannya. Oleh yang demikian, Syarikat amat menitikberatkan kepentingan penyebaran maklumat yang tepat pada masanya dan telus kepada masyarakat awam dan pihak berkepentingan.

1. Interaksi dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan

Syarikat mengamalkan dasar pengurusan dan komunikasi pihak berkepentingan yang komprehensif dan dasar ini sentiasa dikaji semula dari semasa ke semasa. Dasar tersebut menyediakan panduan bagaimana Syarikat berinteraksi dengan kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza termasuk masyarakat awam, badan kerajaan dan pihak berkuasa, demi mematuhi keperluan pendedahan yang berterusan dan tepat pada masanya.

Ekuinas amat menitikberatkan komunikasi dan interaksi dengan pihak-pihak berkepentingan dan ini dilakukan melalui komunikasi secara proaktif dengan mereka tentang isu-isu penting dalam usaha memahami keperluan dan harapan mereka dengan lebih mendalam. Dengan ini, Syarikat berharap dapat memberikan maklum balas yang sesuai dan sewajarnya.

2. Laporan Tahunan

Selain membuat pengumuman media, Syarikat juga menyediakan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan tentang perniagaan, kewangan dan aktiviti utama lain di dalam Laporan Tahunan Syarikat. Lembaga Pengarah berhasrat untuk mengemukakan pendedahan yang jelas dan menyeluruh di dalam Laporan Tahunan, selaras dengan prinsip yang termaktub dalam Keperluan Penyenaraian Bursa (di mana perlu) dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

3. Siaran Akhbar

Syarikat membuat pengumuman melalui siaran akhbar dan mengadakan sidang media untuk memaklumkan maklumat terkini mengenai kemajuan syarikat, perkembangan korporat penting dan pelbagai inisiatif perniagaan.

4. Laman Sesawang Syarikat

Syarikat komited untuk memastikan khalayak awam dapat mengakses laporan tahunan Syarikat, siaran akhbar, pengumuman Syarikat dan maklumat korporat lain dengan mudah melalui laman sesawangnya di www.ekuinas.com.my.

Sebarang pertanyaan mengenai Ekuinas bolehlah dimajukan kepada:

Kumpulan Komunikasi

Tel : 03-77107171

Faks : 03-77107173

E-mel : info@ekuinas.com.my

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

AKAUNTABILITI DAN AUDIT

1. Laporan kewangan

Lembaga Pengarah bertekad untuk menyediakan dan mengemukakan penilaian yang seimbang dan bermakna ke atas prestasi kewangan Syarikat dalam semua pendedahan yang dibuat kepada pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah, dengan bantuan Jawatankuasa Audit, mengawasi proses dan mutu laporan kewangan, serta menyemak dan memantau integriti penyata kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah turut menyemak kesesuaian dasar perakaunan Syarikat dan sebarang perubahan pada dasar ini serta memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi keperluan perakaunan dan kawal selia serta amalan tadbir urus korporat yang baik.

2. Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang mampu menjamin operasi yang berkesan dan cekap, dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa, serta prosedur dan garis panduan dalaman.

Pengurusan Risiko dan Penyata Kawalan Dalaman, yang memberi gambaran keseluruhan kawalan dalaman Syarikat, dimuatkan di halaman 116 dan 123 Laporan Tahunan ini.

3. Dasar *Whistleblowing*

Bagi mengukuhkan budaya etika perniagaan yang baik dan tadbir urus di seluruh Syarikat, dasar *whistleblowing* telah diperkenalkan bagi membolehkan kakitangan mendapat akses untuk membuat laporan terhadap sebarang salahlaku yang disyaki. Ini termasuklah salahlaku penipuan, penyalahgunaan aset, gangguan seksual, pecah amanah, rasuah, amalan perakaunan yang mencurigakan, penyalahgunaan maklumat sulit, kelakuan yang difikirkan bertentangan dengan Syarikat, menyalahi undang-undang dan dasar awam, menyalahi sebarang dasar Syarikat dan Kod Perilaku Syarikat atau sengaja menyembunyikan sebarang perkara di atas.

Dasar ini menunjukkan komitmen Syarikat kepada integriti dan perilaku beretika bagi membantu mengekalkan persekitaran kerja di mana kakitangan boleh berkelakuan bersesuaian tanpa takut kepada hukuman.

4. Hubungan dengan Juruaudit Luar

Lembaga Pengarah menjalinkan hubungan rasmi dan telus dengan juruaudit dalaman dan luar Syarikat, melalui Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit bersidang secara tetap bersama-sama juruaudit luar dan dalaman untuk membincangkan dan menyemak semula pelan audit, prestasi kewangan suku tahunan, penyata kewangan tahunan dan sebarang hasil audit, serta membuat saranan untuk kelulusan pihak Lembaga Pengarah. Sepanjang tahun ini, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan selaras dengan keperluan amalan terbaik Syarikat.

5. Urusniaga Pihak Berkaitan

Syarikat telah mendedahkan urusniaga pihak berkaitan di dalam penyata kewangan.

Butiran mengenai urusniaga pihak berkaitan yang dibuat oleh syarikat semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dibentang seperti berikut:

1. Ekuiti Nasional Berhad – halaman 175-177;
2. E-Cap (Internal) One Sdn Bhd – halaman 210-211;
3. E-Cap (Internal) Two Sdn Bhd – halaman 238-238; and
4. E-Cap (External) One Sdn Bhd – halaman 267-268.

Laporan Jawatankuasa Audit dibentangkan di halaman 124 hingga 129 Laporan Tahunan ini.

Penyata Tadbir Urus Korporat ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 6 Mac 2013.

Program latihan yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012

Nama Pengarah	Tajuk Seminar/Woksyop/Kursus	Penganjur	Tarikh
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda	Alignment of corporate culture with corporate vision – where it has worked successfully	Victoria Kessing Consulting Partner of PwC/Maxis	20 Februari 2012
	Exploiting structural disruptions to find opportunities for growth	Sven Smit, Gordon Orr, Nimal Manuel – McKinsey & Company/Maxis	29 Mei 2012
	Importance of organisation as an enabler for effective strategy execution	Per-Ola Karlsson, Booz & Company/Maxis	24 September 2012
	Khazanah Mega Trends Forum	Khazanah Nasional Berhad	1&2 Oktober 2012
	Private Equity	3i/Ekuiti Nasional Berhad	12 Oktober 2012
	Leadership for Sustainable Growth	Rajeev Peshawaria, The ICLIF Leadership & Governance Center/Maxis	26 November 2012
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	Conference on Global Movement of Moderates	Global Movement of Moderates foundation	16-19 Januari 2012
	The 2012 AsiaLink Conversations	Asialink, The University of Melbourne	2-4 Februari 2012
	Delhi Dialogue IV	The Ministry of External Affairs, New Delhi	13-14 Februari 2012
	Putrajaya Forum	MiDAS – Malaysian Institute of Defence and Security	17-19 April 2012
	The 2nd NATO-Asia Dialogue	NATO-ISIS Malaysia	27-28 Mei 2012
	The Shangri-La Dialogue	IISS Asia Security Summit	1-3 Jun 2012

PENYATA TADBIR URUS
KORPORAT

Nama Pengarah	Tajuk Seminar/Woksyop/Kursus	Penganjur	Tarikh
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan (continued)	Media Prima Board of Directors' Workshop	YBhg Datin Seri Tiara Jacquelina/Media Prima Berhad	14 Jun 2012
	ASEAN-China Dialogue	S. Rajaratnam School of International Studies (RSIS)	25-26 Jun 2012
	World Peace Forum 2012	World Peace Forum	6-8 Julai 2012
	Conference of Thales Leadership Programme	Thales Malaysia Sdn Bhd	5 Julai 2012
	2nd MIMA South China Sea Conference	Maritime Institute of Malaysia (MIMA)	4-5 September 2012
	ASEAN-China Dialogue	Asialink, The university of Melbourne	14-15 September 2012
	Private Equity	3i/Ekuiti Nasional Berhad	12 Oktober 2012
Tan Sri Mohamed Azman Yahya	Briefing on New Corporate Governance Blueprint & Regulatory Updates	SCOMI	12 Januari 2012
	KLBC Fireside Chat on Challenges in 2012: Economy & Politics	YB Dato' Mukhriz Mahathir, Deputy Minister of International Trade & Industry	31 Januari 2012
	Invest Malaysia 2012 Conference	Bursa Malaysia	29 Mei 2012
	Politics & Business – The Malaysian Connection forum: Politics Decoded – Implications on Financial Markets.	Affin Investment Bhd. Keynote speaker: YABhg. Tun Dr Mahathir Mohamad	28 Jun 2012
	Private Equity	3i/Ekuiti Nasional Berhad	12 Oktober 2012
	KLBC Luncheon Talk on "The 21st Century Malaysia: Distractions & Solutions"	YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin	19 November 2012

Nama Pengarah	Tajuk Seminar/Woksyop/Kursus	Penganjur	Tarikh
Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff	Bilateral Games and Joint Seminar Malaysia-Singapore	MAKSAK Malaysia	27-29 April 2012
	World Bank Development Policy Forum	World Bank	15-16 Oktober 2012
	Private Equity	3i/Ekuiti Nasional Berhad	12 Oktober 2012
	Program Pertukaran Pegawai Malaysia-Brunei	MAKSAK Malaysia	2-4 November 2012
Datuk Noriyah Ahmad	Private Equity	3i/Ekuiti Nasional Berhad	12 Oktober 2012
Dato' Abdul Rahman Ahmad	KLBC Fireside Chat on "Outlook for Malaysia – post GE13"	YABhg Tun Daim Zainuddin	20 Jun 2012
	Private Equity	3i/Ekuiti Nasional Berhad	12 Oktober 2012
	Private Equity & Venture Capital	Harvard University, Boston	28 Oktober hingga 1 November 2012

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

PENGENALAN

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman menurut perenggan 15.26(b) Keperluan Penyenaian Pasaran Utama Bursa Malaysia. Bagi menyediakan penyata ini, Lembaga Pengarah telah berpandukan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Syarikat Tersenarai oleh Institut Juruaudit Dalaman Malaysia yang diterimapakai dan diluluskan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Dalam menjalankan tugas yang diamanahkan, Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi memastikan kecukupan dan integriti memuaskan melalui proses kajian, pemantauan dan kepastian. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa sistem ini hanya boleh memberikan kepastian yang munasabah dan bukan jaminan mutlak terhadap kerugian ketara, penipuan, kenyataan yang tidak tepat dan pelanggaran undang-undang atau peraturan. Dalam hal ini, Ketua Pegawai Eksekutif dan pihak pengurusan memainkan peranan penting dalam membantu merangka dan melaksanakan dasar berkaitan risiko dan kawalan.

Lembaga Pengarah telah menubuhkan proses berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan menguruskan risiko ketara yang dihadapi oleh Syarikat. Pihak pengurusan pula membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan dasar dan prosedur mengenai risiko dan kawalan dengan mengenalpasti dan menilai risiko yang dihadapi. Pihak pengurusan turut memastikan rangka, operasi dan pemantauan kawalan dalaman adalah bersesuaian bagi tujuan mengurangkan dan mengawal risiko-risiko tersebut.

PENGURUSAN RISIKO

Rangka Kerja dan Dasar Keseluruhan Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah Ekuinas telah meluluskan Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat yang menerangkan dengan jelas kebertanggungjawaban untuk proses pengurusan risiko, termasuk mengenalpasti risiko dan cara mengurus risiko yang mampu menjejaskan matlamat strategik atau pelaksanaan Syarikat.

Pengurusan risiko adalah sebahagian daripada aktiviti perniagaan, fungsi dan proses penting Syarikat. Aspek pengurangan dan kawalan risiko dirangka dan dilaksanakan dengan cara yang dapat menjamin Syarikat mencapai matlamat strategiknya.

Pengurusan risiko merupakan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan ia mencakupi struktur tadbir urus atau pengawasan Syarikat dan mengekalkan rangka kerja kawalan dalaman yang bersesuaian. Pihak Pengurusan pula bertanggungjawab mengurus risiko bagi pihak Lembaga Pengarah dan melaksanakan kajian semula risiko dengan lebih rapi bagi sebarang cadangan atau urusan strategik khusus serta memastikan isu-isu risiko dikenalpasti, dianalisis, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten.

Strategi Pengurangan Risiko

Rangka kerja pengurusan risiko Syarikat adalah panduan pragmatik mengenai pengenalan dan pengurusan risiko yang penting untuk mencapai objektif strategik. Keberkesanan rangka kerja pengurangan risiko sentiasa dikaji semula dan ditambah baik secara sistematik.

Syarikat telah mengenalpasti jenis-jenis risiko seperti berikut – strategik, kewangan, operasi dan pelaburan. Risiko tidak terhad hanya kepada empat jenis ini sahaja tetapi risiko pelaburan dianggap sebagai risiko perniagaan paling kritikal dalam Syarikat.

Risiko Ekuinas (Syarikat)

Strategik	Pelaburan Langsung	Program Penyumberan Luar	Operasi
<ul style="list-style-type: none"> ▶ Persekitaran Luaran ▶ Pembiayaan ▶ Kawal Selia ▶ Pihak Berkepentingan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Aliran urusniaga/ rundingan dan penilaian ▶ Prestasi dan pengurusan pelaburan ▶ Objektif Sosial 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pemilihan OFM ▶ Prestasi OFM ▶ Pengurusan OFM 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Sumber Manusia ▶ Perbendaharaan ▶ Pengurusan dan Laporan Kewangan ▶ Pematuhan ▶ Perkhidmatan Bersama

Risiko Syarikat Penerima Pelaburan

Strategik dan Pasaran	Perniagaan dan Kewangan	Penciptaan Nilai Strategik	Pelaksanaan
<ul style="list-style-type: none"> ▶ Persekitaran Luaran ▶ Industri ▶ Kerajaan dan Kawal Selia 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Operasi perniagaan ▶ Perbelanjaan modal dan pelaburan ▶ Penggearing Hutang 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pengembangan Perniagaan ▶ Penggabungan dan Pengambilalihan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Sumber Manusia ▶ Sistem dan Proses IT ▶ Pengurusan dan Laporan Kewangan ▶ Tadbir Urus dan Pematuhan

Risiko strategik yang merangkumi persekitaran luaran, pasaran dan industri, serta pengurusan kawal selia dan pihak berkepentingan, diurus melalui usaha pemantauan faktor-faktor utama ekonomi, prospek industri, perkembangan kawal selia, perjumpaan dan pengemaskinian secara berkala dengan pihak kerajaan. Penerimaan dan pelaksanaan dasar-dasar Pendedahan, Pengurusan Pihak Berkepentingan dan Komunikasi adalah sebahagian daripada pelan pengurangan risiko untuk risiko strategik.

Bagi mengurus risiko kewangan, dasar perbendaharaan dan had kuasa kewangan Syarikat didokumenkan, disemak secara berkala dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah. Sebarang risiko kewangan yang ketara, seperti kecairan, penggearing, hutang bersih dan pendedahan kredit dikenalpasti, dinilai, ditangani dan dilaporkan kepada pihak Lembaga Pengarah secara berkala. Dasar yang diluluskan menetapkan had-had bagi pengurusan kecairan, risiko pihak bertentangan dan pembiayaan Syarikat.

Risiko operasi, yang wujud dalam semua aktiviti perniagaan, merupakan risiko kerugian kewangan yang mungkin timbul akibat kegagalan sokongan kepada kawalan, proses atau sistem dalaman. Risiko operasi sememangnya tidak dapat

dihapuskan sepenuhnya dan kos untuk mengurangkan risiko sedemikian mungkin melampaui manfaat yang bakal diraih. Oleh yang demikian, Syarikat bertindak mengurus risiko operasi dengan menggunakan dasar dan prosedur operasi standard, had kuasa yang didokumenkan dan rangka kerja laporan berkala yang merangkumi laporan operasi dan kewangan.

Bagi mengurangkan risiko pelaburan pula, Syarikat memastikan bahawa keputusan pelaburan dibuat dengan berpandukan garis panduan pelaburan yang terkandung di dalam Rangka Kerja Pelaburan Syarikat. Rangka kerja ini telah didokumenkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah demi memastikan urusniaga yang dilaksanakan memenuhi kriteria pelaburan penting di mana sektor-sektor utama dikenalpasti berdasarkan pendekatan penapisan yang telus. Rangka kerja ini diterimapai di dalam semua proses pelaburan dan urusniaga pelaburan yang bakal dilaksanakan.

Rangka kerja pelaburan Ekuinas meliputi pengurusan risiko dengan semakan risiko yang rapi terhadap semua cadangan atau urusniaga strategik dan tertentu untuk memastikan risiko dikenalpasti, dianalisa, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Semua pelaburan diteliti dengan rapi bagi memastikan pelaburan tersebut sejajar dengan tumpuan strategik Syarikat yang berupaya mencapai kadar pulangan yang sewajarnya dan mengambilkira semua faktor risiko lain yang berkaitan, seperti risiko industri dan risiko pelaksanaan. Di samping itu, Lembaga Pengarah juga telah menetapkan bahawa semua cadangan pelaburan yang diserahkan oleh pihak Pengurusan perlu disertakan dengan penilaian risiko yang menyeluruh dan cadangan strategi pengurangan risiko yang sesuai.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

RMC, yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan dianggotai oleh pihak Pengurusan Kanan, ditubuhkan pada 2011 untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan fungsi-fungsi berkaitan pengurusan risiko. Meskipun pelaporan risiko tidak perlu memuatkan setiap risiko perniagaan yang dihadapi oleh Ekuinas, ia bertujuan untuk mengenalpasti risiko perniagaan utama dan menggariskan langkah-langkah utama yang diambil untuk mengurangkan risiko yang melibatkan Ekuinas sebagai organisasi serta syarikat penerima pelaburannya.

Semua risiko penting yang dikenalpasti kemudiannya dinilai dan ditarafkan untuk menentukan kesan dan kemungkinan ia berlaku berdasarkan Rangka Kerja Penarafan Risiko Syarikat berlandaskan Dasar Pengurusan Risiko Ekuinas yang telah diluluskan.

Dalam usaha untuk mengurangkan risiko, inisiatif utama dikenalpasti melalui perbincangan dengan pihak Pengurusan. Ringkasan risiko berdasarkan keutamaan didokumenkan dalam laporan dan dibentangkan kepada RMC dan Jawatankuasa Audit setiap suku tahun. Proses ini dikendalikan setiap suku tahun, di mana risiko perniagaan baru dikenalpasti dan risiko sedia ada dikaji semula. Di samping itu, keberkesanan inisiatif pengurangan risiko yang telah dikenalpasti turut dipantau.

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab RMC:-

- menyemak dan mengesyorkan dasar pengurusan risiko dan membuat laporan untuk diluluskan oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah;
- memantau pendedahan risiko Syarikat dan syarikat penerima pelaburan serta menyarankan tindakan yang diperlukan;

- menyemak prestasi keseluruhan, inisiatif yang dilaksanakan dan risiko perniagaan utama syarikat penerima pelaburan setiap suku tahun;
- menyemak sebarang risiko dan pendedahan ketara yang wujud dan menilai inisiatif yang dikendalikan oleh pihak Pengurusan dan syarikat penerima pelaburan untuk mengurangkan risiko.

Empat (4) mesyuarat RMC telah diadakan sepanjang tahun 2012. Antara aktiviti utama yang dijalankan oleh RMC sepanjang tahun ini termasuk:-

- penerapan Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat;
- penerapan pendekatan, kaedah dan rangka kerja penarafan risiko dalam proses dan pelaporan pengurusan risiko;
- mengkaji semula profil dan penarafan risiko Syarikat;
- mengkaji semula profil dan penarafan risiko syarikat penerima pelaburan; dan
- menyemak dan membincangkan tindakan pengurangan risiko yang dikenalpasti dan perkembangannya.

Laporan Pengurusan Risiko

Rangka kerja pengurusan risiko menggariskan pendekatan Ekuinas terhadap pengurusan risiko, mengaitkannya dengan matlamat strategik dan organisasi dan menyepadukannya dengan proses perniagaan syarikat. Laporan Pengurusan Risiko meliputi penilaian risiko dan keberkesanan kawalan sedia ada, dan keperluan untuk kawalan tambahan bagi mengurangkan risiko untuk syarikat dan portfolio syarikat. Elemen utama proses ini adalah:

- membentangkan Laporan Terperinci berhubung risiko yang ketara kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah selepas mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko setiap suku tahun;
- mengkaji dan membincangkan risiko utama dan langkah-langkah pengurangan yang perlu diambil untuk syarikat dan setiap portfolio syarikat kepada mesyuarat RMC dan Jawatankuasa Pengurusan setiap suku tahun; dan
- membincangkan risiko ketara dengan Kumpulan Pelaburan mengenai portfolio syarikat mereka secara tetap.

KAWALAN DALAMAN

Proses Kawalan Dalaman Utama

Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk mengekalkan struktur dan persekitaran kawalan yang teguh agar operasi Syarikat dapat dikendalikan dengan sebaiknya. Antara proses penting yang telah disediakan untuk menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman, adalah seperti berikut:-

- **Jawatankuasa Audit**

Jawatankuasa Audit dianggotai keseluruhannya oleh ahli Lembaga Pengarah Bebas dan Bukan Eksekutif yang diberikan akses penuh kepada juruaudit dalaman dan luar. Jawatankuasa bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan sekurang-kurangnya setahun sekali. Jabatan Tadbir Urus Korporat & Pengurusan Risiko (CGRM), yang berfungsi sebagai audit dalaman Syarikat, melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit.

- **Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

Selain kepada Lembaga Pengarah, syarikat juga menggalakkan tadbir urus korporat dan ketelusan dengan mempunyai Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan Jawatankuasa Pelaburan. Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini ditubuhkan dengan tujuan untuk membantu Lembaga Pengarah memantau pengurusan Syarikat secara bebas dengan tanggungjawab dan kuasa yang diperuntukkan dengan jelas dalam bidang tugas masing-masing.

- **Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)**

Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk membantu Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah melaksanakan tadbir urus korporat, pengurusan risiko dan tanggungjawab berkanun yang lain bagi menguruskan pendedahan risiko keseluruhan Syarikat. RMC juga bertanggungjawab mengkaji dan mencadangkan dasar pengurusan risiko, strategi dan pengurangan risiko untuk Syarikat serta melaporkan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah setiap suku tahun.

- **Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM)**

Peranan CGRM adalah untuk membantu Jawatankuasa Audit dan pengurusan syarikat untuk menjalankan tugas dengan berkesan dengan melaksanakan kawalan

berkesan, menilai risiko, mencadangkan cara untuk mengurangkan risiko tersebut dan memastikan proses tadbir urus korporat yang betul. Sebagai bahagian yang penting dalam proses ini, CGRM akan memberikan Jawatankuasa Audit analisis, penilaian, nasihat dan maklumat yang bebas mengenai aktiviti yang dikaji.

Aktiviti utama yang dijalankan oleh CGRM yang menambah nilai kepada syarikat dan syarikat portfolio adalah seperti berikut:-

- ***Mengkaji Matlamat dan Aktiviti***

Mengkaji aktiviti operasi dan memastikan matlamat utama adalah sejajar dengan matlamat keseluruhan perniagaan.

- ***Menilai Risiko***

Mengenalpasti semua aktiviti yang boleh diaudit dan faktor risiko yang relevan dan menilai kepentingannya.

- ***Mengesahkan Maklumat Kewangan dan Bukan Kewangan***

Mengkaji dan mengumpul maklumat yang memuaskan, berdasarkan fakta dan lengkap.

- ***Menganalisis Operasi***

Menganalisis dan memeriksa operasi untuk menilai keberkesanannya dan jika perlu, membuat cadangan penambahbaikan.

- ***Memberikan Jaminan Tentang Pematuhan***

Memberikan jaminan mengenai pematuhan kepada keperluan berkanun, dasar dan garis panduan syarikat.

- ***Mencadangkan Kawalan Dalaman***

Mencadangkan kawalan yang bersesuaian untuk mengatasi kekurangan dan menambahbaik operasi.

- ***Menjamin perlindungan***

Menilai dasar-dasar sedia ada bagi melindungi aset syarikat.

- ***Menasihati dan Memudahkan***

Membantu menubuhkan rangka kerja pengurusan risiko yang sesuai, menilai risiko dan memantau keberkesanan program pengurusan risiko dan memastikan kecukupan sistem kawalan dalaman.


Pelan tahunan dan KPI CGRM dikaji dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah dan keputusan audit dilaporkan secara berkala kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

- **Rangka Kerja Dasar dan Prosedur Operasi Standard (SOP)**

Prosedur bertulis mengenai proses-proses penting Syarikat didokumen, dilaksana dan dijelaskan oleh pihak Pengurusan kepada kakitangan, selaras dengan Rangka Kerja Dasar dan SOP yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dasar-dasar ini disokong oleh prosedur yang didokumenkan untuk mengurus risiko operasi. Dasar dan prosedur ini bertujuan untuk memastikan bahawa prinsip atau mekanisme kawalan dalaman menjadi sebahagian daripada operasi Syarikat. Prosedur bertulis yang meliputi bidang kewangan, Teknologi Maklumat (IT), perolehan, perundangan serta dasar dan prosedur penting lain yang dilaksanakan juga disediakan. Rangka Kerja SOP untuk syarikat adalah seperti ilustrasi di bawah:

Rangka Kerja Dasar dan SOP – Dibina Sejalan dengan Model operasi Ekuinas



Nota:

1 & **2** Rangka Kerja Pelaburan disempurnakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah

Perkhidmatan Bersama	Kewangan dan Perakaunan	Sumber Manusia
	Dasar Perakaunan dan/atau Prosedur Operasi Standard meliputi:- <ul style="list-style-type: none"> ▶ Aset Tetap (✓) ▶ Tunai Runcit (✓) ▶ Prosedur dan Dasar Pelaporan Kewangan (✓) ▶ Belanjawan (✓) ▶ Pembayaran & Tuntutan (✓) ▶ Garis Panduan Nilai Saksama Portfolio Pelaburan (✓) 	Prosedur dan/atau Dasar Sumber Manusia meliputi:- <ul style="list-style-type: none"> ▶ Pengurusan Senarai Gaji (✓) ▶ Latihan & Pembangunan (✓) ▶ Pengambilan Pekerja & Perancangan Modal Insan (✓) ▶ Pengurusan Prestasi & Pampasan (✓) ▶ Terma & Faedah Pekerjaan (✓) ▶ Pelan Jangka Panjang Pengekalan (✓) ▶ Pengurusan Bakat (✓) ▶ Hubungan Pekerja (✓)
	Perbendaharaan <ul style="list-style-type: none"> ▶ Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perbendaharaan (✓) 	Perundangan <ul style="list-style-type: none"> ▶ Prosedur Operasi Standard Perundangan (✓)
	Pemerolehan & Pentadbiran <ul style="list-style-type: none"> ▶ Dasar dan Prosedur Operasi Standard Pemerolehan (✓) 	MIS <ul style="list-style-type: none"> ▶ Dasar dan Prosedur Operasi Standard Teknologi Maklumat (✓)
	Pengurusan Pihak-Pihak Berkepentingan <ul style="list-style-type: none"> ▶ Dasar dan Prosedur Operasi Standard Pengurusan Pihak-Pihak Berkepentingan (✓) 	Komunikasi <ul style="list-style-type: none"> ▶ Dasar Komunikasi (✓)
	Dasar Pendedahan <ul style="list-style-type: none"> ▶ Rangka Kerja dan Dasar Pendedahan (✓) 	

Nota:

(✓) Lengkap/Sempurna dan diluluskan untuk diterimapakai

- **Kod Etika**

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan menjadi contoh kepimpinan terbaik bagi perilaku dan tadbir dirasmikan urus korporat yang berhemah. Kod Etika telah dipersetujui dan digunakan oleh semua Pengarah dan Kakitangan untuk memastikan standard perilaku yang tinggi yang sering dikaitkan dengan amalan perniagaan beretika. Semua Pengarah dan Kakitangan dikehendaki memahami Kod ini dan menandatangani borangakuan penerimaannya.

- **Kod Etika Penyedia Perkhidmatan**

Syarikat percaya bahawa hubungan dengan penyedia perkhidmatan mestilah berdasarkan prinsip integriti, kejujuran dan kebertanggungjawaban dan menentang sekeras-kerasnya apa jua bentuk sogokan atau rasuah. Dengan matlamat ini, Kod ini perlu dipatuhi oleh semua pembekal, kontraktor, perunding dan penasihat utama yang berurusan dengan Ekuinas. Ekuinas boleh mengambil tindakan sewajarnya bagi sebarang ketidakpatuhan kod ini yang tidak terhad kepada penamatan perkhidmatan atau larangan mencadangkan apa jua perkhidmatan kepada Ekuinas untuk jangkamasa yang ditetapkan.

- **Had Kuasa Yang Didokumenkan**

Pihak Pengurusan diberikan Had Kuasa yang diluluskan bagi mengendalikan operasi harian, membuat keputusan pelaburan, pemerolehan dan pelupusan aset sebagai kaedah kawalan untuk mengurangkan sebarang risiko penyalahgunaan kuasa.

- **Dasar dan Prosedur Sumber Manusia**

Syarikat telah menetapkan garis panduan yang wajar bagi pengambilan dan pemberhentian kakitangan, program latihan untuk kakitangan, penilaian prestasi tahunan dan prosedur lain yang berkaitan untuk memastikan kakitangan sentiasa kompeten dan cukup terlatih untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Senarai SOP Sumber Manusia yang telah didokumenkan adalah seperti berikut:

- Terma dan Faedah Penggajian
- Pengurusan Senarai Gaji
- Pengurusan Prestasi dan Pampasan
- Hubungan Pekerja
- Latihan dan Pembangunan
- Pengambilan Pekerja

- **Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)**

Komponen utama dalam rangka kerja SOP adalah Dasar dan Prosedur ICT. Ia digubal bagi memastikan kawalan pengurusan yang mencukupi dan operasi yang lancar dalam urusan ICT Syarikat dan juga untuk melindungi sumber, pengkalan data dan maklumat syarikat. Panduan prinsip bagi Dasar dan Prosedur ICT adalah seperti berikut:

- Dasar Pengurusan ICT dan Pengguna;
- Pengurusan Keselamatan;
- Dasar E-mel;
- Dasar Internet;
- Dasar Kesenambungan Perniagaan dan Pemulihan;
- Dasar Pengurusan Aset ICT;
- Dasar Pengurusan Perubahan;
- Pengurusan Peristiwa; dan
- Pengurusan Komunikasi ICT.

- **Proses Belanjawan**

Pada setiap tahun, semua jabatan di dalam Syarikat dikehendaki menyediakan belanjawan tahunan bagi membentuk belanjawan dan rancangan keseluruhan Syarikat yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah. Sistem laporan untuk menilai perbelanjaan sebenar berbanding belanjawan telah diwujudkan dan sebarang percanggahan ketara yang dikesan akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah.

- **Dasar Laporan Kewangan dan Garis Panduan Penilaian Saksama Portfolio Pelaburan**

Di antara komponen utama Rangka Kerja SOP dan Dasar adalah Dasar dan Prosedur Laporan Kewangan dan Garis Panduan Penilaian Saksama Portfolio Pelaburan yang digubal bagi memastikan kawalan pengurusan yang mencukupi dan operasi yang lancar dalam aktiviti kewangan syarikat. Matlamat SOP adalah untuk memastikan laporan kewangan syarikat mematuhi keperluan perakaunan dan kawal selia dan memastikan penilaian dibuat mengikut prinsip penilaian umum yang diterimapakai dan juga menurut cadangan seperti yang dinyatakan dalam "*International Private Equity and Venture Capital Valuation Guidelines*" (Garis Panduan IPEV).

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

- **Pendedahan Urusniaga Sekuriti**

Sejajar dengan komitmen syarikat untuk mengukuhkan standard etika perniagaan yang tinggi, satu Dasar Perdagangan Orang Dalam dan Dasar Pendedahan telah dilaksanakan. Pekerja Ekuinas diminta untuk menandatangani Akujanji Kelakuan Profesional yang menyediakan garis panduan ketakdedahan maklumat sulit, konflik kepentingan dan larangan perdagangan orang dalam. Satu senarai diedarkan secara tetap kepada semua pekerja bagi memaklumkan sekuriti tersenarai yang dilarang melabur.

- **Buku Panduan Pencegahan Penipuan dan Dasar Whistle Blowing**

Buku panduan dan dasar ini adalah sebahagian daripada budaya Syarikat dan membuktikan komitmen Syarikat dalam mencegah penipuan. Ia juga memupuk persekitaran yang telus dan terbuka agar penipuan di dalam Syarikat dapat dilaporkan.

- **Pengurusan Prestasi**

Syarikat komited untuk menarik dan mengekalkan kakitangan yang berkeupayaan, berdedikasi dan berbakat. Pengurusan prestasi dan pembangunan modal insan terus ditekankan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif demi memastikan pekerja mempamerkan mutu dan kemahiran yang sewajarnya. Bagi menyemai budaya kerja berprestasi tinggi, semakan prestasi dan ganjaran dikait rapat dengan penunjuk prestasi utama sejajar dengan wawasan dan misi Syarikat.

- **Penilaian dan Pengurusan Risiko**

Syarikat telah merangka dan melaksanakan Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko sepanjang tahun 2012. Semakan risiko yang rapi dilaksanakan bagi sebarang cadangan dan urusniaga strategik di mana isu-isu risiko penting dikenalpasti, dikaji, ditentukan keutamaannya dan diurus secara konsisten.

- **Rangka Kerja Latihan dan Pembangunan**

Syarikat mengamalkan dasar melatih kakitangan di semua peringkat supaya mereka mampu melaksanakan tugas semasa dengan cekap, di samping melatih mereka yang berpotensi untuk melaksanakan tugas dengan tanggungjawab yang lebih besar supaya mereka bersedia untuk menggalasnya apabila diperlukan.

- **Dasar Komunikasi**

Dasar Komunikasi dilaksanakan demi memastikan bahawa komunikasi di seluruh Syarikat, serta kepada masyarakat awam dan pihak berkepentingan, diurus secara berkesan. Ini penting bagi memastikan imej Ekuinas yang konsisten sepanjang masa.

- **Kawalan Pelaburan**

Di dalam kebanyakan kes pelaburan, wakil kanan Ekuinas dilantik menganggotai jawatankuasa pengurusan eksekutif dan lembaga pengarah portfolio syarikat untuk melibatkan diri secara aktif dalam hala tuju strategik, proses membuat keputusan utama dan bahagian-bahagian operasi utama.

Di samping menjalin hubungan baik dengan pengurusan syarikat portfolio, Ekuinas juga mengambil bahagian dalam inisiatif proses operasi untuk mencipta nilai dan menyokong tadbir urus dan amalan terbaik.

- **Rangka Kerja dan Dasar Pendedahan**

Garis panduan pendedahan Ekuinas digubal berdasarkan beberapa garis panduan industri, antaranya, termasuklah yang digariskan dalam *The Walker Guidelines Monitoring Group 2007*, kumpulan pemantau ketelusan dan pendedahan ekuiti persendirian dan *European Private Equity and Venture Capital Reporting Guidelines 2006*. Rangka kerja ini juga digubal berikutan kajian ke atas pendedahan yang dibuat oleh syarikat ekuiti persendirian, dana negara berdaulat dan dana lindung nilai terkemuka di seluruh dunia. Maklumat dasar dan rangka kerja pendedahan diterangkan dengan terperinci di halaman 130 dan 131 laporan tahunan ini.

Kecukupan Sistem Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Ekuinas telah memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman syarikat beroperasi dengan berkesan dalam tahun kajian dan terkini semasa penyata ini diluluskan.

Semakan Penyata Kawalan Dalaman Oleh Juruaudit Luar

Sebagaimana termaktub dalam Perenggan 15.23 Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia, juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini untuk dimuatkan ke dalam laporan tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Juruaudit luar melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada sebarang perkara yang telah sampai kepada perhatian mereka yang boleh menyebabkan mereka beranggapan bahawa penyata ini tidak konsisten dengan kefahaman mereka tentang proses yang digunapakai oleh Lembaga Pengarah semasa menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman syarikat.

Ulasan mereka dilakukan menurut *Recommended Practice Guide (RPG) 5* yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. RPG5 tidak memerlukan juruaudit luar untuk memberikan pandangan mengenai kecukupan dan keberkesanan sistem pengawalan risiko dan kawalan dalaman Syarikat.

Penyata ini dibuat menurut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 6 Mac 2013.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Lembaga Pengarah Ekuinas dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

PENUBUHAN DAN KOMPOSISI JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit ditubuhkan pada tahun 2010 sejajar dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia. Ahli-ahli Jawatankuasa Audit dilantik dari kalangan ahli Lembaga Pengarah syarikat dan memenuhi keperluan berikut:-

- dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) ahli;
- majoriti adalah pengarah bebas;
- kesemua ahli adalah pengarah bukan eksekutif;
- sekurang-kurangnya seorang ahli hendaklah menganggotai persatuan perakaunan; dan
- pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli jawatankuasa audit.

Komposisi Jawatankuasa Audit adalah seperti yang tersenarai di bawah:-

Nama Pengarah	Status Jawatan Pengarah	Kehadiran Mesyuarat	%
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda (Pengerusi Jawatankuasa Audit)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5 dari 5	100
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5 dari 5	100
Datuk Noriyah Ahmad	Pengarah Bukan Eksekutif	5 dari 5	100

MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit bermesyuarat sekurang-kurangnya (4) kali setahun, atau lebih kerap sekiranya perlu.

Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Urusan Pelaburan, Ketua Pegawai Kewangan, Pengarah Bersekutu/Ketua CGRM dan wakil-wakil juruaudit luar turut menghadiri mesyuarat apabila diperlukan. Jawatankuasa Audit juga mengendalikan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan.

Minit-minit mesyuarat diambil dan diedarkan kepada setiap ahli Jawatankuasa Audit serta ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain. Pengerusi Jawatankuasa Audit membuat laporan mengenai setiap mesyuarat yang diadakan kepada pihak Lembaga Pengarah.

OBJEKTIF

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit adalah untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab berkanun serta tanggungjawab lain yang berkaitan dengan kawalan dalaman, hal ehwal kewangan dan perakaunan, pematuhan dan pengurusan risiko.

BIDANG TUGAS

Dalam melaksanakan tugas dan menyempurnakan tanggungjawabnya, Jawatankuasa Audit memenuhi keperluan Bidang Tugas seperti berikut:-

Komposisi Ahli

Jawatankuasa hendaklah dilantik dari kalangan Pengarah-pengarah dan memenuhi keperluan berikut:-

- Jawatankuasa Audit hendaklah dianggotai oleh tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli;
- majoriti ahlinya hendaklah terdiri daripada Pengarah bebas dan semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif; dan
- sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Audit:
 - adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA); atau
 - jika beliau bukan ahli MIA, beliau hendaklah memiliki sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja dan:
 - beliau telah lulus peperiksaan seperti yang termaktub di dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
 - beliau adalah ahli salah sebuah persatuan akauntan seperti yang termaktub dalam Bahagian II Jadual Pertama, Akta Akauntan 1967.
- Pengerusi mestilah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit;
- sekiranya berlaku kekosongan di dalam Jawatankuasa Audit dan menyebabkan ketidakpatuhan terhadap keperluan yang dinyatakan di atas, Syarikat hendaklah mengisi kekosongan tersebut dalam tempoh tiga (3) bulan; dan
- Setiausaha Syarikat hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Audit.

Skop

- Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk menyalurkan sebarang aktiviti Syarikat dan anak-anak syarikatnya, dan semua kakitangan diarahkan agar bekerjasama sepertimana yang diminta oleh ahli-ahli Jawatankuasa;
- Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk melantik mana-mana individu yang mempunyai kebolehan khusus apabila perlu untuk membantu Jawatankuasa ini menjalankan tanggungjawabnya;

- Jawatankuasa Audit membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab fidusiarinya, khususnya berkaitan dengan etika perniagaan, dasar dan kawalan pengurusan kewangan;
- Jawatankuasa Audit hendaklah memastikan komunikasi langsung diwujudkan antara Lembaga Pengarah, Juruaudit Luar, Juruaudit Dalaman dan pihak Pengurusan melalui mesyuarat yang telah ditetapkan;
- Jawatankuasa Audit akan terus menitikberatkan fungsi audit dengan meningkatkan objektiviti dan kebebasan Juruaudit Luar dan Dalaman dan menyediakan forum perbincangan yang berasingan daripada pihak Pengurusan;
- Jawatankuasa Audit boleh mempelawa mana-mana individu untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu Jawatankuasa Audit membuat keputusan dan ia juga boleh bermesyuarat sesama sendiri sahaja apabila perlu; dan
- dakwaan serius terhadap mana-mana kakitangan syarikat yang membabitkan implikasi kewangan hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Audit agar penyiasatan dapat dijalankan.

Bidang Kuasa

Jawatankuasa Audit mempunyai kuasa berikut seperti yang diamanahkan oleh Lembaga Pengarah:

- kuasa untuk menyalurkan sebarang perkara dalam lingkungan bidang tugasnya;
- akses kepada sebarang sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
- akses penuh, bebas dan tidak terbatas kepada sebarang maklumat, rekod, harta dan kakitangan Syarikat serta sebarang anak syarikat lain (jika ada) atau syarikat seindustri;
- saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan mereka yang melaksanakan fungsi atau aktiviti audit dalaman (jika ada);
- boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat lain; dan
- boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar dan juruaudit dalaman bersama-sama dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah lain yang bebas dan bukan eksekutif, tanpa kehadiran mana-mana pengarah eksekutif, sekurang-kurangnya sekali setahun atau sekiranya perlu.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Mesyuarat

- Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun untuk membincangkan sebarang perkara yang dibangkitkan oleh Juruaudit semasa menjalankan fungsi mereka. Korum mesyuarat Jawatankuasa Audit ialah dua (2) orang ahli;
- sekurang-kurangnya sekali setahun, keseluruhan Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran mana-mana ahli Lembaga Pengarah eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengurusan Kanan;
- Setiausaha bertanggungjawab menyelaras butir-butir pentadbiran termasuk memanggil mesyuarat, mengundi dan mengambil minit mesyuarat;
- selain daripada ahli-ahli Jawatankuasa Audit, Ketua Pegawai Kewangan dan Pengarah Bersekutu/Ketua CGRM dijemput menghadiri setiap mesyuarat. Ketua syarikat/jabatan dan pasukan pengurusan masing-masing akan hadir apabila laporan audit mengenai syarikat/jabatan mereka dibentangkan untuk perbincangan. Juruaudit Luar akan diminta hadir apabila perlu;
- Pengerusi akan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Audit, di atas permintaan Juruaudit Luar, untuk mempertimbangkan sebarang perkara yang dipercayai harus dibawa kepada perhatian pengarah atau pemegang saham; dan
- Juruaudit berhak hadir dan bersuara di sebarang mesyuarat Jawatankuasa Audit dan hendaklah hadir di mesyuarat Jawatankuasa Audit apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Jawatankuasa tersebut.

Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit berkenaan kumpulan-kumpulan tertentu adalah seperti berikut:

a. Lembaga Pengarah

- Mendapatkan jawapan yang memuaskan daripada pihak Pengurusan mengenai laporan yang sediakan oleh juruaudit dalaman dan juruaudit luar untuk dilaporkan kepada Lembaga Pengarah:
 - Mengetahui fakta penting dan kesan laporan audit tentang operasi;
 - Pertimbangan dan keputusan yang dibuat di peringkat Jawatankuasa Audit dengan menumpukan isu dan resolusi penting yang telah diselesaikan oleh Jawatankuasa Audit, secara berkala;
- ringkasan mengenai kebimbangan dan kelemahan ketara dalam persekitaran kawalan yang diperhatikan sepanjang tahun dan langkah-langkah sesuai yang diambil untuk menangani isu-isu tersebut;
- menyelia fungsi jabatan CGRM dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang perubahan ketara dalam perniagaan dan persekitaran luar yang mempengaruhi risiko-risiko utama;
- di mana semakan laporan audit anak syarikat dan sebarang syarikat berkaitan turut terangkum di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Audit, semua fungsi yang dinyatakan di atas juga hendaklah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit dan diselarasakan dengan Lembaga Pengarah anak syarikat dan syarikat berkaitan;
- menyemak segala urusan berkaitan pematuhan yang disediakan oleh Pengurusan berkaitan keperluan kawal selia atau keperluan pelaporan luar lain, berhubung operasi Syarikat; dan
- Mempertimbangkan perkara-perkara lain seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

b. Juruaudit Luar

- Mempertimbangkan pelantikan juruaudit luar, fi audit dan sebarang persoalan mengenai perletakan jawatan atau pemecatan;
- Berbincang dengan juruaudit luar mengenai bidang kuasa dan skop audit sebelum audit dimulakan, dan memastikan penyelarasan sekiranya ia melibatkan lebih daripada satu firma audit;
- Berbincang dengan juruaudit luar tentang laporan audit dan penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman; dan
- Menyemak penyata kewangan suku tahunan dan tahunan Syarikat, dengan memberi tumpuan khusus terhadap:
 - sebarang perubahan dalam dasar dan amalan perakaunan;
 - pelarasan ketara yang berbangkit daripada audit;
 - andaian usaha berterusan; dan
 - pematuhan kepada piawaian perakaunan dan keperluan perundangan lain.

c. Juruaudit Dalaman

- Membincangkan masalah dan kebimbangan yang berbangkit daripada audit luaran, dan lain-lain perkara yang ingin dibincangkan oleh juruaudit;
- Menyelia fungsi audit dalaman dengan:
 - Mengkaji semula kecukupan skop, fungsi, sumber fungsi audit dalaman dan memastikan ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
 - Menyemak semula program dan proses audit dalaman, hasil program dan hasil proses audit dalaman atau siasatan yang dijalankan dan memastikan tindakan yang sewajarnya diambil susulan daripada saranan fungsi audit dalaman;
 - Menyemak sebarang penilaian yang dibuat ke atas prestasi ahli-ahli fungsi audit dalaman;
 - Menetapkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah bidang kuasa fungsi audit dalaman, termasuk imbuhan fungsi audit dalaman;
 - Meluluskan pelantikan atau pelucutan jawatan ahli pengurusan kanan fungsi audit dalaman;
 - Mengemaskini maklumat terkini tentang peletakan jawatan ahli kakitangan audit dalaman dan memberi peluang kepada kakitangan yang meletak jawatan untuk memberikan sebab-sebab peletakan jawatan;
 - Memastikan Audit Dalaman sentiasa mempunyai sumber yang mencukupi dan cekap;
 - Memantau dengan teliti sebarang percanggahan ketara antara Audit Dalaman dengan pihak Pengurusan, tidak kira sama ada percanggahan ini telah diselesaikan atau tidak; dan
 - Mempertimbangkan isu-isu penting yang diperolehi daripada siasatan dalaman dan tindakan pihak Pengurusan.

d. Transaksi Pihak Berkaitan

- Mempertimbangkan sebarang transaksi pihak berkaitan yang mungkin berbangkit dalam Syarikat termasuk sebarang transaksi, prosedur atau perilaku yang membangkitkan persoalan tentang integriti Pengurusan.

AKTIVITI

Sejajar dengan bidang tugas Jawatankuasa Audit, aktiviti berikut telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan ini:-

- Menyemak dan meluluskan pelan audit oleh jabatan CGRM dan juruaudit luar, termasuk skop kerja bagi tahun kewangan tersebut yang masing-masing disediakan oleh jabatan CGRM dan juruaudit luar;
- Menyemak laporan Syarikat yang disediakan oleh CGRM dan juruaudit luar dan mempertimbangkan isu-isu dan pelan tindakan;
- Menyemak dan meluluskan Piagam Audit Dalaman Syarikat;
- Menyemak laporan suku tahunan dan tahunan Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak cadangan dasar dan prosedur penting untuk digunapakai oleh Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak dasar dan rangka kerja pengurusan risiko yang akan digunapakai oleh Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak laporan pengurusan risiko yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko setiap suku tahun untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pengurusan;
- Menyemak fi juruaudit luar;
- Menyemak laporan mengenai Jawatankuasa Audit, Penyata Kawalan Dalaman, Penyata Tadbir Urus Korporat dan Penyata Pengurusan Risiko sebelum dimuatkan di dalam Laporan Tahunan Syarikat;
- Menyemak dan mempertimbangkan laporan audit, isu dan saranan daripada juruaudit dalaman dan luar berdasarkan audit yang dikendalikan sepanjang tahun ini;
- Menyemak kecukupan sumber dan kecekapan kakitangan dalam lingkungan fungsi audit dalaman untuk melaksanakan pelan ini serta hasil kerja mereka; dan
- Menyemak dan menimbang kes yang disiasat oleh CGRM berikutan Dasar *Whistle blowing*.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman Syarikat dilaksanakan oleh jabatan CGRM. Jabatan CGRM melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan kepada Ketua Pegawai Eksekutif dari aspek pentadbiran. Fungsi audit dalaman adalah menurut Piagam Tadbir Urus Korporat yang diluluskan, yang memastikan kebebasannya semasa menilai dan membuat laporan mengenai kecukupan, integriti dan keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat dalam Syarikat, berlandaskan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin.

Syarikat mempunyai fungsi audit dalaman dengan sumber yang mencukupi untuk membantu Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah mengekalkan sistem kawalan dalaman dan keseluruhan amalan tadbir urus yang cekap. Semakan dan inisiatif penambahbaikan kawalan yang dilaksanakan oleh CGRM ditetapkan dalam pelan audit tahunan yang disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit sepanjang tahun kewangan.

Sepanjang tahun ini, sebagaimana dinyatakan dalam pelan audit dalaman yang diluluskan, CGRM telah menyemak dan membantu mendokumenkan dan memformalkan dasar dan prosedur Syarikat, mengkaji semula serta mendokumenkan risiko Ekuinas untuk dilaporkan kepada RMC dan Jawatankuasa Audit. Di samping itu, CGRM juga turut berbincang dengan syarikat-syarikat portfolio untuk menggalakkan pelaksanaan tadbir urus dan amalan-amalan terbaik. Di antara inisiatif tadbir urus utama yang dilaksanakan bersama dengan pengurusan syarikat-syarikat portfolio adalah menyemak dan mengemaskini had kuasa untuk diluluskan dan digunapakai, membantu dalam menubuhkan unit audit dalaman dalam syarikat-syarikat portfolio (di mana perlu) dan membantu mereka dalam inisiatif penambahbaikan tadbir urus dan kawalan mengikut keperluan.

Ringkasan inisiatif tadbir urus utama yang dilaksanakan di syarikat portfolio pasca-perolehan Ekuinas adalah seperti berikut:

Inisiatif-Inisiatif Tadbir Urus Utama Pasca Pelaburan

Syarikat-syarikat Portfolio	Had Kuasa Melulus	EXCO dan Lembaga Pengarah	Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat	Rangka Kerja Prosedur Operasi Standard	Audit Dalaman/Pematuhan	Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko	Mengulas/Ulasan Kertas Kerja/Kertas Pembentangan Pra-Mesyuarat Jawatankuasa Audit/EXCO
	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
	✓	✓	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	✓
	✓	✓	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	✓
	✓	✓	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	✓	Sedang dilaksanakan	✓
	✓	✓	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	✓
	✓	✓	✓	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	✓
	✓	✓	✓	Sedang dilaksanakan	✓	Sedang dilaksanakan	✓

CGRM juga terlibat dalam melaksanakan ketekunan wajar yang meliputi tadbir urus dan risiko pelaburan dalam usaha pemerolehan pelaburan baru. Sebagai sebahagian daripada proses penilaian pelaburan, isu-isu utama yang dibangkitkan kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah dalam usaha memastikan semua risiko pelaburan utama dikurangkan secara teliti.

Semua fungsi audit dalaman sepanjang tahun ini telah dikendalikan oleh CGRM. Tiada satu pun bidang fungsi audit dalaman yang ditugaskan kepada sumber luar.

Laporan ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 6 Mac 2013.

DASAR PENDEDAHAN

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian yang dimandatkan untuk mengurus dan melabur dana awam, Ekuinas merupakan entiti awam yang beroperasi di dalam persekitaran yang dikawal selia dengan ketat. Justeru itu, kami menitikberatkan ketelusan di dalam perhubungan dengan semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan, syarikat-syarikat penerima pelaburan, pihak media dan seluruh rakyat Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, Syarikat telah mewujudkan rangka kerja pendedahan yang mesra-pasaran, telus dan dibentuk mengikut penanda aras amalan terbaik global.

Garis panduan pendedahan Ekuinas dirumus berdasarkan beberapa garis panduan industri, seperti garis panduan *Walker Guidelines Monitoring Group 2007*, sebuah kumpulan pemantauan ekuiti persendirian yang menggalakkan ketelusan dan pendedahan, dan Garis Panduan Laporan *European Private Equity & Venture Capital Association (EVCA) 2006*. Rangka kerja pendedahan Ekuinas telah dihasilkan berikutan kajian menyeluruh mengenai pendedahan yang disediakan oleh firma-firma ekuiti persendirian, dana negara atau *sovereign wealth funds* dan dana lindung nilai terkemuka di seluruh dunia.


Pendedahan dibuat pada tahap berbeza-beza, daripada sekadar menyediakan maklumat minimum seperti nombor telefon untuk dihubungi dan maklumat asas syarikat di laman sesawang rasmi, atau maklumat mengenai strategi dan matlamat syarikat, pemerolehan dan pelupusan, serta prestasi portfolio. Namun, Ekuinas memilih pertubuhan seperti 3i plc yang berpangkalan di United Kingdom dan Tabung Pencen Kerajaan Norway, sebagai penanda aras, memandangkan organisasi ini menyediakan pendedahan sepenuhnya mengenai semua pemegang dan pemilihan portfolio, latar belakang mengenai pasukan pengurusan, profil portfolio terpilih, serta laporan tahunan dan penyata kewangan teraudit.

Ekuinas komited untuk menyediakan pendedahan maklumat korporat yang saksama dan komprehensif, sejajar dengan amalan terbaik firma ekuiti persendirian global. Kami berhasrat mematuhi semua undang-undang dan peraturan demi memastikan komunikasi yang sewajarnya disebarkan kepada pihak awam menurut keperluan undang-undang dan kawal selia yang berkuat kuasa.

Dasar pendedahan kami merangkumi prinsip utama berikut:

- Dibentuk mengikut penanda aras amalan industri ekuiti persendirian dan Dana Kekayaan Berdaulat yang terkemuka;
- Maklumat penting harus didedahkan dengan saksama dan menyeluruh kepada pihak awam melalui laporan tahunan dan disebarkan dengan meluas melalui media massa;
- Bersikap responsif terhadap permintaan maklumat daripada pihak berkepentingan utama; dan pada masa yang sama turut mematuhi peraturan serta garis panduan dasar pendedahan ini; dan
- Sekiranya kami tidak dapat mendedahkan sebarang maklumat atas permintaan rakan pelaburan bersama atau sekiranya pendedahan tersebut dapat menjejaskan pelan peningkatan nilai, kami akan memberikan penjelasan yang sewajarnya.

RANGKA KERJA PENDEDAHAN EKUINAS



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

PELABURAN DALAM SEKTOR PENDIDIKAN

Ekuinas Terus Menyumbang Kepada Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera

Laporan Kemajuan oleh Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB)

Pada tahun kewangan 2012, Ekuinas telah meneruskan sumbangan Tranche II bagi RM1 juta yang dijanjikan kepada YPPB. Ia adalah salah satu daripada inisiatif yang dilancarkan oleh Kerajaan di bawah Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera yang memberi tumpuan khusus kepada pembinaan kapasiti. Hala tuju ini menyasarkan supaya komuniti Bumiputera juga akan memainkan peranan yang penting dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi melalui peningkatan kualiti, kuantiti dan kepentingan bakat Bumiputera.


Faktor yang membezakan YPPB dengan organisasi yang lain adalah ia memberi tumpuan kepada kumpulan sasaran yang selalunya tidak dipertimbangkan oleh penyedia biasiswa dan bantuan kewangan dalam pendidikan. Inisiatif ini bertujuan untuk membantu bakat-bakat yang berpotensi tinggi dari golongan 40% pendapatan isi rumah terendah,

datang dari persekitaran yang kurang bernasib baik dan mereka yang memerlukan peluang kedua. Tumpuan bukan sahaja diberikan kepada bidang akademik tetapi juga bidang teknikal dan vokasional.

Sejak penubuhan YPPB pada November 2011, ia telah mengenalpasti empat teras dan telah berjaya melancarkan fasa awal untuk tiga teras iaitu **Peneraju Tunas**, **Peneraju Profesional** dan **Peneraju Skil**.

Peneraju Tunas bertujuan memainkan peranan dari peringkat sekolah rendah dan menengah, **Peneraju Profesional** pula menyasarkan untuk menggalakkan lebih ramai bakat menerima pengiktirafan profesional dalam bidang seperti undang-undang dan perakaunan, atau program khusus untuk perubatan dan jurutera kapal terbang berlesen, manakala **Peneraju Skil** menawarkan bimbingan dan pengurusan kemahiran untuk meningkatkan kemahiran bakat dalam bidang pertumbuhan berpendapatan tinggi seperti Minyak & Gas, Elektrik & Elektronik dan Marin. Program keempat dikenali sebagai **Peneraju Pemimpin**, yang dijangka akan dilancarkan pada tahun 2013. Program tersebut akan menyediakan Pembangunan Kepimpinan kepada graduan baru, usahawan dan pengurusan pertengahan yang berpotensi.

Rajah 1: Pembentangan Peneraju setakat November 2012





Penglibatan Syarikat Portfolio Ekuinas

Daripada sumbangan Ekuinas berjumlah RM1 juta yang telah disalurkan, 50% dari jumlah tersebut telah dipersetujui akan digunakan untuk menaja pemegang-pemegang biasiswa Tunas Potensi di institusi pengajian tinggi yang disenaraikan di bawah Ekuinas iaitu Asia Pacific University of Technology and Innovation (APU), Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) dan UNITAR International University. Tunas Potensi membantu mendaftarkan 210 orang pelajar dari persekitaran yang kurang bernasib baik untuk mendapatkan pendidikan peringkat asasi, diploma dan ijazah.

Ekuinas dengan sukacitanya melaporkan bahawa setakat ini, salah sebuah syarikat portfolio kami merupakan

antara institusi pendidikan yang menjadi hos kepada pelajar-pelajar dari program ini. APU yang dahulunya dikenali sebagai Asia Pacific Institute of Technology and Innovation, kini menjadi institusi pendidikan bagi 16 orang pelajar tersebut yang mendaftar dalam pelbagai kursus termasuk Perakaunan dan Kewangan, Perniagaan Antarabangsa dan Pengurusan Sumber Manusia. Dengan yuran tuisyen, penginapan dan elaun yang disediakan, YPPB melaporkan bahawa kesemua pelajar berjaya menyesuaikan diri dengan persekitaran kosmopolitan serta kehidupan komuniti pelbagai bangsa yang aktif di APU. Mereka telah memulakan semester pertama pada bulan Julai 2012, pelajar-pelajar ini dijangka akan menamatkan kursus mereka dalam tempoh tiga atau empat tahun lagi.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

MEREALISASIKAN POTENSI – Menarik Minat Graduan Ke Syarikat Portfolio Ekuinas

Sebagaimana yang dimaklumkan dalam laporan tahun yang lalu, Ekuinas memulakan Fasa I Program Pelatih Pengurusan Syarikat Portfolio Ekuinas dengan graduan-graduan yang berpotensi dari universiti tempatan. Proses pemilihan menjurus kepada calon-calon yang menunjukkan minat dalam bidang perniagaan dan mempunyai semangat keusahawanan yang tinggi. Mereka yang terpilih telah melalui latihan dalam pelbagai aspek perniagaan dari segi Pemasaran, Kewangan dan Pembangunan Perniagaan.

Secara keseluruhannya, prestasi peserta program adalah baik dan mereka telah diberi peluang untuk membina kemahiran pengurusan eksekutif serta kemahiran lain seperti komunikasi, pembentangan cadangan dan pengurusan masa.

Dalam merangka fasa seterusnya, Ekuinas berhasrat untuk merekrut lebih ramai pelatih dalam separuh kedua tahun 2013 bagi program yang lebih menarik dan akan melibatkan lebih banyak syarikat-syarikat portfolio Ekuinas.

Lembaga Pengarah Ekuinas telah sebulat suara bersetuju supaya Syarikat meneruskan tumpuan terhadap usaha membangunkan dan membimbing graduan-graduan Bumiputera yang berpotensi tinggi, melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk persekitaran kerja, lantas meningkatkan kadar kebolehpekerjaan mereka.

Universiti terkemuka tempatan dan universiti berkaitan Ekuinas adalah rakan-rakan kongsi yang disasarkan untuk program tahun ini. Kumpulan yang lebih besar ini dijangka akan melalui proses penempatan di syarikat-syarikat portfolio Ekuinas menjelang bulan Jun 2013.



EKUINAS PORTFOLIO COMPANY
GRADUATE TRAINEE PROGRAMME 2013



REALISING **POTENTIAL**



CREATING FUTURE MARKET LEADERS

Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) was established in September 2009 by the Government of Malaysia to transform high potential Malaysian companies into future market leaders. The companies in Ekuinas' portfolio are involved in various businesses ranging from fast moving consumer goods, oil and gas, logistics, education, and retail food & beverage (F&B).

Our mission of creating future industry leaders also underscores a commitment to help nurture our youth into becoming the future generation of capable managers who would be at the helm of the market-leading companies in the years to come. Ekuinas would thus like to invite talented and driven individuals to join the Ekuinas Portfolio Company Graduate Trainee Programme.

This programme will give graduates the opportunity to gain hands-on work experience at our respective portfolio companies. The new intake will be in June 2013 and those interested may send in their resumes now.

What are the requirements?

We're looking for Malaysian students graduating in 2013 with:

- a minimum of 3.0 CGPA in any fields preferably in Business, Entrepreneurship, Finance, Engineering, Humanities, Communications, Marketing or
- passion for business;
- creativity and enthusiasm; and
- is a natural leader and team player.

How do I apply?

Send your resume and latest examination results, together with a recent passport-size photograph to:

- Human Capital Department, Ekuiti Nasional Berhad 868265-U, Level 13 Surian Tower, No 1 Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
T +60 3 7710 7171 | F +60 3 7710 7173
E recruitment@ekuinas.com.my

** Only shortlisted candidates will be notified.*

**TANGGUNGJAWAB
SOSIAL KORPORAT****MENYOKONG AKTIVITI-AKTIVITI SYARIKAT PORTFOLIO**

EkuiNAS juga telah memperuntukkan sedikit dana untuk membantu pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan oleh syarikat-syarikat portfolio. Antara aktiviti tersebut ialah kempen kutipan dana oleh San Francisco Coffee untuk pesakit-pesakit di Institut Jantung Negara, majlis berbuka puasa anjuran BURGER KING® untuk kanak-kanak perempuan yang kurang bernasib baik dari Raudhatul Ikhwan dan juga kutipan dana melalui persembahan muzikal oleh Asia Pacific Smart School yang dahulunya dikenali sebagai Sapura Smart School.

MENYOKONG INDUSTRI EKUITI PERSENDIRIAN DAN KUMPULAN-KUMPULAN LAIN DALAM KOMUNITI

Sejak penubuhannya, EkuiNAS terus memberikan sokongan terhadap pelbagai program dan inisiatif yang bertujuan meningkatkan kemahiran keusahawanan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan (NGO). *Malaysian Venture Capital & Private Equity Association* atau MVCA yang memainkan peranan utama dalam pembangunan industri ini juga terus menerima sokongan kami dalam tahun kewangan ini.

Selain daripada program yang mengkhusus kepada usahawan, EkuiNAS turut memperuntukkan dana bagi menyokong program kebajikan yang dianjurkan oleh organisasi media dan juga menghulurkan bantuan kepada program-program serta pusat-pusat kebajikan yang memberikan bantuan sepanjang tahun kepada anak-anak yatim, kanak-kanak HIV+ dan juga keluarga miskin, ibu tunggal dan golongan kurang upaya.



Sebagaimana yang dilaporkan sebelum ini, Syarikat juga merancang untuk memperkenalkan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat khas yang membolehkan warga kerjanya mengambil bahagian dengan lebih aktif. Ekuinas sedar bahawa tugas utama kami, iaitu melabur di dalam syarikat-syarikat terkemuka generasi akan datang Malaysia telah pun mempunyai matlamat sosial di mana kami menekankan keperluan membantu golongan usahawan Bumiputera.

Kami akan meneruskan usaha kami untuk membangunkan rangka kerja Tanggungjawab Sosial Korporat yang akan mengambilkira harapan pihak-pihak berkepentingan, isu-isu perniagaan yang relevan dan juga memastikan program-program yang dibuat sejajar dengan misi dan nilai korporat Ekuinas. Kami menjangka akan memulakan program tersebut dalam masa terdekat ini.



**Meningkatkan peluang
pekerjaan**



LAPORAN PORTFOLIO

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

- 141** Ekuinas Direct (Tranche I) Fund
- 144** Ekuinas Direct (Tranche II) Fund
- 147** Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund
- 150** Nota Laporan Portfolio

EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) FUND

PADA 31 DISEMBER 2012

1 TINJAUAN DANA

Nama Dana	EkuiNAS Direct (Tranche 1) Fund
Tahun Permulaan	2010
Modal Terikat	RM1 bilion
Tempoh	5 + 2 tahun
Tempoh Pelaburan	3 - 5 tahun
Bentuk & Struktur Rasmi	Satu pengurus dana dan satu pelabur Dana: EkuiNAS Direct (Tranche 1) Fund Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia
Status	Dilaksanakan sepenuhnya
Tumpuan Pelaburan	Malaysia
Tumpuan Pelaburan Mengikut Peringkat	Dana Modal Pertumbuhan dan 'Buy-Out'
Tumpuan Pelaburan Mengikut Industri	<ul style="list-style-type: none"> - Pendidikan - Minyak & Gas - Barangan Pengguna Laris (FMCG) - Peruncitan & Percutian - Medikal - Perkhidmatan

**EKUINAS DIRECT
(TRANCHE I) FUND**

PADA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 NILAI ASET BERSIH (NAB) PADA 31 DISEMBER 2012

	2011 RM juta	Perubahan pada tahun 2012 RM juta	2012 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	1,000.00	–	1,000.00
B. Modal Dipanggil	460.21	659.17	1,119.38
C. Modal Diagihkan	–	–	–
D. Modal Dipanggil tolak Modal Diagihkan	460.21	659.17	1,119.38
E. Penggunaan Kemudahan Pinjaman (Kos yang Dilunaskan)	110.85	–	110.85
F. Modal Dilabur	571.06	659.17	1,230.23
Pendapatan Dividen	96.60	27.04	123.64
Keuntungan belum direalisasi Bersih atas Nilai Saksama Pelaburan	82.86	210.30	293.16
Kerugian direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	–	(37.82)	(37.82)
Perbelanjaan Faedah	(5.36)	(5.06)	(10.42)
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	174.10	194.46	368.56
Jumlah Perbelanjaan Operasi	(72.93)	(58.52)	(131.45)
Pertambahan Bersih pada Nilai Aset Bersih	101.17	135.94	237.11
G. Nilai Aset Bersih	672.23	795.11	1,467.34
Nilai Aset Bersih merangkumi:			
Pelaburan – pada harga kos	565.85	577.46	1,143.31
Keuntungan Belum Direalisasi Bersih atas Nilai Saksama Pelaburan	82.86	210.30	293.16
Pelaburan dibawa pada Nilai Saksama	648.71	787.76	1,436.47
Tambah: Modal kerja	23.52	7.35	30.87
Bersamaan Nilai Aset Bersih	672.23	795.11	1,467.34
IRR Kasar	35.07%		27.48%
IRR Bersih (sebelum pembahagian keuntungan)	23.16%		20.63%
Pembahagian Keuntungan (RM juta)	25.16		60.31
NAB berbanding Modal Dibayar:			
C/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil (a)	–		–
G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil (b)	1.46x		1.31x
Jumlah nilai berbanding modal dipanggil (a+b)	1.46x		1.31x
B/A Modal dipanggil berbanding modal terikat	0.46x		1.12x

EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) FUND

PADA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

3 PRESTASI PELABURAN

(a) Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2012

Syarikat	Tarikh Mula Pelaburan	Kepentingan %	Kos Pelaburan RM juta	Nilai Saksama RM juta	Keuntungan Kasar dalam Portfolio RM juta
ACG	4-Jan-10	20.00	39.88	1,436.47	406.38
KLB	18-Okt-10	61.62	240.96		
APIIT	18-Feb-11	51.00	102.00		
SF	12-Sep-11	90.00	15.00		
BKM	15-Sep-11	74.10	68.21		
RV	15-Mac-12	85.76	64.61		
Cosmopoint	2-Apr-12	90.00	246.00		
UNITAR	21-Mei-12	90.00	58.50		
Icon Offshore	19-Nov-12	70.21	308.15		
Jumlah			1,143.31		
				IRR Kasar	27.48%
				IRR Bersih	20.63%

IRR Kasar diperolehi selepas perbelanjaan faedah. IRR Bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan lain-lain perbelanjaan operasi.

(b) Ringkasan Realisasi pada 31 Disember 2012

Syarikat	Tarikh Mula Pelaburan	Kepentingan %	Kos Pelaburan RM juta	Jumlah Realisasi RM juta
TOB	14-Nov-12	24	99.80	61.98

ACG Alliance Cosmetics Group
TOB Tanjung Offshore Berhad
KLB Konsortium Logistik Berhad
APIIT APIIT Education Group
SF San Francisco Coffee

BKM Burger King Malaysia
RV Revenue Valley Group
Cosmopoint Cosmopoint Group
UNITAR UNITAR International University
Icon Offshore Icon Offshore Berhad

EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND

PADA 31 DISEMBER 2012

1 TINJAUAN DANA

Nama Dana	Ekuias Direct (Tranche II) Fund
Tahun Permulaan Pelaburan	2012
Modal Terikat	RM1 bilion
Tempoh	5 + 2 tahun
Tempoh Pelaburan	3 - 5 tahun
Bentuk & Struktur Rasmi	Satu pengurus dana dan satu pelabur Dana: Ekuias Direct (Tranche II) Fund Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia
Status	Melabur
Tumpuan Pelaburan	Malaysia
Tumpuan Pelaburan Mengikut Peringkat	Dana Modal Pertumbuhan dan 'Buy-Out'
Tumpuan Pelaburan Mengikut Industri	<ul style="list-style-type: none"> - Pendidikan - Minyak & Gas - Barangan Pengguna Laris (FMCG) - Peruncitan & Percutian - Medikal - Perkhidmatan

EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND

PADA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 NILAI ASET BERSIH (NAB) DANA PADA 31 DISEMBER 2012

	2011 RM juta	Perubahan pada tahun 2012 RM juta	2012 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	–	1,000.00	1,000.00
B. Modal Dipanggil	–	90.01	90.01
C. Modal Diagihkan	–	–	–
D. Modal Dipanggil tolak Modal Diagihkan	–	90.01	90.01
E. Penggunaan Kemudahan Hutang (Kos yang Dilunaskan)	–	–	–
F. Modal Dilabur	–	90.01	90.01
Keuntungan belum direalisasi Bersih atas Nilai Saksama Pelaburan	–	22.51	22.51
Pendapatan Faedah	–	4.54	4.54
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	–	27.05	27.05
Jumlah Perbelanjaan Operasi	–	(10.22)	(10.22)
Pertambahan Bersih pada Nilai Aset Bersih	–	16.83	16.83
G. Nilai Aset Bersih	–	106.84	106.84
Nilai Aset Bersih merangkumi:			
Pelaburan – pada harga kos	–	88.38	88.38
Keuntungan Belum Direalisasi Bersih atas Nilai Saksama Pelaburan	–	22.51	22.51
Pelaburan dibawa pada Nilai Saksama	–	110.89	110.89
Tambah: Modal kerja	–	(4.05)	(4.05)
Bersamaan Nilai Aset Bersih	–	106.84	106.84
IRR Kasar	–		95.83%
IRR Bersih (sebelum pembahagian keuntungan)	–		83.10%
Pembahagian Keuntungan (RM juta)	–		3.54
NAB berbanding Modal Dibayar:			
C/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil (a)	–		–
G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil (b)	–		1.19x
Jumlah nilai berbanding modal dipanggil (a+b)	–		1.19x
B/A Modal dipanggil berbanding modal terikat	–		0.09x

**EKUINAS DIRECT
(TRANCHE II) FUND**

PADA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

3 PRESTASI PELABURAN

Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2012

Syarikat	Tarikh Mula Pelaburan	Kepentingan %	Kos Pelaburan RM juta	Nilai Saksama RM juta	Keuntungan Kasar dalam Portfolio RM juta
BKS	12-Sep-12	100.00	12.48	110.89	27.05
Icon Offshore	19-Nov-12	17.42	75.90		
Jumlah			88.38		
				IRR Kasar	95.83%
				IRR Bersih	83.10%

IRR Kasar diperolehi selepas perbelanjaan faedah. IRR Bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan lain-lain perbelanjaan operasi.

BKS Burger King Singapore
Icon Offshore Icon Offshore Berhad

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND

PADA 31 DISEMBER 2012

1 TINJAUAN DANA

Nama Dana	Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund
Tahun Permulaan	2011
Modal Terikat	RM400 juta
Tempoh	6 + 1 tahun
Tempoh Pelaburan	3 - 6 tahun
Bentuk & Struktur Rasmi	<p>Satu pengurus dana dan pelbagai pelabur. Disumber luar kepada dana dan pengurus dana berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Dana: Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. Pengurus Dana: Navis MGO I GP Ltd Domisil Dana: Kepulauan Cayman Status: Melabur 2) Dana: CIMB National Equity Fund Ltd. P. Pengurus Dana: CIMB General Partner Ltd Domisil Dana: Labuan Status: Melabur 3) Dana: MK-One Fund (Labuan) Limited Fund Manager: Kuwait Finance House (Labuan) Berhad Domisil Dana: Labuan Status: Ditamatkan atas sebab penstrukturan semula dengan Kuwait Finance House Group
Tumpuan Pelaburan	Malaysia
Tumpuan Pelaburan Mengikut Peringkat	Dana Modal Pertumbuhan
Tumpuan Pelaburan Mengikut Industri	Am kecuali senarai pelaburan negatif Ekuinas

**EKUINAS OUTSOURCED
(TRANCHE I) FUND**

PADA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 NILAI ASET BERSIH (NAB) DANA PADA 31 DISEMBER 2012

	2011 RM juta	Perubahan pada tahun 2012 RM juta	2012 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	400.00	–	400.00
B. Modal Dipanggil	24.35	69.53	93.88
C. Modal Diagihkan	–	–	–
D. Modal Dipanggil tolak Modal Diagihkan	24.35	69.53	93.88
E. Penggunaan Kemudahan Hutang (Kos yang Dilunaskan)	–	–	–
F. Modal Dilabur	24.35	69.53	93.88
Kerugian Belum Direalisasi Bersih atas Nilai Saksama Pelaburan	(8.39)	(7.82)	(16.21)
Kerugian Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	–	(2.10)	(2.10)
Jumlah Perbelanjaan Operasi	(2.11)	(2.04)	(4.15)
Pengurangan Bersih dalam Nilai Aset Bersih	(10.50)	(11.96)	(22.46)
G. Nilai Aset Bersih	13.85	57.57	71.42
Nilai Aset Bersih merangkumi:			
Pelaburan – pada harga kos	22.26	65.38	87.64
Kerugian Belum Direalisasi Bersih atas Nilai Saksama Pelaburan	(8.39)	(7.82)	(16.21)
Pelaburan dibawa pada Nilai Saksama	13.87	57.56	71.43
Tambah: Modal kerja	(0.02)	0.01	(0.01)
Bersamaan Nilai Aset Bersih	13.85	57.57	71.42
IRR Kasar	N/A		-35.25%
IRR Bersih (sebelum pembahagian keuntungan)	N/A		-38.39%
Pembahagian Keuntungan (RM juta)	N/A		–
NAB berbanding Modal Dibayar:			
C/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil (a)	–		–
G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil (b)	0.57x		0.76x
Jumlah nilai berbanding modal dipanggil (a+b)	0.57x		0.76x
B/A Modal dipanggil berbanding modal terikat	0.06x		0.23x

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND

PADA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

3 PRESTASI PELABURAN

Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2012

Dana	Komitmen Ekuinas RM juta	Modal Persendirian RM juta	Modal Dilabur RM juta	Pelaburan Komitmed dari Pihak Lain RM juta	Nilai Aset Bersih RM juta
Navis MGO CIMB NEF MK-One*	400.00	116.87	89.74	366.61	71.42
				IRR Kasar	-35.25%
				IRR Bersih	-38.39%

Ditamatkan atas sebab penstrukturan semula Kuwait Finance House Group

Navis MGO
CIMB NEF
MK-One

Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P.
CIMB National Equity Fund Ltd. P.
MK-One Fund (Labuan) Limited

NOTA LAPORAN PORTFOLIO

1 NOTA LAPORAN PORTFOLIO

Juruaudit luar, PwC, ditugaskan oleh Ekuinas untuk melaksanakan prosedur-prosedur tertentu bagi memuktamadkan Laporan Portfolio di halaman 141 hingga 149 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012. PwC telah menyemak maklumat yang terkandung dalam Nilai Aset Bersih Dana dan Prestasi Pelaburan setakat 31 Disember 2012 yang dimuatkan dalam laporan ini untuk menyokong data sumber yang berkenaan dan telah membuat semula pengiraan, di mana perlu.

EKUITI NASIONAL BERHAD

(DIPERBADANKAN DI MALAYSIA)
LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BERKANUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

- 152** Laporan Pengarah
- 155** Kenyataan oleh Pengarah
- 155** Akuan Berkanun
- 156** Laporan Juruaudit Bebas
- 158** Penyata Pendapatan Komprehensif
- 159** Penyata Kedudukan Kewangan
- 160** Penyata Perubahan dalam Ekuiti
- 161** Penyata Aliran Tunai
- 162** Ringkasan Dasar Perakaunan Penting
- 169** Nota Penyata Kewangan

**LAPORAN
PENGARAH**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Pengarah-pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

AKTIVITI UTAMA

Syarikat, pada dasarnya, terlibat dalam penyediaan khidmat pengurusan pelaburan, kewangan, korporat dan nasihat pengurusan kepada dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, bertujuan meningkatkan penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama dan mampan dengan mewujudkan syarikat-syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia. Pada tahun kewangan ini, tidak terdapat sebarang perubahan yang ketara dari segi bentuk kegiatan yang dijalankan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	6,147,092

DIVIDEN

Tiada dividen yang dibayar, diisytihar atau dicadangkan sejak akhir tahun kewangan sebelumnya. Pengarah-pengarah tidak mengesyorkan pembayaran sebarang dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

TERBITAN SAHAM

Tiada perubahan dalam modal dibenarkan, diterbitkan dan modal berbayar Syarikat sepanjang tahun kewangan.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan nyata kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan melainkan yang didedahkan dalam penyata kewangan dan nota penyata kewangan.

PENGARAH

Pengarah-pengarah yang memegang jawatan sepanjang tempoh kewangan sejak tarikh laporan terakhir adalah seperti berikut:

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda
Datuk Noriyah binti Ahmad
Tan Sri Mohamed Jawhar bin Hassan
Tan Sri Mohamed Azman bin Yahya
Datuk Dr Rahamat Bivi binti Yusoff
Dato' Abdul Rahman bin Ahmad

Selaras dengan Artikel 65 Tataurusu Pertubuhan Syarikat, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda dan Dato' Abdul Rahman bin Ahmad akan bersara daripada Lembaga Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan memandangkan beliau layak, menawarkan diri untuk dipilih semula.

LAPORAN PENGARAH

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

KEPENTINGAN PENGARAH DALAM SAHAM DAN DEBENTUR

Mengikut Daftar Pemegangan Saham Pengarah yang disimpan oleh Syarikat selaras dengan Seksyen 134 Akta Syarikat, 1965, tiada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan yang memegang sebarang kepentingan dalam saham, waran, opsi saham dan debentur Syarikat atau perbadanan yang berkaitan sepanjang tahun kewangan.

MANFAAT PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada sebarang pengaturan yang dibuat di mana Syarikat menjadi satu pihak yang membolehkan para Pengarah Syarikat memperoleh manfaat melalui pemerolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain.

Sejak tarikh laporan terakhir, tiada Pengarah telah menerima atau berhak menerima manfaat (kecuali manfaat yang termasuk dalam amaun agregat emolumen yang diterima atau yang perlu dibayar kepada dan bakal diterima oleh Pengarah sebagai gaji tetap kakitangan sepenuh masa Syarikat seperti yang dibentangkan dalam penyata kewangan) disebabkan kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat yang berkaitan dengan mana-mana Pengarah atau firma yang mana Pengarah adalah ahlinya, atau dengan syarikat di mana Pengarah tersebut mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, Pengarah-pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah:

- (a) untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil berkaitan dengan langkah menghapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk telahpun dihapus kira dan peruntukan untuk hutang ragu tidak perlu dibuat; dan
- (b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang, yang mana nilainya berkemungkinan tidak direalisasi dalam perjalanan biasa perniagaan seperti yang dinyatakan dalam rekod perakaunan Syarikat telah diturunkan nilainya kepada jumlah yang dijangka boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan:

- (a) yang menyebabkan jumlah yang dihapus kira untuk hutang lapuk atau jumlah peruntukan untuk hutang ragu dalam penyata kewangan Syarikat sebagai tidak mencukupi untuk menampung sebarang jumlah yang besar; atau
- (b) yang akan mengakibatkan nilai yang diperuntukkan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat sebagai mengelirukan; atau
- (c) yang berbangkit sehingga mengakibatkan pematuhan terhadap kaedah sedia ada bagi menilai aset atau liabiliti Syarikat sebagai mengelirukan atau tidak wajar; atau
- (d) yang tidak terkandung dalam laporan atau penyata kewangan ini, yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat sebagai mengelirukan.

**LAPORAN
PENGARAH**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas (12) bulan dari akhir tahun kewangan yang mana, mengikut pandangan para Pengarah, akan atau boleh secara ketara menjejaskan keupayaan Syarikat untuk memenuhi kewajipannya apabila tiba masanya untuk disempurnakan.

Pada tarikh laporan ini, tidak ada:

- (a) sebarang cagaran ke atas aset Syarikat yang berbangkit sejak berakhirnya tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana individu lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luar jangka Syarikat yang berbangkit sejak akhir tahun kewangan ini.

Pada tarikh laporan ini dibuat, Pengarah-pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak terkandung dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan ini yang mungkin menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini sebagai mengelirukan.

Pada pandangan Pengarah-pengarah:

- (a) keputusan operasi Syarikat sepanjang tahun kewangan ini tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa; dan
- (b) tidak berbangkit sebarang butiran, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa yang mungkin boleh menjejaskan keputusan operasi Syarikat dengan ketara antara akhir tahun kewangan dengan tarikh laporan ini dibuat.


YAYASAN INDUK

Pengarah-pengarah menganggap Yayasan Ekuiti Nasional, sebuah yayasan yang diperbadankan di Malaysia, sebagai yayasan induk Syarikat.

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga pengarah selaras dengan resolusi mereka.



RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN RAJA TUN UDA
Pengarah



DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD
Pengarah

Kuala Lumpur
6 Mac 2013

KENYATAAN OLEH PENGARAH

MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda dan Dato' Abdul Rahman bin Ahmad, dua daripada Pengarah Ekuiti Nasional Berhad, menyatakan bahawa, pada pandangan Pengarah-pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di halaman 158 hingga 177 telah disediakan dengan sewajarnya untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang hal ehwal Syarikat pada 31 Disember 2012 dan keputusan dan aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Perakaunan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi mereka.

RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN RAJA TUN UDA
Pengarah

DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD
Pengarah

Kuala Lumpur
6 Mac 2013

AKUAN BERKANUN


MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, Mazhairul bin Jamaludin, sebagai Pegawai yang memikul tanggungjawab utama mengurus kewangan Ekuiti Nasional Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di halaman 158 hingga 177, pada pendapat saya, adalah betul, dan saya membuat akuan ini dengan sepenuh kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

MAZHAIKUL BIN JAMALUDIN
Ketua Pegawai Kewangan

Ditandatangani dan diakui dengan sesungguhnya oleh penama di atas, Mazhairul bin Jamaludin, di Kuala Lumpur di hadapan saya, pada 6 Mac 2013.

Pesuruhjaya Sumpah



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI EKUITI NASIONAL BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) (No. Syarikat: 868265-U)

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Ekuiti Nasional Berhad pada halaman 158 hingga 177 yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2012, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain, seperti yang dinyatakan pada Nota 1 hingga 13.

Tanggungjawab Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan untuk memberi gambaran benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Pengarah-pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman sebagaimana mereka tentukan perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada berpunca daripada penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pandangan mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi tuntutan etika dan merancang serta melaksanakan audit berkaitan untuk mendapatkan jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada kenyataan salah nyata yang ketara.

Audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko kenyataan-kenyataan salah nyata yang ketara pada penyata kewangan tersebut, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan penyata kewangan Syarikat yang memberi gambaran yang benar dan saksama untuk menggariskan prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Proses audit juga merangkumi usaha menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan penting yang dibuat oleh para Pengarah, serta penilaian pembentangan keseluruhan penyata kewangan tersebut.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk menyediakan asas yang munasabah bagi pandangan audit kami.

Pandangan

Pada pandangan kami, penyata kewangan memberi gambaran yang betul dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada tarikh 31 Disember 2012 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut menurut peruntukan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan-keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI EKUITI NASIONAL BERHAD (CONTINUED)
(Diperbadankan di Malaysia) (No. Syarikat: 868265-U)

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN BADAN PENGAWASAN LAIN

Menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa, pada pandangan kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang wajib disimpan oleh Syarikat di bawah Akta ini telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta ini.

HAL-HAL LAIN

1. Seperti dinyatakan dalam seksyen “Asas Penyediaan Penyata Kewangan”, Syarikat mengguna pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia pada 1 Januari 2012 dengan tarikh peralihan 1 Januari 2011. Piawaian ini diguna pakai secara restrospektif oleh pengarah-pengarah kepada maklumat perbandingan dalam penyata-penyata kewangan ini, termasuklah penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2011 dan 1 Januari 2011, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 serta pendedahan-pendedahan yang berkaitan. Kami tidak diarahkan untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan ianya tidak diaudit. Tanggungjawab kami sebagai sebahagian daripada audit kami untuk penyata kewangan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bahawa baki awal pada 1 Januari 2012 tidak mengandungi salah nyata yang memberi kesan material kepada kedudukan kewangan pada 31 Disember 2012 serta prestasi kewangan dan aliran tunai bagi akhir tahun tersebut.
2. Laporan ini disediakan khas untuk ahli Syarikat sahaja, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana individu lain berhubung dengan kandungan laporan ini.



PRICEWATERHOUSECOOPERS
(No. AF: 1146)
Akauntan Bertauliah



MOHAMMAD FAIZ BIN MOHAMMAD AZMI
(No. 2025/03/14 (J))
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
6 Mac 2013

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Nota	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
HASIL			
Yuran pengurusan	12(c)	27,000,000	22,000,000
Yuran perbendaharaan	12(c)	3,331,951	2,295,162
PENDAPATAN LAIN			
Pendapatan faedah		653,161	585,573
JUMLAH PENDAPATAN		30,985,112	24,880,735
PERBELANJAAN			
Kos manfaat pekerja	4	(16,725,827)	(13,009,937)
Kos penghunian		(889,790)	(863,432)
Yuran perundingan		(2,897,282)	(3,014,243)
Perbelanjaan lain		(4,325,121)	(3,647,952)
Untung sebelum cukai	5	6,147,092	4,345,171
Cukai	6	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif/untung bersih bagi tahun kewangan		6,147,092	4,345,171

Dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain dibentangkan di halaman 162 hingga 177 penyata kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2012

	Nota	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
ASET BUKAN SEMASA				
Loji dan peralatan	7	1,455,624	2,302,633	2,701,319
ASET SEMASA				
Penghutang, deposit dan prabayaran lain	8	586,141	397,482	495,881
Jumlah perlu dibayar daripada yayasan induk	12(d)	12,651	652	688
Jumlah perlu dibayar daripada syarikat berkaitan	12(d)	6,788,480	1,164,606	870,380
Cukai boleh dituntut		481,683	481,683	415,498
Tunai dan setara tunai	9	18,858,003	16,408,203	10,438,231
		26,726,958	18,452,626	12,220,678
LIABILITI SEMASA				
Pemiutang dan akruan lain	10	6,988,281	5,305,389	3,582,511
Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan	12(d)	487,550	890,211	1,124,998
		7,475,831	6,195,600	4,707,509
ASET SEMASA BERSIH				
		19,251,127	12,257,026	7,513,169
		20,706,751	14,559,659	10,214,488
DIBIYAI OLEH:				
Modal saham	11	9,900,002	9,900,002	9,900,002
Perolehan disimpan		10,806,749	4,659,657	314,486
		20,706,751	14,559,659	10,214,488

Dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain dibentangkan di halaman 162 hingga 177 penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Saham biasa diterbitkan dan berbayar sepenuhnya bernilai RM1 setiap satu		Boleh Agih	
	Bilangan saham	Modal saham RM	Perolehan disimpan RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2011	9,900,002	9,900,002	314,486	10,214,488
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	–	–	4,345,171	4,345,171
Pada 31 Disember 2011	9,900,002	9,900,002	4,659,657	14,559,659
Pada 1 Januari 2012	9,900,002	9,900,002	4,659,657	14,559,659
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	–	–	6,147,092	6,147,092
Pada 31 Disember 2012	9,900,002	9,900,002	10,806,749	20,706,751

Dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain dibentangkan di halaman 162 hingga 177 penyata kewangan ini.

**PENYATA
ALIRAN TUNAI**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Nota	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Keuntungan sebelum cukai		6,147,092	4,345,171
Pelarasan untuk:			
Susut nilai loji dan peralatan		961,806	808,209
Pendapatan faedah		(653,161)	(585,573)
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja		6,455,737	4,567,807
Perubahan modal kerja:			
Penghutang, deposit dan prabayaran lain		(22,484)	151,637
Jumlah perlu dibayar daripada yayasan induk		(11,999)	36
Jumlah perlu dibayar kepada/(daripada) syarikat berkaitan		(6,026,535)	(529,013)
Pemiutang dan akruan lain		1,682,892	1,722,878
Tunai yang dijana daripada operasi		2,077,611	5,913,345
Cukai yang dibayar		-	(66,185)
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi		2,077,611	5,847,160
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian loji dan peralatan		(114,797)	(409,523)
Faedah diterima		486,986	532,335
Aliran tunai bersih yang dijana daripada aktiviti pelaburan		372,189	122,812
PERTAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI SEPANJANG TAHUN KEWANGAN			
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN KEWANGAN		2,449,800	5,969,972
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA PERAKHIRAN TAHUN KEWANGAN		16,408,203	10,438,231
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA PERAKHIRAN TAHUN KEWANGAN	9	18,858,003	16,408,203

Dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain dibentangkan di halaman 162 hingga 177 penyata kewangan ini.

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Dasar perakaunan utama yang diguna pakai dalam menyediakan penyata kewangan dinyatakan seperti berikut, Dasar-dasar ini telah diguna pakai untuk semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

A ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Syarikat ini telah disediakan seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan keperluan-keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Penyata kewangan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 adalah set pertama penyata kewangan yang disediakan mengikut MFRS, termasuk MFRS 1 'Penerima pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia pertama kali'. Syarikat telah mengguna pakai secara konsisten dasar perakaunan yang sama dalam pembukaan penyata kedudukan kewangan MFRS pada 1 Januari 2011 (tarikh peralihan) dan keseluruhan tahun-tahun yang dibentangkan, oleh itu, dasar-dasar ini telah sentiasa dikuatkuasakan. Tiada kesan daripada peralihan kepada MFRS terhadap kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai Syarikat yang dilaporkan.

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut konvensyen kos asal.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan khusus yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, di samping melaporkan jumlah hasil dan perbelanjaan dalam tempoh pelaporan. Ia juga memerlukan para Pengarah melaksanakan pertimbangan dalam proses penguatkuasaan dasar perakaunan Syarikat. Meskipun anggaran dan pertimbangan ini dibuat berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza. Bidang yang melibatkan kadar pertimbangan yang lebih tinggi, atau bidang yang tanggapan serta anggaran menjadi perkara penting yang boleh mempengaruhi penyata kewangan dibentangkan dalam Nota 3.

(a) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuatkuasa

Piawaian perakaunan baru, pindaan dan penambahbaikan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuatkuasa ke atas Syarikat bagi tahun kewangannya bermula pada atau selepas 1 Januari 2012 adalah seperti berikut:

- MFRS 1 "Penerima pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia pertama kali"
- MFRS 124 yang dipinda "Pendedahan pihak berkaitan"
- Pindaan kepada MFRS 112 "Cukai pendapatan"
- Pindaan kepada Interpretasi IC 14 "MFRS 119 – Had dalam aset manfaat tetap, keperluan pendanaan minimum dan interaksinya"
- Pindaan kepada MFRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan ke atas pindahan aset kewangan"
- Interpretasi IC 19 "Melunaskan liabiliti kewangan dengan instrumen ekuiti"

Selain dari pembentangan dan keperluan pendedahan baru sepertimana dinyatakan dalam penyata kewangan ini, penggunaan piawaian dan pindaan kepada piawaian yang diterbitkan ini tidak mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan Syarikat.

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

A ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran piawaian sedia ada yang berkenaan dengan Syarikat tetapi belum dikuatkuasakan.

Syarikat akan mengguna pakai piawaian baru, pindaan kepada piawaian dan tafsiran ini dalam tempoh berikut:

- (i) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2013

- MFRS 10 “Penyata kewangan disatukan” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) mengubah definisi kawalan. Seseorang pelabur mengawal pihak yang mana pelaburan dibuat (investee) apabila ia didedahkan, atau mempunyai hak, kepada pelbagai pulangan daripada penglibatannya dengan investee dan berupaya untuk memberi kesan ke atas pulangan melalui kuasa yang ada padanya. Ia mewujudkan kawalan sebagai asas bagi menentukan entiti mana yang disatukan dalam penyata kewangan disatukan dan menetapkan keperluan perakaunan bagi penyediaan penyata kewangan disatukan. Ia menggantikan semua garis panduan ke atas kawalan dan penyatuan dalam MFRS 127 “penyata kewangan disatukan dan berasingan” dan Tafsiran IC 112 “Penyatuan – entiti tujuan khas”.
- MFRS 12 “Pendedahan kepentingan dalam entiti lain” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) menetapkan pendedahan yang diperlukan bagi entiti-entiti yang dilaporkan di bawah piawaian baru, MFRS 10 dan MFRS 11, dan menggantikan keperluan pendedahan yang buat masa ini terkandung dalam MFRS 128 “Pelaburan dalam syarikat bersekutu”. Ia memerlukan entiti-entiti mendedahkan maklumat yang membantu pembaca penyata kewangan untuk menilai bentuk, risiko dan kesan kewangan yang berkaitan dengan kepentingan entiti dalam anak-anak syarikat, syarikat bersekutu, perjanjian usaha sama dan entiti yang strukturnya tidak disatukan.
- MFRS 13 “Pengukuran nilai saksama” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) bertujuan menambahbaikkan konsistensi dan mengurangkan kompleksiti dengan cara memberikan tafsiran tepat bagi nilai saksama serta sumber tunggal pengukuran nilai saksama dan keperluan pendedahan untuk digunakan di seluruh MFRS. Keperluan ini tidak merangkumi penggunaan perakaunan nilai saksama tetapi memberi panduan bagaimana ia seharusnya diguna pakai apabila diperlukan atau dibenarkan oleh piawaian lain. Keperluan pendedahan yang ditingkatkan ini sama seperti yang terkandung dalam MFRS 7 “Instrumen kewangan: pendedahan”, tetapi digunakan bukan hanya untuk aset dan liabiliti kewangan, tetapi merangkumi semua aset dan liabiliti yang diukur pada nilai saksama.
- MFRS 127 yang dipinda “Penyata kewangan berasingan” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) meliputi peruntukan bagi penyata kewangan berasingan yang ditinggalkan selepas peruntukan kawalan MFRS 127 dimasukkan ke dalam MFRS 10 yang baru.
- Pindaan kepada MFRS 101 “Pembentangan butiran pendapatan komprehensif lain” (berkuatkuasa 1 Julai 2012) memerlukan entiti agar mengasingkan butiran yang dibentangkan dalam ‘pendapatan komprehensif lain’ (OCI) dalam penyata pendapatan komprehensif kepada dua kumpulan, berdasarkan sama ada ia berkemungkinan dikitar semula kepada penyata pendapatan di masa hadapan. Pindaan ini tidak menyatakan apakah butiran yang dibentangkan dalam OCI.

**RINGKASAN DASAR
PERAKAUNAN PENTING**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

A ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran piawaian sedia ada yang berkenaan dengan Syarikat tetapi belum dikuatkuasakan. (sambungan)

Syarikat akan mengguna pakai piawaian baru, pindaan kepada piawaian dan tafsiran ini dalam tempoh berikut (sambungan):

- (i) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2013 (sambungan)

- Pindaan kepada MFRS 119 “Manfaat Pekerja” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) membuat perubahan ketara kepada pengenalpastian dan ukuran perbelanjaan manfaat pencen yang ditentukan dan penamatan manfaat tersebut, dan kepada pendedahan untuk semua manfaat kakitangan. Hasil dan kerugian sebenar tidak lagi akan ditanggungkan menggunakan pendekatan koridor. MFRS 119 akan dilepaskan bagi penggunaan pindaan ini.
- Pindaan kepada MFRS 7 “Instrumen Kewangan: Pendedahan” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) memerlukan lebih pendedahan yang menumpukan kepada maklumat kuantitatif tentang instrumen kewangan dikenal pasti yang akan menjejaskan penyata kedudukan kewangan dan yang mana tertakluk kepada perjanjian dua pihak dengan pelbagai kontrak derivatif atau yang seumpamanya tanpa mengira sama ada mereka memberi kesan atau sebaliknya.

- (ii) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2014

- Pindaan kepada MFRS 132 “Instrumen kewangan: Pembentangan” (berkuatkuasa 1 Januari 2014) tidak mengubah model penolakan semasa dalam MFRS 132. Ia menjelaskan maksud ‘kini mempunyai hak pelaksanaan yang sah untuk mengimbangi’ bahawa hak tersebut perlu ada hari ini (bukan sebagai luar jangka di masa akan datang) dan boleh dilaksanakan secara sah dari segi undang-undang ke atas semua pihak terlibat dalam urusan biasa perniagaan. Ia menjelaskan bahawa mekanisme penyelesaian kasar dengan ciri-ciri yang sama efektif untuk penyelesaian bersih akan memenuhi kriteriaimbangan MFRS 132.

- (iii) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2015

- MFRS 9 “Instrumen Kewangan – pengkelasan dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan” (berkuatkuasa 1 Januari 2015) menggantikan pelbagai model pengkelasan dan pengukuran dalam MFRS 139 dengan model tunggal yang hanya mempunyai dua kategori pengkelasan: kos dilunaskan dan nilai saksama. Asas pengkelasan bergantung kepada model perniagaan entiti untuk menguruskan aset kewangan dan ciri-ciri aliran tunai kontraktual aset kewangan.

Perakaunan dan pembentangan bagi liabiliti kewangan dan pengenalpastian semula instrumen kewangan telah ditempatkan semula daripada MFRS 139, tanpa perubahan, kecuali untuk liability kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (“FVTPL”). Entiti-entiti dengan liabiliti kewangan ditetapkan pada FVTPL mengenal pasti perubahan dalam nilai saksama berikutan perubahan dalam risiko kredit liabiliti secara langsung dalam pendapatan komprehensif lain (OCI). Tida ada kitar semula yang selanjutnya pada jumlah dalam OCI kepada penyata pendapatan, tetapi keuntungan atau kerugian terkumpul boleh dipindahkan di dalam ekuiti.

Panduan dalam MFRS 139 berhubung rosot nilai aset kewangan dan perakaunan lindungan terus diguna pakai.

MFRS 7 menetapkan keperluan pendedahan bagi peralihan daripada 139 kepada MFRS 9.

Kecuali dinyatakan sebaliknya, piawaian, pindaan kepada piawaian diterbitkan dan tafsiran terhadap piawaian semasa di atas tidak dijangkakan akan memberi sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Syarikat dalam tahun awal penggunaannya.

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

B LOJI DAN PERALATAN

Loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Kos merangkumi perbelanjaan yang berpunca secara langsung daripada perolehan aset berkenaan dan sebarang kos lain yang terlibat dalam memastikan supaya aset dalam keadaan yang berfungsi untuk tujuan yang dimahukan, dan kos merungkai dan mengeluarkan bahan dan memulihkan tapak tempat ia berada. Apabila bahagian penting sesuatu loji dan peralatan mempunyai hayat berguna yang berlainan, ia diambil kira sebagai item-item berasingan (komponen utama) bagi loji dan peralatan.

Kos selanjutnya dimasukkan ke dalam jumlah bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya sekiranya ada kemungkinan faedah ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan perkara ini akan diterima oleh Syarikat dan kos item ini boleh diukur dengan pasti. Jumlah bawaan bahagian yang digantikan akan dinyah iktiraf dalam untung atau rugi. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan lain dicaj kepada keuntungan atau kerugian dalam tahun kewangan ia dibelanjakan.

Loji dan peralatan disusut nilai menggunakan kaedah garis lurus untuk melupuskan kos, atau jumlah nilai semula aset-aset ini, kepada nilai residualnya sepanjang hayat bergunanya, diringkaskan seperti berikut:

Kenderaan bermotor	5 tahun
Perabot dan kelengkapan	5 tahun
Peralatan pejabat	5 tahun
Pengubahsuaian	5 tahun
Peralatan komputer	3 tahun

Kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa disemak dan dilaraskan sewajarnya pada penghujung tempoh pelaporan.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Syarikat menilai sama ada terdapat sebarang tanda-tanda rosot nilai. Sekiranya ada, satu analisis dibuat untuk menilai sama ada jumlah bawaan aset boleh diperolehi kembali sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat sekiranya jumlah bawaan melebihi jumlah boleh diperolehi kembali. Lihat dasar perakaunan Nota C berhubung rosot nilai aset bukan kewangan.

Keuntungan dan kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan hasil pelupusan dengan nilai bawaan dan dimasukkan ke dalam untung atau rugi daripada operasi pada tahun kewangan aset tersebut dinyah iktiraf.

C ROSOT NILAI ASET BUKAN KEWANGAN

Aset bukan kewangan disemak semula bagi menentukan rosot nilai apabila berlaku peristiwa atau perubahan keadaan yang menandakan bahawa nilai bawaannya mungkin tidak boleh diperolehi kembali. Jika wujud sebarang petanda sedemikian, maka anggaran jumlah aset yang boleh diperolehi kembali akan dibuat. Bagi tujuan ujian rosot nilai, aset dikumpul kepada kumpulan-kumpulan aset terkecil yang menjana aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan, yang sebahagian besarnya berasingan daripada aliran masuk tunai aset lain atau kumpulan aset lain ("unit yang menjana tunai"). Kerugian rosot nilai diiktiraf bagi jumlah bawaan aset yang melebihi jumlah yang boleh diperolehi kembali bagi aset tersebut. Jumlah boleh diperolehi kembali adalah jumlah yang lebih tinggi daripada nilai saksama aset setelah ditolak kos untuk menjualnya atau nilai dalam penggunaan. Bagi tujuan menilai rosot nilai, aset dikumpul pada tahap terendah yang terdapat aliran tunai yang dikenal pasti secara berasingan (unit yang menjana tunai).

Kerugian rosot nilai dicajkan kepada penyata pendapatan dan sebarang peningkatan dalam jumlah yang boleh diperolehi kembali yang seterusnya diiktiraf dalam penyata pendapatan. Sebarang pembalikan dikreditkan ke dalam penyata pendapatan setakat kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya.

**RINGKASAN DASAR
PERAKAUNAN PENTING**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

D ASET KEWANGANPinjaman dan penghutang

(i) Pengkelasan

Pinjaman dan penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau yang boleh ditentukan, yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Ia dimasukkan dalam aset semasa, kecuali bagi tempoh matang melebihi dua belas (12) bulan selepas akhir tempoh pelaporan, ini akan dikelaskan sebagai aset bukan semasa. Di dalam penyata kedudukan kewangan, pinjaman dan penghutang Syarikat terdiri daripada 'penghutang, deposit dan prabayaran lain', 'jumlah perlu dibayar daripada yayasan induk' dan 'jumlah perlu dibayar daripada syarikat berkaitan'.

(ii) Pengiktirafan dan ukuran permulaan

Aset kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos transaksi bagi semua aset kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama dalam untung atau rugi.

(iii) Ukuran selanjutnya

Pinjaman dan penghutang seterusnya dibawa pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

(iv) Ukuran selanjutnya – rosot nilai aset kewangan

Syarikat menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa sesuatu aset kewangan atau kumpulan aset kewangan dirosot nilai. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan mengalami rosot nilai dan kerugian rosot nilai ditanggung hanya jika terdapat bukti objektif tentang wujudnya rosot nilai akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset ("peristiwa kerugian") dan bahawa peristiwa (atau beberapa peristiwa) kerugian tersebut mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa depan bagi aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan secara pasti.

Jika dalam sesuatu tempoh yang berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai ini berkurangan dan pengurangan tersebut berhubung kait secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas penjejasan tersebut diiktiraf, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini dibalikkan setakat yang nilai bawaan aset tersebut tidak melebihi kos terlunasnya pada tarikh pembalikan. Jumlah yang dibalikkan tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pada akhir tahun laporan ini, tiada pengiktirafan rosot nilai dibuat dalam untung atau rugi.

(v) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pinjaman dan penghutang telah luput atau telah dipindahkan dan kumpulan telah memindahkan sebahagian besar daripada semua risiko dan ganjaran hak milik.

E TUNAI DAN SETARA TUNAI

Tunai dan setara tunai merangkumi tunai di bank dan deposit, yang tertakluk pada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

F PERUNTUKAN

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif sedia ada hasil peristiwa lalu, dan apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi ini, dan apabila anggaran yang pasti bagi amaun ini boleh dibuat.

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

G LIABILITI KEWANGAN

(i) Pengkelasan

Liabiliti kewangan dikelaskan berdasarkan intipati pengaturan kontraktual yang disertai serta takrifan sesuatu liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, di dalam skop MFRS 139 “Instrumen kewangan: pengiktirafan dan ukuran”, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Syarikat menjadi satu pihak dalam peruntukan kontraktual instrumen kewangan ini. Liabiliti kewangan dikelaskan sebagai sama ada liabiliti kewangan pada nilai saksama dalam untung atau rugi atau liabiliti kewangan lain. Liabiliti kewangan Syarikat termasuk ‘pemiutang dan akruan lain’ dan ‘jumlah perlu dibayar kepada syarikat berkaitan’ dalam penyata kedudukan kewangan.

(ii) Pengiktirafan dan ukuran

Liabiliti kewangan diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama ditambah kos transaksi langsung dan seterusnya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

(iii) Penyahiktirafan

Sesuatu liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut dihapuskan bila sesuatu liabiliti kewangan yang sedia ada digantikan dengan yang lain daripada pihak yang sama dengan syarat yang besar perbezaannya, atau syarat liabiliti sedia ada yang diubah suai secara ketara, maka pertukaran atau pengubahsuaian yang berkenaan, disifatkan sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan dalam nilai bawaan masing-masing diiktiraf dalam penyata pendapatan.

H MODAL SAHAM

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

Pengagihan kepada pemegang sesuatu instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti dicatatkan secara langsung ke dalam ekuiti.

I PENGIKTIRAFAN HASIL

(i) Yuran pengurusan dan yuran perbendaharaan

Yuran pengurusan dan yuran perbendaharaan diiktiraf mengikut dasar akruan apabila perkhidmatan diberi.

(ii) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf mengikut kaedah perkadaran masa, dengan mengambil kira amaun pokok tertunggak dan kadar efektif sepanjang tempoh matang, apabila ditentukan bahawa pendapatan tersebut akan terakru kepada Syarikat.

**RINGKASAN DASAR
PERAKAUNAN PENTING**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

J CUKAI PENDAPATAN

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang percukaian Malaysia dan termasuk semua cukai yang berdasarkan keuntungan boleh cukai.

Cukai pendapatan tertunda diiktiraf sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang berbangkit antara cukai asas aset dan liabiliti, serta jumlah bawaannya dalam penyata kewangan.

Kadar cukai yang digubal atau digubal secara substantif menjelang tempoh pelaporan digunakan untuk menentukan cukai pendapatan tertunda.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat yang untung boleh cukai mungkin wujud pada masa hadapan agar boleh digunakan untuk menolak perbezaan sementara yang boleh ditolak.

K MANFAAT PEKERJA

(i) Manfaat jangka pendek pekerja

Upah, gaji, bonus, dan manfaat bukan kewangan diakru dalam tempoh perkhidmatan berkaitan tersebut diberi oleh kakitangan Syarikat.

(ii) Pelan sumbangan tetap

Syarikat membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja iaitu pelan sumbangan tetap bersama. Setelah caruman dibayar, Syarikat tiada lagi obligasi untuk membuat pembayaran selanjutnya. Caruman Syarikat kepada Kumpulan Wang Simpanan pekerja dicaj kepada untung atau rugi bagi tempoh kewangan yang berkaitan dengannya.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

1 MAKLUMAT AM

Aktiviti utama Syarikat adalah untuk menyediakan khidmat pengurusan pelaburan, kewangan, korporat dan nasihat pengurusan kepada dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan yang bertujuan untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera secara saksama dan mampan dalam ekonomi melalui penciptaan syarikat-syarikat peneraju generasi baru di Malaysia. Pada tahun kewangan ini, tiada sebarang perubahan yang ketara dari segi bentuk kegiatan yang dijalankan.

Syarikat adalah sebuah syarikat sendirian berhad, yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat ialah

Tingkat 12, Bangunan Setia 1,
15 Lorong Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

Tempat perniagaan utama Syarikat adalah di:

Aras 13, Surian Tower,
No 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara,
47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

Program pengurusan risiko kewangan Syarikat secara keseluruhan memberi tumpuan pada ketidakpastian untuk menduga pasaran kewangan dan berusaha untuk meminimumkan potensi kesan yang menjejaskan prestasi kewangan Syarikat. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui semakan risiko, sistem kawalan dalaman, dan kepatuhan terhadap dasar pengurusan risiko kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah menyemak risiko-risiko ini berdasarkan dasar perbendaharaan dan garis panduan pelaburan yang diluluskan, yang meliputi pengurusan risiko-risiko ini.

Syarikat terdedah pada risiko kadar faedah, risiko kredit dan risiko mudah tunai.

(b) Risiko kadar faedah

Pendedahan Syarikat kepada risiko kadar faedah terutamanya berkenaan aset yang menanggung faedah, iaitu deposit yang dilesenkan dengan institusi kewangan (Nota 9). Syarikat memantau dengan rapi pergerakan kadar faedah bagi mengurangkan pendedahan kadar faedah Syarikat. Pada 31 Disember 2012, jika kadar faedah atas deposit dengan institusi kewangan adalah 100 mata asas lebih tinggi/lebih rendah dengan semua pembolehubah lain yang dipegang secara konstan, keuntungan selepas cukai bagi tahun itu tentunya lebih tinggi/lebih rendah sebanyak RM184,500 (2011: RM159,000).

(c) Risiko kredit

Pendedahan Syarikat kepada risiko kredit terhad memandangkan Syarikat adalah syarikat pengurusan pelaburan. Pada 31 Disember 2012, 31 Disember 2011 dan 1 Januari 2011, pendedahan Syarikat kepada risiko kredit hanyalah atas jumlah bawaan 'penghutang, deposit dan prabayaran lain', 'jumlah akan diterima daripada syarikat induk' dan 'jumlah akan diterima daripada syarikat berkaitan' yang perlu dibayar apabila diminta.

**NOTA PENYATA
KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**(d) Risiko kecairan**

Setakat 31 Disember 2012, pendedahan Syarikat kepada risiko kecairan hanyalah pada pembayaran kontraktual tidak didiskaun 'pelbagai pemiutang dan akruan' dan 'jumlah akan dibayar kepada syarikat berkaitan' yang perlu dibayar dalam tempoh setahun.

(e) Pengurusan modal

Objektif Syarikat dalam mengurus modal adalah untuk melindungi keupayaan Syarikat untuk meneruskan perniagaan sebagai usaha yang berterusan bagi memberi pulangan kepada para pemegang saham dan mengekalkan struktur modal yang optimum untuk mengurangkan kos modal. Syarikat tidak tertakluk kepada sebarang keperluan modal yang dikenakan oleh pihak luar.

(f) Anggaran nilai saksama instrumen kewangan

Instrumen kewangan merangkumi aset kewangan dan liabiliti kewangan. Nilai saksama adalah jumlah yang mana aset kewangan boleh ditukar atau liabiliti kewangan dilangsaikan, antara pihak-pihak yang tahu dan sanggup dalam transaksi tertentu. Maklumat yang dibentangkan di sini mewakili nilai saksama yang dianggarkan pada akhir tempoh pelaporan.

Bilamana didapati, harga-harga pasaran yang dinyatakan dan diteliti adalah digunakan sebagai ukuran nilai saksama. Bilamana harga pasaran yang dinyatakan dan diteliti ini tidak didapati, nilai saksama dianggarkan berdasarkan kaedah dan andaian berhubung ciri-ciri risiko pelbagai instrumen kewangan, kadar diskaun, anggaran aliran tunai hadapan dan faktor-faktor lain. Perubahan dalam ketidakpastian dan andaian boleh memberi kesan kepada anggaran ini dan seterusnya anggaran nilai saksama.

Jumlah bawaan 'penghutang deposit dan prabayaran lain, 'jumlah akan diterima daripada yayasan induk, 'jumlah daripada/(kepada) syarikat berkaitan' dan 'pemiutang dan akruan lain' menyamai nilai saksama mereka oleh kerana bentuk instrumen kewangan ini yang bersifat jangka pendek.

Sementara itu, maklumat nilai saksama bagi aset dan liabiliti bukan kewangan dikecualikan oleh kerana mereka tidak termasuk dalam skop MFRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan" yang memerlukan maklumat nilai saksama untuk didedahkan.

(g) Hierarki nilai saksama

Pendedahan hierarki nilai saksama tidak berkuatkuasa ke atas Syarikat kerana aset dan liabiliti syarikat adalah instrumen kewangan jangka pendek di mana nilai bawaannya hampir sama dengan nilai saksamanya.

3 PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN PENTING

Penyediaan penyata kewangan Syarikat memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan pada akhir tempoh laporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian andaian dan anggaran ini boleh memberi hasil yang mungkin memerlukan pelarasan ketara kepada nilai bawaan aset atau liabiliti yang dipengaruhi pada masa hadapan.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

3 PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Dalam proses menerima pakai dasar perakaunan Syarikat, para Pengarah dan pihak pengurusan telah membuat pertimbangan berikut, yang mempunyai kesan paling ketara ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan ini:

Liabiliti cukai tertunda

Pada akhir tempoh laporan, Syarikat tidak mengiktiraf liabiliti cukai tertunda sebanyak RM146,000 yang berpunca daripada perbezaan sementara boleh cukai yang berkaitan dengan loji dan peralatan, kerana berdasarkan anggaran pengurusan, perbezaan sementara tersebut akan dibalikkan dalam tempoh pengecualian cukai seperti yang didedahkan dalam Nota 6.

4 KOS MANFAAT PEKERJA

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
Upah dan gaji	8,478,940	7,133,905
Pelan caruman tertakrif	1,424,050	1,177,009
Manfaat lain pekerja	6,822,837	4,699,023
	16,725,827	13,009,937

Turut dimasukkan ke dalam upah dan gaji adalah ganjaran para Pengarah yang berjumlah RM1,678,320 (2011: RM1,334,766).

5 UNTUNG SEBELUM CUKAI

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
Untung sebelum cukai dikira setelah mengenakan caj:		
Ganjaran juruaudit		
– Audit berkanun	52,200	32,000
– Perkhidmatan lain	–	5,000
Susut nilai loji dan peralatan	961,806	808,209
Sewa premis	645,847	645,847

**NOTA PENYATA
KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

6 PERCUKAIAN

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
Cukai semasa: Percukaian Malaysia	-	-

Penyelarasan antara perbelanjaan cukai dengan hasil untung perakaunan didarab dengan kadar cukai Malaysia adalah seperti berikut:

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
Untung sebelum cukai	6,147,092	4,345,171
Cukai dikira pada kadar 25%	1,536,773	1,086,293
Pendapatan tidak tertakluk pada cukai	(1,390,773)	(798,293)
Kesan perbezaan sementara yang tidak diiktiraf *	(146,000)	(288,000)
Cukai	-	-

Pada 26 November 2010, Kementerian Kewangan telah memberi pengecualian cukai bagi semua pendapatan perniagaan berkanun bagi tempoh lima (5) tahun bermula daripada tahun taksiran 2009 sehingga 2013 bagi Syarikat.

* Tiada liabiliti cukai tertunda diiktiraf berhubung dengan perbezaan sementara yang berbangkit daripada loji dan peralatan, berdasarkan anggaran yang dibuat oleh pengurusan. Perbezaan sementara akan dibalikkan dalam tempoh pengecualian cukai yang diterangkan di atas.

**NOTA PENYATA
KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

7 LOJI DAN PERALATAN

	Kenderaan bermotor RM	Perabot dan peralatan RM	Peralatan pejabat RM	Pengubahsuaian RM	Peralatan komputer RM	Jumlah RM
<u>Kos</u>						
Pada 1 Januari 2012	276,179	711,590	109,972	953,003	1,627,898	3,678,642
Tambahan dalam tahun kewangan	-	5,800	5,275	5,700	98,022	114,797
Pada 31 Disember 2012	276,179	717,390	115,247	958,703	1,725,920	3,793,439
<u>Susut nilai terkumpul</u>						
Pada 1 Januari 2012	110,487	270,429	43,080	366,332	585,681	1,376,009
Caj bagi tahun kewangan	55,914	145,106	22,223	192,964	545,599	961,806
Pada 31 Disember 2012	166,401	415,535	65,303	559,296	1,131,280	2,337,815
<u>Nilai buku bersih</u>						
Pada 31 Disember 2012	109,778	301,855	49,944	399,407	594,640	1,455,624
<u>Kos</u>						
Pada 1 Januari 2011	276,179	703,495	109,972	953,003	1,226,470	3,269,119
Tambahan dalam tahun kewangan	-	8,095	-	-	401,428	409,523
Pada 31 Disember 2011	276,179	711,590	109,972	953,003	1,627,898	3,678,642
<u>Susut nilai terkumpul</u>						
Pada 1 Januari 2011	54,953	128,718	21,079	174,701	188,349	567,800
Caj bagi tahun kewangan	55,534	141,711	22,001	191,631	397,332	808,209
Pada 31 Disember 2011	110,487	270,429	43,080	366,332	585,681	1,376,009
<u>Nilai buku bersih</u>						
Pada 31 Disember 2011	165,692	441,161	66,892	586,671	1,042,217	2,302,633
Pada 1 Januari 2011	221,226	574,777	88,893	778,302	1,038,121	2,701,319

**NOTA PENYATA
KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

8 PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYARAN LAIN

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Penghutang lain	171,390	52	158,276
Deposit	222,599	221,849	229,343
Prabayaran	192,152	175,581	108,262
	586,141	397,482	495,881

9 TUNAI DAN SETARA TUNAI

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Tunai dan baki bank	408,003	504,965	1,315,310
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	18,450,000	15,903,238	9,122,921
	18,858,003	16,408,203	10,438,231

Baki bank adalah deposit yang dipegang atas panggilan dengan institusi kewangan berlesen.

Kadar faedah efektif purata wajar setahun bagi deposit dengan institusi kewangan berlesen pada 31 Disember 2012 adalah 3.32% (31 Disember 2011: 3.52%; 1 Januari 2011: 3.11%) dengan tempoh matang purata 89 hari (31 Disember 2011: 70 hari; 1 Januari 2011: 128 hari).

10 PEMIUTANG DAN AKRUAN LAIN

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Pemiutang lain	158,950	1,236,897	23,557
Akruan	6,829,331	4,068,492	3,558,954
	6,988,281	5,305,389	3,582,511

Termasuk dalam pelbagai pemiutang lain adalah jumlah yang perlu dibayar kepada Pengarah berjumlah RM Nil (31 Disember 2011: RM605,177; 1 Januari 2011: RM Nil).

**NOTA PENYATA
KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

11 MODAL SAHAM

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
Dibenarkan:		
Saham biasa pada RM1 sesaham		
Pada permulaan/akhir tahun kewangan	100,000,000	100,000,000
Diterbitkan dan dibayar sepenuhnya:		
Saham biasa pada RM1 sesaham		
Pada permulaan/akhir tahun kewangan	9,900,002	9,900,002

12 PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN YANG PENTING

Pihak-pihak dianggap berkaitan jika pihak tersebut mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak satu lagi atau mempunyai pengaruh ketara ke atas pihak satu lagi semasa membuat keputusan kewangan atau operasi.

- (a) Pihak-pihak yang berkaitan dengan Syarikat dan perhubungan mereka dengan Syarikat pada 31 Disember 2012, adalah seperti berikut:

Pihak berkaitan

Yayasan Ekuiti Nasional

Ekuinas Capital Sdn bhd
 E-Cap (Internal) One Sdn bhd
 E-Cap (Internal) Two Sdn bhd
 E-Cap (External) One Sdn bhd
 Bendahara 1 Sdn Bhd
 Awana Setia Sdn bhd
 Ontime Direction Sdn bhd
 Rancak Selera Sdn Bhd
 Prinsip Lagenda Sdn Bhd
 Integrated Food Group Sdn Bhd
 (sebelumnya dikenali sebagai Noble Temptation Sdn Bhd)
 Hallmark Odyssey Sdn Bhd

Perhubungan

Yayasan induk muktamad yang ditubuhkan
 oleh Kerajaan Malaysia
 Syarikat berkaitan
 Syarikat berkaitan
 Syarikat berkaitan
 Syarikat berkaitan
 Syarikat berkaitan
 Syarikat berkaitan
 Syarikat berkaitan
 Syarikat berkaitan
 Syarikat berkaitan
 Syarikat berkaitan
 Syarikat berkaitan
 Syarikat berkaitan

- (b) **Kakitangan pengurusan utama**

Kakitangan pengurusan utama adalah mereka yang memiliki kuasa dan bertanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama Syarikat termasuk para Pengarah Syarikat yang membuat keputusan penting tertentu berhubung hala tuju strategik Syarikat.

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
Ganjaran pengarah	1,678,320	1,334,766

**NOTA PENYATA
KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

12 PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Urusniaga pihak berkaitan penting

Sebagai tambahan kepada pendedahan pihak berkaitan yang dinyatakan di bahagian lain dalam penyata kewangan ini, urusniaga penting pihak berkaitan lain dibentangkan di bawah.

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
<u>E-Cap (Internal) One Sdn Bhd</u>		
Pendapatan yuran pengurusan	20,000,000	20,000,000
Pendapatan yuran perbendaharaan	50,720	–
<u>E-Cap (External) One Sdn Bhd</u>		
Pendapatan yuran pengurusan	2,000,000	2,000,000
<u>E-Cap (Internal) Two Sdn Bhd</u>		
Pendapatan yuran pengurusan	5,000,000	–
<u>Ekuinas Capital Sdn Bhd</u>		
Pendapatan yuran perbendaharaan	2,975,968	2,212,966
<u>Bendahara 1 Sdn Bhd</u>		
Pendapatan yuran perbendaharaan	305,263	82,196

Urusniaga yang dinyatakan di atas dibuat berdasarkan terma dan syarat yang telah dibincangkan.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

12 PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Baki pihak berkaitan penting

Di samping pendedahan pihak berkaitan yang dinyatakan di bahagian lain dalam penyata kewangan ini, baki pihak berkaitan penting yang berpunca daripada urusan perniagaan lazim dibentangkan di bawah:

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Jumlah perlu dibayar daripada Yayasan Ekuiti Nasional	12,651	652	688
Jumlah perlu dibayar daripada Ekuinas Capital Sdn Bhd	283,999	1,148,867	870,380
Jumlah perlu dibayar daripada Bendahara 1 Sdn Bhd	28,292	12,075	-
Jumlah perlu dibayar daripada Awana Setia Sdn Bhd	-	3,664	-
Jumlah perlu dibayar daripada Ontime Direction Sdn Bhd	651,651	-	-
Jumlah perlu dibayar daripada Rancak Selera Sdn Bhd	319,337	-	-
Jumlah perlu dibayar daripada Prinsip Lagenda Sdn Bhd	124,882	-	-
Jumlah perlu dibayar daripada Integrated Food Group Sdn Bhd (sebelumnya dikenali sebagai Noble Temptation Sdn Bhd)	255,935	-	-
Jumlah perlu dibayar daripada E-Cap (Internal) One Sdn Bhd	73,664	-	-
Jumlah perlu dibayar daripada E-Cap (Internal) Two Sdn Bhd	50,720	-	-
Jumlah perlu dibayar daripada E-Cap (Internal) Two Sdn Bhd	5,000,000	-	-
	6,788,480	1,164,606	870,380
Jumlah perlu dibayar kepada Ekuinas Capital Sdn Bhd	(487,550)	(890,211)	(1,124,998)

Semua baki belum dijelaskan di atas adalah tidak dijamin, tanpa faedah dan perlu dibayar apabila dituntut.

13 KEBENARAN BAGI PENERBITAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk diterbitkan menurut resolusi Lembaga Pengarah.

E-CAP (INTERNAL) ONE SDN BHD

(DIPERBADANKAN DI MALAYSIA)
LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BERKANUN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

- 179** Laporan Pengarah
- 183** Kenyataan oleh Pengarah
- 183** Akuan Berkanun
- 184** Laporan Juruaudit Bebas
- 186** Penyata Pendapatan Komprehensif
- 187** Penyata Kedudukan Kewangan
- 188** Penyata Perubahan dalam Ekuiti
- 189** Penyata Aliran Tunai
- 190** Ringkasan Dasar Perakaunan Penting
- 197** Nota Penyata Kewangan

LAPORAN PENGARAH

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Pengarah-pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bersama-sama dengan penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah melaksanakan perniagaan syarikat pemegangan pelaburan, iaitu membuat pelaburan ekuiti persendirian dan memperoleh saham atau melabur dalam mana-mana syarikat. Pada tahun kewangan ini, tidak terdapat sebarang perubahan yang ketara dari segi bentuk kegiatan yang dijalankan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

Keuntungan bersih bagi tahun kewangan

RM

139,278,714

DIVIDEN

Tiada dividen dibayar, diisytihar atau dicadangkan sejak akhir tempoh kewangan terdahulu. Pengarah-pengarah tidak mengesyorkan pembayaran sebarang dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

TERBITAN SAHAM

Dalam tahun kewangan ini, Syarikat menerbitkan 115 saham biasa pada nilai tara RM1 setiap satu dan 6,591,795 saham keutamaan boleh tebus pada RM0.01 sesaham pada harga terbitan RM100. Saham-saham ini telah dibayar penuh dalam tunai.

Ringkasan saham-saham yang diterbitkan oleh Syarikat sepanjang tahun kewangan bermula 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Tarikh terbitan	Jenis saham	Tujuan terbitan	Bilangan saham	Nilai tara RM	Premium RM	Terma terbitan
31 Mac 2012	Biasa	Modal kerja	31	1.00	–	Tunai, pada tara
31 Mac 2012	Keutamaan	Modal kerja	410,687	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
30 Jun 2012	Biasa	Modal kerja	64	1.00	–	Tunai, pada tara
30 Jun 2012	Keutamaan	Modal kerja	3,714,239	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
30 September 2012	Biasa	Modal kerja	13	1.00	–	Tunai, pada tara
30 September 2012	Keutamaan	Modal kerja	2,250,322	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
31 Disember 2012	Biasa	Modal kerja	7	1.00	–	Tunai, pada tara
31 Disember 2012	Keutamaan	Modal kerja	216,547	0.01	99.99	Tunai, pada RM100

**LAPORAN
PENGARAH**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

TERBITAN SAHAM (SAMBUNGAN)

Saham biasa baru yang diterbitkan dalam tahun kewangan ditarafkan secara pari passu dari semua segi dengan saham biasa Syarikat yang sedia ada.

Tiada perubahan lain dalam modal saham Syarikat yang dibenarkan, diterbitkan dan dibayar sepenuhnya dalam tahun kewangan ini

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pemindahan material kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini kecuali apa yang dinyatakan dalam penyata kewangan dan nota kepada penyata kewangan ini.

PENGARAH

Pengarah-pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh pelaporan terakhir ialah seperti berikut:

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda
Datuk Noriyah binti Ahmad
Dato' Abdul Rahman bin Ahmad

Menurut Artikel 66 Tataurusu Pertubuhan Syarikat, Dato' Abdul Rahman bin Ahmad akan bersara daripada menjadi ahli Lembaga Pengarah semasa Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, kerana beliau layak, menawarkan diri untuk dipilih semula.

KEPENTINGAN PENGARAH DALAM SAHAM DAN DEBENTUR

Menurut Daftar Pemegangan Saham Pengarah yang disimpan oleh Syarikat selaras dengan Seksyen 134 Akta Syarikat, 1965, tiada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan yang memegang sebarang kepentingan dalam saham, waran, opsi saham dan debentur Syarikat atau perbadanan yang berkaitan sepanjang tahun kewangan ini.

MANFAAT PENGARAH

Sepanjang tahun kewangan ini dan pada penghujungnya, tidak wujud sebarang pengaturan yang menyaksikan Syarikat menjadi satu pihak dengan matlamat yang membolehkan Pengarah-pengarah Syarikat memperoleh manfaat melalui pemerolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain.

Sejak tarikh laporan terakhir, tiada Pengarah yang telah menerima atau berhak menerima sebarang manfaat disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat yang berkaitan dengan Pengarah tersebut atau dengan firma yang beliau menjadi ahlinya, atau dengan syarikat yang beliau mempunyai kepentingan kewangan yang cukup besar di dalamnya.

LAPORAN PENGARAH

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, Pengarah-pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah:

- (a) untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil dalam menghapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan untuk hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk telah pun dihapus kira dan tidak perlu untuk membuat peruntukan untuk hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak mungkin direalisasikan nilainya seperti yang dipamerkan dalam rekod perakaunan dalam urusan biasa perniagaan Syarikat telah diturunkan nilainya kepada jumlah yang dijangka boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan:

- (a) yang menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau jumlah peruntukan untuk hutang ragu dalam penyata kewangan Syarikat sebagai tidak mencukupi untuk menampung sebarang amaun yang besar; atau
- (b) yang akan mengakibatkan nilai yang diperuntukkan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat sebagai mengelirukan; atau
- (c) yang telah berlaku sehingga mengakibatkan kepatuhan kepada kaedah yang sedia digunakan untuk menilai aset atau liabiliti Syarikat sebagai mengelirukan atau tidak sesuai; atau
- (d) belum ditangani dalam laporan atau penyata kewangan ini, yang mungkin akan menyebabkan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat sebagai mengelirukan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang menurut pandangan Pengarah-pengarah, akan atau boleh secara ketara menjejaskan keupayaan Syarikat untuk memenuhi obligasinya apabila tiba masanya untuk disempurnakan, telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau mungkin menjadi boleh dikuatkuasakan dalam dua belas (12) bulan tahun tersebut dari akhir tahun kewangan ini.

Pada tarikh laporan, tidak wujud:

- (a) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang berbangkit sejak berakhirnya tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana individu lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luar jangka Syarikat yang berbangkit sejak akhir tahun kewangan ini.

Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui tentang apa-apa keadaan yang tidak terkandung dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan ini yang akan menyebabkan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini sebagai mengelirukan.

Pada pandangan Pengarah-pengarah:

- (a) keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat material atau luar biasa; dan
- (b) tidak berbangkit sebarang butiran, transaksi atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa yang mungkin boleh menjejaskan keputusan operasi Syarikat dengan ketara antara akhir tahun kewangan dengan tarikh laporan ini ketika ia dibuat.

**LAPORAN
PENGARAH**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)


SYARIKAT INDUK TERDEKAT DAN YAYASAN INDUK MUKTAMAD

Pengarah-pengarah menyifatkan Ekuinas Capital Sdn Bhd, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, sebagai syarikat induk terdekat. Pengarah-pengarah menganggap Yayasan Ekuiti Nasional, sebuah yayasan yang diperbadankan di Malaysia, sebagai yayasan induk Syarikat.

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi mereka.



RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN RAJA TUN UDA
Pengarah



DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD
Pengarah

Kuala Lumpur
6 Mac 2013

KENYATAAN OLEH PENGARAH

MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda dan Dato' Abdul Rahman bin Ahmad, sebagai dua daripada Pengarah E-Cap (Internal) One Sdn Bhd, menyatakan bahawa, pada pandangan Pengarah-pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di halaman 186 hingga 211 telah disediakan dengan sewajarnya untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang hal ehwal Syarikat pada 31 Disember 2012 dan keputusan dan aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Perakaunan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi mereka.

RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN RAJA TUN UDA
Pengarah

DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD
Pengarah

Kuala Lumpur
6 Mac 2013

AKUAN BERKANUN


MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, Mazhairul bin Jamaludin, sebagai Pegawai yang memikul tanggungjawab utama dalam mengurus kewangan E-Cap (Internal) One Sdn Bhd, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di halaman 186 hingga 211 ini, pada pendapat saya, adalah betul, dan saya membuat akuan ini dengan sepenuh kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

MAZHAIKUL BIN JAMALUDIN
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

Ditandatangani dan diakui dengan sesungguhnya oleh penama di atas, Mazhairul bin Jamaludin, di Kuala Lumpur di hadapan saya, pada 6 Mac 2013.

Pesuruhjaya Sumpah



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI E-CAP (INTERNAL) ONE SDN BHD
(Diperbadankan di Malaysia)
(No. Syarikat: 894680-M)

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan E-Cap (Internal) One Sdn Bhd pada halaman 186 hingga 211 yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2012, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain, seperti yang dibentangkan dalam Nota 1 hingga 12.

Tanggungjawab Pengarah kepada Penyata Kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Perakaunan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Pengarah-pengarah juga bertanggungjawab bagi kawalan dalaman yang ditentukan sebagai keperluan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada berpunca daripada penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi tuntutan etika dan merancang serta melaksanakan audit untuk mendapatkan jaminan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah kenyataan nyata yang ketara, atau tidak.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai amaun dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko akibat salah nyata yang ketara bagi penyata kewangan tersebut, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang berkenaan dengan penyediaan penyata kewangan, untuk membuat kaedah audit yang sesuai dalam keadaan tersebut, tetapi bukan untuk menyatakan pendapat akan keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Proses audit juga merangkumi proses menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna dan kemunasabahan anggaran perakaunan penting yang dibuat oleh para Pengarah, di samping menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan tersebut.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk menyediakan asas yang munasabah bagi pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberi pandangan yang betul dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2012 dan tentang prestasi kewangan dan aliran tunai mereka bagi tahun yang berakhir menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Perakaunan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI E-CAP (INTERNAL) ONE SDN BHD (SAMBUNGAN)

(Diperbadankan di Malaysia)

(No. Syarikat: 894680-M)

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN KAWAL SELIA LAIN

Menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa, menurut pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar yang diperlukan oleh Akta ini telah disimpan oleh syarikat dengan betul menurut peruntukan Akta ini.

HAL-HAL LAIN

1. Sebagaimana dinyatakan dalam seksyen “Asas Penyediaan Penyata Kewangan”, Syarikat menerima pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia pada 1 Januari 2012 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2011. Piawaian ini digunakan secara retrospektif oleh Pengarah-pengarah kepada maklumat perbandingan dalam penyata kewangan, termasuklah penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2011 dan 1 Januari 2011, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 dan pendedahan berkaitan. Kami tidak dimestikan untuk melapor maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan ianya tidak diaudit. Tanggungjawab kami sebagai sebahagian daripada audit penyata kewangan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2012, dalam keadaan ini, termasuklah mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bahawa baki pembukaan pada 1 Januari 2012 tidak mengandungi salah nyata yang secara material menjejaskan kedudukan kewangan pada 31 Disember 2012 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun ianya berakhir.
2. Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli Syarikat sahaja, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana individu lain berhubung kandungan laporan ini.



PRICEWATERHOUSECOOPERS

(No. AF: 1146)

Akauntan Bertauliah



MOHAMMAD FAIZ BIN MOHAMMAD AZMI

(No. 2025/03/14 (J))

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur

6 Mac 2013

**PENYATA PENDAPATAN
KOMPREHENSIF**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Nota	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
HASIL			
Keuntungan/(kerugian) belum direalisasi atas nilai saksama pelaburan			
– Pelaburan dalam anak syarikat		170,203,813	163,183,679
– Pelaburan dalam syarikat bersekutu		9,246,158	(50,102,494)
Kerugian direalisasi atas pelupusan pelaburan			
– Pelaburan dalam syarikat bersekutu		(22,020,167)	–
Pendapatan dividen	11(b)	36,779,668	4,018,277
Pendapatan faedah		337,986	–
		194,547,458	117,099,462
PERBELANJAAN			
Yuran pengurusan	11(b)	(20,000,000)	(20,000,000)
Fi Perbendaharaan	11(b)	(50,720)	–
Perbelanjaan lain		(35,218,024)	(19,379,959)
Keuntungan sebelum cukai	4	139,278,714	77,719,503
Cukai	5	–	–
Jumlah pendapatan komprehensif/untung bersih bagi tahun kewangan		139,278,714	77,719,503

Dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain dibentangkan di halaman 190 hingga 211 penyata kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2012

	Nota	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
ASET BUKAN SEMASA				
Pelaburan dalam anak syarikat	6	1,357,145,243	490,242,586	207,890,737
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	7	60,031,448	103,985,290	154,087,784
		1,417,176,691	594,227,876	361,978,521
ASET SEMASA				
Jumlah perlu dibayar daripada anak syarikat	11(c)	3,600,718	–	–
Jumlah perlu dibayar daripada syarikat induk terdekat	11(c)	4,900,334	33,041	676,027
Tunai dan setara tunai		83,576	2	2
		8,584,628	33,043	676,029
LIABILITI SEMASA				
Jumlah perlu dibayar kepada anak syarikat	11(c)	5,508,000	7,683,041	676,031
Jumlah perlu dibayar kepada syarikat berkaitan	11(c)	50,720	–	–
Akruan	8	60,365,416	25,199,024	5,849,599
		65,924,136	32,882,065	6,525,630
		(57,339,508)	(32,849,022)	(5,849,601)
		1,359,837,183	561,378,854	356,128,920
DIBIYAI OLEH:				
Modal saham	9	112,337	46,304	33,420
Premium saham	10	1,119,272,562	460,158,980	332,641,433
Perolehan tertahan		240,452,284	101,173,570	23,454,067
		1,359,837,183	561,378,854	356,128,920

Dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain dibentangkan di halaman 190 hingga 211 dalam penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Nota	Saham biasa diterbitkan dan berbayar sepenuhnya bernilai RM1 sesaham		Saham keutamaan boleh tebus RM0.01 sesaham yang diterbitkan dan berbayar sepenuhnya		Tidak Boleh Agih	Boleh Agih	Jumlah RM
	Bilangan saham	Modal saham RM	Bilangan saham	Modal saham RM	Premium saham RM	Perolehan tertahan RM	
Pada Januari 2011	153	153	3,326,747	33,267	332,641,433	23,454,067	356,128,920
Terbitan saham sepanjang tahun kewangan	9	131	1,275,303	12,753	127,517,547	-	127,530,431
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	77,719,503	77,719,503
Pada 31 Disember 2011	284	284	4,602,050	46,020	460,158,980	101,173,570	561,378,854
Pada 1 Januari 2012	284	284	4,602,050	46,020	460,158,980	101,173,570	561,378,854
Terbitan saham sepanjang tempoh kewangan	9	115	6,591,795	65,918	659,113,582	-	659,179,615
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	139,278,714	139,278,714
Pada 31 Disember 2012	399	399	11,193,845	111,938	1,119,272,562	240,452,284	1,359,837,183

Dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain dibentangkan di halaman 190 hingga 211 dalam penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Keuntungan sebelum cukai	139,278,714	77,719,503
Pelarasan untuk:		
Keuntungan/(kerugian) belum direalisasi atas nilai saksama pelaburan:		
– Pelaburan dalam anak syarikat	(170,203,813)	(163,183,679)
– Pelaburan dalam syarikat bersekutu	(9,246,158)	50,102,494
Kerugian direalisasi atas pelupusan pelaburan		
– Pelaburan dalam syarikat bersekutu	22,020,167	–
Pendapatan dividen	(36,779,668)	(4,018,277)
Pendapatan faedah	(337,986)	–
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	(55,268,744)	(39,379,959)
Perubahan dalam modal kerja:		
Jumlah perlu dibayar daripada anak syarikat	(3,600,718)	–
Jumlah perlu dibayar daripada syarikat induk terdekat	(4,867,293)	642,986
Jumlah perlu dibayar kepada anak syarikat	(2,175,041)	7,007,010
Jumlah perlu dibayar kepada syarikat berkaitan	50,720	–
Akruan	35,166,392	19,349,425
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti operasi	(30,694,684)	(12,380,538)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pemerolehan pelaburan dalam anak syarikat	(696,698,844)	(119,168,170)
Perolehan daripada pelupusan pelaburan dalam syarikat bersekutu	31,179,833	–
Dividen diterima	36,779,668	4,018,277
Faedah diterima	337,986	–
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan	(628,401,357)	(115,149,893)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penerbitan saham keutamaan boleh tebus	659,179,500	127,530,300
Perolehan daripada penerbitan saham biasa	115	131
Aliran tunai bersih yang dijana daripada aktiviti pembiayaan	659,179,615	127,530,431
PERUBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI SEPANJANG TAHUN KEWANGAN	83,574	–
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN KEWANGAN	2	2
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	83,576	2

Dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain dibentangkan di halaman 190 hingga 211 dalam penyata kewangan ini.

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Kecuali dinyatakan sebaliknya, dasar perakaunan berikut telah digunakan dalam menyediakan penyata kewangan ini untuk tahun-tahun yang dibentangkan.

A ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Syarikat ini telah disediakan seperti yang diperuntukkan dalam Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Penyata kewangan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah set penyata kewangan pertama yang disediakan mengikut MFRS, termasuklah MFRS 1 'Penerima pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia pertama kali'. Syarikat telah menerima pakai secara konsisten dasar-dasar perakaunan yang sama dalam memulakan penyata kedudukan kewangan MFRS pada 1 Januari 2011 (tarikh peralihan) dan di sepanjang tahun ia dibentangkan, oleh kerana dasar-dasar ini sentiasa berkuatkuasa. Tiada kesan daripada peralihan kepada MFRS ke atas kedudukan kewangan Syarikat, prestasi kewangan dan aliran tunai yang dilaporkan.

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut konvensyen kos asal, sepertimana diubah suai mengikut pelaburan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan khusus yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, di samping melaporkan jumlah hasil dan perbelanjaan dalam tempoh pelaporan. Ia juga memerlukan para Pengarah melaksanakan pertimbangan dalam proses penguatkuasaan dasar perakaunan Syarikat. Meskipun anggaran dan pertimbangan ini dibuat berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah mengenai peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza. Bidang yang melibatkan kadar pertimbangan atau kerumitan yang lebih tinggi, atau bidang yang tanggapan serta anggaran menjadi perkara penting yang boleh mempengaruhi penyata kewangan dibentangkan dalam Nota 3.

Pada 31 Disember 2012, Syarikat mencatatkan liabiliti bersih semasa berjumlah RM57,339. Syarikat induk terdekat, Ekuinas Capital Sdn Bhd, menyatakan hasrat untuk memberi sokongan kewangan berterusan kepada Syarikat bagi membolehkannya memenuhi liabiliti apabila tiba masanya dan untuk menjalankan perniagaan tanpa menjejaskan operasi dengan ketara. Sehubungan dengan itu, para Pengarah menyifatkan bahawa penyediaan penyata kewangan Syarikat berdasarkan usaha berterusan adalah wajar.

(a) Piawaian, pindaan pada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuat kuasa

Piawaian baru perakaunan, pindaan dan penambakan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuatkuasa bagi tahun kewangan Syarikat bermula pada atau selepas 1 Januari 2012 adalah seperti berikut:

- MFRS 1 "Penerima pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia pertama kali"
- MFRS 124 yang dikaji semula "Pendedahan pihak berkaitan"
- Pindaan kepada MFRS 112 "Cukai-cukai pendapatan"
- Pindaan kepada Interpretasi IC 14 "MFRS 119 – Had dalam aset manfaat tetap, keperluan pendanaan minimum dan interaksinya"
- Pindaan kepada MFRS 7 "Instrumen kewangan: Pendedahan atas pindahan aset kewangan"
- Interpretasi IC 19 "Melunaskan liabiliti kewangan dengan instrumen ekuiti"

Selain daripada pembentangan baru dan keperluan pendedahan yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini, penggunaan piawaian di atas dan pindaan kepada piawaian yang diterbitkan tidak mempunyai sebarang kesan material ke atas penyata kewangan Syarikat.

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

A ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran piawaian sedia ada yang berkenaan dengan Syarikat tetapi belum dikuatkuasakan.

Syarikat akan mengguna pakai piawaian baru, pindaan kepada piawaian dan tafsiran ini dalam tempoh berikut:

- (i) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2013

- MFRS 10 “Penyata kewangan disatukan” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) mengubah definisi kawalan. Seseorang pelabur mengawal pihak yang mana pelaburan dibuat (investee) apabila ia didedahkan, atau mempunyai hak, kepada pelbagai pulangan daripada penglibatannya dengan investee dan berupaya untuk memberi kesan ke atas pulangan melalui kuasa yang ada padanya. Ia mewujudkan kawalan sebagai asas bagi menentukan entiti mana yang disatukan dalam penyata kewangan disatukan dan menetapkan keperluan perakaunan bagi penyediaan penyata kewangan disatukan. Ia menggantikan semua garis panduan ke atas kawalan dan penyatuan dalam MFRS 127 “Penyata kewangan disatukan dan berasingan” dan Tafsiran IC 112 “Penyatuan – entiti tujuan khas”.
- MFRS 12 “Pendedahan kepentingan dalam entiti lain” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) menetapkan pendedahan yang diperlukan bagi entiti-entiti yang dilaporkan di bawah piawaian baru, MFRS 10 dan MFRS 11, dan menggantikan keperluan pendedahan yang buat masa ini terkandung dalam MFRS 128 “Pelaburan dalam syarikat bersekutu”. Ia memerlukan entiti-entiti mendedahkan maklumat yang membantu pembaca penyata kewangan untuk menilai bentuk, risiko dan kesan kewangan yang berkaitan dengan kepentingan entiti dalam anak-anak syarikat, syarikat bersekutu, perjanjian usaha sama dan entiti yang strukturnya tidak disatukan.
- MFRS 13 “Pengukuran nilai saksama” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) bertujuan menambahbaikkan konsistensi dan mengurangkan kompleksiti dengan cara memberikan tafsiran tepat bagi nilai saksama serta sumber tunggal pengukuran nilai saksama dan keperluan pendedahan untuk digunakan di seluruh MFRS. Keperluan ini tidak merangkumi penggunaan perakaunan nilai saksama tetapi memberi panduan bagaimana ia seharusnya diguna pakai apabila diperlukan atau dibenarkan oleh piawaian lain. Keperluan pendedahan yang ditingkatkan ini sama seperti yang terkandung dalam MFRS 7 “Instrumen kewangan: pendedahan”, tetapi digunakan bukan hanya untuk aset dan liabiliti kewangan, tetapi merangkumi semua aset dan liabiliti yang diukur pada nilai saksama.
- MFRS 127 yang dipinda “Penyata kewangan berasingan” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) meliputi peruntukan bagi penyata kewangan berasingan yang ditinggalkan selepas peruntukan kawalan MFRS 127 dimasukkan ke dalam MFRS 10 yang baru.
- MFRS 128 yang dipinda “Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) meliputi peruntukan bagi syarikat usaha sama, serta syarikat bersekutu, untuk dikira mengikut ekuiti berikutan terbitan MFRS 11.
- Pindaan kepada MFRS 101 “Pembentangan butiran pendapatan komprehensif” (berkuatkuasa 1 Julai 2012) memerlukan entiti-entiti untuk butiran berasingan membentangkan dalam “pendapatan komprehensif lain” (OCI) dalam penyata pendapatan komprehensif kepada dua kumpulan, berdasarkan sama ada mereka dikitar semula ke penyata pendapatan di masa akan datang. Pindaan ini tidak menjelaskan butiran mana yang dibentangkan dalam OCI.
- Pindaan kepada MFRS 7 “Instrumen Kewangan: Pendedahan” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) memerlukan lebih pendedahan yang menumpukan kepada maklumat kuantitatif tentang instrumen kewangan dikenal pasti yang akan menjejaskan penyata kedudukan kewangan dan yang mana tertakluk kepada perjanjian dua pihak dengan pelbagai kontrak atau yang seumpamanya tanpa mengira sama ada mereka memberi kesan atau sebaliknya.

**RINGKASAN DASAR
PERAKAUNAN PENTING**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

A ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran piawaian sedia ada yang berkenaan dengan Syarikat tetapi belum dikuatkuasakan (sambungan)

Syarikat akan mengguna pakai piawaian baru, pindaan kepada piawaian dan tafsiran ini dalam tempoh berikut: (sambungan):

- (ii) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2014
- Pindaan kepada MFRS 132 “Instrumen kewangan: Pembentangan” (berkuatkuasa 1 Januari 2014) tidak mengubah model penolakan semasa dalam MFRS 132. Ia menjelaskan maksud ‘kini mempunyai hak pelaksanaan yang sah untuk mengimbangi’ bahawa hak tersebut perlu ada hari ini (bukan sebagai luar jangka di masa akan datang) dan boleh dilaksanakan secara sah dari segi undang-undang ke atas semua pihak terlibat dalam urusan biasa perniagaan. Ia menjelaskan bahawa mekanisme penyelesaian kasar dengan ciri-ciri yang sama efektif untuk penyelesaian bersih akan memenuhi kriteriaimbangan MFRS 132.
- (iii) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2015
- MFRS 9 “Instrumen kewangan – pengkelasan dan ukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan” (berkuatkuasa 1 Januari 2015) menggantikan pelbagai model pengkelasan dan pengukuran dalam MFRS 139 dengan model tunggal yang hanya mempunyai dua kategori pengkelasan: kos dilunaskan dan nilai saksama. Asas pengkelasan bergantung kepada model perniagaan entiti bagi menguruskan aset kewangan dan ciri-ciri aliran tunai kontraktual aset kewangan.

Perakaunan dan pembentangan bagi liabiliti kewangan dan untuk menyah iktiraf instrumen kewangan telah dipindahkan daripada MFRS 139, tanpa perubahan, kecuali liabiliti kewangan yang ditentukan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (“FVTPL”). Entiti dengan liabiliti kewangan ditentukan pada FVTPL mengiktiraf perubahan dalam nilai saksama hasil perubahan dalam risiko kredit kewangan secara langsung dalam pendapatan komprehensif lain (OCI). Tidak ada kita semula selanjutnya pada amaun dalam OCI untuk penyata pendapatan, tetapi perolehan atau kerugian terkumpul boleh dipindahkan dalam ekuiti.

Panduan dalam MFRS 139 berhubung rosot nilai aset kewangan dan perakaunan lindungan terus diguna pakai.

MFRS 7 menetapkan keperluan pendedahan bagi peralihan daripada 139 kepada MFRS 9.

Kecuali dinyatakan sebaliknya, piawaian, pindaan kepada piawaian diterbitkan dan tafsiran terhadap piawaian semasa di atas tidak dijangkakan akan memberi sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Syarikat dalam tahun awal penggunaannya.

B PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT

Anak syarikat adalah entiti yang mana Syarikat mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi agar memperoleh manfaat daripada aktivitinya.

Dalam penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam anak syarikat diambil kira menurut MFRS 139 “Instrumen kewangan: pengiktirafan dan ukuran” dan dinyatakan pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama pelaburan dalam anak syarikat diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tahun perubahan tersebut berlaku.

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

B PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

Apabila pelaburan seperti ini dilupuskan, perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun bawaannya dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

Penyata kewangan yang disatukan tidak disediakan kerana Syarikat dikecualikan daripada menyediakan penyata kewangan yang disatukan di bawah MFRS 127 “Penyata kewangan yang disatukan dan berasingan” berdasarkan statusnya sebagai anak syarikat milik penuh syarikat induk lain di Malaysia, yang menyediakan penyata kewangan disatukan.

Yayasan induk muktamad, yang menerbitkan penyata kewangan yang disatukan, adalah Yayasan Ekuiti Nasional. Pejabat berdaftar Yayasan Ekuiti Nasional terletak di Tingkat 12, Bangunan Setia 1, 15 Lorong Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

C PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

Syarikat bersekutu dalam entiti yang bukan merupakan anak syarikat atau syarikat usahasama yang mana Syarikat mempunyai pengaruh yang ketara di dalamnya. Syarikat bersekutu diambil kira menurut MFRS 139 dan dinyatakan pada nilai saksama dari tarikh syarikat memperoleh pengaruh ketara sehingga tarikh Syarikat berhenti mempunyai pengaruh ketara ke atas syarikat bersekutu tersebut.

Pelaburan Syarikat dalam syarikat bersekutu kemudiannya dibawa pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama pelaburan dalam syarikat bersekutu diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tahun perubahan tersebut berlaku.

Apabila pelaburan seperti ini dilupuskan, perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun bawaannya dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

D ASET KEWANGAN

Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

(i) Pengkelasan

Aset kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian pada permulaan adalah instrumen kewangan yang tidak dikelaskan sebagai dipegang untuk perdagangan. Aset kewangan Syarikat yang ditetapkan pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian merangkumi ‘pelaburan dalam anak syarikat’ dan ‘pelaburan dalam syarikat bersekutu’ dalam penyata kedudukan kewangan.

(ii) Pengiktirafan dan ukuran permulaan

Aset kewangan pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama. Kos urusniaga dicatatkan sebagai perbelanjaan seperti yang ditanggung dalam penyata pendapatan.

**RINGKASAN DASAR
PERAKAUNAN PENTING**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

D ASET KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (sambungan)

(iii) Ukuran selanjutnya

Selepas pengiktirafan permulaan, semua aset kewangan pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian diukur pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tahun ia berbangkit.

(iv) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburannya telah luput atau telah dipindahkan dan Syarikat telah memindahkan sebahagian besar daripada semua risiko dan ganjaran hak miliknya.

Pinjaman dan penghutang

(i) Pengkelasan

Pinjaman dan penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau yang boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Ia dimasukkan dalam aset semasa, kecuali bagi tempoh matang yang lebih daripada dua belas (12) bulan selepas akhir tempoh pelaporan. Ini dikelaskan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan penghutang Syarikat termasuklah 'tunai dalam tangan' dan 'jumlah yang perlu dibayar daripada syarikat induk terdekat' dalam penyata kedudukan kewangan.

(ii) Pengiktirafan dan ukuran permulaan

Aset kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos urusniaga bagi semua aset kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian.

(iii) Ukuran selanjutnya

Pinjaman dan penghutang seterusnya dibawa pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

(iv) Ukuran selanjutnya – rosot nilai aset kewangan

Syarikat menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa sesuatu aset kewangan atau kumpulan aset kewangan mengalami rosot nilai. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan mengalami rosot nilai dan kerugian rosot nilai ditanggung hanya jika terdapat bukti objektif tentang wujudnya rosot nilai berikutan daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset ("peristiwa kerugian") dan bahawa peristiwa (atau beberapa peristiwa) kerugian tersebut mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa depan bagi aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan secara pasti.

Jika dalam tahun yang berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai ini berkurangan dan pengurangan tersebut berhubung kait secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas penjejasan tersebut diiktiraf, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini dibalikkan setakat yang nilai bawaan aset tersebut tidak melebihi kos terlunasnya pada tarikh pembalikan. Jumlah yang dibalikkan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan. Pada akhir tempoh pelaporan ini, tiada pengiktirafan rosot nilai dibuat dalam penyata pendapatan.

(v) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pinjaman dan penghutang telah luput atau telah dipindahkan dan kumpulan telah memindahkan sebahagian besar daripada semua risiko dan ganjaran hak milik.

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

E TUNAI DAN SETARA TUNAI

Tunai dan setara tunai merangkumi tunai dalam bank dan deposit yang tertakluk kepada risiko perubahan dalam nilai yang tidak ketara.

F PERUNTUKAN

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai obligasi semasa sah atau konstruktif hasil peristiwa lalu, dan apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi ini, dan apabila anggaran yang pasti bagi jumlah ini boleh dibuat.

G LIABILITI KEWANGAN

(i) Pengkelasan

Liabiliti kewangan dikelaskan berdasarkan inti pati pengaturan kontraktual yang disertai dan takrifan sesuatu liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, dalam skop MFRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Syarikat menjadi satu pihak dalam peruntukan kontraktual instrumen kewangan ini. Liabiliti kewangan sama ada dikelaskan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian atau liabiliti kewangan lain. Liabiliti kewangan Syarikat termasuk 'akruan', 'jumlah perlu dibayar daripada anak syarikat' dan 'jumlah perlu dibayar kepada syarikat berkaitan' dalam penyata kedudukan kewangan.

(ii) Pengiktirafan dan ukuran

Liabiliti kewangan lain diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama ditambah kos urus niaga langsung dan selanjutnya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

(iii) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut dihapuskan apabila sesuatu liabiliti kewangan yang sedia ada digantikan dengan yang lain daripada pihak yang sama dengan syarat yang besar perbezaannya, atau syarat liabiliti sedia ada yang diubah suai secara ketara, maka pertukaran atau pengubahsuaian yang berkenaan disifatkan sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan dalam nilai bawaan masing-masing diiktiraf dalam penyata pendapatan.

**RINGKASAN DASAR
PERAKAUNAN PENTING**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

H MODAL SAHAM

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti. Saham-saham lain dikelaskan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti menurut kesan ekonomi instrumen tersebut.

Pengagihan kepada pemegang sesuatu instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti dicatatkan secara langsung ke dalam ekuiti.

I PENGIKTIRAFAN HASIL**(i) Pendapatan dividen**

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran disahkan.

(ii) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar perkadaran masa, dengan mengambil kira jumlah prinsipal belum dijelaskan dan kadar efektif sepanjang tempoh hingga matang, apabila diputuskan bahawa pendapatan sedemikian akan terakru kepada Syarikat.

J PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

Pembahagian keuntungan mewakili yuran yang perlu dibayar kepada Syarikat Pengurusan Dana dan dikira dan terakru pada setiap akhir tahun kewangan berdasarkan penilaian pelaburan dalam portfolio Dana syarikat-syarikat, selepas diambil kira pembayaran keluar/penerimaan masuk yang berkaitan, menurut terma-terma yang dinyatakan dalam Perjanjian Pengurusan Dana Global. Sebarang pertambahan atau penurunan pembahagian keuntungan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

K CUKAI PENDAPATAN

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang percukaian Malaysia dan termasuk semua cukai yang berdasarkan keuntungan boleh cukai.

Cukai pendapatan tertunda diiktiraf sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang berbangkit antara cukai asas aset dan liabiliti dengan amaun bawaannya dalam penyata kewangan.

Kadar cukai yang digubal atau digubal secara substantif menjelang tahun pelaporan digunakan untuk menentukan cukai pendapatan tertunda.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat yang untung boleh cukai mungkin wujud pada masa hadapan agar boleh digunakan untuk menolak perbezaan sementara yang boleh ditolak.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

1 MAKLUMAT AM

Aktiviti utama Syarikat adalah melaksanakan perniagaan syarikat pemegangan pelaburan, iaitu melabur dalam ekuiti persendirian dan memperoleh saham atau melabur dalam mana-mana syarikat. Pada tahun kewangan ini, tiada sebarang perubahan yang ketara dari segi bentuk kegiatan yang dijalankan.

Syarikat adalah sebuah syarikat sendirian berhad, yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah:

Tingkat 12 Bangunan Setia 1,
15 Lorong Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

Tempat perniagaan utama Syarikat adalah di:

Aras 13, Surian Tower,
No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara,
47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

Program pengurusan risiko kewangan Syarikat secara keseluruhan memberi tumpuan pada kesukaran untuk menduga pasaran kewangan dan berusaha untuk meminimumkan potensi kesan yang menjejaskan prestasi kewangan Syarikat. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui semakan risiko, sistem kawalan dalaman, dan kepatuhan terhadap dasar pengurusan risiko kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah menyemak risiko-risiko ini berdasarkan dasar perbendaharaan dan garis panduan pelaburan yang diluluskan, yang meliputi pengurusan risiko-risiko ini. Syarikat terdedah pada risiko harga pasaran, risiko kadar faedah, risiko kredit dan risiko kecairan.

(b) Risiko harga pasaran

Syarikat menggunakan kaedah penilaian perusahaan (enterprise valuation method) seperti yang disarankan dalam Garis Panduan Penilaian Ekuiti Persendirian dan Modal Teroka Antarabangsa untuk memperoleh nilai saksama berdasarkan gandaan perolehan syarikat tersenarai yang setara. Pelaburan tidak disebut harga yang dinilai secara saksama, yang menggunakan kaedah ini adalah terdedah kepada risiko harga pasaran pada syarikat-syarikat awam lain yang sama.

Jika gandaan perolehan syarikat setara yang terpilih adalah 5% lebih tinggi/rendah, dengan semua pemboleh ubah lain dipastikan kekal tidak berubah, keuntungan selepas cukai Syarikat adalah RM2,927,000 lebih tinggi/rendah (2011: RM11,570,000). Pada akhir tarikh pelaporan, pelaburan tidak disebut harga ini telah diiktiraf pada nilai saksama.

Nilai saksama pelaburan tidak disebut harga juga ditentukan menggunakan kaedah penilaian aset bersih.

Jika nilai aset bersih pelaburan adalah 5% lebih tinggi/rendah, dengan semua pemboleh ubah lain dipastikan kekal tidak berubah, kerugian selepas cukai Syarikat adalah RM67,857,000 lebih tinggi/rendah (2011: RM24,512,000). Pada akhir tarikh pelaporan, pelaburan tidak disebut harga ini telah diiktiraf pada nilai saksama.

**NOTA
PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)(c) Risiko kadar faedah

Oleh kerana Syarikat tidak mempunyai aset dan liabiliti yang menanggung faedah, pendapatan dan aliran tunai operasi Syarikat bebas daripada perubahan dalam kadar faedah pasaran.

(d) Risiko kredit

Pendedahan Syarikat kepada risiko kredit terhad memandangkan Syarikat adalah syarikat pengurusan pelaburan. Pada 31 Disember 2012, 31 Disember 2011 dan 1 Januari 2011, pendedahan Syarikat kepada risiko kredit hanyalah atas jumlah bawaan 'jumlah yang perlu dibayar oleh anak syarikat dan 'jumlah perlu dibayar oleh syarikat induk terdekat' yang perlu dibayar apabila dituntut.

(e) Risiko kecairan

Pendedahan Syarikat kepada risiko kecairan adalah terhad kerana Syarikat adalah syarikat pemegang pelaburan dengan pengurusan tunai dan perbendaharaan diurus oleh Ekuiti Nasional Berhad ("Ekuinas"), sebuah syarikat berkaitan. Tambahan pula, Syarikat mempunyai keupayaan untuk mendapatkan pembiayaan melalui syarikat induk terdekat bagi memastikan penyelesaian semua kos dan perbelanjaan urus niaga ini. Setakat 31 Disember 2012, 31 Disember 2011 dan 1 Januari 2011, keterdedahan Syarikat kepada risiko kecairan adalah semata-mata pada pembayaran kontraktual tidak didiskaun 'jumlah perlu dibayar kepada anak syarikat', 'jumlah perlu dibayar kepada syarikat berkaitan', dan 'akruan' yang perlu dibayar dalam tempoh setahun.

(f) Pengurusan modal

Objektif Syarikat apabila mengurus modal adalah untuk melindungi keupayaan Syarikat untuk meneruskan perniagaan sebagai usaha yang berterusan bagi memberi pulangan kepada para pemegang saham dan mengekalkan struktur modal yang optimum untuk mengurangkan kos modal. Syarikat tidak tertakluk kepada sebarang keperluan modal yang dikenakan oleh pihak luar.

(g) Anggaran nilai saksama instrumen kewangan

Instrumen kewangan merangkumi aset kewangan dan liabiliti kewangan. Nilai saksama adalah jumlah yang mana aset kewangan boleh ditukar atau liabiliti kewangan dilangsaikan, antara pihak-pihak yang tahu dan sanggup dalam transaksi tertentu. Maklumat yang dibentangkan di sini mewakili nilai saksama yang dianggarkan pada akhir tempoh pelaporan.

Bilamana didapati, harga-harga pasaran yang dinyatakan dan diteliti adalah digunakan sebagai ukuran nilai saksama. Bilamana harga pasaran yang dinyatakan dan diteliti ini tidak didapati, nilai saksama dianggarkan berdasarkan kaedah dan andaian berhubung ciri-ciri risiko pelbagai instrumen kewangan, kadar diskaun, anggaran aliran tunai hadapan dan faktor-faktor lain. Perubahan dalam ketidakpastian dan andaian boleh memberi kesan kepada anggaran ini dan seterusnya anggaran nilai saksama.

Kaedah dan andaian yang telah digunakan dalam usaha mendapatkan nilai saksama pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu pada akhir tempoh pelaporan adalah seperti yang didedahkan dalam Nota 2(h) dan Nota 3 penyata kewangan ini.

Amaun bawaan 'jumlah perlu dibayar oleh anak syarikat', 'jumlah perlu dibayar oleh syarikat induk terdekat', 'jumlah perlu dibayar kepada anak syarikat', 'jumlah perlu dibayar kepada syarikat berkaitan' dan 'akruan' menyamai nilai saksama mereka oleh kerana bentuk instrumen kewangan ini yang bersifat jangka pendek.

Sementara itu, maklumat nilai saksama bagi aset dan liabiliti bukan kewangan dikecualikan oleh kerana mereka tidak termasuk dalam skop MFRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan" yang memerlukan maklumat nilai saksama untuk didedahkan.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(h) Hierarki nilai saksama

Paras-paras berbeza ditakrifkan seperti berikut:

- (i) Input Peringkat 1 adalah harga yang disebut (tidak dilaraskan) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa yang entiti ini boleh akses pada tarikh ukuran;
- (ii) Input Peringkat 2 adalah input selain daripada harga yang disebut dalam lingkungan Peringkat 1 yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung; dan
- (iii) Input Peringkat 3 adalah input yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti ini.

Jadual berikut membentangkan instrumen kewangan Syarikat yang diukur pada nilai saksama, selain daripada instrumen kewangan jangka pendek:

	Peringkat 1 RM	Peringkat 2 RM	Peringkat 3 RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2012				
<u>Aset kewangan</u>				
Pelaburan dalam anak syarikat	–	–	1,357,145,243	1,357,145,243
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	–	–	60,031,448	60,031,448
Jumlah aset kewangan	–	–	1,417,176,691	1,417,176,691
Pada 31 Disember 2011				
<u>Aset kewangan</u>				
Pelaburan dalam anak syarikat	–	–	490,242,586	490,242,586
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	53,200,000	–	50,785,290	103,985,290
Jumlah aset kewangan	53,200,000	–	541,027,876	594,227,876
Pada 1 Januari 2011				
<u>Aset kewangan</u>				
Pelaburan dalam anak syarikat	–	–	207,890,737	207,890,737
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	109,900,000	–	44,187,784	154,087,784
Jumlah aset kewangan	109,900,000	–	262,178,519	361,978,521

**NOTA
PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(h) Hierarki nilai saksama (sambungan)

Pelaburan yang nilainya berdasarkan harga pasaran yang disebut dalam pasaran aktif, dan dengan itu dikelaskan dalam Peringkat 1. Syarikat tidak melaraskan harga yang disebut bagi instrumen-instrumen ini. Pada akhir tempoh pelaporan ini, semua pelaburan yang disebut harga telah diiktiraf pada nilai saksama berdasarkan harga penutup terakhir Pasaran Saham Bursa Malaysia.

Pelaburan yang dikelaskan dalam Peringkat 3 mempunyai input tidak boleh diperhatikan ketara, kerana ia jarang diperdagangkan. Memandangkan harga yang boleh diperhatikan tidak tersedia bagi pelaburan ini, nilai saksama bagi pelaburan yang tidak disebut harga diperolehi berdasarkan gandaan perolehan syarikat tersenarai yang setara. Syarikat menggunakan kaedah penilaian perusahaan (enterprise valuation method) seperti yang disarankan dalam Garis Panduan Penilaian Ekuiti Persendirian dan Modal Teroka Antarabangsa.

Input utama dalam kaedah penilaian perusahaan bagi pelaburan tidak disebut harga ini termasuk perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan ("EBITDA"), gandaan perolehan syarikat-syarikat yang setara dan diskaun kebolehpasaran. Input utama ke dalam kaedah penilaian aset bersih bagi pelaburan tidak disebut harga ini termasuklah aset-aset bersih Syarikat pada akhir tahun kewangan.

Untuk menilai nilai saksama, pengurusan Ekuiti Nasional Berhad (syarikat pengurusan dana) melaksanakan pemeriksaan nilai pada setiap suku tahun atas syarikat-syarikat portfolio dan akan dibincangkan oleh Lembaga Pengarah setiap suku tahun.

Jadual berikut mempamerkan pergerakan dalam instrumen kewangan Peringkat 3:

	Pelaburan dalam syarikat bersekutu RM	Pelaburan dalam anak syarikat RM
2012		
Pada 1 Januari 2012	103,985,290	490,242,586
Pemerolehan sepanjang tahun kewangan	–	696,698,844
Keuntungan belum direalisasi atas nilai saksama pelaburan	9,246,158	170,203,813
Hasil daripada pelupusan pelaburan dalam syarikat bersekutu	(31,179,833)	–
Kerugian direalisasi atas pelupusan pelaburan dalam syarikat bersekutu	(22,020,167)	–
	60,031,448	1,357,145,243
2011		
Pada 1 Januari 2011	154,087,784	207,890,737
Pengambilalihan sepanjang tahun kewangan	–	119,168,170
(Kerugian)/kerugian tidak direalisasi atas nilai saksama pelaburan	(50,102,494)	163,183,679
	103,985,290	490,242,586

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(i) Instrumen kewangan mengikut kategori

	Pinjaman dan penghutang RM	Ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2012			
<u>Aset kewangan</u>			
Pelaburan dalam anak syarikat	–	1,357,145,243	1,357,145,243
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	–	60,031,448	60,031,448
Jumlah perlu dibayar oleh anak syarikat	3,600,718	–	3,600,718
Jumlah perlu dibayar oleh syarikat induk terdekat	4,900,334	–	4,900,334
Tunai dan setara tunai	83,576	–	83,576
Jumlah	8,584,628	1,417,176,691	1,425,761,319
<u>Liabiliti kewangan</u>			
Jumlah perlu dibayar kepada anak syarikat	5,508,000	–	5,508,000
Jumlah perlu dibayar kepada syarikat berkaitan	50,720	–	50,720
Akruan	60,365,416	–	60,365,416
Jumlah	65,924,136	–	65,924,136
Pada 31 Disember 2011			
<u>Aset kewangan</u>			
Pelaburan dalam anak syarikat	–	490,242,586	490,242,586
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	–	103,985,290	103,985,290
Jumlah perlu dibayar oleh syarikat induk terdekat	33,041	–	33,041
Tunai dan setara tunai	2	–	2
Jumlah	33,043	594,227,876	594,260,919
<u>Liabiliti kewangan</u>			
Jumlah perlu dibayar kepada anak syarikat	7,683,041	–	7,683,041
Akruan	25,199,024	–	25,199,024
Jumlah	32,882,065	–	32,882,065

**NOTA
PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)(i) Instrumen kewangan mengikut kategori (sambungan)

	Pinjaman dan penghutang RM	Ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2011			
<u>Aset kewangan</u>			
Pelaburan dalam anak syarikat	–	207,890,737	207,890,737
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	–	154,087,784	154,087,784
Jumlah perlu dibayar oleh syarikat induk terdekat	676,027	–	676,027
Tunai dan setara tunai	2	–	2
Jumlah	676,029	361,978,521	362,654,550
<u>Liabiliti kewangan</u>			
Jumlah perlu dibayar kepada anak syarikat	676,031	–	676,031
Akruan	5,849,599	–	5,849,599
Jumlah	6,525,630	–	6,525,630

3 PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG PENTING

Penyediaan penyata kewangan Syarikat memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan pada akhir tempoh laporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian andaian dan anggaran ini boleh memberi hasil yang mungkin memerlukan pelarasan ketara kepada nilai bawaan aset atau liabiliti yang dipengaruhi pada masa hadapan.

Dalam proses menerima pakai dasar perakaunan Syarikat, para Pengarah dan pihak pengurusan telah membuat pertimbangan berikut, yang mempunyai kesan paling ketara ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan ini:

(a) Penilaian pelaburan tidak disebut harga dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu

Syarikat membawa pelaburannya pada nilai saksama, dengan mengiktiraf perubahan nilai saksama dalam penyata pendapatan. Syarikat menganggarkan nilai saksama pelaburannya yang tidak disebut harga dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu berdasarkan kaedah penilaian perusahaan dan kaedah penilaian aset bersih, seperti yang disyorkan oleh Garis Panduan Penilaian Ekuiti Persendirian dan Modal Teroka Antarabangsa. Berdasarkan anggaran dan pertimbangan pihak pengurusan, Syarikat menggunakan kadar diskaun kebolehpasaran dan kecairan ke atas gandaan perolehan syarikat-syarikat setara terpilih dalam usaha untuk memperoleh nilai saksama pelaburan yang tidak disebut harga tersebut. Di mana jangkaan berbeza daripada anggaran asal, perbezaan ini akan memberi kesan kepada nilai saksama pelaburan tidak disebut harga ini.

Syarikat juga menganggarkan nilai saksama pelaburan tidak disebut harga dalam syarikat bersekutu berdasarkan kaedah penilaian aset bersih.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

3 PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Pembahagian keuntungan

Pembahagian keuntungan merupakan jumlah yang perlu dibayar kepada Ekuiti Nasional Berhad, iaitu Syarikat Pengurus Dana berdasarkan penilaian pelaburan dalam portfolio Dana syarikat-syarikat. Pertimbangan yang ketara diperlukan untuk menentukan tahap pembahagian keuntungan yang akan diiktiraf, yang bergantung pada penilaian portfolio Dana di mana jangkaan berbeza daripada anggaran asal, perbezaan ini akan memberi kesan kepada pengiktirafan pembahagian keuntungan.

4 KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

Keuntungan sebelum cukai dikira setelah mengenakan caj:

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
Ganjaran juruaudit – Audit berkanun	38,860	31,000

5 PERCUKAIAN

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
Cukai semasa: Percukaian Malaysia	–	–

Penyelarasan antara perbelanjaan cukai dengan hasil keuntungan perakaunan didarab dengan kadar cukai Malaysia adalah seperti berikut:

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
Keuntungan sebelum cukai	139,278,714	77,719,503
Cukai dikira pada kadar 25% Pendapatan bersih tidak tertakluk pada cukai	34,819,679 (34,819,679)	19,429,876 (19,429,876)
Cukai	–	–

Pada 26 November 2010, Kementerian Kewangan telah memberi pengecualian cukai bagi semua pendapatan perniagaan berkanun bagi tempoh lima (5) tahun bermula dari tahun taksiran 2009 sehingga 2013 bagi Syarikat.

**NOTA
PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

6 PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Saham tidak disebut, pada kos	990,697,599	293,998,755	174,830,585
Keuntungan belum direalisasi atas nilai saksama pelaburan	366,447,644	196,243,831	33,060,152
	1,357,145,243	490,242,586	207,890,737

Nama	Negara di mana syarikat diperbadankan	Aktiviti utama			Kepentingan efektif Syarikat 1.1.2011
			31.12.2012	31.12.2011	
Bendahara 1 Sdn Bhd*	Malaysia	Pemegangan pelaburan	100%	100%	100%
Simbol Minda Sdn Bhd***	Malaysia	Pemegangan pelaburan	100%	100%	100%
Integrated Food Group Sdn Bhd** (sebelumnya dikenali sebagai Noble Temptation Sdn Bhd)	Malaysia	Pemegangan pelaburan	100%	100%	–
Hallmark Odyssey Sdn Bhd*	Malaysia	Pemegangan pelaburan	80%	–	–
Anak syarikat Bendahara 1 Sdn Bhd					
Konsortium Logistik Berhad*@	Malaysia	Perkhidmatan logistik dan penyelesaian inventori menyeluruh	61.62%	61.62%	65.90%
Anak syarikat Simbol Minda Sdn Bhd					
Ontime Direction Sdn Bhd***	Malaysia	Pemegangan pelaburan	100%	100%	100%
Anak syarikat Integrated Food Group Sdn Bhd (sebelumnya dikenali sebagai Noble Temptation Sdn bhd)					
Prinsip Lagenda Sdn Bhd**	Malaysia	Pemegangan pelaburan	100%	100%	–
Rancak Selera Sdn Bhd**	Malaysia	Pemegangan pelaburan	100%	100%	–
Awana Setia Sdn Bhd**	Malaysia	Pemegangan pelaburan	100%	100%	–

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

6 PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

Nama	Negara di mana syarikat diperbadankan	Aktiviti utama	Kepentingan efektif Syarikat		
			31.12.2012	31.12.2011	1.1.2011
Anak syarikat Hallmark Odyssey Sdn Bhd					
Icon Offshore Berhad* (sebelumnya dikenali sebagai Kota Bayu Ekuiti Berhad)	Malaysia	Pemegangan pelaburan	88.13%	-	-

* Diaudit oleh PricewaterhouseCoopers, Malaysia

** Diaudit oleh KPMG, Malaysia

*** Diaudit oleh Ernst & Young, Malaysia

@ Disenaraikan di Pasaran Saham Bursa Malaysia

Aktiviti pelaburan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

- Pada 23 Mac 2012, Syarikat melalui Awana Setia Sdn Bhd, memperoleh 77.78% kepentingan ekuiti dalam Revenue Valley Sdn Bhd ("RVSB"), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, untuk imbalan tunai berjumlah RM34,697,786. Seterusnya, Syarikat melalui Awana Setia Sdn Bhd, telah meningkatkan kepentingan ekuitinya dalam RVSB dengan mengambil tambahan 7.98% kepentingan ekuiti dalam RVSB untuk imbalan tunai sebanyak RM25,000,000.
- Pada 30 Mac 2012, Syarikat melalui Ontime Direction Sdn Bhd, memperoleh 90% kepentingan ekuiti dalam Cosmopoint Sdn Bhd, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, untuk imbalan tunai sebanyak RM246,000,000.
- Pada 12 April 2012, Syarikat telah memperoleh 100% modal saham biasa diterbitkan dan berbayar berjumlah 2 saham biasa pada RM1 setiap satu bagi Icon Offshore Berhad (sebelumnya dikenali sebagai Kota Bayu Ekuiti Berhad) ("IOB"), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang merupakan syarikat pemegangan pelaburan, untuk imbalan tunai sebanyak RM2.
- Pada 21 Mei 2012, Syarikat melalui Ontime Direction Sdn Bhd, memperoleh 90% kepentingan ekuiti dalam Nilam Suria Sdn Bhd, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, yang merupakan syarikat pemegangan pelaburan yang memegang 90% kepentingan ekuiti dalam Unitar Capital Sdn Bhd, untuk imbalan tunai sebanyak RM58,500,000.
- Pada 12 September 2012, Syarikat melalui Rancak Selera Sdn Bhd, memperoleh 100% kepentingan ekuiti dalam Burger King Singapore Pte Ltd, sebuah syarikat yang diperbadankan di Singapura, untuk imbalan tunai sebanyak USD5,000,000.
- Pada 31 Disember 2012, Syarikat memindahkan 30,000,002 saham biasa bernilai RM1 sesaham dalam IOB dan 160,606,567 saham keutamaan boleh ubah Islam bernilai RM0.01 sesaham dalam IOB, kepada Hallmark Odyssey Sdn Bhd ("HOSB"), untuk jumlah imbalan sebanyak RM190,606,569 yang disempurnakan melalui terbitan 190,607 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham dalam HOSB pada harga terbitan sebanyak RM1,000 sesaham.

**NOTA
PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

6 PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

- (g) Pada 28 September 2012, HOSB memperoleh 82.5% kepentingan ekuiti dalam Omni Petromaritime Sdn Bhd ("OPSB"), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, untuk imbalan tunai sebanyak RM150,876,040.
- (h) Pada 6 November 2012, HOSB memperoleh 42,543,785 saham keutamaan boleh ubah Islam bernilai RM0.01 sesaham dalam IOB, untuk imbalan tunai sebanyak RM31,206,000.
- (i) Pada 19 November 2012, Syarikat melalui IOB, memperoleh 100% kepentingan ekuiti dalam OPSB, untuk imbalan tunai sebanyak RM227,720,048 yang disempurnakan melalui terbitan 227,720,048 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham dalam IOB pada harga terbitan RM1 sesaham.

Syarikat tidak perlu menyediakan penyata kewangan disatukan sebagaimana didedahkan dalam Nota B.

7 PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Saham disebut harga, pada kos	–	99,800,000	99,800,000
Keuntungan/(kerugian) belum direalisasi atas nilai saksama pelaburan	–	(46,600,000)	10,100,000
	–	53,200,000	109,900,000
Saham tidak disebut, pada harga kos	39,879,752	39,879,752	39,879,752
Jumlah pelaburan dalam syarikat bersekutu	20,151,696	10,905,538	4,308,032
	60,031,448	50,785,290	44,187,784
Jumlah pelaburan dalam syarikat bersekutu			
– Pada kos	39,879,752	139,679,752	139,679,752
– Keuntungan/(kerugian) belum direalisasi atas nilai saksama pelaburan	20,151,696	(35,694,462)	14,408,032
	60,031,448	103,985,290	154,087,784

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

7 PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

Nama	Negara di mana syarikat diperbadankan	Aktiviti utama	31.12.2012	31.12.2011	Kepentingan efektif Syarikat 1.1.2011
Forma South East Asia Holdings	Republik Mauritius	Pemegangan pelaburan	25%	25%	25%
Tanjung Offshore Berhad ^(a)	Malaysia	Penyediaan peralatan kejuruteraan, pemilikan kapal, pengurusan dan sewaan kapal, perkhidmatan penyelenggaraan peralatan, perkhidmatan pelantar gerudi dan pengeluaran	–	24%	24%

(a) Pada 14 November 2012, Syarikat melepaskan 24% kepentingan ekuiti dalam Tanjung Offshore Berhad, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, untuk imbalan tunai sebanyak RM31,179,833.

8 AKRUAN

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Pembahagian keuntungan	60,312,581	25,161,793	5,824,174
Akruan lain	52,835	37,231	25,425
	60,365,416	25,199,024	5,849,599

Akruan tidak dikenakan faedah.

**NOTA
PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

9 MODAL SAHAM

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
Dibenarkan:		
Saham biasa RM1 sesaham Pada awal/akhir tahun kewangan	100,000,000	100,000,000
Saham keutamaan boleh tebus RM0.01 sesaha Pada awal/akhir tahun kewangan	90,000	90,000
Jumlah modal dibenarkan	100,090,000	100,090,000
	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
Modal diterbitkan dan dibayar sepenuhnya:		
Saham biasa RM1 sesaham Pada awal tahun kewangan	284	153
Terbitan saham sepanjang tahun kewangan	115	131
Pada 31 Disember	399	284
Saham keutamaan boleh tebus RM0.01 sesaham Pada awal tahun kewangan	46,020	33,267
Terbitan saham sepanjang tahun kewangan	65,918	12,753
Pada 31 Disember	111,938	46,020
Jumlah modal diterbitkan dan dibayar sepenuhnya	112,337	46,304

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

9 MODAL SAHAM (SAMBUNGAN)

(a) Ringkasan saham yang diterbitkan oleh Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 dan 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Tarikh terbitan	Jenis saham	Tujuan	Bilangan saham	Nilai tara RM	Premium RM	Terma terbitan
27 Mei 2011	Biasa	Modal kerja	29	1	–	Tunai, pada tara
27 Mei 2011	Keutamaan	Modal kerja	760,734	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
30 September 2011	Biasa	Modal kerja	30	1	–	Tunai, pada tara
30 September 2011	Keutamaan	Modal kerja	436,953	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
30 Disember 2011	Biasa	Modal kerja	72	1	–	Tunai, pada tara
30 Disember 2011	Keutamaan	Modal kerja	77,616	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
31 Mac 2012	Biasa	Modal kerja	31	1	–	Tunai, pada tara
31 Mac 2012	Keutamaan	Modal kerja	410,687	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
30 Jun 2012	Biasa	Modal kerja	64	1	–	Tunai, pada tara
30 Jun 2012	Keutamaan	Modal kerja	3,714,239	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
30 September 2012	Biasa	Modal kerja	13	1	–	Tunai, pada tara
30 September 2012	Keutamaan	Modal kerja	2,250,322	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
31 Disember 2012	Biasa	Modal kerja	7	1	–	Tunai, pada tara
31 Disember 2012	Keutamaan	Modal kerja	216,547	0.01	99.99	Tunai, pada RM100

(b) Ciri utama saham keutamaan boleh tebus (“RPS”) adalah seperti berikut:

- Pemegang saham berhak menerima sebarang dividen yang diisytiharkan.
- RPS ditarafkan secara pari passu dalam kalangannya dan diutamakan melebihi saham biasa
- Para pemegang RPS berhak menerima notis, akaun, dan laporan yang berhak diterima oleh pemegang saham biasa.
- Para pemegang RPS hanya berhak mengundi di mesyuarat yang diadakan bagi tujuan melaksanakan urusan perniagaan berikut:
 - (a) Variasi hak yang diberikan kepada RPS, sama ada secara langsung atau tidak langsung
 - (b) Penggulangan Syarikat
 - (c) Sebarang keadaan lain seperti yang diperuntukkan secara jelas di bawah undang-undang dari semasa ke semasa berhubung dengan saham keutamaan
- Tertakluk kepada Akta Syarikat, 1965, Syarikat berhak untuk menebus kesemua atau sebahagian daripada RPS pada bila-bila masa pada harga RM100 setiap RPS (“Jumlah Penebusan”).
- RPS ini tidak boleh ditukar kepada saham biasa atau sebarang kelas saham lain dalam Syarikat.

RPS dikelaskan sebagai ekuiti kerana ia boleh ditebus tetapi hanya menurut opsyen Syarikat, dan sebarang dividen adalah atas dasar budi bicara.

**NOTA
PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

10 PREMIUM SAHAM

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Saham keutamaan boleh tebus	1,119,272,562	460,158,980	332,641,433

11 PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN YANG PENTING

Pihak-pihak dianggap berkaitan jika pihak tersebut mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak yang satu lagi atau mempunyai pengaruh ketara ke atas pihak yang satu lagi semasa membuat keputusan kewangan atau operasi

(a) Pihak-pihak yang berkaitan, dan perhubungan mereka dengan Syarikat adalah seperti berikut:

<u>Pihak berkaitan</u>	<u>Perhubungan</u>
Yayasan Ekuiti Nasional	Yayasan induk muktamad yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia
Ekuiti Nasional Berhad	Syarikat induk
EkuiNAS Capital Sdn Bhd	Anak syarikat
Bendahara 1 Sdn Bhd	Anak syarikat
Simbol Minda Sdn Bhd	Anak syarikat
Integrated Food Group Sdn Bhd (sebelumnya dikenali sebagai Noble Temptation Sdn Bhd)	Anak syarikat
Hallmark Odyssey Sdn Bhd	Anak syarikat
Forma South East Asia Holdings	Syarikat bersekutu

Kakitangan pengurusan utama

Kakitangan pengurusan utama ialah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama Syarikat termasuk semua Pengarah Syarikat yang membuat keputusan penting berkaitan dengan hala tuju strategik Syarikat.

Syarikat tidak membuat sebarang pampasan kakitangan pengurusan utama sepanjang tahun kewangan ini.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

11 PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Urus niaga pihak berkaitan penting

Di samping pendedahan pihak berkaitan yang dinyatakan di bahagian lain dalam penyata kewangan ini, urus niaga penting pihak berkaitan lain dibentangkan di bawah:

	31.12.2012 RM	31.11.2011 RM
<u>Ekuiti Nasional Berhad</u>		
Perbelanjaan yuran pengurusan	20,000,000	20,000,000
Yuran perbendaharaan	50,720	-
	<hr/>	<hr/>
<u>Forma South East Asia Holdings</u>		
Pendapatan dividen	5,984,668	4,018,277
	<hr/>	<hr/>
<u>Tanjung Offshore Sdn Bhd</u>		
Pendapatan dividen	30,795,000	-
	<hr/>	<hr/>

Urus niaga yang diuraikan di atas dilaksanakan berdasarkan terma dan syarat yang dirundingkan.

Pihak-pihak dianggap berkaitan sekiranya pihak tersebut mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak yang satu lagi atau melaksanakan pengaruh ketara ke atas pihak itu dalam membuat keputusan kewangan atau operasi.

(c) Baki penting pihak berkaitan

Termasuk dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat adalah baki penting pihak berkaitan yang berbangkit daripada urusan niaga biasa:

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Jumlah perlu dibayar oleh Ekuinas Capital Sdn Bhd	4,900,334	33,041	676,027
Jumlah perlu dibayar oleh Hallmark Odyssey Sdn Bhd	3,600,718	-	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Jumlah perlu dibayar kepada Ekuiti Nasional Berhad	(50,720)	-	-
Jumlah perlu dibayar kepada Ekuiti Nasional Berhad	-	-	(676,029)
Jumlah perlu dibayar kepada Simbol Minda Sdn Bhd	(5,508,000)	(7,650,000)	(2)
Jumlah perlu dibayar kepada Integrated Food Group Sdn Bhd (sebelumnya dikenali sebagai Noble Temptation Sdn Bhd)	-	(33,041)	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Semua baki belum dijelaskan di atas adalah tidak dijamin, tanpa faedah dan perlu dibayar apabila dituntut.

12 KEBENARAN BAGI PENERBITAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah diberi kebenaran untuk diterbitkan menurut resolusi Lembaga Pengarah.

E-CAP (INTERNAL) TWO SDN BHD

(DIPERBADANKAN DI MALAYSIA)
LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BERKANUN
BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012

- 213** Laporan Pengarah
- 217** Kenyataan oleh Pengarah
- 217** Akuan Berkanun
- 218** Laporan Juruaudit Bebas
- 220** Penyata Pendapatan Komprehensif
- 221** Penyata Kedudukan Kewangan
- 222** Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
- 223** Penyata Aliran Tunai
- 224** Ringkasan Dasar Perakaunan Penting
- 230** Nota Penyata Kewangan

LAPORAN PENGARAH

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012

Pengarah-pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bersama-sama dengan penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tempoh kewangan dari 9 Julai 2012 (tarikh diperbadankan) hingga 31 Disember 2012.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah melaksanakan perniagaan syarikat pemegangan pelaburan, untuk melabur dalam pelaburan ekuiti persendirian dan untuk memperoleh saham atau melabur dalam mana-mana syarikat. Pada tempoh kewangan ini, tidak terdapat sebarang perubahan yang ketara dari segi bentuk kegiatan yang dijalankan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM
Keuntungan bersih bagi tempoh kewangan	13,953,048

DIVIDEN

Tiada dividen dibayar, diisytihar atau dicadangkan sejak tarikh diperbadankan. Pengarah-pengarah tidak mengesyorkan pembayaran sebarang dividen akhir bagi tempoh kewangan dari 9 Julai 2012 (tarikh diperbadankan) hingga 31 Disember 2012.

TERBITAN SAHAM

Syarikat diperbadankan pada 9 Julai 2012 dengan modal saham dibenarkan sebanyak RM100,090,000 dibahagikan kepada 100,000,000 saham biasa RM1.00 sesaham dan 9,000,000 saham keutamaan boleh tebus RM0.01 sesaham.

Dalam tempoh kewangan ini, Syarikat menerbitkan 68 saham biasa pada nilai tara RM1 setiap satu dan 900,064 saham keutamaan pada RM0.01 sesaham pada harga terbitan RM100. Saham-saham ini telah dibayar penuh dalam tunai.

Ringkasan saham-saham yang diterbitkan oleh Syarikat sepanjang tempoh kewangan dari 9 Julai 2012 (tarikh diperbadankan) hingga 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Tarikh terbitan	Jenis saham	Tujuan terbitan	Bilangan saham	Nilai tara RM	Premium RM	Terma terbitan
9 Julai 2012 (tarikh diperbadankan)	Biasa	Saham pelanggan	2	1.00	-	Tunai, pada tara
31 Disember 2012	Biasa	Modal kerja	66	1.00	-	Tunai, pada tara
31 Disember 2012	Keutamaan	Modal kerja	900,064	0.01	99.99	Tunai, pada RM100

**LAPORAN
PENGARAH**BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)**TERBITAN SAHAM (SAMBUNGAN)**

Saham biasa baru yang diterbitkan dalam tahun kewangan ditarafkan secara *pari passu* dari semua segi dengan saham biasa Syarikat yang sedia ada.

Tiada perubahan lain dalam modal saham Syarikat yang dibenarkan, diterbitkan dan dibayar sepenuhnya dalam tempoh kewangan ini.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pemindahan material kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tempoh kewangan ini kecuali apa yang dinyatakan dalam penyata kewangan dan nota penyata kewangan ini.

PENGARAH

Pengarah-pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh perbadanan ialah seperti berikut:

Dato' Abdul Rahman bin Ahmad	(Pengarah Pertama)
Syed Yasir Arafat bin Syed Abd Kadir	(Pengarah Pertama)

Menurut Artikel 66 Tataurusuan Pertubuhan Syarikat, semua pengarah akan bersara daripada menjadi ahli Lembaga Pengarah semasa Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, kerana layak, menawarkan diri untuk dipilih semula.

MANFAAT PENGARAH DALAM SAHAM DAN DEBENTUR

Mengikut Daftar Pegangan Saham Pengarah yang disimpan oleh Syarikat menurut Seksyen 134 Akta Syarikat, 1965, kepentingan bermanfaat Pengarah-pengarah dalam saham dan opsyen saham Syarikat pada akhir tempoh kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa RM1.00 sesaham			
	Pada tarikh diperbadankan	Dibeli	Dijual	Pada 31.12.2012
Dato' Abdul Rahman bin Ahmad	1	–	(1)	–
Syed Yasir Arafat bin Syed Abd Kadir	1	–	(1)	–

Selain dari apa yang didedahkan di atas, menurut Daftar Pegangan Saham Pengarah, tiada mana-mana Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tempoh kewangan memegang sebarang kepentingan dalam saham, waran, opsyen saham dan debentur dalam Syarikat atau badan-badan berkaitan sepanjang tempoh kewangan.

LAPORAN PENGARAH

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

MANFAAT PENGARAH

Sepanjang tempoh kewangan ini dan pada penghujungnya, tidak wujud sebarang pengaturan yang menyaksikan Syarikat menjadi satu pihak dengan matlamat yang membolehkan Pengarah-pengarah Syarikat memperoleh manfaat melalui pemerolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain.

Sejak tarikh perbadanan, tiada Pengarah yang telah menerima atau berhak menerima sebarang manfaat disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat yang berkaitan dengan Pengarah tersebut atau dengan firma yang beliau menjadi ahlinya, atau dengan syarikat yang beliau mempunyai kepentingan kewangan yang cukup besar di dalamnya.

MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, Pengarah-pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah:

- (a) untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil dalam menghapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan untuk hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk telah pun dihapus kira dan tidak perlu untuk membuat peruntukan untuk hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak mungkin direalisasikan nilainya seperti yang dipamerkan dalam rekod perakaunan dalam urusan biasa perniagaan Syarikat telah diturunkan nilainya kepada jumlah yang dijangka boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan:

- (a) yang menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau jumlah peruntukan untuk hutang ragu dalam penyata kewangan Syarikat sebagai tidak mencukupi untuk menampung sebarang amaun yang besar; atau
- (a) yang akan mengakibatkan nilai yang diperuntukkan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat sebagai mengelirukan; atau
- (c) yang telah berlaku sehingga mengakibatkan kepatuhan kepada kaedah yang sedia digunakan untuk menilai aset atau liabiliti Syarikat sebagai mengelirukan atau tidak sesuai; atau
- (d) belum ditangani dalam laporan atau penyata kewangan ini, yang mungkin akan menyebabkan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat sebagai mengelirukan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang menurut pandangan Pengarah-pengarah, akan atau boleh secara ketara menjejaskan keupayaan Syarikat untuk memenuhi obligasinya apabila tiba masanya untuk disempurnakan, telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau mungkin menjadi boleh dikuatkuasakan dalam dua belas (12) bulan selepas tempoh kewangan kewangan ini.

**LAPORAN
PENGARAH**BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)**MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

Pada tarikh laporan, tidak wujud:

- (a) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang berbangkit sejak berakhirnya tempoh kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana individu lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luar jangka Syarikat yang berbangkit sejak akhir tempoh kewangan ini.

Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui tentang apa-apa keadaan yang tidak terkandung dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan ini yang akan menyebabkan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini sebagai mengelirukan.

Pada pandangan Pengarah-pengarah:

- (a) keputusan operasi Syarikat bagi tempoh kewangan tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat material atau luar biasa; dan
- (b) tidak berbangkit sebarang butiran, transaksi atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa yang mungkin boleh menjejaskan keputusan operasi Syarikat dengan ketara antara akhir tempoh kewangan dengan tarikh laporan ini.

SYARIKAT INDUK TERDEKAT DAN YAYASAN INDUK MUKTAMAD

Pengarah-pengarah menyifatkan Ekuinas Capital Sdn Bhd, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, sebagai syarikat induk terdekat. Pengarah-pengarah menganggap Yayasan Ekuiti Nasional, sebuah yayasan yang diperbadankan di Malaysia, sebagai yayasan induk Syarikat.


JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi mereka.



DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD
Pengarah



SYED YASIR ARAFAT BIN SYED ABD KADIR
Pengarah

Kuala Lumpur
6 Mac 2013

KENYATAAN OLEH PENGARAH

MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965


Kami, Dato' Abdul Rahman bin Ahmad dan Syed Yasir Arafat bin Syed Abd Kadir, sebagai dua daripada Pengarah E-Cap (Internal) Two Sdn Bhd, menyatakan bahawa, pada pandangan Pengarah-pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di halaman 220 hingga 239 telah disediakan dengan sewajarnya untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang hal ehwal Syarikat pada 31 Disember 2012 dan keputusan dan aliran tunai Syarikat bagi tempoh kewangan berakhir pada tarikh tersebut, selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Perakaunan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi mereka



DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD

Pengarah



SYED YASIR ARAFAT BIN SYED ABD KADIR


Pengarah

Kuala Lumpur
6 Mac 2013

AKUAN BERKANUN

MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, Mazhairul bin Jamaludin, sebagai Pegawai yang memikul tanggungjawab utama dalam mengurus kewangan E-Cap (Internal) Two Sdn Bhd, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di halaman 220 hingga 239 ini, pada pendapat saya, adalah betul, dan saya membuat akuan ini dengan sepenuh kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.



MAZHAIKUL BIN JAMALUDIN

Ketua Pegawai Kewangan

Ditandatangani dan diakui dengan sesungguhnya oleh penama di atas, Mazhairul bin Jamaludin, di Kuala Lumpur di hadapan saya, pada 6 Mac 2013.

Pesuruhjaya Sumpah



**LAPORAN
JURUAUDIT BEBAS**

KEPADA AHLI E-CAP (INTERNAL) TWO SDN BHD
(Diperbadankan di Malaysia)
(No Syarikat: 1009148-X)

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan E-Cap (Internal) Two Sdn Bhd pada halaman 220 hingga 239 yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2012, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Syarikat bagi tempoh kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain, seperti yang dibentangkan dalam Nota 1 hingga 12.

Tanggungjawab Pengarah kepada Penyata Kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Perakaunan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Pengarah-pengarah juga bertanggungjawab bagi kawalan dalaman yang ditentukan sebagai keperluan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada berpunca daripada penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi tuntutan etika dan merancang serta melaksanakan audit untuk mendapatkan jaminan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah kenyataan nyata yang ketara, atau tidak.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai amaun dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko akibat salah nyata yang ketara bagi penyata kewangan tersebut, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang berkenaan dengan penyediaan penyata kewangan, untuk membuat kaedah audit yang sesuai dalam keadaan tersebut, tetapi bukan untuk menyatakan pendapat akan keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Proses audit juga merangkumi proses menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna dan kemunasabahan anggaran perakaunan penting yang dibuat oleh para Pengarah, di samping menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan tersebut.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk menyediakan asas yang munasabah bagi pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberi pandangan yang betul dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2012 dan tentang prestasi kewangan dan aliran tunai mereka bagi tahun yang berakhir menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Perakaunan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI E-CAP (INTERNAL) TWO SDN BHD (SAMBUNGAN)
(Diperbadankan di Malaysia)
(No Syarikat: 1009148-X)

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN KAWAL SELIA LAIN

Menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa, menurut pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar yang diperlukan oleh Akta ini telah disimpan oleh syarikat dengan betul menurut peruntukan Akta ini.

HAL-HAL LAIN

Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli Syarikat sahaja, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana individu lain berhubung kandungan laporan ini.



PRICEWATERHOUSECOOPERS

(No. AF: 1146)

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur

6 Mac 2013



MOHAMMAD FAIZ BIN MOHAMMAD AZMI

(No. 2025/03/14 (J))

Akauntan Bertauliah

**PENYATA
PENDAPATAN KOMPREHENSIF**BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012

	Nota	Tempoh kewangan dari 9.7.2012 (tarikh diperbadankan) hingga 31.12.2012 RM
PENDAPATAN		
Pendapatan faedah		4,828,569
Keuntungan belum direalisasi atas nilai saksama pelaburan dalam syarikat bersekutu	6	22,607,032
		27,435,601
PERBELANJAAN		
Yuran pengurusan	10(b)	(5,000,000)
Perbelanjaan faedah		(4,828,569)
Perbelanjaan lain		(3,653,984)
		(13,482,553)
Keuntungan sebelum cukai	4	13,953,048
Cukai	5	-
		13,953,048
Jumlah pendapatan komprehensif/untung bersih bagi tempoh kewangan		13,953,048

Dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain dibentangkan di halaman 224 hingga 239 penyata kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2012

	Nota	31.12.2012 RM
ASET BUKAN SEMASA		
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	6	99,260,034
Pelaburan lain	7	13,280,277
Pendahuluan kepada syarikat bersekutu	10(c)	35,522,907
		148,063,218
ASET SEMASA		
Jumlah perlu dibayar daripada syarikat bersekutu	10(c)	340
LIABILITI SEMASA		
Jumlah perlu dibayar kepada syarikat berkaitan	10(c)	5,000,000
Akruan		3,581,134
		8,581,134
LIABILITI SEMASA BERSIH		
		(8,580,794)
		139,482,424
DIBIAYAI OLEH:		
Modal saham	8	9,069
Premium saham	9	89,997,400
Perolehan tertahan		13,953,048
		103,959,517
LIABILITI BUKAN SEMASA		
Jumlah perlu dibayar kepada syarikat induk terdekat	10(c)	35,522,907
		139,482,424

Dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain dibentangkan di halaman 224 hingga 239 dalam penyata kewangan ini.

**PENYATA PERUBAHAN
DALAM EKUITI**BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012

Nota	Saham biasa diterbitkan dan berbayar sepenuhnya bernilai RM1 sesaham		Saham keutamaan boleh tebus RM0.01 sesaham yang diterbitkan dan berbayar sepenuhnya		Tidak boleh agih	Boleh agih	Jumlah RM
	Bilangan saham	Modal saham RM	Bilangan saham	Modal saham RM	Premium saham RM	Perolehan tertahan RM	
Pada 9 Julai 2012 (tarikh diperbadankan)	2	2	-	-	-	-	2
Terbitan saham sepanjang tempoh kewangan	8	66	900,064	9,001	89,997,400	-	90,006,467
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh kewangan	-	-	-	-	-	13,953,048	13,953,048
Pada 31 Disember 2012	68	68	900,064	9,001	89,997,400	13,953,048	103,959,517

Dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain dibentangkan di halaman 224 hingga 239 dalam penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012

Nota	Tempoh kewangan dari 9.7.2012 (tarikh diperbadankan) hingga 31.12.2012 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI	
Keuntungan sebelum cukai	13,953,048
Pelarasan untuk:	
Keuntungan direalisasi atas nilai saksama pelaburan dalam syarikat bersekutu	(22,607,032)
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	(8,653,984)
Perubahan dalam modal kerja:	
Jumlah perlu dibayar daripada syarikat bersekutu	(340)
Jumlah perlu dibayar kepada syarikat berkaitan	5,000,000
Jumlah perlu dibayar kepada syarikat induk terdekat	35,522,907
Akruan	3,581,134
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti operasi	35,449,717
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN	
Pemerolehan pelaburan dalam syarikat bersekutu	6 (76,653,002)
Perolehan pelaburan lain	7 (13,280,277)
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan	(89,933,279)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN	
Perolehan daripada penerbitan saham biasa	8 68
Perolehan daripada penerbitan saham keutamaan boleh tebus	8 90,006,401
Pendahuluan kepada syarikat bersekutu	(35,522,907)
Aliran tunai bersih yang dijana daripada aktiviti pembiayaan	54,483,562
PERUBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI SEPANJANG TAHUN KEWANGAN	
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA TARIKH DIPERBADANKAN	-
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TEMPOH KEWANGAN	-

Dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain dibentangkan di halaman 224 hingga 239 dalam penyata kewangan ini.

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012

Kecuali dinyatakan sebaliknya, dasar perakaunan berikut telah digunakan dalam menyediakan penyata kewangan ini:

A ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Syarikat ini telah disediakan seperti yang diperuntukkan dalam Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut konvensyen kos asal, sepertimana diubah suai mengikut pelaburan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan khusus yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, di samping melaporkan jumlah hasil dan perbelanjaan dalam tempoh pelaporan. Ia juga memerlukan para Pengarah melaksanakan pertimbangan dalam proses penguatkuasaan dasar perakaunan Syarikat. Meskipun anggaran dan pertimbangan ini dibuat berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah mengenai peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza. Bidang yang melibatkan kadar pertimbangan atau kerumitan yang lebih tinggi, atau bidang yang tanggapan serta anggaran menjadi perkara penting yang boleh mempengaruhi penyata kewangan dibentangkan dalam Nota 3.

Pada 31 Disember 2012, Syarikat mencatatkan liabiliti bersih semasa berjumlah RM8,580,794. Syarikat induk terdekat, Ekuinas Capital Sdn Bhd, menyatakan hasrat untuk memberi sokongan kewangan berterusan kepada Syarikat bagi membolehkannya memenuhi liabiliti apabila tiba masanya dan untuk menjalankan perniagaan tanpa menjejaskan operasi dengan ketara. Sehubungan dengan itu, para Pengarah menyifatkan bahawa penyediaan penyata kewangan Syarikat berdasarkan usaha berterusan adalah wajar.

- (a) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang perlu untuk Syarikat tetapi belum berkuatkuasa

Syarikat akan menggunakan piawaian baru, pindaan kepada piawaian dan tafsiran dalam tempoh berikut:

- (i) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2013
- MFRS 10 "Penyata kewangan disatukan" (berkuatkuasa 1 Januari 2013) mengubah definisi kawalan. Seseorang pelabur mengawal pihak yang mana pelaburan dibuat (investee) apabila ia didedahkan, atau mempunyai hak, kepada pelbagai pulangan daripada penglibatannya dengan investee dan berupaya untuk memberi kesan ke atas pulangan melalui kuasa yang ada padanya. Ia mewujudkan kawalan sebagai asas bagi menentukan entiti mana yang disatukan dalam penyata kewangan disatukan dan menetapkan keperluan perakaunan bagi penyediaan penyata kewangan disatukan. Ia menggantikan semua garis panduan ke atas kawalan dan penyatuan dalam MFRS 127 "penyata kewangan disatukan dan berasingan" dan Tafsiran IC 112 "Penyatuan – entiti tujuan khas"
 - MFRS 12 "Pendedahan kepentingan dalam entiti lain" (berkuatkuasa 1 Januari 2013) menetapkan pendedahan yang diperlukan bagi entiti-entiti yang dilaporkan di bawah piawaian baru, MFRS 10 dan MFRS 11, dan menggantikan keperluan pendedahan yang buat masa ini terkandung dalam MFRS 128 "Pelaburan dalam syarikat bersekutu". Ia memerlukan entiti-entiti mendedahkan maklumat yang membantu pembaca penyata kewangan untuk menilai bentuk, risiko dan kesan kewangan yang berkaitan dengan kepentingan entiti dalam anak-anak syarikat, syarikat bersekutu, perjanjian usaha sama dan entiti yang strukturnya tidak disatukan.

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (a) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang perlu untuk Syarikat tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

Syarikat akan menggunakan piawaian baru, pindaan kepada piawaian dan tafsiran dalam tempoh berikut: (sambungan)

- (i) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2013 (sambungan)

- MFRS 13 “Pengukuran nilai saksama” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) bertujuan menambahbaikkan konsistensi dan mengurangkan kompleksiti dengan cara memberikan tafsiran tepat bagi nilai saksama serta sumber tunggal pengukuran nilai saksama dan keperluan pendedahan untuk digunakan di seluruh MFRS. Keperluan ini tidak merangkumi penggunaan perakaunan nilai saksama tetapi memberi panduan bagaimana ia seharusnya diguna pakai apabila diperlukan atau dibenarkan oleh piawaian lain. Keperluan pendedahan yang ditingkatkan ini sama seperti yang terkandung dalam MFRS 7 “Instrumen kewangan: pendedahan”, tetapi digunakan bukan hanya untuk aset dan liabiliti kewangan, tetapi merangkumi semua aset dan liabiliti yang diukur pada nilai saksama.
- MFRS 127 yang dipinda “Penyata kewangan berasingan” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) meliputi peruntukan bagi penyata kewangan berasingan yang ditinggalkan selepas peruntukan kawalan MFRS 127 dimasukkan ke dalam MFRS 10 yang baru.
- MFRS 128 yang dipinda “Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) meliputi peruntukan bagi syarikat usaha sama, serta syarikat bersekutu, untuk dikira mengikut ekuiti berikutan terbitan MFRS 11.
- Pindaan kepada MFRS 101 “Pembentangan butiran pendapatan komprehensif” (berkuatkuasa 1 Julai 2012) memerlukan entiti-entiti untuk butiran berasingan membentangkan dalam “pendapatan komprehensif lain” (OCI) dalam penyata pendapatan komprehensif kepada dua kumpulan, berdasarkan sama ada mereka dikitar semula ke penyata pendapatan di masa akan datang. Pindaan ini tidak menjelaskan butiran mana yang dibentangkan dalam OCI.
- Pindaan kepada MFRS 7 “Instrumen Kewangan: Pendedahan” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) memerlukan lebih pendedahan yang menumpukan kepada maklumat kuantitatif tentang instrumen kewangan dikenal pasti yang akan menjejaskan penyata kedudukan kewangan dan yang mana tertakluk kepada perjanjian dua pihak dengan pelbagai kontrak atau yang seumpamanya tanpa mengira sama ada mereka memberi kesan atau sebaliknya.

- (ii) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2014

- Pindaan kepada MFRS 132 “Instrumen kewangan: Pembentangan” (berkuatkuasa 1 Januari 2014) tidak mengubah model penolakan semasa dalam MFRS 132. Ia menjelaskan maksud ‘kini mempunyai hak pelaksanaan yang sah untuk mengimbangi’ bahawa hak tersebut perlu ada hari ini (bukan sebagai luar jangka di masa akan datang) dan boleh dilaksanakan secara sah dari segi undang-undang ke atas semua pihak terlibat dalam urusan biasa perniagaan. Ia menjelaskan bahawa mekanisme penyelesaian kasar dengan ciri-ciri yang sama efektif untuk penyelesaian bersih akan memenuhi kriteriaimbangan MFRS 132.

**RINGKASAN DASAR
PERAKAUNAN PENTING**

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

A ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (a) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang perlu untuk Syarikat tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

Syarikat akan menggunakan piawaian baru, pindaan kepada piawaian dan tafsiran dalam tempoh berikut: (sambungan)

- (iii) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2015

- MFRS 9 “Instrumen kewangan – pengkelasan dan ukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan” (berkuatkuasa 1 Januari 2015) menggantikan pelbagai model pengkelasan dan pengukuran dalam MFRS 139 dengan model tunggal yang hanya mempunyai dua kategori pengkelasan: kos dilunaskan dan nilai saksama. Asas pengkelasan bergantung kepada model perniagaan entiti bagi menguruskan aset kewangan dan ciri-ciri aliran tunai kontraktual aset kewangan.

Perakaunan dan pembentangan bagi liabiliti kewangan dan untuk menyah iktiraf instrumen kewangan telah dipindahkan daripada MFRS 139, tanpa perubahan, kecuali liabiliti kewangan yang ditentukan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (“FVTPL”). Entiti dengan liabiliti kewangan ditentukan pada FVTPL mengiktiraf perubahan dalam nilai saksama hasil perubahan dalam risiko kredit kewangan secara langsung dalam pendapatan komprehensif lain (OCI). Tidak ada kita semula selanjutnya pada amaun dalam OCI untuk penyata pendapatan, tetapi perolehan atau kerugian terkumpul boleh dipindahkan dalam ekuiti.

Panduan dalam MFRS 139 berhubung rosot nilai aset kewangan dan perakaunan lindungan terus diguna pakai.

MFRS 7 menetapkan keperluan pendedahan bagi peralihan daripada 139 kepada MFRS 9.

Kecuali dinyatakan sebaliknya, piawaian, pindaan kepada piawaian diterbitkan dan tafsiran terhadap piawaian semasa di atas tidak dijangkakan akan memberi sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Syarikat dalam tahun awal penggunaannya.

B PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

Syarikat bersekutu dalam entiti yang bukan merupakan anak syarikat atau syarikat usahasama yang mana Syarikat mempunyai pengaruh yang ketara di dalamnya. Syarikat bersekutu diambil kira menurut MFRS 139 dan dinyatakan pada nilai saksama dari tarikh syarikat memperoleh pengaruh ketara sehingga tarikh Syarikat berhenti mempunyai pengaruh ketara ke atas syarikat bersekutu tersebut.

Pelaburan Syarikat dalam syarikat bersekutu kemudiannya dibawa pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama pelaburan dalam syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tahun perubahan tersebut berlaku.

Apabila pelaburan seperti ini dilupuskan, perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun bawanya dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

Apabila Syarikat tidak lagi mempunyai kawalan, kawalan bersama atau pengaruh ketara, sebarang faedah tertahan dalam entiti diukur semula kepada nilai saksamanya dengan perubahan dalam amaun bawaan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan. Nilai saksama ini adalah nilai saksama atas pengiktirafan awal sebagai satu aset kewangan menurut MFRS 139. Sebarang amaun yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dari segi entiti tersebut adalah dikira bagaikan Syarikat telah melupuskan secara langsung aset dan liabiliti yang berkaitan.

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

C PELABURAN LAIN

Pelaburan lain dibawa pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama pelaburan lain diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tahun perubahan tersebut berlaku.

Bagi pelupusan pelaburan ini, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amaun bawaannya dimasukkan dalam penyata pendapatan.

D ASET KEWANGAN

Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

(i) Pengkelasan

Aset kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian pada permulaan adalah instrumen kewangan yang tidak dikelaskan sebagai dipegang untuk perdagangan. Aset kewangan Syarikat yang ditetapkan pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian merangkumi 'pelaburan dalam syarikat bersekutu' dan 'pelaburan lain' dalam penyata kedudukan kewangan.

(ii) Pengiktirafan dan ukuran permulaan

Aset kewangan pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama. Kos urusanniaga dicatatkan sebagai perbelanjaan seperti yang ditanggung dalam penyata pendapatan.

(iii) Ukuran selanjutnya

Selepas pengiktirafan permulaan, semua aset kewangan pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian diukur pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tahun ia berbangkit.

(iv) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburannya telah luput atau telah dipindahkan dan Syarikat telah memindahkan sebahagian besar daripada semua risiko dan ganjaran hak miliknya.

Pinjaman dan penghutang

(i) Pengkelasan

Pinjaman dan penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau yang boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Ia dimasukkan dalam aset semasa, kecuali bagi tempoh matang yang lebih daripada dua belas (12) bulan selepas akhir tempoh pelaporan. Ini dikelaskan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan penghutang Syarikat termasuklah 'jumlah yang perlu dibayar daripada syarikat bersekutu' dan 'pendahuluan kepada syarikat bersekutu' dalam penyata kedudukan kewangan.

(ii) Pengiktirafan dan ukuran permulaan

Aset kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos urusanniaga bagi semua aset kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian.

(iii) Ukuran selanjutnya

Pinjaman dan penghutang seterusnya dibawa pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

**RINGKASAN DASAR
PERAKAUNAN PENTING**

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

D ASET KEWANGAN (SAMBUNGAN)Pinjaman dan penghutang (sambungan)

- (iv) Ukuran selanjutnya – rosot nilai aset kewangan

Syarikat menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa sesuatu aset kewangan atau kumpulan aset kewangan mengalami rosot nilai. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan mengalami rosot nilai dan kerugian rosot nilai ditanggung hanya jika terdapat bukti objektif tentang wujudnya rosot nilai berikutan daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset (“peristiwa kerugian”) dan bahawa peristiwa (atau beberapa peristiwa) kerugian tersebut mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa depan bagi aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan secara pasti.

Jika dalam tempoh yang berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai ini berkurangan dan pengurangan tersebut berhubung kait secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas penjejasan tersebut diiktiraf, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini dibalikkan setakat yang nilai bawaan aset tersebut tidak melebihi kos terlunasnya pada tarikh pembalikan. Jumlah yang dibalikkan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan. Pada akhir tempoh pelaporan ini, tiada pengiktirafan rosot nilai dibuat dalam penyata pendapatan.

- (v) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pinjaman dan penghutang telah luput atau telah dipindahkan dan Syarikat telah memindahkan sebahagian besar daripada semua risiko dan ganjaran hak milik.

E PERUNTUKAN

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai obligasi semasa sah atau konstruktif hasil peristiwa lalu, dan apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi ini, dan apabila anggaran yang pasti bagi jumlah ini boleh dibuat.

F LIABILITI KEWANGAN

- (i) Pengkelasan

Liabiliti kewangan dikelaskan berdasarkan inti pati pengaturan kontraktual yang disertai dan takrifan sesuatu liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, dalam skop MFRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Syarikat menjadi satu pihak dalam peruntukan kontraktual instrumen kewangan ini. Liabiliti kewangan sama ada dikelaskan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian atau liabiliti kewangan lain. Liabiliti kewangan Syarikat termasuk ‘jumlah perlu dibayar kepada syarikat berkaitan’, ‘akruan’ dan ‘jumlah perlu dibayar kepada syarikat induk terdekat’ dalam penyata kedudukan kewangan.

- (ii) Pengiktirafan dan ukuran

Liabiliti kewangan lain diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama ditambah kos urus niaga langsung dan selanjutnya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

F LIABILITI KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(iii) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut dihapuskan apabila sesuatu liabiliti kewangan yang sedia ada digantikan dengan yang lain daripada pihak yang sama dengan syarat yang besar perbezaannya, atau syarat liabiliti sedia ada yang diubah suai secara ketara, maka pertukaran atau pengubahsuaian yang berkenaan disifatkan sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan dalam nilai bawaan masing-masing diiktiraf dalam penyata pendapatan.

G MODAL SAHAM

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti. Saham-saham lain dikelaskan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti menurut kesan ekonomi instrumen tersebut.

Pengagihan kepada pemegang sesuatu instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti dicatatkan secara langsung ke dalam ekuiti.

H PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

Pembahagian keuntungan mewakili yuran yang perlu dibayar kepada Syarikat Pengurusan Dana dan dikira dan terakru pada setiap akhir tahun kewangan berdasarkan penilaian pelaburan dalam portfolio Dana syarikat-syarikat, selepas diambil kira pembayaran keluar/penerimaan masuk yang berkaitan, menurut terma-terma yang dinyatakan dalam Perjanjian Pengurusan Dana Global. Sebarang pertambahan atau penurunan pembahagian keuntungan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

I CUKAI PENDAPATAN

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang percukaian Malaysia dan termasuk semua cukai yang berdasarkan keuntungan boleh cukai.

Cukai pendapatan tertunda diiktiraf sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang berbangkit antara cukai asas aset dan liabiliti dengan amaun bawaannya dalam penyata kewangan.

Kadar cukai yang digubal atau digubal secara substantif menjelang tahun pelaporan digunakan untuk menentukan cukai pendapatan tertunda.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat yang untung boleh cukai mungkin wujud pada masa hadapan agar boleh digunakan untuk menolak perbezaan sementara yang boleh ditolak.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012

1 MAKLUMAT AM

Aktiviti utama Syarikat adalah melaksanakan perniagaan syarikat pemegangan pelaburan, iaitu melabur dalam ekuiti persendirian dan memperoleh saham atau melabur dalam mana-mana syarikat. Pada tempoh kewangan ini, tiada sebarang perubahan yang ketara dari segi bentuk kegiatan yang dijalankan.

Syarikat adalah sebuah syarikat sendirian berhad, yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah:

Tingkat 12 Bangunan Setia 1,
15 Lorong Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur

Tempat perniagaan utama Syarikat adalah di:

Aras 13, Surian Tower,
No 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara,
47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

Program pengurusan risiko kewangan Syarikat secara keseluruhan memberi tumpuan pada kesukaran untuk menduga pasaran kewangan dan berusaha untuk meminimumkan potensi kesan yang menjejaskan prestasi kewangan Syarikat. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui semakan risiko, sistem kawalan dalaman, dan kepatuhan terhadap dasar pengurusan risiko kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah menyemak risiko-risiko ini berdasarkan dasar perbendaharaan dan garis panduan pelaburan yang diluluskan, yang meliputi pengurusan risiko-risiko ini.

Syarikat terdedah pada risiko harga pasaran, risiko kadar faedah, risiko kredit dan risiko kecairan.

(b) Risiko harga pasaran

Pelaburan tidak disebut harga terdedah kepada risiko harga pasaran pada syarikat-syarikat awam lain yang sama. Nilai saksama pelaburan tidak disebut harga adalah berdasarkan kaedah penilaian aset bersih seperti yang disarankan oleh Garis Panduan Penilaian Ekuiti Persendirian dan Modal Teroka Antarabangsa.

Jika nilai aset bersih pelaburan adalah 5% lebih tinggi/rendah, dengan semua pemboleh ubah lain dipastikan kekal tidak berubah, keuntungan selepas cukai Syarikat adalah RM4,883,183 lebih tinggi/rendah. Pada akhir tempoh pelaporan, pelaburan tidak disebut harga ini telah diiktiraf pada nilai saksama.

(c) Risiko kredit

Pendedahan Syarikat kepada risiko kredit terhadap memandangkan Syarikat adalah syarikat pengurusan pelaburan. Pada 31 Disember 2012, pendedahan Syarikat kepada risiko kredit hanyalah atas jumlah bawaan 'jumlah yang perlu dibayar oleh syarikat bersekutu' yang perlu dibayar apabila dituntut.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Risiko kecairan

Pendedahan Syarikat kepada risiko kecairan adalah terhad kerana Syarikat adalah syarikat pemegang pelaburan dengan pengurusan tunai dan perbendaharaan diurus oleh Ekuiti Nasional Berhad (“Ekuinas”), sebuah syarikat berkaitan. Tambahan pula, Syarikat mempunyai keupayaan untuk mendapatkan pembiayaan melalui syarikat induk terdekat bagi memastikan penyelesaian semua kos dan perbelanjaan urus niaga ini. Setakat 31 Disember 2012, keterdedahan Syarikat kepada risiko kecairan adalah semata-mata pada pembayaran kontraktual tidak didiskaun ‘jumlah perlu dibayar kepada syarikat induk terdekat’, ‘jumlah perlu dibayar kepada syarikat berkaitan’, dan ‘akruan’.

Syarikat mengekalkan tahap tunai dan setara tunai yang dianggap mencukupi oleh pengurusan bagi memastikan, sebaik mungkin, yang ia mempunyai kecairan yang mencukupi untuk memenuhi liabilitinya apabila ia perlu dilangsaikan.

Jadual di bawah adalah ringkasan profil kematangan liabiliti kewangan Syarikat pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan pembayaran kontraktual tidak didiskaun.

	Kurang daripada 1 tahun RM	1 – 3 tahun RM
Pada 31 Disember 2012		
Jumlah perlu dibayar kepada syarikat induk terdekat	–	39,656,040
Jumlah perlu dibayar kepada syarikat berkaitan	5,000,000	–
Akruan	3,581,134	–
	8,581,134	39,656,040

(e) Pengurusan modal

Objektif Syarikat apabila mengurus modal adalah untuk melindungi keupayaan Syarikat untuk meneruskan perniagaan sebagai usaha yang berterusan bagi memberi pulangan kepada para pemegang saham dan mengekalkan struktur modal yang optimum untuk mengurangkan kos modal. Syarikat tidak tertakluk kepada sebarang keperluan modal yang dikenakan oleh pihak luar.

(f) Anggaran nilai saksama instrumen kewangan

Instrumen kewangan merangkumi aset kewangan dan liabiliti kewangan. Nilai saksama adalah jumlah yang mana aset kewangan boleh ditukar atau liabiliti kewangan dilangsaikan, antara pihak-pihak yang tahu dan sanggup dalam transaksi tertentu. Maklumat yang dibentangkan di sini mewakili nilai saksama yang dianggarkan pada akhir tempoh pelaporan.

Bilamana didapati, harga-harga pasaran yang disebut dan diteliti adalah digunakan sebagai ukuran nilai saksama. Bilamana harga pasaran yang disebut dan diteliti ini tidak didapati, nilai saksama dianggarkan berdasarkan kaedah dan andaian berhubung ciri-ciri risiko pelbagai instrumen kewangan, kadar diskaun, anggaran aliran tunai hadapan dan faktor-faktor lain. Perubahan dalam ketidakpastian dan andaian boleh memberi kesan kepada anggaran ini dan seterusnya anggaran nilai saksama.

**NOTA PENYATA
KEWANGAN**BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)**2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**(f) Anggaran nilai saksama instrumen kewangan (sambungan)

Kaedah dan andaian yang telah digunakan dalam usaha mendapatkan nilai saksama pelaburan dalam syarikat bersekutu pada akhir tempoh pelaporan adalah seperti yang didedahkan dalam Nota 2(g) dan Nota 3 penyata kewangan ini.

Amaun bawaan 'jumlah perlu dibayar daripada syarikat bersekutu', 'jumlah perlu dibayar kepada syarikat berkaitan', dan 'akruan' menyamai nilai saksama mereka oleh kerana bentuk instrumen kewangan ini yang bersifat jangka pendek.

Nilai saksama baki-baki bukan semasa iaitu 'pendahuluan kepada syarikat bersekutu' dan 'jumlah perlu dibayar kepada syarikat induk terdekat' adalah masing-masing sebanyak RM26,644,565 dan RM26,644,565. Nilai saksama dianggar dengan menggunakan kadar pasaran pada tarikh pelaporan.

Sementara itu, maklumat nilai saksama bagi aset dan liabiliti bukan kewangan dikecualikan oleh kerana mereka tidak termasuk dalam skop MFRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan" yang memerlukan maklumat nilai saksama untuk didedahkan.

(g) Hierarki nilai saksama

Paras-paras berbeza ditakrifkan seperti berikut:

- (i) Input Peringkat 1 adalah harga yang disebut (tidak dilaraskan) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa yang entiti ini boleh akses pada tarikh ukuran
- (ii) Input Peringkat 2 adalah input selain daripada harga yang disebut dalam lingkungan Peringkat 1 yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung; dan
- (iii) Input Peringkat 3 adalah input yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti ini.

Jadual berikut membentangkan instrumen kewangan Syarikat yang diukur pada nilai saksama, selain daripada instrumen kewangan jangka pendek:

	Peringkat 1 RM	Peringkat 2 RM	Peringkat 3 RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2012				
<u>Aset kewangan</u>				
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	–	–	99,260,034	99,260,034
Pelaburan lain	–	–	13,280,277	13,280,277
Jumlah aset kewangan	–	–	112,540,311	112,540,311

Pelaburan yang dikelaskan dalam Peringkat 3 mempunyai input tidak boleh diperhatikan ketara, kerana ia jarang diperdagangkan. Memandangkan harga yang boleh diperhatikan tidak tersedia bagi pelaburan ini, nilai saksama bagi pelaburan yang tidak disebut harga diperoleh adalah berdasarkan kaedah penilaian aset bersih sebagaimana disarankan oleh Garis Panduan Penilaian Ekuiti Persendirian dan Modal Teroka Antarabangsa.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(g) Hierarki nilai saksama (sambungan)

Input utama ke dalam kaedah penilaian aset bersih bagi pelaburan tidak disebut harga ini adalah nilai aset bersih pelaburan itu.

Untuk menilai nilai saksama, pengurusan Ekuiti Nasional Berhad (syarikat pengurusan dana) melaksanakan pemeriksaan nilai pada setiap suku tahun atas syarikat-syarikat portfolio dan akan dibincangkan oleh Lembaga Pengarah setiap suku tahun.

Jadual berikut mempamerkan pergerakan dalam instrumen kewangan Peringkat 3 bagi tempoh pelaporan dari 9 Julai 2012 (tarikh diperbadankan) hingga 31 Disember 2012:

	Pelaburan dalam syarikat bersekutu RM	Pelaburan lain RM
Pada 9 Julai 2012 (tarikh diperbadankan)	–	–
Pemerolehan sepanjang tempoh kewangan	76,653,002	13,280,277
Keuntungan belum direalisasikan atas nilai saksama pelaburan semasa tempoh kewangan	22,607,032	–
Pada 31 Disember 2012	99,260,034	13,280,277

(h) Instrumen kewangan mengikut kategori

	Pinjaman dan Penghutang RM	Ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2012			
<u>Aset kewangan</u>			
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	–	99,260,034	99,260,034
Pelaburan lain	–	13,280,277	13,280,277
Jumlah perlu dibayar daripada syarikat bersekutu	340	–	340
Pendahuluan kepada syarikat bersekutu	35,522,907	–	35,522,907
Jumlah	35,523,247	112,540,311	148,063,558

**NOTA PENYATA
KEWANGAN**BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)**2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**(h) Instrumen kewangan mengikut kategori (sambungan)

	Pinjaman dan penghutang RM	Ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2012 (sambungan)			
<u>Liabiliti kewangan</u>			
Jumlah perlu dibayar kepada syarikat induk terdekat	35,522,907	–	35,522,907
Jumlah perlu dibayar kepada syarikat berkaitan	5,000,000	–	5,000,000
Akruan	3,581,134	–	3,581,134
Jumlah	44,104,041	–	44,104,041

3 PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG PENTING

Penyediaan penyata kewangan Syarikat memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan pada akhir tempoh laporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian andaian dan anggaran ini boleh memberi hasil yang mungkin memerlukan pelarasan ketara kepada nilai bawaan aset atau liabiliti yang dipengaruhi pada masa hadapan.

Dalam proses menerima pakai dasar perakaunan Syarikat, para Pengarah dan pihak pengurusan telah membuat pertimbangan berikut, yang mempunyai kesan paling ketara ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan ini:

(a) Penilaian pelaburan tidak disebut harga dalam syarikat bersekutu

Syarikat membawa pelaburannya pada nilai saksama, dengan mengiktiraf perubahan nilai saksama dalam penyata pendapatan. Syarikat menganggarkan nilai saksama pelaburannya yang tidak disebut harga dalam syarikat bersekutu pada 31 Disember 2012 berdasarkan kaedah penilaian aset bersih, seperti yang disyorkan oleh Garis Panduan Penilaian Ekuiti Persendirian dan Modal Teroka Antarabangsa. Di mana jangkaan berbeza daripada anggaran asal, perbezaan ini akan memberi kesan kepada nilai saksama pelaburan tidak disebut harga ini.

(b) Pembahagian keuntungan

Pembahagian keuntungan merupakan jumlah yang perlu dibayar kepada Ekuiti Nasional Berhad, iaitu Syarikat Pengurus Dana berdasarkan penilaian pelaburan dalam portfolio Dana syarikat-syarikat. Pertimbangan yang ketara diperlukan untuk menentukan tahap pembahagian keuntungan yang akan diiktiraf, yang bergantung pada penilaian portfolio Dana. Di mana jangkaan berbeza daripada anggaran asal, perbezaan ini akan memberi kesan kepada pengiktirafan pembahagian keuntungan.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

4 KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

Keuntungan sebelum cukai dikira setelah mengenakan caj:

	Tempoh kewangan dari 9.7.2012 (tarikh diperbadankan) hingga 31.12.2012 RM
Ganjaran juruaudit – Audit berkanun	5,000

5 PERCUKAIAN

	Tempoh kewangan dari 9.7.2012 (tarikh diperbadankan) hingga 31.12.2012 RM
Cukai semasa: Percukaian Malaysia	–

Penyelarasan antara perbelanjaan cukai dengan hasil keuntungan perakaunan didarab dengan kadar cukai Malaysia adalah seperti berikut:

	Tempoh kewangan dari 9.7.2012 (tarikh diperbadankan) hingga 31.12.2012 RM
Keuntungan sebelum cukai	13,953,048
Cukai dikira pada kadar 25%	3,488,262
Perbelanjaan tidak ditolak	2,067,104
Pendapatan tidak tertakluk pada cukai	(5,555,366)
Cukai	–

**NOTA PENYATA
KEWANGAN**BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)**6 PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU**

	31.12.2012 RM
Saham tidak disebut, pada kos	76,653,002
Keuntungan belum direalisasi atas nilai saksama pelaburan	22,607,032
Nilai saksama	<u>99,260,034</u>

Butiran syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

Nama	Negara di mana syarikat diperbadankan	Aktiviti utama	Kepentingan efektif Syarikat 31.12.2012
Hallmark Odyssey Sdn Bhd	Malaysia	Pemegangan pelaburan	20%

7 PELABURAN LAIN

	31.12.2012 RM
Aset kewangan pada nilai saksama dalam keuntungan dan kerugian	<u>13,280,277</u>

Pelaburan lain berkaitan dengan kepentingan Syarikat dalam Saham Keutamaan Boleh Tebus Rancak Selera Sdn Bhd.

8 MODAL SAHAM

	31.12.2012 RM
Dibenarkan:	
Saham biasa RM1 sesaham Pada 9 Julai 2012 (tarikh diperbadankan)/31 Disember 2012	<u>100,000,000</u>
Saham keutamaan boleh tebus RM0.01 sesaham Pada 9 Julai 2012 (tarikh diperbadankan)/31 Disember 2012	<u>90,000</u>
Jumlah modal dibenarkan	<u>100,090,000</u>

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

8 MODAL SAHAM (SAMBUNGAN)

	31.12.2012 RM
Modal diterbitkan dan dibayar sepenuhnya:	
Saham biasa RM1 sesaham	
Pada 9 Julai 2012 (tarikh diperbadankan)	2
Terbitan saham sepanjang tempoh kewangan	66
	<hr/>
Pada 31 Disember 2012	68
	<hr/>
Saham keutamaan boleh tebus RM0.01 sesaham:	
Pada 9 Julai 2012 (tarikh diperbadankan)	–
Terbitan saham sepanjang tempoh kewangan	9,001
	<hr/>
Pada 31 Disember 2012	9,001
	<hr/>
Jumlah modal diterbitkan dan dibayar sepenuhnya	9,069
	<hr/>

- a) Syarikat diperbadankan pada 9 Julai 2012 dengan modal saham dibenarkan sebanyak RM100,090,000 dibahagikan kepada 100,000,000 saham biasa RM1.00 sesaham dan 9,000,000 saham keutamaan boleh tebus RM0.01 sesaham pada harga terbitan RM100.

Pada tarikh ia diperbadankan, Syarikat menerbitkan dua (2) saham biasa pada nilai tara RM1.00. Saham ini telah dibayar sepenuhnya dalam tunai. Sepanjang tempoh kewangan, Syarikat menerbitkan 66 saham biasa RM1.00 sesaham dan 900,064 saham keutamaan boleh tebus RM0.01 sesaham pada harga terbitan RM100. Saham ini telah dibayar sepenuhnya dalam tunai.

Ringkasan saham yang diterbitkan oleh Syarikat sepanjang tempoh kewangan dari 9 Julai 2012 (tarikh diperbadankan) hingga 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Tarikh terbitan	Jenis saham	Tujuan terbitan	Bilangan saham	Nilai tara RM	Premium RM	Terma terbitan
9 Julai 2012 (tarikh diperbadankan)	Biasa	Saham langganan	2	1.00	–	Tunai, pada tara
31 Disember 2012	Biasa	Modal kerja	66	1.00	–	Tunai, pada
31 Disember 2012	Keutamaan	Modal kerja	900,064	0.01	99.99	Tunai, pada RM100

**NOTA PENYATA
KEWANGAN**BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)**8 MODAL SAHAM (SAMBUNGAN)**

- b) Ciri utama saham keutamaan boleh tebus ("RPS") adalah seperti berikut:
- Pemegang saham berhak menerima sebarang dividen yang diisytiharkan.
 - RPS ditarafkan secara *pari passu* dalam kalangannya dan diutamakan melebihi saham biasa.
 - Para pemegang RPS berhak menerima notis, akaun, dan laporan yang berhak diterima oleh pemegang saham biasa
 - Para pemegang RPS hanya berhak mengundi di mesyuarat yang diadakan bagi tujuan melaksanakan urusan perniagaan berikut:
 - (a) Variasi hak yang diberikan kepada RPS, sama ada secara langsung atau tidak langsung
 - (b) Penggulangan Syarikat
 - (c) Sebarang keadaan lain seperti yang diperuntukkan secara jelas di bawah undang-undang dari semasa ke semasa berhubung dengan saham keutamaan
 - Tertakluk kepada Akta Syarikat, 1965, Syarikat berhak untuk menebus kesemua atau sebahagian daripada RPS pada bila-bila masa pada harga RM100 setiap RPS ("Jumlah Penebusan").
 - RPS ini tidak boleh ditukar kepada saham biasa atau sebarang kelas saham lain dalam Syarikat.

RPS dikelaskan sebagai ekuiti kerana ia boleh ditebus tetapi hanya menurut opsyen Syarikat, dan sebarang dividen adalah atas dasar budi bicara.

9 PREMIUM SAHAM31.12.2012
RM

Saham keutamaan boleh tebus

89,997,400

10 PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN YANG PENTING

Pihak-pihak dianggap berkaitan jika pihak tersebut mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak yang satu lagi atau mempunyai pengaruh ketara ke atas pihak yang satu lagi semasa membuat keputusan kewangan atau operasi.

- (a) Pihak-pihak yang berkaitan, dan perhubungan mereka dengan Syarikat adalah seperti berikut:

<u>Pihak berkaitan</u>	<u>Perhubungan</u>
Yayasan Ekuiti Nasional	Yayasan induk muktamad yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia
Ekuiti Nasional Berhad	Syarikat berkaitan
Hallmark Odyssey Sdn Bhd	Syarikat bersekutu

Kakitangan pengurusan utama

Kakitangan pengurusan utama ialah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama Syarikat termasuk semua Pengarah Syarikat yang membuat keputusan penting berkaitan dengan hala tuju strategik Syarikat.

Syarikat tidak membuat sebarang pampasan kakitangan pengurusan utama sepanjang tahun kewangan ini.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TEMPOH KEWANGAN DARI 9 JULAI 2012
(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

10 PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Urus niaga pihak berkaitan penting

Di samping pendedahan pihak berkaitan yang dinyatakan di bahagian lain dalam penyata kewangan ini, urus niaga penting pihak berkaitan lain dibentangkan di bawah:

	31.12.2012 RM
<u>Ekuiti Nasional Berhad</u>	
Perbelanjaan yuran pengurusan	5,000,000

(c) Baki penting pihak berkaitan

Termasuk dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat adalah baki penting pihak berkaitan yang berbangkit daripada urusniaga biasa:

	31.12.2012 RM
Jumlah perlu dibayar daripada Hallmark Odyssey Sdn Bhd	340
Jumlah perlu dibayar kepada Ekuiti Nasional Berhad	(5,000,000)
Jumlah perlu dibayar daripada Hallmark Odyssey Sdn Bhd	35,522,907
Jumlah perlu dibayar kepada Ekuinas Capital Sdn Bhd	(35,522,907)

Semua baki belum dijelaskan di atas adalah tidak dijamin, tanpa faedah dan perlu dibayar apabila dituntut, kecuali jumlah yang perlu dibayar daripada Hallmark Odyssey Sdn Bhd dan jumlah perlu dibayar kepada Ekuinas Capital Sdn Bhd yang mana adalah tidak dijamin, tanpa faedah dan perlu dibayar selepas satu tahun.

11 ANGKA PERBANDINGAN

Tiada angka perbandingan memandangkan ini adalah penyata pendapatan pertama yang disediakan oleh Syarikat sejak ia diperbadankan.

12 KEBENARAN BAGI PENERBITAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah diberi kebenaran untuk diterbitkan menurut resolusi Lembaga Pengarah.

E-CAP (EXTERNAL) ONE SDN BHD

(DIPERBADANKAN DI MALAYSIA)
LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BERKANUN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

- 241** Laporan Pengarah
- 245** Kenyataan oleh Pengarah
- 245** Akaun Berkanun
- 246** Laporan Juruaudit Bebas
- 248** Penyata Pendapatan Komprehensif
- 249** Penyata Kedudukan Kewangan
- 250** Penyata Perubahan Ekuiti
- 251** Penyata Aliran Tunai
- 252** Ringkasan Dasar Perakaunan Penting
- 258** Nota Penyata Kewangan

LAPORAN PENGARAH

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Pengarah-pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bersama-sama dengan penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah melaksanakan perniagaan syarikat pemegang pelaburan, iaitu membuat pelaburan ekuiti persendirian dan memperoleh saham atau melabur dalam mana-mana syarikat. Pada tahun kewangan ini, tidak terdapat sebarang perubahan yang ketara dari segi bentuk kegiatan yang dijalankan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

Kerugian bersih bagi tahun kewangan

RM

11,954,096

DIVIDEN

Tiada dividen dibayar, diisytihar atau dicadangkan sejak akhir tahun kewangan terdahulu. Pengarah-pengarah tidak mengesyorkan pembayaran sebarang dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

PENERBITAN SAHAM

Dalam tahun kewangan ini, Syarikat menerbitkan 148 saham biasa pada nilai tara RM1 sesaham dan 695,270 saham keutamaan boleh tebus RM0.01 sesaham pada harga terbitan RM100. Saham-saham ini telah dibayar sepenuhnya dalam tunai.

Ringkasan saham-saham yang diterbitkan oleh Syarikat sepanjang tahun kewangan dari 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Tarikh terbitan	Jenis saham	Tujuan terbitan	Bilangan saham	Nilai tara RM	Premium RM	Terma terbitan
31 Mac 2012	Keutamaan	Modal kerja	545,800	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
30 Jun 2012	Biasa	Modal kerja	50	1.00	–	Tunai, pada tara
30 Jun 2012	Keutamaan	Modal kerja	5,216	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
30 September 2012	Biasa	Modal kerja	98	1.00	–	Tunai, pada tara
30 September 2012	Keutamaan	Modal kerja	84,654	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
31 Disember 2012	Keutamaan	Modal kerja	59,600	0.01	99.99	Tunai, pada RM100

Saham biasa baru yang diterbitkan dalam tahun kewangan ditarafkan secara *pari passu* dari semua segi dengan saham biasa Syarikat yang sedia ada.

Tiada perubahan lain dalam modal saham Syarikat yang dibenarkan, diterbitkan dan dibayar sepenuhnya bagi tahun kewangan ini.

**LAPORAN
PENGARAH**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pemindahan material kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini kecuali yang dinyatakan dalam penyata kewangan dan nota kepada penyata kewangan ini.

PENGARAH

Para Pengarah yang telah memegang jawatan sejak tarikh laporan terdahulu adalah seperti berikut:

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda
Datuk Noriyah binti Ahmad
Mazhairul bin Jamaludin

Menurut Artikel 66 Tataurusian Pertubuhan Syarikat, Datuk Noriyah binti Ahmad akan bersara daripada menjadi ahli Lembaga Pengarah semasa Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, kerana beliau layak, menawarkan diri untuk dipilih semula.

KEPENTINGAN PENGARAH DALAM SAHAM DAN DEBENTUR

Menurut Daftar Pemegangan Saham Pengarah yang disimpan oleh Syarikat selaras dengan Seksyen 134 Akta Syarikat, 1965, tiada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan yang memegang sebarang kepentingan dalam saham, waran, opsi saham dan debentur Syarikat atau perbadanan yang berkaitan sepanjang tahun kewangan ini.

MANFAAT PENGARAH

Sepanjang tahun kewangan ini dan pada penghujungnya, tidak wujud sebarang pengaturan yang menyaksikan Syarikat menjadi satu pihak dengan matlamat yang membolehkan Pengarah-pengarah Syarikat memperoleh manfaat melalui pemerolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain.

Sejak tarikh laporan terakhir, tiada Pengarah yang telah menerima atau berhak menerima sebarang manfaat disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat yang berkaitan dengan Pengarah tersebut atau dengan firma yang beliau menjadi ahlinya, atau dengan syarikat yang beliau mempunyai kepentingan kewangan yang cukup besar di dalamnya.

MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, Pengarah-pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah:

- (a) untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil dalam menghapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan untuk hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk telah pun dihapus kira dan tidak perlu untuk membuat peruntukan untuk hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak mungkin direalisasikan nilainya seperti yang dipamerkan dalam rekod perakaunan dalam urusan biasa perniagaan Syarikat telah diturunkan nilainya kepada jumlah yang dijangka boleh direalisasikan.

LAPORAN PENGARAH

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan:

- (a) yang menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau jumlah peruntukan untuk hutang ragu dalam penyata kewangan Syarikat sebagai tidak mencukupi untuk menampung sebarang amaun yang ketara; atau
- (b) yang akan mengakibatkan nilai yang diperuntukkan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat sebagai mengelirukan; atau
- (c) yang telah berlaku sehingga mengakibatkan kepatuhan kepada kaedah yang digunakan untuk menilai aset atau liabiliti Syarikat sebagai mengelirukan atau tidak wajar; atau
- (d) tidak ditangani dalam laporan atau penyata pendapatan ini, yang boleh menyebabkan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata pendapatan Syarikat sebagai mengelirukan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang menurut pendapat Pengarah-pengarah, akan atau boleh secara ketara menjejaskan keupayaan Syarikat untuk memenuhi obligasinya apabila tiba masanya untuk disempurnakan, telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau mungkin menjadi boleh dikuatkuasakan dalam dua belas (12) bulan tahun tersebut dari akhir tahun kewangan ini.

Pada tarikh laporan, tidak wujud:

- (a) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang berbangkit sejak berakhirnya tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana individu lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luar jangka Syarikat yang berbangkit sejak akhir tahun kewangan ini

Pada tarikh laporan ini dibuat, Pengarah-pengarah tidak mengetahui tentang apa-apa keadaan yang tidak terkandung dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan ini yang akan menyebabkan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini sebagai mengelirukan.

Menurut pendapat Pengarah-pengarah:

- (a) keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa yang bersifat material atau luar biasa; dan
- (b) tidak berbangkit sebarang butiran, transaksi atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa yang mungkin boleh menjejaskan keputusan operasi Syarikat dengan ketara antara akhir tahun kewangan dengan tarikh laporan ini ketika ia dibuat.

**LAPORAN
PENGARAH**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012


SYARIKAT INDUK TERDEKAT DAN YAYASAN INDUK MUKTAMAD

Pengarah-pengarah menyifatkan Ekuinas Capital Sdn Bhd, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, sebagai syarikat induk terdekat. Pengarah-pengarah menganggap Yayasan Ekuiti Nasional, sebuah yayasan yang diperbadankan di Malaysia, sebagai yayasan induk Syarikat.


JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi mereka.



RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN RAJA TUN UDA
Pengarah



DATUK NORIYAH BINTI AHMAD
Pengarah

Kuala Lumpur
6 Mac 2013

KENYATAAN OLEH PENGARAH

MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda dan Datuk Noriyah binti Ahmad, sebagai dua daripada Pengarah E-Cap (External) One Sdn Bhd, menyatakan bahawa, pada pandangan Pengarah-pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di halaman 248 hingga 268 telah disediakan dengan sewajarnya untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang hal ehwal Syarikat pada 31 Disember 2012 dan keputusan dan aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Perakaunan Antarabangsa dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi mereka.

RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN RAJA TUN UDA
Pengarah

DATUK NORIYAH BINTI AHMAD
Pengarah

Kuala Lumpur
6 Mac 2013

AKUAN BERKANUN

MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, Mazhairul bin Jamaludin, sebagai Pegawai yang memikul tanggungjawab utama dalam mengurus kewangan E-Cap (External) One Sdn Bhd, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di halaman 248 hingga 268 ini, pada pendapat saya, adalah betul, dan saya membuat akuan ini dengan sepenuh kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

MAZHAIKUL BIN JAMALUDIN
Ketua Pegawai Kewangan

Ditandatangani dan diakui dengan sesungguhnya oleh penama di atas, Mazhairul bin Jamaludin, di Kuala Lumpur di hadapan saya, pada 6 Mac 2013.

Pesuruhjaya Sumpah



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI E-CAP (EXTERNAL) ONE SDN BHD
(Diperbadankan di Malaysia)
(No. Syarikat: 894679-T)

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan E-Cap (External) One Sdn Bhd pada halaman 248 hingga 268 yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2012, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain, seperti yang dibentangkan dalam Nota 1 hingga 11.

Tanggungjawab Pengarah kepada Penyata Kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Perakaunan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Pengarah-pengarah juga bertanggungjawab bagi kawalan dalaman yang ditentukan sebagai keperluan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada berpunca daripada penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi tuntutan etika dan merancang serta melaksanakan audit untuk mendapatkan jaminan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah kenyataan nyata yang ketara, atau tidak.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai amaun dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko akibat salah nyata yang ketara bagi penyata kewangan tersebut, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang berkenaan dengan penyediaan penyata kewangan, untuk membuat kaedah audit yang sesuai dalam keadaan tersebut, tetapi bukan untuk menyatakan pendapat akan keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Proses audit juga merangkumi proses menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna dan kemunasabahan anggaran perakaunan penting yang dibuat oleh para Pengarah, di samping menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan tersebut.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk menyediakan asas yang munasabah bagi pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberi pandangan yang betul dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2012 dan tentang prestasi kewangan dan aliran tunai mereka bagi tahun yang berakhir menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Perakaunan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI E-CAP (EXTERNAL) ONE SDN BHD (SAMBUNGAN)

(Diperbadankan di Malaysia)

(No. Syarikat: 894679-T)

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN KAWAL SELIA LAIN

Menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa, menurut pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar yang diperlukan oleh Akta ini telah disimpan oleh syarikat dengan betul menurut peruntukan Akta ini.

HAL-HAL LAIN

1. Seperti dinyatakan dalam seksyen “Asas Penyediaan Penyata Pendapatan” dalam penyata pendapatan ini, Syarikat menerima pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia pada 1 Januari 2012 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2011. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Pengarah-pengarah bagi maklumat perbandingan dalam penyata kewangan, termasuklah penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2011 dan 1 Januari 2011, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 dan pendedahan berkaitan. Kami tidak diperlukan untuk melaporkan tentang maklumat perbandingan dinyatakan semula dan ianya tidak diaudit. Tanggungjawab kami sebagai sebahagian audit penyata pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, dalam keadaan ini, termasuklah mendapatkan bukti audit sesuai yang mencukupi bahawa baki pembukaan pada 1 Januari 2012 tidak mengandungi salah nyata yang menjejaskan dengan ketara kedudukan kewangan pada 31 Disember 2012 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir kemudiannya.
2. Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli Syarikat sahaja, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana individu lain berhubung kandungan laporan ini.



PRICEWATERHOUSECOOPERS

(No. AF: 1146)

Akauntan Bertauliah



MOHAMMAD FAIZ BIN MOHAMMAD AZMI

(No. 2025/03/14 (J))

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur

6 Mac 2013

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Nota	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
PENDAPATAN LAIN			
Pendapatan faedah		-	88,260
PERBELANJAAN			
Yuran pengurusan	9(b)	(2,000,000)	(2,000,000)
Perbelanjaan lain		(35,012)	(63,129)
Kerugian belum direalisasi atas nilai saksama pelaburan – Pelaburan dalam syarikat bersekutu		(9,919,084)	(8,388,754)
Kerugian sebelum cukai	4	(11,954,096)	(10,363,623)
Cukai	5	-	-
Jumlah kerugian komprehensif/rugi bersih bagi tahun kewangan		(11,954,096)	(10,363,623)

Dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain dibentangkan di halaman 252 hingga 268 penyata kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2012

	Nota	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
ASET BUKAN SEMASA				
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	6	71,434,544	13,871,246	20,080,000
ASET SEMASA				
Jumlah perlu dibayar daripada syarikat induk terdekat	9(c)	–	–	233,333
Tunai dalam tangan		–	–	2
		–	–	233,335
LIABILITI SEMASA				
Akruan		14,400	24,154	9,975
(LIABILITI)/ASET SEMASA BERSIH				
		(14,400)	(24,154)	223,360
		71,420,144	13,847,092	20,303,360
DIBIYAI OLEH:				
Modal saham	7	3,009,369	3,002,268	3,001,822
Premium saham	8	90,867,012	21,346,965	17,440,056
Kerugian terkumpul		(22,456,237)	(10,502,141)	(138,518)
		71,420,144	13,847,092	20,303,360

Dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain dibentangkan di halaman 252 hingga 268 dalam penyata kewangan ini.

**PENYATA
PERUBAHAN EKUITI**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Nota	Saham biasa diterbitkan dan berbayar sepenuhnya bernilai RM1 sesaham		Saham keutamaan boleh tebus RM0.01 sesaham yang diterbitkan dan berbayar sepenuhnya		Tidak boleh agih	Kerugian terkumpul RM	Jumlah RM
	Bilangan saham	Modal saham RM	Bilangan saham	Modal saham RM	Premium saham RM		
Pada Januari 2011	3,000,078	3,000,078	174,418	1,744	17,440,056	(138,518)	20,303,360
Terbitan saham sepanjang tahun kewangan	7 55	55	39,073	391	3,906,909	-	3,907,355
Jumlah kerugian komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	(10,363,623)	(10,363,623)
Pada 31 Disember 2011	3,000,133	3,000,133	213,491	2,135	21,346,965	(10,502,141)	13,847,092
Pada 1 Januari 2012	3,000,133	3,000,133	213,491	2,135	21,346,965	(10,502,141)	13,847,092
Terbitan saham sepanjang tahun kewangan	7 148	148	695,270	6,953	69,520,047	-	69,527,148
Jumlah kerugian komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	(11,954,096)	(11,954,096)
Pada 31 Disember 2012	3,000,281	3,000,281	908,761	9,088	90,867,012	(22,456,237)	71,420,144

Dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain dibentangkan di halaman 252 hingga 268 dalam penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Nota	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Kerugian sebelum cukai		(11,954,096)	(10,363,623)
Pelarasan untuk:			
Pendapatan faedah		–	(88,260)
Kerugian belum direalisasikan atas nilai saksama pelaburan			
– Pelaburan dalam syarikat bersekutu		9,919,084	8,388,754
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja		(2,035,012)	(2,063,129)
Perubahan dalam modal kerja:			
Jumlah perlu dibayar kepada syarikat induk terdekat		–	233,333
Akruan		(9,754)	14,179
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti operasi		(2,044,766)	(1,815,617)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pemerolehan pelaburan dalam syarikat bersekutu	6	–	(2,180,000)
Tambahan panggilan modal bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu		(67,482,382)	–
Faedah diterima		–	88,260
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan		(67,482,382)	(2,091,740)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Perolehan daripada penerbitan saham biasa	7	148	55
Perolehan daripada penerbitan saham keutamaan boleh tebus	7	69,527,000	3,907,300
Aliran tunai bersih yang dijana daripada aktiviti pembiayaan		69,527,148	3,907,355
PERUBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI SEPANJANG TAHUN KEWANGAN			
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN KEWANGAN		–	(2)
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TEMPOH KEWANGAN		–	–

Dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain dibentangkan di halaman 252 hingga 268 dalam penyata kewangan ini.

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Kecuali dinyatakan sebaliknya, dasar perakaunan berikut telah digunakan dalam menyediakan penyata kewangan ini untuk tahun-tahun yang dibentangkan.

A ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Syarikat ini telah disediakan seperti yang diperuntukkan dalam Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Penyata kewangan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 adalah set penyata kewangan pertama yang disediakan mengikut MFRS, termasuk MFRS 1 'Penerima pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia pertama kali'. Syarikat telah mengguna pakai secara konsisten dasar-dasar perakaunan yang sama dalam memulakan penyata kedudukan kewangan MFRS pada 1 Januari 2011 (tarikh peralihan) dan di sepanjang tahun ia dibentangkan, seumpama dasar-dasar ini telah sentiasa berkuatkuasa. Tiada kesan daripada peralihan kepada MFRS ke atas kedudukan kewangan Syarikat, prestasi kewangan dan aliran tunai yang dilaporkan.

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut konvensyen kos asal, sepertimana diubah suai mengikut pelaburan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan khusus yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, di samping melaporkan jumlah hasil dan perbelanjaan dalam tempoh pelaporan. Ia juga memerlukan para Pengarah melaksanakan pertimbangan dalam proses penguatkuasaan dasar perakaunan Syarikat. Meskipun anggaran dan pertimbangan ini dibuat berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah mengenai peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza. Bidang yang melibatkan kadar pertimbangan atau kerumitan yang lebih tinggi, atau bidang yang tanggapan serta anggaran menjadi perkara penting yang boleh mempengaruhi penyata kewangan dibentangkan dalam Nota 3.

Syarikat mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM11,954,096 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dan pada tarikh tersebut, Syarikat mencatatkan liabiliti bersih berjumlah RM14,400. Syarikat induk terdekat, Ekuinas Capital Sdn Bhd, menyatakan hasrat untuk memberi sokongan kewangan berterusan kepada Syarikat bagi membolehkannya memenuhi liabiliti apabila tiba masanya dan untuk menjalankan perniagaan tanpa menjejaskan operasi dengan ketara. Sehubungan dengan itu, para Pengarah menyifatkan bahawa penyediaan penyata kewangan Syarikat berdasarkan usaha berterusan adalah wajar.

(a) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuatkuasa

Piawaian baru perakaunan, pindaan dan penambakan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuatkuasa bagi tahun kewangan Syarikat bermula pada atau selepas 1 Januari 2012 adalah seperti berikut:

- MFRS 1 "Penerima pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia pertama kali"
- MFRS 124 yang dikaji semula "Pendedahan pihak berkaitan"
- Pindaan kepada MFRS 112 "Cukai pendapatan"
- Pindaan kepada Interpretasi IC 14 "MFRS 119 – Had dalam aset manfaat tetap, keperluan pendanaan minimum dan interaksinya"
- Pindaan kepada MFRS 7 "Instrumen kewangan: Pendedahan ke atas pindahan aset kewangan"
- Interpretasi IC 19 "Melunaskan liabiliti kewangan dengan instrumen ekuiti"

Selain daripada pembentangan baru dan keperluan pendedahan baru sepertimana dinyatakan dalam penyata kewangan ini, penggunaan piawaian dan pindaan kepada piawaian yang diterbitkan ini tidak mempunyai sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Syarikat.

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

A ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran piawaian sedia ada yang berkenaan dengan Syarikat tetapi belum dikuatkuasakan.

Syarikat akan mengguna pakai piawaian baru, pindaan kepada piawaian dan tafsiran ini dalam tempoh berikut:

- (i) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2013

- MFRS 10 “Penyata kewangan disatukan” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) mengubah definisi kawalan. Seseorang pelabur mengawal pihak yang mana pelaburan dibuat (investee) apabila ia didedahkan, atau mempunyai hak, kepada pelbagai pulangan daripada penglibatannya dengan investee dan berupaya untuk memberi kesan ke atas pulangan melalui kuasa yang ada padanya. Ia mewujudkan kawalan sebagai asas bagi menentukan entiti mana yang disatukan dalam penyata kewangan disatukan dan menetapkan keperluan perakaunan bagi penyediaan penyata kewangan disatukan. Ia menggantikan semua garis panduan ke atas kawalan dan penyatuan dalam MFRS 127 “penyata kewangan disatukan dan berasingan” dan Tafsiran IC 112 “Penyatuan – entiti tujuan khas.”
- MFRS 12 “Pendedahan kepentingan dalam entiti lain” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) menetapkan pendedahan yang diperlukan bagi entiti-entiti yang dilaporkan di bawah piawaian baru, MFRS 10 dan MFRS 11, dan menggantikan keperluan pendedahan yang buat masa ini terkandung dalam MFRS 128 “Pelaburan dalam syarikat bersekutu”. Ia memerlukan entiti-entiti mendedahkan maklumat yang membantu pembaca penyata kewangan untuk menilai bentuk, risiko dan kesan kewangan yang berkaitan dengan kepentingan entiti dalam anak-anak syarikat, syarikat bersekutu, perjanjian usaha sama dan entiti yang strukturnya tidak disatukan.
- MFRS 13 “Pengukuran nilai saksama” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) bertujuan menambahbaikkan konsistensi dan mengurangkan kompleksiti dengan cara memberikan tafsiran tepat bagi nilai saksama serta sumber tunggal pengukuran nilai saksama dan keperluan pendedahan untuk digunakan di seluruh MFRS. Keperluan ini tidak merangkumi penggunaan perakaunan nilai saksama tetapi memberi panduan bagaimana ia seharusnya diguna pakai apabila diperlukan atau dibenarkan oleh piawaian lain. Keperluan pendedahan yang ditingkatkan ini sama seperti yang terkandung dalam MFRS 7 “Instrumen kewangan: pendedahan”, tetapi digunakan bukan hanya untuk aset dan liabiliti kewangan, tetapi merangkumi semua aset dan liabiliti yang diukur pada nilai saksama.
- MFRS 127 yang dipinda “Penyata kewangan berasingan” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) meliputi peruntukan bagi penyata kewangan berasingan yang ditinggalkan selepas peruntukan kawalan MFRS 127 dimasukkan ke dalam MFRS 10 yang baru.
- MFRS 128 yang dipinda “Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) meliputi peruntukan bagi syarikat usaha sama, serta syarikat bersekutu, untuk dikira mengikut ekuiti berikutan terbitan MFRS 11.
- Pindaan kepada MFRS 101 “Pembentangan butiran pendapatan komprehensif” (berkuatkuasa 1 Julai 2012) memerlukan entiti-entiti untuk butiran berasingan membentangkan dalam “pendapatan komprehensif lain” (OCI) dalam penyata pendapatan komprehensif kepada dua kumpulan, berdasarkan sama ada mereka dikitar semula ke penyata pendapatan di masa akan datang. Pindaan ini tidak menjelaskan butiran mana yang dibentangkan dalam OCI.
- Pindaan kepada MFRS 7 “Instrumen Kewangan: Pendedahan” (berkuatkuasa 1 Januari 2013) memerlukan lebih pendedahan yang menumpukan kepada maklumat kuantitatif tentang instrumen kewangan dikenal pasti yang akan menjejaskan penyata kedudukan kewangan dan yang mana tertakluk kepada perjanjian dua pihak dengan pelbagai kontrak atau yang seumpamanya tanpa mengira sama ada mereka memberi kesan atau sebaliknya.

**RINGKASAN DASAR
PERAKAUNAN PENTING**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

A ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran piawaian sedia ada yang berkenaan dengan Syarikat tetapi belum dikuatkuasakan (sambungan)

Syarikat akan mengguna pakai piawaian baru, pindaan kepada piawaian dan tafsiran ini dalam tempoh berikut: (sambungan)

- (ii) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2014

- Pindaan kepada MFRS 132 “Instrumen kewangan: Pembentangan” (berkuatkuasa 1 Januari 2014) tidak mengubah model penolakan semasa dalam MFRS 132. Ia menjelaskan maksud ‘kini mempunyai hak pelaksanaan yang sah untuk mengimbangi’ bahawa hak tersebut perlu ada hari ini (bukan sebagai luar jangka di masa akan datang) dan boleh dilaksanakan secara sah dari segi undang-undang ke atas semua pihak terlibat dalam urusan biasa perniagaan. Ia menjelaskan bahawa mekanisme penyelesaian kasar dengan ciri-ciri yang sama efektif untuk penyelesaian bersih akan memenuhi kriteriaimbangan MFRS 132.

- (iii) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2015

- MFRS 9 “Instrumen kewangan – pengkelasan dan ukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan” (berkuatkuasa 1 Januari 2015) menggantikan pelbagai model pengkelasan dan pengukuran dalam MFRS 139 dengan model tunggal yang hanya mempunyai dua kategori pengkelasan: kos dilunaskan dan nilai saksama. Asas pengkelasan bergantung kepada model perniagaan entiti bagi menguruskan aset kewangan dan ciri-ciri aliran tunai kontraktual aset kewangan.

Perakaunan dan pembentangan bagi liabiliti kewangan dan untuk menyah iktiraf instrumen kewangan telah dipindahkan daripada MFRS 139, tanpa perubahan, kecuali liabiliti kewangan yang ditentukan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (“FVTPL”). Entiti dengan liabiliti kewangan ditentukan pada FVTPL mengiktiraf perubahan dalam nilai saksama hasil perubahan dalam risiko kredit kewangan secara langsung dalam pendapatan komprehensif lain (OCI). Tidak ada kitar semula selanjutnya pada amaun dalam OCI untuk penyata pendapatan, tetapi perolehan atau kerugian terkumpul boleh dipindahkan dalam ekuiti.

Panduan dalam MFRS 139 berhubung rosot nilai aset kewangan dan perakaunan lindungan terus diguna pakai.

MFRS 7 menetapkan keperluan pendedahan bagi peralihan daripada 139 kepada MFRS 9.

Kecuali dinyatakan sebaliknya, piawaian, pindaan kepada piawaian diterbitkan dan tafsiran terhadap piawaian semasa di atas tidak dijangkakan akan memberi sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Syarikat dalam tahun awal penggunaannya.

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

B PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

Syarikat bersekutu dalam entiti yang bukan merupakan anak syarikat atau syarikat usahasama yang mana Syarikat mempunyai pengaruh yang ketara di dalamnya. Syarikat bersekutu diambil kira menurut MFRS 139 dan dinyatakan pada nilai saksama dari tarikh syarikat memperoleh pengaruh ketara sehingga tarikh Syarikat berhenti mempunyai pengaruh ketara ke atas syarikat bersekutu tersebut.

Pelaburan Syarikat dalam syarikat bersekutu kemudiannya dibawa pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama pelaburan dalam syarikat bersekutu diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tahun perubahan tersebut berlaku.

Apabila pelaburan seperti ini dilupuskan, perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun bawanya dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

C ASET KEWANGAN

Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

(i) Pengkelasan

Aset kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian pada permulaan adalah instrumen kewangan yang tidak dikelaskan sebagai dipegang untuk perdagangan. Aset kewangan Syarikat yang ditetapkan pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian merangkumi 'pelaburan dalam syarikat bersekutu' dalam penyata kedudukan kewangan.

(ii) Pengiktirafan dan ukuran permulaan

Aset kewangan pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama. Kos urusan dicatatkan sebagai perbelanjaan seperti yang ditanggung dalam penyata pendapatan.

(iii) Ukuran selanjutnya

Selepas pengiktirafan permulaan, semua aset kewangan pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian diukur pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tahun ia berbangkit.

(iv) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburannya telah luput atau telah dipindahkan dan Syarikat telah memindahkan sebahagian besar daripada semua risiko dan ganjaran hak miliknya.

Pinjaman dan penghutang

(i) Pengkelasan

Pinjaman dan penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau yang boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Ia dimasukkan dalam aset semasa, kecuali bagi tempoh matang yang lebih daripada dua belas (12) bulan selepas akhir tempoh pelaporan ini akan dikelaskan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan penghutang Syarikat terdiri daripada 'tunai dalam tangan' dan 'jumlah yang perlu dibayar daripada syarikat induk terdekat' dalam penyata kedudukan kewangan.

(ii) Pengiktirafan dan ukuran permulaan

Aset kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos urusan bagi semua aset kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian.

**RINGKASAN DASAR
PERAKAUNAN PENTING**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

C ASET KEWANGAN (SAMBUNGAN)Pinjaman dan Penghutang (sambungan)

(iii) Ukuran selanjutnya

Pinjaman dan penghutang seterusnya dibawa pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

(iv) Ukuran selanjutnya – rosot nilai aset kewangan

Syarikat menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa sesuatu aset kewangan atau kumpulan aset kewangan mengalami rosot nilai. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan mengalami rosot nilai dan kerugian rosot nilai ditanggung hanya jika terdapat bukti objektif tentang wujudnya rosot nilai berikutan daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset (“peristiwa kerugian”) dan bahawa peristiwa (atau beberapa peristiwa) kerugian tersebut mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa depan bagi aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan secara pasti.

Jika dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai ini berkurangan dan pengurangan tersebut berhubung kait secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas penjejasan tersebut diiktiraf, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini dibalikkan setakat yang nilai bawaan aset tersebut tidak melebihi kos terlunasnya pada tarikh pembalikan. Jumlah yang dibalikkan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan. Pada akhir tempoh pelaporan ini, tiada pengiktirafan rosot nilai dibuat dalam penyata pendapatan.

(v) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pinjaman dan penghutang telah luput atau telah dipindahkan dan kumpulan telah memindahkan sebahagian besar daripada semua risiko dan ganjaran hak milik.

D TUNAI DAN SETARA TUNAI

Tunai dan setara tunai merangkumi tunai dalam bank.

E PERUNTUKAN

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai obligasi semasa sah atau konstruktif hasil peristiwa lalu, dan apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi ini, dan apabila anggaran yang pasti bagi jumlah ini boleh dibuat.

F LIABILITI KEWANGAN

(i) Pengkelasan

Liabiliti kewangan dikelaskan berdasarkan inti pati pengaturan kontraktual yang disertai dan takrifan sesuatu liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, dalam skop MFRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Syarikat menjadi satu pihak dalam peruntukan kontraktual instrumen kewangan ini. Liabiliti kewangan sama ada dikelaskan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama dalam keuntungan atau kerugian atau liabiliti kewangan lain. Liabiliti kewangan Syarikat termasuk ‘akruan’ dalam penyata kedudukan kewangan.

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

F LIABILITI KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(ii) Pengiktirafan dan ukuran

Akruan diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama ditambah kos urus niaga langsung dan selanjutnya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

(iii) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut dihapuskan apabila sesuatu liabiliti kewangan yang sedia ada digantikan dengan yang lain daripada pihak yang sama dengan syarat yang besar perbezaannya, atau syarat liabiliti sedia ada yang diubah suai secara ketara, maka pertukaran atau pengubahsuaian yang berkenaan disifatkan sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan dalam nilai bawaan masing-masing diiktiraf dalam penyata pendapatan.

G MODAL SAHAM

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti. Saham-saham lain dikelaskan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti menurut kesan ekonomi instrumen tersebut.

Pengagihan kepada pemegang sesuatu instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti dicatatkan secara langsung ke dalam ekuiti.

H PENGIKTIRAFAN HASIL

Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf pada asas pembahagian masa, mengambil kira jumlah baki prinsipal dan kadar efektif di sepanjang tempoh tersebut sehingga tarikh matang, apabila telah ditentukan bahawa pendapatan seumpamanya terakru kepada Syarikat.

I PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

Pembahagian keuntungan mewakili yuran yang perlu dibayar kepada Syarikat Pengurusan Dana dan dikira dan terakru pada setiap akhir tahun kewangan berdasarkan penilaian pelaburan dalam portfolio Dana syarikat-syarikat, selepas diambil kira pembayaran keluar/penerimaan masuk yang berkaitan, menurut terma-terma yang dinyatakan dalam Perjanjian Pengurusan Dana Global. Sebarang pertambahan atau penurunan pembahagian keuntungan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

J CUKAI PENDAPATAN

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang percukaian Malaysia dan termasuk semua cukai yang berdasarkan keuntungan boleh cukai.

Cukai pendapatan tertunda diiktiraf sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang berbangkit antara cukai asas aset dan liabiliti dengan amaun bawaannya dalam penyata kewangan.

Kadar cukai yang digubal atau digubal secara substantif menjelang tahun pelaporan digunakan untuk menentukan cukai pendapatan tertunda.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat yang untung boleh cukai mungkin wujud pada masa hadapan agar boleh digunakan untuk menolak perbezaan sementara yang boleh ditolak.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

1 MAKLUMAT AM

Aktiviti utama Syarikat adalah melaksanakan perniagaan syarikat pemegang pelaburan, iaitu melabur dalam ekuiti persendirian dan memperoleh saham atau melabur dalam mana-mana syarikat. Pada tahun kewangan ini, tiada sebarang perubahan yang ketara dari segi bentuk kegiatan yang dijalankan.

Syarikat adalah sebuah syarikat sendirian berhad, yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah:

Tingkat 12, Bangunan Setia 1,
15 Lorong Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

Tempat perniagaan utama Syarikat adalah di:

Aras 13, Surian Tower,
No 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara,
47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

Program pengurusan risiko kewangan Syarikat secara keseluruhan memberi tumpuan pada kesukaran untuk menduga pasaran kewangan dan berusaha untuk meminimumkan potensi kesan yang menjejaskan prestasi kewangan Syarikat. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui semakan risiko, sistem kawalan dalaman, dan kepatuhan terhadap dasar pengurusan risiko kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah menyemak risiko-risiko ini berdasarkan dasar perbendaharaan dan garis panduan pelaburan yang diluluskan, yang meliputi pengurusan risiko-risiko ini.

Syarikat terdedah pada risiko harga pasaran, risiko kadar faedah, risiko kredit dan risiko kecairan.

(b) Risiko harga pasaran

Pelaburan tidak disebut harga terdedah kepada risiko harga pasaran pada syarikat-syarikat awam lain yang sama. Nilai saksama pelaburan tidak disebut harga ditentukan menggunakan kaedah penilaian aset bersih.

Jika nilai aset bersih pelaburan adalah 5% lebih tinggi/rendah, dengan semua pemboleh ubah lain dipastikan kekal tidak berubah, kerugian selepas cukai Syarikat adalah RM3,571,000 lebih tinggi/rendah (2011: RM693,000). Pada akhir tarikh pelaporan, pelaburan tidak disebut harga ini telah diiktiraf pada nilai saksama.

(c) Risiko kecairan

Pendedahan Syarikat kepada risiko kecairan adalah terhad kerana Syarikat adalah syarikat pemegang pelaburan dengan pengurusan tunai dan perbendaharaan diurus oleh Ekuiti Nasional Berhad ("Ekuinas"), sebuah syarikat berkaitan. Tambahan pula, Syarikat mempunyai keupayaan untuk mendapatkan pembiayaan melalui syarikat induk terdekat bagi memastikan penyelesaian semua kos dan perbelanjaan urus niaga ini. Setakat 31 Disember 2012, 31 Disember 2011 dan 1 Januari 2011, keterdedahan Syarikat kepada risiko kecairan adalah semata-mata pada pembayaran kontraktual tidak didiskaun 'akruan' yang perlu dibayar dalam tempoh setahun.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Pengurusan modal

Objektif Syarikat apabila mengurus modal adalah untuk melindungi keupayaan Syarikat untuk meneruskan perniagaan sebagai usaha yang berterusan bagi memberi pulangan kepada para pemegang saham dan mengekalkan struktur modal yang optimum untuk mengurangkan kos modal. Syarikat tidak tertakluk kepada sebarang keperluan modal yang dikenakan oleh pihak luar.

(e) Anggaran nilai saksama instrumen kewangan

Instrumen kewangan merangkumi aset kewangan dan liabiliti kewangan. Nilai saksama adalah jumlah yang mana aset kewangan boleh ditukar atau liabiliti kewangan dilangsaikan, antara pihak-pihak yang tahu dan sanggup dalam transaksi tertentu. Maklumat yang dibentangkan di sini mewakili nilai saksama yang dianggarkan pada akhir tempoh pelaporan.

Bilamana didapati, harga-harga pasaran yang dinyatakan dan diteliti adalah digunakan sebagai ukuran nilai saksama. Bilamana harga pasaran yang dinyatakan dan diteliti ini tidak didapati, nilai saksama dianggarkan berdasarkan kaedah dan andaian berhubung ciri-ciri risiko pelbagai instrumen kewangan, kadar diskaun, anggaran aliran tunai hadapan dan faktor-faktor lain. Perubahan dalam ketidakpastian dan andaian boleh memberi kesan kepada anggaran ini dan seterusnya anggaran nilai saksama.

Kaedah dan andaian yang telah digunakan dalam usaha mendapatkan nilai saksama pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu pada akhir tempoh pelaporan adalah seperti yang didedahkan dalam Nota 2(f) dan Nota 3 penyata kewangan ini.

Amaun bawaan 'jumlah perlu dibayar daripada syarikat induk terdekat' dan 'akruan' menyamai nilai saksama mereka oleh kerana bentuk instrumen kewangan ini yang bersifat jangka pendek.

Sementara itu, maklumat nilai saksama bagi aset dan liabiliti bukan kewangan dikecualikan oleh kerana mereka tidak termasuk dalam skop MFRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan" yang memerlukan maklumat nilai saksama untuk didedahkan.

(f) Hierarki nilai saksama

Paras-paras berbeza ditakrifkan seperti berikut:

- (i) Input Peringkat 1 adalah harga yang disebut (tidak dilaraskan) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa yang entiti ini boleh akses pada tarikh ukuran;
- (ii) Input Peringkat 2 adalah input selain daripada harga yang disebut dalam lingkungan Peringkat 1 yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung; dan
- (iii) Input Peringkat 3 adalah input yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti ini.

**NOTA PENYATA
KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)(f) Hierarki nilai saksama (sambungan)

Jadual berikut membentangkan instrumen kewangan Syarikat yang diukur pada nilai saksama, selain daripada instrumen kewangan jangka pendek:

	Peringkat 1 RM	Peringkat 2 RM	Peringkat 3 RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2012				
<u>Aset kewangan</u>				
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	–	–	71,434,544	71,434,544
Pada 31 Disember 2011				
<u>Aset kewangan</u>				
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	–	–	13,871,246	13,871,246
Pada 1 Januari 2011				
<u>Aset kewangan</u>				
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	–	–	20,080,000	20,080,000

Pelaburan yang dikelaskan dalam Peringkat 3 mempunyai input tidak boleh diperhatikan ketara, kerana ia jarang diperdagangkan. Memandangkan harga yang boleh diperhatikan tidak tersedia bagi pelaburan ini, Syarikat menggunakan kaedah penilaian aset bersih seperti yang disarankan dalam Garis Panduan Penilaian Ekuiti Persendirian dan Modal Teroka Antarabangsa.

Input utama dalam kaedah penilaian aset bersih bagi pelaburan tidak disebut harga ini termasuk nilai aset bersih pelaburan.

Untuk menilai nilai saksama, pengurusan Ekuiti Nasional Berhad (syarikat pengurusan dana) melaksanakan pemeriksaan nilai pada setiap suku tahun atas syarikat-syarikat portfolio dan akan dibincangkan oleh Lembaga Pengarah setiap suku tahun.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(f) Hierarki nilai saksama (sambungan)

Jadual berikut mempamerkan pergerakan dalam instrumen kewangan Peringkat 3:

	Pelaburan dalam syarikat bersekutu	
	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
Pada 1 Januari	13,871,246	20,080,000
Modal dipanggil, bersih daripada pembayaran semula semasa tahun kewangan	67,482,382	2,180,000
Kerugian tidak direalisasi atas nilai saksama pelaburan semasa tahun kewangan	(9,919,084)	(8,388,754)
Pada 31 Disember	71,434,544	13,871,246

(g) Instrumen kewangan mengikut kategori

	Pinjaman dan penghutang RM	Ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2012			
<u>Aset kewangan</u>			
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	-	71,434,544	71,434,544
<u>Liabiliti kewangan</u>			
Akruan	14,400	-	14,400
Pada 31 Disember 2011			
<u>Aset kewangan</u>			
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	-	13,871,246	13,871,246
<u>Liabiliti kewangan</u>			
Akruan	24,154	-	24,154

**NOTA PENYATA
KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)(g) Instrumen kewangan mengikut kategori (sambungan)

	Pinjaman dan penghutang RM	Ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2011			
<u>Aset kewangan</u>			
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	–	20,080,000	20,080,000
Jumlah perlu dibayar daripada syarikat induk terdekat	233,333	–	233,333
Jumlah	233,333	20,080,000	20,313,333
<u>Liabiliti kewangan</u>			
Akruan	9,975	–	9,975

3 PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG PENTING

Penyediaan penyata kewangan Syarikat memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan pada akhir tempoh laporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian andaian dan anggaran ini boleh memberi hasil yang mungkin memerlukan pelarasan ketara kepada nilai bawaan aset atau liabiliti yang dipengaruhi pada masa hadapan.

Dalam proses menerima pakai dasar perakaunan Syarikat, para Pengarah dan pihak pengurusan telah membuat pertimbangan berikut, yang mempunyai kesan paling ketara ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan ini:

Penilaian pelaburan tidak disebut harga dalam syarikat bersekutu

Syarikat membawa pelaburannya pada nilai saksama, dengan mengiktiraf perubahan nilai saksama dalam penyata pendapatan. Syarikat menganggarkan nilai saksama pelaburannya yang tidak disebut harga dalam syarikat bersekutu berdasarkan kaedah penilaian aset bersih pada 31 Disember 2012, seperti yang disyorkan oleh Garis Panduan Penilaian Ekuiti Persendirian dan Modal Teroka Antarabangsa. Di mana jangkaan berbeza daripada anggaran asal, perbezaan ini akan memberi kesan kepada nilai saksama pelaburan tidak disebut harga ini.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

4 KERUGIAN SEBELUM CUKAI

Kerugian sebelum cukai dikira setelah mengenakan caj:

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
Ganjaran juruaudit – Audit berkanun	6,300	7,000

5 CUKAI

Cukai semasa:

Percukaian Malaysia

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
	–	–

Penyelarasan antara perbelanjaan cukai dengan hasil kerugian perakaunan didarab dengan kadar cukai Malaysia adalah seperti berikut:

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
Kerugian sebelum cukai	(11,954,096)	(10,363,623)
Cukai dikira pada kadar 25%	(2,988,524)	(2,590,906)
Perbelanjaan tidak boleh ditolak	2,988,524	2,590,906
Cukai	–	–

Pada 26 November 2010, Kementerian Kewangan telah memberi pengecualian cukai bagi semua pendapatan perniagaan berkanun bagi tempoh lima (5) tahun bermula dari tahun taksiran 2009 sehingga 2013 bagi Syarikat.

**NOTA PENYATA
KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

6 PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Saham tidak disebut harga, pada kos	89,742,382	22,260,000	20,080,000
Kerugian belum direalisasi atas nilai saksama pelaburan	(18,307,838)	(8,388,754)	–
	71,434,544	13,871,246	20,080,000

Nama	Negara diperbadankan	Aktiviti utama	Kepentingan efektif Syarikat		
			31.12.2012 %	31.12.2011 %	1.1.2011 %
Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. [@]	Kepulauan Cayman	Pemegangan pelaburan	69.56	69.56	80.04
CIMB National Equity Fund Ltd. P. [@]	Labuan	Pemegangan pelaburan	80.00	80.00	–
MK-One Fund (Labuan) Limited [@]	Labuan	Pemegangan pelaburan	–	75.00	–

[@] Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. (“Navis MGO Fund”), Cimb National Equity Fund Ltd.P. (“Cimb National Equity Fund”) dan MK-One Fund (Labuan) Limited (“MKOne Fund”) disifatkan sebagai pelaburan dalam syarikat bersekutu meskipun kepentingan efektif pemegangan Syarikat, adalah masing-masing sebanyak 69.56%, 80.00% dan 75.00%, kerana Syarikat hanya mempunyai pengaruh yang ketara dan bukan kawalan ke atas dasar kewangan dan operasi pelaburan-pelaburan ini.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

7 MODAL SAHAM

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
Dibenarkan:		
Saham biasa RM1 sesaham Pada awal/akhir tahun kewangan	100,000,000	100,000,000
Saham keutamaan boleh tebus RM0.01 sesaham Pada awal/akhir tahun kewangan	90,000	90,000
Jumlah modal dibenarkan	100,090,000	100,090,000

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
Modal diterbitkan dan dibayar sepenuhnya:		
Saham biasa RM1 sesaham Pada awal tahun kewangan	3,000,133	3,000,078
Penerbitan saham sepanjang tahun kewangan	148	55
Pada 31 Disember	3,000,281	3,000,133
Saham keutamaan boleh tebus RM0.01 sesaham:		
Pada awal tahun kewangan	2,135	1,744
Penerbitan saham sepanjang tahun kewangan	6,953	391
Pada 31 Disember	9,088	2,135
Jumlah modal diterbitkan dan dibayar sepenuhnya	3,009,369	3,002,268

(a) Sepanjang tahun kewangan, Syarikat menerbitkan 148 saham biasa pada nilai tara RM1 sesaham dan 695,270 saham keutamaan boleh tebus RM0.01 sesaham pada harga terbitan RM100.

**NOTA PENYATA
KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

7 MODAL SAHAM (SAMBUNGAN)

Ringkasan saham yang diterbitkan oleh Syarikat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 dan 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Tarikh terbitan	Jenis saham	Tujuan terbitan	Bilangan saham	Nilai tara RM	Premium RM	Terma terbitan
30 Disember 2011	Biasa	Modal kerja	55	1	–	Tunai, pada tara
30 Disember 2011	Keutamaan	Modal kerja	39,073	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
31 Mac 2012	Keutamaan	Modal kerja	545,800	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
30 Jun 2012	Biasa	Modal kerja	50	1	–	Tunai, pada tara
30 Jun 2012	Keutamaan	Modal kerja	5,216	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
30 September 2012	Biasa	Modal kerja	98	1	–	Tunai, pada tara
30 September 2012	Keutamaan	Modal kerja	84,654	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
31 Disember 2012	Keutamaan	Modal kerja	59,600	0.01	99.99	Tunai, pada RM100

(b) Ciri utama saham keutamaan boleh tebus (“RPS”) adalah seperti berikut:

- Pemegang saham berhak menerima sebarang dividen yang diisytiharkan.
- RPS ditarafkan secara *pari passu* dalam kalangannya dan diutamakan melebihi saham biasa.
- Para pemegang RPS berhak menerima notis, akaun, dan laporan yang berhak diterima oleh pemegang saham biasa.
- Para pemegang RPS hanya berhak mengundi di mesyuarat yang diadakan bagi tujuan melaksanakan urusan perniagaan berikut:
 - (a) Variasi hak yang diberikan kepada RPS, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
 - (b) Penggulangan Syarikat.
 - (c) Sebarang keadaan lain seperti yang diperuntukkan secara jelas di bawah undang-undang dari semasa ke semasa berhubung dengan saham keutamaan
- Tertakluk kepada Akta Syarikat, 1965, Syarikat berhak untuk menebus kesemua atau sebahagian daripada RPS pada bila-bila masa pada harga RM100 seRPS (“Jumlah Penebusan”).
- RPS ini tidak boleh ditukar kepada saham biasa atau sebarang kelas saham dari dalam Syarikat.

RPS dikelaskan sebagai ekuiti kerana ia boleh ditebus tetapi hanya menurut opsyen Syarikat, dan sebarang dividen adalah atas dasar budi bicara.

NOTA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

8 PREMIUM SAHAM

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Saham keutamaan boleh tebus	90,867,012	21,346,965	17,440,056

9 PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN YANG PENTING

Pihak-pihak dianggap berkaitan jika pihak tersebut mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak yang satu lagi atau mempunyai pengaruh ketara ke atas pihak yang satu lagi semasa membuat keputusan kewangan atau operasi.

(a) Pihak-pihak yang berkaitan dengan Syarikat dan perhubungan mereka dengan Syarikat adalah seperti berikut:

<u>Pihak berkaitan</u>	<u>Perhubungan</u>
Yayasan Ekuiti Nasional	Yayasan induk muktamad yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia
Ekuias Capital Sdn Bhd	Syarikat pemegangan pelaburan
Ekuiti Nasional Berhad	Syarikat berkaitan

Kakitangan pengurusan utama

Kakitangan pengurusan utama adalah mereka yang mempunyai kuasa dan bertanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama Syarikat termasuk semua Pengarah Syarikat yang membuat keputusan penting berhubung dengan hala tuju strategik Syarikat.

Syarikat tidak membuat sebarang pampasan kakitangan pengurusan utama sepanjang tahun kewangan.

(b) Urusniaga penting pihak berkaitan

Di samping pendedahan pihak berkaitan yang dinyatakan di bahagian lain dalam penyata kewangan ini, urusniaga penting pihak berkaitan lain dibentangkan di bawah:

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM
<u>Ekuiti Nasional Berhad</u>		
Perbelanjaan yuran pengurusan	2,000,000	2,000,000

**NOTA PENYATA
KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

9 PENDEDAHAN PENTING PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

(c) Baki pihak berkaitan penting

Termasuk dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat adalah baki pihak berkaitan penting yang berbangkit daripada urusan biasa:

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Jumlah perlu dibayar daripada Ekuinas Capital Sdn Bhd	-	-	233,333

Jumlah baki di atas adalah tidak dijamin, tanpa faedah, dan perlu dibayar apabila dituntut.

10 MODAL TERIKAT

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Modal terikat dan berkontrak	310,257,618	377,740,000	279,920,000
Modal terikat tetapi belum berkontrak	-	-	100,000,000
Modal digunakan	89,742,382	22,260,000	20,080,000
	400,000,000	400,000,000	400,000,000

Ini adalah komitmen modal yang diperuntukkan bagi Program Penyumberan Luar.

11 KEBENARAN BAGI PENERBITAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk diterbitkan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah.

APA ITU EKUITI PERSENDIRIAN?



Ekuiti persendirian (PE) ialah sejenis dana pelaburan di mana modal risiko daripada sumber-persendirian dikumpul untuk dilaburkan dan memperoleh pemilikan ekuiti di dalam syarikat sasaran. Objektif sebuah firma PE adalah mengumpul dan menguruskan dana untuk menjana pulangan yang menguntungkan buat para pelabur dalam tempoh masa yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, matlamat PE adalah untuk merangsang nilai di dalam syarikat-syarikat penerima pelaburan dan seterusnya menjual syarikat-syarikat tersebut untuk meraih keuntungan.

Pendekatan melalui penubuhan firma ekuiti persendirian yang dipacu oleh Kerajaan dengan tujuan untuk mencapai matlamat nasional telah dilaksanakan pada masa lampau dan ianya telah terbukti berjaya. Salah satu daripada firma PE terkemuka di dunia, 3i plc, merupakan firma ekuiti persendirian yang dipacu Kerajaan, yang diperkenalkan oleh Kerajaan British pasca Perang Dunia ke-2 dengan tujuan untuk meningkatkan pelaburan domestiknya. Syarikat ini kini telah diswastakan dan terus mencipta nilai dalam portfolio pelaburannya yang kini juga merangkumi syarikat-syarikat global. Negara-negara lain juga telah menggunakan model ekuiti persendirian yang serupa, terutamanya sebagai jalan penyelesaian bagi isu kekurangan modal perniagaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi atau untuk menjadi pemangkin dalam menggalakkan pelaburan oleh sektor swasta.

Syarikat khusus seperti ini membolehkan penciptaan lebih banyak syarikat berdaya tahan yang boleh memberi impak positif kepada masyarakat dengan cara yang lebih mapan. Ekuinas berhasrat untuk memberikan impak yang sama di Malaysia dalam usaha mencapai agenda kebangsaan.

GLOSARI TERMA LAZIM DALAM EKUITI PERSENDIRIAN

Pelaburan Buy-out (Juga dikenali sebagai MBO-LBO-MBI-BIMBO)

Pelaburan *buy-out* membolehkan pengurusan operasi sedia ada dan pelabur untuk memperoleh atau membeli pegangan saham ketara dalam syarikat yang diuruskan. Syarikat ekuiti persendirian biasanya mendapatkan kepentingan majoriti dalam ekuiti syarikat yang disasarkan apabila *buy-out* berlaku.

Strategi “Beli dan Bina”

Strategi yang menyokong pertumbuhan organik portfolio syarikat melalui perolehan tambahan.

Pelaburan bersama

Pelaburan bersama ialah pelaburan minoriti yang dibuat bersama-sama pelabur ekuiti persendirian yang lain. Ianya pasif dan merupakan satu pelaburan tiada kepentingan kerana syarikat ekuiti persendirian yang terlibat biasanya menjalankan fungsi kawalan dan pemantauan.

Komitmen

Jumlah modal tertentu yang dijanjikan untuk dana ekuiti persendirian. Jumlah komitmen kepada dana ekuiti persendirian adalah bersamaan dengan jumlah saiz dana.

Pelaburan komited

Amaun modal yang telah dikhususkan untuk pelaburan dalam portfolio syarikat.

Penggunaan pinjaman

Perbuatan memindahkan modal yang telah dikhususkan kepada dana untuk membuat pelaburan.

Pasaran baru muncul

Dana yang melabur dalam ekuiti atau hutang pasaran baru muncul yang selalunya mempunyai pertumbuhan yang tinggi dan mudah berubah.

Dana kepada Kumpulan Wang

Instrumen kewangan yang melabur dalam beberapa perkongsian ekuiti persendirian. Program Penyumberan Luar Ekuinas adalah Dana kepada Kumpulan Wang dimana Ekuinas mengumpulkan modal dengan pengurus dana ekuiti persendirian pihak ketiga yang telah dilantik untuk melabur bagi pihaknya.

Rakan Am (General Partner)

Rakan Am bertanggungjawab menguruskan portfolio dan keuntungan dana ekuiti persendirian.

Modal Pertumbuhan

Modal pertumbuhan merujuk kepada dana yang digunakan untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat atau digunakan untuk mengembangkan perniagaan.

Rakan terhad (Limited Partner)

Institusi atau pelabur individu/sofistikated yang menyumbang modal kepada dana ekuiti persendirian. Dalam kes Ekuinas, Rakan Terhadnya ialah Yayasan Ekuiti Nasional/Kerajaan Malaysia.

Fi pengurusan

Fi pengurusan ketika tempoh pelaburan adalah dikira sebagai peratusan fi yang dikenakan ke atas komitmen yang dibuat oleh rakan terhad kepada dana. Penentu utama beban kerja Rakan Am adalah mencari potensi pelaburan dan ini dipacu oleh saiz jumlah komitmen kepada dana dan bukan amaun sebenar yang dilaburkan pada tahap tertentu dalam jangkahayat dana.

Kadar Pulangan Dalaman Bersih (IRR)

Kadar Pulangan Dalaman Bersih diterima oleh Rakan Terhad selepas ditolak fi dan *carry*. Kadar pulangan dalaman adalah berdasarkan aliran tunai direalisasikan dan penilaian faedah berbaki dalam perkongsian. IRR adalah angka jangkakan, kerana ia bergantung bukan sahaja kepada aliran tunai tetapi juga penilaian aset yang tidak direalisasi.

Syarikat Portfolio/Syarikat penerima pelaburan

Syarikat Portfolio atau syarikat penerima pelaburan ialah syarikat atau entiti di mana dana ekuiti persendirian melabur. Kesemua syarikat ini disokong oleh syarikat ekuiti persendirian dan diletakkan di bawah portfolio pelaburan.

Perkongsian awam-swasta

Persetujuan/perjanjian kontraktual di antara badan-badan awam, pihak berkuasa tempatan atau kerajaan pusat dan syarikat-syarikat swasta untuk menghasilkan projek umum, sosial atau infrastruktur ekonomi.

Sektor tumpuan

Dana yang dilaburkan khusus dalam perniagaan yang beroperasi dalam industri atau sektor tertentu dalam ekonomi.

Modal Teroka

Modal teroka adalah sejenis pelaburan ekuiti persendirian yang memberi modal kepada perniagaan baru dan sedang berkembang. Dana teroka ini melabur dalam syarikat-syarikat permulaan dan perniagaan kecil yang mempunyai potensi untuk berkembang dalam jangkamasa panjang.

Berdasarkan definisi di www.preqin.com dan kegunaan dalaman yang diterimapakai di Ekuinas.

DIREKTORI KUMPULAN

Alliance Cosmetics Sdn Bhd

No. 35, Jln Pelukis U1/46
Temasya Industrial Park
40150 Shah Alam, Selangor
T : 03-5569 4588
F : 03-5569 4366

Asia Pacific Smart Schools

No. 1, Persiaran A
Off Jalan Lapangan Terbang Subang
47200 Subang
T : 03-7847 1000
F : 03-7847 1001

Asia Pacific University of Technology & Innovation

Technology Park Malaysia, Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur
T : 03-8996 1000
F : 03-8996 1001

Burger King Singapore Pte Ltd

Aras 3, No. 2 Ang Mo Kio Street 64
Econ Building #03-05
Singapore 569084
T : +65-6853 4744
F : +65-6853 4644

Cosmopoint Sdn Bhd

Aras 10, Wisma Havela Tharkadas
No. 1, Jalan Tiong Nam
Off Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
T : 03-2694 9455
F : 03-2694 9477/03-2691 4079

Icon Offshore Berhad

E-12A-01 & E-12A-02
Aras 12A, Menara Timur, The Icon
No. 1 Jalan 1/68F
Jalan Tun Razak
55000 Kuala Lumpur
T : 03-2165 1088
F : 03-2165 1085/03-2165 1086

INTEGRATED FOOD GROUP SDN BHD:

Cosmo Restaurants Sdn Bhd/

Revenue Valley Sdn Bhd/

San Francisco Coffee Sdn Bhd

Unit 3.01, Wisma Academy
No. 4A, Jalan 19/1
46300 Petaling Jaya
T : 03-7957 1118
F : 03-7957 0118/03-7957 9118

Konsortium Logistik Berhad

Lot 22202, Jalan Gambus 33/4
Off Jalan Bukit Kemuning, Bt. 8.5
40350 Shah Alam, Selangor
T : 03-5121 9988
F : 03-5122 9898

Kuala Lumpur Metropolitan University College

Wisma Sachdev
16-2, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
T : 03-2694 2300
F : 03-2691 0400

UNITAR International University

Blok C, Leisure Commerce Square
No. 9, Jalan PJS 8/9
46150 Petaling Jaya, Selangor
T : 03-7627 7200
F : 03-7627 7447

SENARAI SEMAKAN SERAHAN CADANGAN PERNIAGAAN

Ekuinas mengalu-alukan cadangan daripada semua syarikat-syarikat Malaysia yang telah beroperasi antara satu hingga tiga tahun dan kini merancang untuk melangkah ke fasa perkembangan yang selanjutnya. Senarai semak segera di bawah akan membantu anda menilai sama ada syarikat anda bersesuaian dengan kriteria pelaburan Ekuinas.

	YA	TIDAK
▶ Adakah syarikat anda menjalankan aktiviti perniagaan selain daripada perjudian, arak, aktiviti yang menyalahi undang-undang, aktiviti yang tidak beretika, hartanah, pembinaan atau jual beli dana/komoditi lindung nilai?	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
▶ Adakah syarikat anda sudah mantap dan mempunyai rekod prestasi sekurang-kurangnya 1 – 3 tahun?	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
▶ Adakah syarikat anda mempunyai potensi pertumbuhan yang ketara?	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
▶ Adakah syarikat anda memerlukan pelaburan Ekuinas sebanyak >RM30 juta?	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
▶ Adakah anda bersedia untuk mempunyai rakan niaga yang terlibat secara aktif di dalam syarikat anda?	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

SENARAI SEMAK MAKLUMAT

Untuk menyerahkan cadangan perniagaan anda kepada Ekuinas, pastikan anda mempunyai semua maklumat penting di bawah untuk dihantar ke pejabat kami:

Profil perniagaan: <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Aktiviti utama syarikat <input type="checkbox"/> Senarai Pemegang Saham <input type="checkbox"/> Ahli Lembaga Pengarah dan profil mereka <input type="checkbox"/> Ahli Pengurusan Kanan dan profil mereka <input type="checkbox"/> Huraian produk dan perkhidmatan 	Maklumat Kewangan: <p>Ringkasan keputusan kewangan Syarikat bagi 3 tahun yang lalu dan unjuran kewangan 3 tahun akan datang termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Hasil/Keuntungan Kasar <input type="checkbox"/> EBITDA/EBIT <input type="checkbox"/> PBT/PAT <input type="checkbox"/> Jumlah aset <input type="checkbox"/> Dana pemegang saham <input type="checkbox"/> Hutang
Butir-butir cadangan: <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Pelupusan pelaburan penuh atau separa, suntikan ekuiti baru <input type="checkbox"/> Kepentingan sedia ada/saiz urusaniaga/jumlah diperlukan <input type="checkbox"/> Jika ekuiti baru, penggunaan perolehan yang dicadangkan 	Tinjauan Industri/Sektor: <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Saiz <input type="checkbox"/> Kadar pertumbuhan <input type="checkbox"/> Ciri-ciri industri <input type="checkbox"/> Syarikat-syarikat lain dalam industri

Sila serahkan cadangan perniagaan anda kepada:

Bahagian Pelaburan

Ekuiti Nasional Berhad

Aras 13, Surian Tower

No. 1 Jalan PJU 7/3

Mutiara Damansara

47810 Petaling Jaya, Selangor

Tel : 03-7710 7171

Faks : 03-7710 7173

E-mel : info@ekuinas.com.my

Laman sesawang: www.ekuinas.com.my